

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 40**

**Isnin**

**18 November 2013**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2014

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

B.1 hingga B.9 dan B.40 (Halaman 27)  
B.10, B.11 dan B.12 (Halaman 172)  
B.13 (Halaman 201)

**USUL-USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2014

**Jawatankuasa:-**

P.6 dan P.7 (Halaman 27)  
P.10 dan P.70 (Halaman 172)  
P.13 (Halaman 201)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 27)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 18 November 2013**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) pendekatan kementerian bagi menjayakan sasaran pembinaan rumah untuk rakyat; dan
- (b) bagaimana kedudukan sekarang dan apakah masalah yang dihadapi sekarang.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya maklumkan semasa sesi penggulungan Bajet 2014 peringkat dasar tempoh hari, kerajaan sememangnya komited dalam menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat.

Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan telah memperkenalkan strategi dan pelan tindakan secara *package*, dengan izin seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2014 tempoh hari. Bagi tahun 2014 ini, kerajaan telah menetapkan sasaran rumah untuk dibina iaitu sebanyak 223,000 unit rumah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Jumlah (Unit)</b>
1	Program Perumahan Rakyat (PPR)	33,378
2	PR1MA	80,000
3	SPNB	26,122
4	Swasta	83,500
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>223,000</b>

Usaha kerajaan ini dilaksanakan adalah untuk menawarkan lebih banyak rumah yang mampu dimiliki oleh rakyat melalui kaedah serampang dua mata iaitu pertamanya Program MyHome. Program ini adalah usaha dua hala antara kerajaan dan swasta untuk memastikan setiap kawasan perbandaran baru yang diwujudkan turut disediakan rumah kos rendah dan sederhana yang mencukupi dengan kemudahan infrastruktur yang boleh dirasai oleh semua golongan rakyat.

Sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan adalah sebanyak 10,000 unit rumah di mana di setiap kawasan pemajuan sekurang-kurangnya 20% rumah yang disediakan adalah rumah kos rendah dan 20% lagi adalah kos sederhana. Insentif ini ditujukan kepada pembeli isi rumah yang pertama.

Keduanya ialah Projek Perumahan Awam Kerajaan melalui program-program perumahan iaitu PR1MA. Melalui PR1MA, SPNB dan juga kementerian saya iaitu Jabatan Perumahan Negara. Walaupun begitu, akan terdapat isu-isu yang mungkin timbul dalam proses pelaksanaan kelak. Antara kemungkinannya ialah:

- (i) mengenal pasti tapak yang bersesuaian dari segi lokasi;
- (ii) akses kepada kemudahan asas dan juga infrastruktur setempat;
- (iii) proses pemilikan tapak daripada kerajaan negeri mahupun individu;
- (iv) mungkin juga akan terdapat kontraktor yang dilantik tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- (v) masalah semasa proses pengisian dilaksanakan apabila projek siap kelak.

Sehubungan dengannya, dalam memantau dan memastikan kelancaran pelaksanaan program ini maka kerajaan telah mengumumkan penubuhan Majlis Perumahan Negara untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah dengan lebih cekap dan cepat.

Majlis ini bertanggungjawab untuk memantau pasaran hartanah dan menambah peluang rakyat memiliki rumah. Keanggotaan majlis ini terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, Jabatan Perumahan Negara, PR1MA, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan juga sektor swasta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu baik yang dikemukakan sebentar tadi. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan melalui isu perumahan ini pelbagai perkara dilaksanakan termasuklah mewujudkan Majlis Perumahan Negara. Cuma isu penting yang berada di hadapan kita yang menjadi perbincangan masyarakat juga ialah berkaitan dengan harga rumah. Ini tentu mesti diberikan perhatian utama oleh kerajaan dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan melalui pengumuman bajet tempoh hari, kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk menstabilkan harga rumah seperti RPGT, melarang pelaksanaan DIBS dan menetapkan harga minimum untuk pemilikan warga asing termasuklah pelaksanaan MyHome.

Persoalan saya melalui MyHome ini kerajaan peruntukkan RM30,000 dan ini saya difahamkan berbentuk subsidi. Soalnya kepada siapa RM30,000 ini diperuntukkan? Kepada pemaju atau kepada pembeli? Saya minta penjelasan terperinci daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan Tuan Yang di-Pertua. Program MyHome ini adalah program baru yang telah diperkenalkan dalam Bajet 2014 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk makluman, latar-belakang Program MyHome ini adalah pertamanya kita akan memberi subsidi sebanyak RM30,000 untuk 10,000 unit tahun hadapan di mana projek-projek perumahan yang layak yang menawarkan sekurang-kurangnya 20% rumah kos rendah yang berharga lebih kurang RM75,000 sebuah dan kalau diberikan subsidi RM30,000 bermakna harga itu adalah RM45,000 dan juga 20% rumah mampu milik yang berharga sekitar RM200,000 dan kalau diberikan subsidi tinggal lagi harga itu RM170,000 dan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 dan mestilah pembelian rumah yang pertama.

■ 1010

Soalan Yang Berhormat Lenggong tadi adalah soalan yang baik dan kita akan perincikan dalam satu mesyuarat yang telah kita panggil pada 21 hari bulan ini iaitu pada hari Khamis di mana kita akan memanggil semua setiausaha kerajaan negeri, pejabat-pejabat tanah dan galian, kemudian wakil daripada persatuan pemaju perumahan (REHDA), wakil-wakil daripada bank, Kementerian Kewangan, EPU, PR1MA dan Bank Negara seterusnya dan kita akan memikirkan mekanisme yang terbaik.

Saya faham apa Yang Berhormat katakan tadi. Sudah tentu ada dua mekanisme sama ada diberikan RM30,000 ini kepada pemaju supaya mereka boleh mengurangkan kos mereka ataupun kita memberikan kepada pembeli apabila mereka membeli rumah yang berharga seperti mana yang saya katakan tadi RM75,000 untuk kos rendah dan juga RM200,000 untuk rumah mampu milik. Maka subsidi itu diberikan kepada pembeli tersebut. Ini satu persoalan yang menarik Yang Berhormat dan kita akan dapat rungaikan dalam mesyuarat 21 hari bulan ini nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman yang memilih Kuala Langat untuk soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, telah diberi maklum tadi sebanyak 223,000 sasaran utama untuk disiapkan rumah mampu milik yang telah pun dikatakan 20% berjumlah hampir 10,000 unit rumah yang akan didirikan dengan kos harga sekitar RM45,000. Ditolak RM30,000 subsidi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri berjumlah RM75,000 iaitu RM45,000.

Soalan saya ialah mampu milik. Soalan saya ialah gaji minimum RM900 yang telah pun diwartakan menjadi satu prawajib kepada pekerja bawahan. Campur dengan suami isteri RM1,800. Kemampuan Yang Berhormat Menteri cakap tadi tidak lebih RM3,000. Persoalan saya ialah, ini soalan mega saya ialah apakah kementerian berkesudian untuk melihat mereka yang tidak berkemampuan pendapatan sekitar RM1,800 ini diberi peluang juga menikmati dan mendapatkan rumah seperti mana Yang Berhormat Menteri cakap tadi 20% daripada sasaran

223,000 unit rumah ini. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri yang budiman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat yang hendak *upgrade* kedudukan saya menjadi Yang Amat Berhormat. Sebenarnya walaupun Yang Berhormat Kuala Langat merasakan begitu prihatin terhadap keluarga isi rumah yang berpendapatan rendah, Kerajaan Barisan Nasional lebih prihatin Yang Berhormat.

Kalau Yang Berhormat dengar betul-betul apa yang saya katakan tadi jumlah pendapatan isi rumah itu adalah maksimum RM3,000. Jadi mereka yang berpendapatan RM1,800 seperti Yang Berhormat katakan, layak untuk PPR contohnya. PPR tidak boleh melebihi daripada RM2,000 pendapatan isi rumah. Jadi inilah yang kita buat Kerajaan Barisan Nasional memahami kehendak rakyat. Sebab itu kita tidak mahu mereka yang berpendapatan lebih daripada RM2,000 contohnya untuk memiliki dan juga menyewa rumah PPR. Mereka yang berpendapatan rendah maksimum RM2,000.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu masing-masing. Masing-masing dengan caranya kalau mereka mempunyai caranya tapi kalau dilihat dari segi *track record* PPR Yang Berhormat, PPR kita penuh. Habis, sama ada disewa ataupun dibeli. Pada mereka yang tidak mampu untuk membeli sebab itu kita ada kategori untuk disewa Yang Berhormat. Sebab itu Kerajaan Barisan Nasional yakin tetap bersama-sama dengan rakyat dalam isu perumahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah penjawat awam setakat Oktober 2013 mengikut bangsa, jantina, mahasiswa dan bukan mahasiswa. Berapakah daripada bilangan itu perlu ditambah setiap tahun untuk 5 tahun yang akan datang dan alasannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah penjawat awam tidak termasuk polis dan tentera sehingga Oktober 2013 adalah berjumlah 1,132,450 orang. Daripada jumlah tersebut jumlah penjawat awam mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Kaum	Peratus
Melayu	77.4
Cina	6.2
India	4.1
Bumiputera Sabah	6.6
Bumiputera Sarawak	4.3
Lain-lain	1.4

Jumlah penjawat awam mengikut jantina adalah seperti berikut:-

Jantina	Peratus	Bilangan
Lelaki	45.5	514,798
Perempuan	54.5	617,652

Jumlah penjawat awam mengikut tahap pendidikan adalah seperti berikut:-

Kelayakan masuk dengan sekurang-kurangnya Ijazah Dalam Sarjana Muda sebanyak 29.2% ataupun 330,579 orang bagi kumpulan pengurusan tertinggi dan kumpulan pengurusan dan profesional.

Kelayakan masuk tanpa ijazah seramai 70.8% ataupun 801,871 orang bagi kumpulan pelaksana. Inilah kumpulan besar yang ada kepada bumiputera ataupun orang Melayu.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada masa kini pertambahan perjawatan adalah bagi memenuhi keperluan negara khususnya tiga sektor iaitu:-

- i) Keselamatan;
- ii) Pendidikan;
- iii) Kesihatan.

Bagi sektor lain, pendekatan penugasan semula *redeploy* dengan izin dan tukar ganti, *trade off* digunakan bagi memenuhi keperluan fungsi dan juga beban tugas agensi. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar nisbah penjawat awam negara kita per kapita paling tinggi di dunia. Ini soalan pertama.

Kedua, perbelanjaan yang paling besar tiap-tiap tahun dalam bajet kita untuk emolumen penjawat awam adalah yang paling besar sebagai contoh bagi tahun depan sebanyak RM63 bilion. Soalan saya adakah ini sihat? *Is this healthy?* Dan juga memandangkan saiz penjawat awam yang begitu tinggi mengapa kerajaan masih membelanjakan RM7.2 bilion untuk syarikat perundingan bagi tahun 2010 sehingga 2013. Adakah kerajaan tiada keyakinan kepada penjawat awam untuk menjalankan tugas-tugas perundingan tersebut? Terima kasih

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama perkataan dunia ini saya sukar hendak gunakan kerana nanti disalah tafsir. Yang keduanya, kita lihat *bloggers* dan juga orang lain yang hanya melihat perkataan itu tanpa penjelasan mereka sering salah guna. Jadi oleh kerana Yang Berhormat yang menggunakan perkataan dunia Yang Berhormat cari sendirilah untuk perbandingan dengan dunia kecuali Yang Berhormat kena tanya saya secara rasmi, saya kena cari beberapa tempat untuk membolehkan ia menjadi jawapan dunia. Pada masa sekarang itulah kedudukan perkhidmatan awam kita berdasarkan jumlah penduduk dan ini adalah merupakan cukup baik kerana di samping membantu negara dalam masa yang sama kita juga memberi peluang pekerjaan.

Yang Berhormat kena ingat hasil daripada sokongan anggota kerajaan, Malaysia telah berada di tahap yang keenam sebagai negara yang paling mudah untuk orang berniaga. Yang Berhormat boleh bandingkan dengan negara-negara lain yang telah disenaraikan. Jadi kalau yang ini saya percaya sepatutnya pihak kawan-kawan sebelah sana DAP, PKR dan PAS terima hakikat bahawa ini kejayaan. Kejayaan kita puji sebab kadang-kadang ada juga kawan sana puji Penang, Selangor dan juga Kelantan. Sekarang puji pula Kerajaan Malaysia hasil sokongan pegawai-pegawai kerajaan maka kita berada di tahap yang keenam dalam dunia. Dalam masa yang sama orang-orang kaya di Malaysia ini boleh dikatakan hampir semua melalui proses bersama dengan

kerajaan. Bersama dengan kerajaan bererti sokongan daripada pegawai-pegawai kerajaan termasuklah Lim Goh Tong, Ananda Krishna dan sebagainya.

Kemudian yang nombor dua sama ada bayaran rundingan RM7.2 bilion. Ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan akan menjawab. Tetapi pada asasnya jumlah itu diambil kira berdasarkan kepada kontrak juga.

■1020

Dalam kontrak, ia ada bayaran rundingan. Jadi, bayaran rundingan dalam kontrak itu dimasuk juga senarai sebagai juru runding.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Kontrak ada lalui tender tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Segambut.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dalam tender ya, dalam tender. Jadi, ia masuk. Ia tidak patut di masuk dalam senarai *consultant* sebab itu harga tender. Yang ini akan diperjelaskan oleh Menteri Kewangan nanti.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, *handsome* pagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, soalan. [Ketawa]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Gabenor. Saya fikir soalan ini yang saya akan utarakan. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri memang tahulah. Memang tahu statistik-statistik dalam bentuk penyediaan kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, soalan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kepada syarikat-syarikat swasta. Ini saya rasa Yang Berhormat Bagan pun setuju dengan soalan ini. Industri-industri, pemain-pemain industri yang bukan bumiputera, saudagar-saudagar terutama sekali syarikat-syarikat lesen A kepunyaan yang terutama sekali bukan bumiputera. Berapa bumiputera yang diberi kerja dalam syarikat-syarikat ini? Ini Yang Berhormat Menteri mesti tahu sebab ini satu agenda kerajaan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memperkasakan ekonomi bumiputera. Ya, saya harap Yang Berhormat Bagan setuju dengan saya. Semua syarikat-syarikat kepunyaan yang bukan bumiputera, berapa orang bumiputera yang dibagi kerja?

Yang Berhormat Segambut saya rasa setuju, saya rasa Yang Berhormat Menteri yang menjaga Wilayah Persekutuan bersetuju dengan saya sebab banyak industri-industri yang ditempatkan di Shah Alam, di Putrajaya dan di kedai-kedai, kita mahu tengok juga pekerja-pekerja, berapa bumiputera yang kerja ini, ya. [Dewan riuh] Saya rasa Yang Berhormat Hulu Langat pun

bersetuju dengan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri perlu menjawab soalan saya, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga menunjukkan bahawa pihak di swasta ini juga main peranan untuk memperkasakan ekonomi bumiputera, ada Yang Berhormat Menteri di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cadangan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang cukup baik. *[Ketawa]* Saya akan bagi jawapan. Saya akan bagi jawapan secara bertulis tetapi pada asasnya kita lihat kedudukan pekerjaan di Malaysia ini, di sektor swasta bukan bumiputera pada dasarnya menguasai peluang pekerjaan di peringkat profesional, atasan dan juga di peringkat bawah. Kemudian di sektor kerajaan, terutamanya di sektor pelaksanaan, kita lihat orang-orang Melayu menguasainya. Jadi, ketidakseimbangan ini boleh dilihat balik bagaimana kita boleh mengisi lebih banyak bumiputera dalam sektor perniagaan dan mengisi pihak bukan bumiputera dalam sektor awam. Akan tetapi kita kena ingat dalam – saya beri contoh, sektor awam ini semasa permohonan kerja dibuat, kita dapati bukan Melayu kurang memohon.

Saya bagi contoh, permohonan daripada orang Melayu sebanyak 1.7 juta yang memohon pekerjaan. Yang datang temu duga ialah 98,883 orang dan yang dapat pekerjaan ialah 27,092 orang berbanding dengan orang-orang Cina yang memohon, maaf! Orang bumiputera. Orang Cina yang memohon ialah sebanyak 38,752 orang dan orang India lebih ramai iaitu 68,429 orang. Akan tetapi yang datang temu duga cuma - orang Cina 3,987 orang dan orang India 3,902 orang. Mereka kurang memohon di sektor kerajaan dan untuk sektor swasta *insya-Allah* kita akan cari angka-angka yang boleh kita dapatkan dan saya akan bagi jawapan bertulis. Terima kasih di atas soalan itu.

**3. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah status ASEAN *Open Sky Policy* sehingga hari ini; dan
- (b) apakah pro dan kontra polisi ini kepada syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia terutama MAS.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia, ASEAN *Open Sky Policy* dengan izin atau pun Polisi Langit Terbuka ASEAN adalah merupakan satu aturan yang membolehkan syarikat penerbangan negara-negara ASEAN untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tanpa had kapasiti, kekerapan atau pun jenis pesawat di antara mana-mana destinasi di negara-negara ASEAN. Melalui aturan ini, syarikat-syarikat penerbangan diberikan kebebasan untuk merancang dan menentukan jaringan penerbangan. Dalam hubungan ini, kesemua negara ASEAN telah bersetuju untuk melaksanakan Polisi Langit Terbuka secara berperingkat bermula pada tahun 2010 sehingga lah pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2015. Bagi melaksanakan polisi ini, negara-negara ASEAN telah menandatangani tiga Perjanjian Langit Terbuka dan protokol-protokol pelaksanaannya iaitu:



- (i) *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalization of Air Freight Services* dan Protokol 1 hingga 2 bagi perkhidmatan kargo udara yang ditandatangani pada 20 Mei 2009;
- (ii) *ASEAN Multilateral Agreement on Air Services* dan Protokol 1 hingga 6 bagi perkhidmatan penumpang yang ditandatangani pada 20 Mei 2009; dan
- (iii) *ASEAN Multilateral Agreement on Full Liberalization of Passenger Air Services*, Protokol 1 hingga 2 bagi perkhidmatan penumpang yang ditandatangani pada 12 November 2010.

Ketiga-tiga perjanjian dan protokol pelaksanaan ini hanya boleh dikuatkuasakan di kalangan negara-negara anggota yang telah menandatangani dan meratifikasikannya. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menandatangani *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalization of Air Freight Services* dan *ASEAN Multilateral Agreement on Air Services* serta kesemua protokol pelaksanaan pada 15 Disember 2009. Kedua-dua perjanjian dan ke semua protokol pelaksanaan telah diratifikasikan pada 20 Januari 2010. *ASEAN Multilateral Agreement on Full Liberalization of Passenger Air Services*, dan kesemua protokol pelaksanaan pula telah ditandatangani pada 12 November 2010 dan diratifikasikan pada 24 Mei 2011.

Sehingga kini kesemua negara ASEAN kecuali Indonesia dan Filipina telah menandatangani dan meratifikasikan ketiga-tiga perjanjian dan ke semua protokol pelaksanaan. Di antara pro atau pun kelebihan pelaksanaan *ASEAN Open Sky Policy* kepada syarikat-syarikat penerbangan negara terutamanya MAS adalah seperti berikut:

- (i) perwujudan hak trafik yang liberal akan memberikan fleksibiliti kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia untuk merancang serta meluaskan jaringan penerbangan mereka ke negara-negara ASEAN terutamanya negara-negara yang mana hak trafik di peringkat dua hala adalah terhad;
- (ii) membolehkan syarikat penerbangan meningkatkan kekerapan penerbangan dan menyediakan perkhidmatan bagi laluan yang baru; dan
- (iii) membolehkan syarikat penerbangan menentukan harga tambang mengikut pasaran semasa tanpa perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa penerbangan.

Di antara kontra pelaksanaan *ASEAN Open Sky Policy* ini kepada syarikat penerbangan negara terutamanya MAS adalah seperti berikut:

- (i) lambakan kapasiti penerbangan melebihi permintaan akan menjejaskan prestasi kewangan syarikat penerbangan negara;
- (ii) persaingan dalam menetapkan harga tambang yang kompetitif akan mengurangkan *yield* atau pun keuntungan syarikat penerbangan; dan
- (iii) perwujudan persaingan sengit antara syarikat-syarikat penerbangan ASEAN yang mana syarikat-syarikat penerbangan yang mempunyai

prestasi yang kukuh, mampu menguasai pasaran. Manakala syarikat-syarikat penerbangan yang kecil akan merasai impak persaingan yang boleh menyebabkan syarikat-syarikat penerbangan tersebut mengalami kemerosotan prestasi.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa syarikat penerbangan Malaysia terutamanya MAS akan mengalami kerugian kerana masih belum bersedia apabila ASEAN *Open Sky Policy* ini dilaksanakan kelak.

■1030

Dan kita tahu dasar langit terbuka ini membolehkan syarikat penerbangan negara yang terbabit dalam perjanjian ini bebas untuk melakukan penerbangan intra domestik. Sebagai contoh Garuda Air boleh mewujudkan *route* Jakarta–Kuala Lumpur dan ke Kuching. Semua sedia maklum syarikat penerbangan tambang murah Malaysia iaitu AirAsia mendominasi pasaran penerbangan domestik dan penerbangan jarak dekat dalam negara-negara ASEAN sehingga boleh menjejaskan syarikat penerbangan kita.

Soalan saya, apakah inisiatif pihak kerajaan bagi memastikan setiap syarikat penerbangan terutamanya MAS bersedia menghadapi polisi ini apabila ia dilaksanakan? Dan mampu kah syarikat penerbangan kita ini terus berdaya saing apabila *Open Sky Policy* ini dilaksanakan, memandangkan syarikat-syarikat swasta seperti AirAsia sudah semestinya akan mengambil peluang secara besar-besaran apabila polisi ini dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Dalam konteks ini, pihak MAS juga telah bersedia untuk menghadapi suasana *Open Sky Policy*. Maka sebab itu pihak MAS baru-baru ini pun telah membeli 47 buah pesawat baru untuk menampung operasi bagi mengambil peluang *Open Sky Policy* ini. Sebanyak 47 buah pesawat baru ini yang terdiri daripada jenis Boeing 737/800 yang boleh terbang dalam tempoh jangka waktu enam jam. Maksudnya ia di sekeliling ASEAN ini. Ini membolehkan MAS juga boleh mengambil peluang dengan *Open Sky Policy* dan seterusnya destinasi untuk ASEAN ini, pihak MAS juga akan menambahkan kekerapan untuk mengambil peluang yang besar dalam *Open Sky Policy* ini. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak ambil pengalaman daripada *United State* – daripada Amerika di mana apabila mereka mengadakan *Open Sky Policy* pada *liberalization and this sector*, ia telah memberi *deregulation* dan juga *open the market*. Akan tetapi apabila mereka *open market* dan *liberalize*, syarikat-syarikat penerbangan yang asal umpamanya *American Airlines* dan juga *United Airlines* yang merupakan satu kebanggaan Amerika Syarikat telah mengalami *bankruptcy*. Telah terpaksa bankrap dan *declare* bankrap, *chapter 11*.

Syarikat-syarikat penerbangan seperti *South–West* yang merupakan syarikat yang lebih kompetitif berjaya *continue service* dan menjadi lebih baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, pendekkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi soalan ialah apabila kalau keadaan berlaku di Malaysia dan MAS terpaksa – yang sekarang telah mengalami banyak kerugian, adakah kerajaan sanggup biar dia bankrap, *declare* bankrap dan mengubah semula – *restructure* dan di *privatize*? Adakah kerajaan ingin ia berlaku atau akan *build up* MAS seperti sekarang yang mengalami masalah. Apakah perancangan kerajaan untuk MAS sekarang? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, jawab satu sahaja.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Seperti saya maklumkan tadi, pihak MAS telah pun membuat persiapan untuk menghadapi *Open Sky Policy*. Maka dalam konteks ini, pihak MAS dalam menangani masalah penguasaan pasaran, pihak MAS telah mewujudkan satu *strategic alliance* yang mana pihak MAS telah membuat satu persefahaman dalam *coach sharing* dengan beberapa syarikat penerbangan yang lain iaitu *Singapore Airlines, Sealed Air, Royal Brunei, Thai International* dan *Philippine Airlines*.

Dalam usaha ini, pihak MAS juga sedang berunding untuk bersama-sama dengan Garuda dan *Myanmar Airlines* dalam *coach sharing* ini yang akan memberi keuntungan kepada MAS dalam jangka panjang untuk menghadapi dan menangani persaingan dalam *Open Sky Policy* ini.

4. **Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sehingga setakat ini berapa buah kampus cawangan UiTM telah dibangunkan menerusi sistem PFI; dan
- (b) syarikat manakah yang telah dikurniakan projek tersebut dan bagaimana pembayaran semula kepada modal syarikat dibuat dan berapa jumlahnya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Sebelum saya pergi kepada jawapan, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam kerana telah terpilih menjadi Timbalan Presiden Parti MIC tanpa bertanding. [Tepuk] 86 orang Ahli MIC bertanding jawatankuasa tertinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak ada dalam soalan. [Ketawa]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. Mukadimah, mukadimah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Silakan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Soalan nombor empat, saya calon nombor empat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Batu Pahat, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sepuluh buah kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah dibina dan sedang dibangunkan melalui kaedah insentif

pembiayaan swasta ataupun dengan izin *Private Funding Initiative* (PFI). Kampus-kampus cawangan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Kota Samarahan;
- (ii) Pasir Gudang;
- (iii) Tapah;
- (iv) Seremban 3;
- (v) Jasin;
- (vi) Puncak Alam;
- (vii) Mukah;
- (viii) Kompleks Alam Bina dan Seni Reka UiTM Puncak Alam;
- (ix) Rembau; dan
- (x) Raub.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat konsesi yang telah diluluskan projek adalah sebanyak sepuluh buah syarikat iaitu seperti berikut:

- (i) Reka Jaya Projek Sdn. Bhd.;
- (ii) Damai Abadi Johor Sdn. Bhd.;
- (iii) Uni Tapah Sdn. Bhd.;
- (iv) Inovatif Mewah Sdn. Bhd.;
- (v) YBK Usahasama Sdn. Bhd.;
- (vi) Trip LC Ventures Sdn. Bhd.;
- (vii) KP Mukah Development Sdn. Bhd.;
- (viii) Rumpun Positif Sdn. Bhd.;
- (ix) Agro Village Sdn. Bhd.; dan
- (x) Utusan Intelek Sdn. Bhd.

Pembayaran kepada modal syarikat yang dikeluarkan untuk membangunkan kampus tersebut akan dibayar melalui *availably charges* dengan izin, yang akan dibayar setiap bulan sehingga tamat tempoh konsesi selama 20 tahun. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya fikir dia mengucapkan tahniah kepada saya sebab soalan pertama naik, tetapi rupanya dia tahniah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bagaimana barangkali pihak kerajaan dan Yang Berhormat Menteri hendak memastikan supaya ranking UiTM ini boleh meningkat daripada tempat yang sekarang ini 701 daripada 800 buah menerusi projek PFI ini. Ini penting supaya PFI tidak hanya dilihat menguntungkan pihak swasta dan PFI ini tidak juga dilihat sebagai tidak percaya kepada penjawat awam atau *public sector* yang mampu melaksanakan projek ini. Ini supaya ia dapat dilihat sebagai menguntungkan pembayar cukai, pelajar-pelajar UiTM yang belajar dekat situ. Jadi bagaimana langkah kerajaan khususnya kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri untuk memastikan hal ini berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Baiklah. Bila hendak ucap tahniah, masuk Barisan Nasional nanti saya ucap tahniahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, jawapannya begini. Ranking universiti bagi kita di Kementerian Pendidikan dalam sektor pengajian tinggi itu akan sentiasa kita beri keutamaan. Bukan sahaja UiTM.

■1040

Kita sedar bahawa UiTM mempunyai semua kewibawaan malah di Dewan yang mulia ini ramai bekas pelajar telah UiTM menjadi pemimpin dan kita akur bahawa kebolehan dan kewibawaan mereka. Kita akan terus memastikan ranking bukan sahaja UiTM malah semua universiti di Malaysia ini, IPTA akan kita usahakan. Contoh kita sudah wujudkan Universiti APEX...

**Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mencelah...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Saya menjawab ini Yang Berhormat, sabar, sabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini tak boleh, tak boleh mencelah.

**Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]:** Tak apalah, saya jumpa di luar Dewan sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini soalan jawab lisan, perbincangan nanti boleh mencelah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sabar, sabar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun terkejut. Tiba-tiba kali pertama naik soalan ini. So saya balik kepada jawapan. So, saya balik kepada jawapan. Kita atas ranking universiti ini kita akan memastikan segala apa yang harus kita lakukan, pelan strategik pengajian tinggi negara ini pun memberi pengkhususan kepada kita. Contoh melalui APEX Universiti USM telah melonjakkan beberapa perkara yang penting, meninggikan perkhidmatan mereka, taraf mereka naik, RU universiti di negara kita pun cukup baik, universiti-universiti lain semua baik. Itu akan kita laksanakan untuk atas aspek kepercayaan, tak ada kena mengena langsung.

PFI dengan kepercayaan teras kakitangan awam, dua landasan yang berbeza, tak ada kena mengena. Ini kerana komitmen kerajaan untuk membina 10 kampus cawangan untuk kerajaan untuk buat sekali dalam tahun- contoh 10 kampus ini akan kita selesaikan dalam masa mungkin 2016, tiga tahun daripada sekarang tapi untuk kerajaan mengambil inisiatif untuk membina dengan dana tersendiri untuk 10 kampus ini mungkin tak boleh kerana kita juga harus faham kita ada bukan sahaja universiti, kita ada politeknik, kita ada kolej komuniti, 10,094 sekolah. Semua ini perlukan pembangunan dan komitmen kerajaan. Maka kita menggunakan kaedah PFI ini untuk melaksanakan keperluan ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebelum saya jemput Yang Berhormat Kuala Selangor, kita mengalu-alukan tetamu kita. Sila duduk Yang Berhormat Kuala Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi daripada *Standing Committee on Foreign Affairs, Defence and Security of the Parliament of The Namibia [Tepuk]* yang diketuai oleh *Honourable Billy William Mwaningange* dan anggota seramai empat orang kepada Yang Berhormat *Billy William Mwaningange* dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]* Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan usaha pemerkasaan ekonomi bumiputera ini yang mana pihak kerajaan telah bersetuju untuk menambah pengambilan pelajar UiTM kepada 250,000. Soalan saya, bagi memastikan keutuhan dan falsafah UiTM ini tetap terus terbela terutama sekali dalam *[Akta 174]* dan Perlembagaan Negara, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan dalam usaha untuk menaik taraf UiTM kepada universiti diraja memandangkan cancelornya adalah Yang di-Pertuan Agong dan faktor-faktor yang lain dan yang kedua, saya mohon agar pembinaan Hospital Perubatan UiTM Puncak Alam Kuala Selangor dapat disegerakan memandangkan kepadatan penduduk yang semakin bertambah dalam Parlimen Kuala Selangor. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor atas soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas status diraja ini memang satu proses, memang satu tindakan yang akan kita lihat dan akan cuba kita segerakan. Dalam aspek penambahan murid ini, apabila siap 10 projek yang kita telah laksanakan dalam masa tiga tahun hingga 2016 ini kita jangka akan dapat meningkat lebih kurang dalam 50,000 orang pelajar dalam 10 kampus ini di seluruh negara. Ini memang seperti mana yang telah dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Ini sehaluan dengan pendapat beliau dan cadangan beliau atas menyegerakan kampus di UiTM yang dicadangkan untuk dibina itu. Ya, Puncak Alam ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hospital.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Hospital itu, memang kita akan selarilah dengan pembinaan UiTM ini, kita juga akan mengambil pendapat dan cadangan Yang Berhormat dan kita akan segerakan proses ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perancangan kementerian dalam membangunkan industri terutamanya menggalakkan pertumbuhan IKS di daerah-daerah mundur seperti Sik.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sik. Kerajaan BN sentiasa menyedari kepentingan pembangunan luar bandar terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang eksklusif dan seimbang seperti yang disarankan dalam model baru ekonomi. Jadi dalam hal ini, penekanan dan tumpuan turut diberikan terhadap usaha pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang terangkum dalam IKS yang beroperasi di kawasan luar bandar termasuk di daerah-daerah yang kurang maju seperti Daerah Sik, Kedah. Pelbagai program telah pun dirancang dan dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan PKS di kawasan luar bandar dan juga di daerah-daerah yang kurang maju seperti kalau di peringkat MITI, kita ada program *showcase 1Daerah 1Industri, product and quality enhancement program* ataupun *Groom Big, entrepreneurship courses* dan seminar.

Selain daripada di SME Corp sendiri, ada bumiputera *enterprise enhancement program* ataupun BEEP. Begitu juga SME *Emergency Fund* untuk kes-kes PKS yang terjejas disebabkan bencana alam selain daripada *Business Accelerator Program* ataupun BAP. Begitu juga *Enrichment Enhancement Program* ataupun **ESquare**. Selain MPC ataupun *Malaysian Productivity Corporation* menyediakan program pembangunan kapasiti. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, program-program terus dirancang dan dilaksanakan dengan, saya nak tekankan di sini tentang kawasan-kawasan yang kurang maju ini, penubuhan pejabat-pejabat cawangan negeri oleh pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara termasuk SME Corp. Malaysia yang mempunyai pejabat cawangan di negeri Kedah telah memudahkan dan mempercepatkan penyaluran maklumat mengenai pelbagai jenis bantuan dan khidmat nasihat yang disediakan kerajaan untuk kebaikan PKS.

Menyedari kepentingan dan sumbangan PKS kepada ekonomi negara, kerajaan akan sentiasa meneruskan usaha membangunkan PKS termasuk di kawasan luar bandar khususnya di daerah-daerah yang kurang maju. Justeru MITI, ha ini penting. MITI mengalu-alukan supaya pihak kerajaan negeri, PBT ataupun pihak berkuasa tempatan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat dan mengenal pasti potensi kawasan masing-masing dalam merancang dan membangunkan IKS di kawasan tersebut dan kita pun sudah ada koridor pembangunan ekonomi bagi wilayah-wilayah seperti utara, timur termasuk Sabah dan Sarawak selain daripada IRDA, inilah sebenarnya kawasan-kawasan yang sudah pun dirancang untuk diisi dengan semua aktiviti PKS dalam IKS. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Yang Berhormat Menteri, anak-anak muda di luar sana banyak yang bercita-cita tinggi, mempunyai kekuatan mental yang kuat dan ada idea dan ilmu yang bagus dan betul tapi halangan mereka untuk menjadi usahawan adalah modal. Adakah kerajaan mempunyai rancangan jangka masa panjang untuk membuka cawangan mini SME di bandar-bandar yang kecil supaya khidmat nasihat dan pinjaman yang lebih mudah boleh didapati. Adakah ada rancangan kerajaan dalam jangka masa panjang untuk membantu usahawan-usahawan yang telah mendapat pinjaman ini yang kita nampak hampir gagal iaitu sebelum mereka gagal dan menjadi mufliis,

adakah rancangan bersungguh-sungguh untuk menolong mereka dan juga bagi usahawan-usahawan muda ini yang mufliis? Adakah rancangan untuk menolong mereka, memberi peluang mereka semasa mereka masih muda supaya mereka dapat bangun kembali? Harap dapat penjelasan.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Seperti yang saya sebutkan tadi, Kerajaan Persekutuan di seluruh negara telah pun menubuhkan SME Koperasi Malaysia di beberapa cawangan termasuk di Kedah selain daripada SME Bank.

■1050

Ada SME Corp dan juga SME Bank. SME Bank untuk tujuan memberi pinjaman mudah bagi modal kerja dan juga peralatan termasuk mesin. Jadi, saya fikir anak-anak muda mempunyai akses yang luas di situ. Akan tetapi satu perkara Tuan Yang di-Pertua ialah selain daripada kita menyediakan sama ada SME Corp Malaysia atau pun SME Bank di beberapa negeri-negeri ini termasuk Kedah yang kita lihat ialah urusan membayar semula. Ini yang mungkin menjadi masalah bagi mereka berada di luar bandar termasuk anak-anak muda. Justeru, SME Bank contohnya telah pun bekerjasama dengan pihak BSN kerana BSN ada di kawasan-kawasan luar bandar, atau pun di bandar-bandar atau pekan untuk menyalurkan maklumat lebih-lebih lagi untuk memudahkan urusan bayaran balik bagi peminjam-peminjam daripada SME Bank. Itu maklumat yang saya boleh sampaikan setakat ini.

Bagi peluang kedua seperti yang saya sebutkan tadi, saya sebenarnya mengucapkan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Sik kerana perkara ini dibangkitkan semula dalam Dewan Rakyat iaitu memberi peluang kedua kepada khususnya usahawan muda yang terjerat dengan masalah kewangan khususnya kes-kes kebangkrapan dan sebagainya. MITI yang melihat industri sangat penting mengalu-alukan cadangan tersebut. Saya yakin pihak kerajaan sedang menimbang secara serius untuk memudahkan pendekatan bagi membantu mereka yang terjerat dengan kes kebangkrapan dan sebagainya untuk mereka dapat kembali semula dalam bidang keusahawanan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, selain daripada modal yang diperlukan, apakah pihak kerajaan mempertimbangkan masalah pekerja-pekerja terutamanya pekerja asing dan juga pelaksanaan GST yang menjejaskan berapa IKS? Apakah yang ditimbang sebagai faktor-faktor yang terpenting yang mewujudkan IKS yang sihat?

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya tentang pekerja asing kita sedia maklum telah pun menjadi lambakan dalam negara kita. Maka, dengan sebab itulah salah satu daripada perkara yang ditekankan dalam pelan induk industri Malaysia yang terbaru ialah untuk kita berhijrah daripada industri berasaskan buruh atau pun *labor intensive* dengan izin kepada industri berasaskan *high end* atau pun berteknologi tinggi. Jadi, itu insya-Allah dapat mengurangkan stres kita dengan izin terhadap kebanjiran pekerja-pekerja asing bagi tujuan industri tersebut.



Akan tetapi, sekarang kita sedang mengurus semua jenis industri yang berasaskan buruh tersebut. Akan tetapi pada masa yang sama kita menggalakkan kemasukan selain daripada menggalakkan industri tempatan bangun berasaskan kepada teknologi tinggi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Bagi GST, sebenarnya isu ini adalah isu masih dalam Dewan Rakyat. Pada saya tidak sewajarnya dibincangkan di luar tetapi sekarang sudah jadi isu di luar sebagaimana yang kita sedia maklum dan ramai sudah pun mengetahui.

Bagi PKS atau pun industri kecil-kecil ini, sekiranya hasil jualan tidak melebihi 500,000 setahun, mereka dikecualikan daripada IKS dan ada ruang di situ untuk mereka membuat permohonan-permohonan bagi tujuan pelepasan GST ini. Ini yang kita dengar sekarang dan akan diputuskan tidak lama lagi. Saya fikir itu sahaja, sekian terima kasih.

**6. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bilakah kementerian akan membina Lebuhraya Utama Tengah (*Central Spine Expressway-CSE*) dan apakah status projek ini;
- (b) adakah kementerian bercadang untuk membina jalan raya dari Kuantan ke Ipoh melalui Jerantut, Kuala Lipis dan *Cameron Highlands*, sekali gus membuka Pahang Barat kepada pembangunan yang akan memberi manfaat kepada penduduk setempat.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin]:**  
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah bersetuju untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Central Spine iaitu melibatkan laluan Bentong-Raub-Lipis-Gua Musang-Kuala Krai. Skop projek ini ialah membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada kepada empat lorong dua hala mengikut piawaian JKR R5 daripada Simpang Pelangai Pahang ke Kuala Krai Kelantan sepanjang 390 km.

Tuan Yang di-Pertua, projek dengan anggaran kos sebanyak RM6 bilion ini telah dibahagikan kepada enam pakej dan dilaksanakan secara berfasa bermula dari Rancangan Malaysia Kesepuluh. Setakat ini kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM440 juta bagi tujuan melaksanakan keseluruhan kerja-kerja reka bentuk, kos pengambilan tanah dan pelaksanaan kerja-kerja fizikal untuk sebahagian pakej 3 iaitu Kuala Lipis ke Gua Musang sepanjang 38 km. Manakala dengan pakej-pakej yang lain, pembinaan dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, status kemajuan fizikal untuk pakej 3 sehingga 31 Oktober 2013 adalah seperti berikut:-

- (i) Kampung Kubang Rusa ke Kampung Sungai Yu Kuala Lipis, 7 km telah siap sepenuhnya pada 15 November 2013;

- (ii) Kampung Sungai Yu ke Felda Cegar Perah 2 Kuala Lipis, 6.6 km telah siap pada April 2013;
- (iii) Felda Cegar Perah 2 ke Felda Telang Kuala Lipis, 12.4 km masih dalam peringkat pembinaan tetapi menjurus kepada 49.9% siap; dan
- (iv) Felda Telang ke Kampung Kecur Kuala Lipis, 11.8 km masih dalam peringkat pembinaan tetapi sudah 55% siap.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan setakat ini tiada perancangan untuk membina jalan baru untuk menghubungkan Kuantan ke Ipoh melalui Jerantut-Kuala Lipis-Cameron Highland. Ini kerana projek tersebut tidak termasuk dalam *blue print* Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya di Semenanjung Malaysia yang diterbitkan pada tahun 2008. Tambahan pula, cadangan projek ini melibatkan kos yang tinggi berikutan bentuk muka bumi yang berbukit bukau. Namun, demikian sebagai alternatif, kerajaan telah bersetuju untuk membina jalan baru dari Jerantut ke Sungai Lembing Pahang.

Skop projek ini ialah membina jalan baru sepanjang 43 km termasuklah membina tiga jambatan merentasi Sungai Lepar, Sungai Kuantan dan Sungai Kenau dengan reka bentuk piawai JKR R2. Projek dengan anggaran kos RM300 juta ini, kini sedang dalam peringkat reka bentuk dan proses pengambilan balik tanah. Pelaksanaan fizikal projek ini dijangka akan dimulakan pada Rancangan Malaysia Kesebelas tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada agensi pusat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya ucap terima kasih dan ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan. Saya mengirakan bahawasanya Pahang juga seperti Sabah dan Sarawak memerlukan satu sistem lebuhraya yang baik untuk servis kawasan pedalaman. Tuan Yang di-Pertua, kawasan pedalaman Pahang sebenarnya memiliki potensi yang hebat dari segi pelancongan, dari segi pertanian dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih di atas keutamaan kerajaan untuk membina Lebuhraya Spine. Saya ucapkan juga terima kasih kerana hendak membina jalan daripada Sungai Lembing ke Jerantut, sebenarnya Kuantan ke Ipoh hanya memerlukan *upgrading*, jalan Jerantut ke Lipis dan Lipis terus ke Cameron Highland sudah ada dan baiki Cameron Highland terus ke Ipoh.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya kira itu sudah hampir matlamat memberi ruang kepada kawasan pedalaman seperti Lipis. Pembangunan ini boleh ada dua faktor. Satu oleh kerana *economic factor*. *The other one is the geographical factor*, di mana tidak ada faktor ekonomi, faktor geografi boleh membantu pembangunan dalam kawasan pedalaman dan menjadikan Lipis sebagai jalan atau *crossed road*. Ini akan menaikkan kawasan pedalaman. Saya mengucapkan terima kasih. Hanya saya minta kalau boleh sedikit sahaja antara Jerantut dan Lipis ia juga di*upgrad*kan. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, Menteri nak jawab dulu.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota di atas soalan tambahan.

Saya bersetuju Yang Berhormat. Pahang merupakan negeri yang mempunyai potensi yang besar dan cadangan Yang Berhormat tadi pun adalah satu cadangan yang baik. Cuma pada ketika ini kerajaan belum ada mempunyai perancangan. Namun pada masa yang sama saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, bahawasanya terdapat empat jalan perhubungan utama di antara Pantai Barat ke Pantai Timur di Semenanjung Malaysia ini Yang Berhormat ya.

Izinkan saya untuk memaklumkan bahawa terdapat empat iaitu Lebuhraya Timur-Barat Gerik, Perak ke Jeli, Kelantan. Keduanya jalan Simpang Pulai, Perak ke Lojing, Gua Musang, Kelantan. Ketiganya, Lebuhraya Pantai Timur iaitu LPT1 daripada Kuala Lumpur-Karak-Temerloh-Kuantan. Keempatnya, Jalan Persekutuan II Kuala Lumpur-Karak-Temerloh-Kuantan Yang Berhormat ya. Rangkaian jalan raya tersebut adalah rangkaian jalan utama yang menghubungkan di antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Namun pada masa yang sama saya ingin juga menyatakan di sini Yang Berhormat, bahawa kerajaan akan sentiasa mempertimbangkan berdasarkan peruntukan dan juga keutamaan. Kerajaan akan melihat juga kepada faktor kesesakan Yang Berhormat. Jadi, empat di bawah pakej tiga tadi dilaksanakan lebih awal disebabkan oleh faktor keselamatan Yang Berhormat. Jadi, kita dahulukan. Jadi, kalau sekiranya ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi, *insya-Allah* kerajaan akan sentiasa mempertimbangkan berdasarkan kepada peruntukan dan keutamaan.

Itu sahaja jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota. Sahabat lama yang membangkitkan soal pembangunan Pahang Barat. Lipis termasuk dalam Pahang Barat.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah membina jalan CSR. Setakat ini daripada Lipis-Merapoh yang berhampiran dengan Gua Musang. *Insya-Allah* akan disambungkan kepada Raub dan Bentong. Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh wakil daripada Indera Mahkota sebentar tadi, ia merupakan satu pembangunan untuk membantu pembangunan di dalam kawasan Pahang Barat. Khususnya, Jerantut, Lipis, Raub dan Bentong. Kalau boleh masuk Kuala Krau sekalilah, maksudnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan kalau boleh. Kena masuk.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kena masuk Kuala Krau sekalilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah bagi peluang Yang Berhormat Lipis, tidak masuk Kuala Krau pula [*Ketawa*] Sila. Soalan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Jadi, soalan saya. Ia melibatkan daripada Kuantan ke Jerantut, satu jarak yang begitu panjang sekali. Daripada Jerantut ke Lipis hanya jarak yang begitu pendek sekali. Hubung kaitnya saya rasa tidak melibatkan kos yang begitu tinggi demi

pembangunan Jerantut, Kuala Krau, Lipis, Raub dan Bentong. Seterusnya, Cameron Highlands itu sendiri yang mana rangkaianannya yang dikatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi telah berangkaian. Cuma diperlukan *upgrade* sahaja. Di*upgrad*ekan untuk menjadi bertambah baik yang saya kira boleh membangunkan kawasan Pahang Barat ini. Pahang Barat ini merupakan kawasan yang jauh ketinggalan daripada kawasan daerah-daerah lain di dalam negara kita jika dibandingkan.

Jadi, sekarang persoalannya adakah pihak kerajaan boleh dalam Dewan yang mulia ini, membantu untuk memasukkan ia dalam *Rolling Plan*, *blueprint* atau pun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh juga yang masih ada lagi dua atau tiga tahun? Saya ingat Yang Berhormat Indera Mahkota sangat setuju ya, kerana demi anak Pahang kita ya, sangat bersetuju atas saranan Yang Berhormat Kuala Krau itu. Akan tetapi saya minta, Kuala Krau pun kawasan pekan yang masih kecil. Saya minta juga dalam Dewan yang mulia ini membantu Tuan Yang di-Pertua kita juga dalam membangunkan soal Kuala Krau yang hubung kaitnya adalah jalan raya itu sendiri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis. Orang Pahang ini memang baik-baik belaka.

Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa keutamaan kementerian pada ketika ini adalah pembinaan *Central Spine Expressway* yang akan melibatkan kos RM6 bilion dan jajarannya juga sudah disediakan mengikut pakej-pakej yang telah diperjelaskan lebih awal tadi. Namun, saya juga ingin memaklumkan pada masa yang sama bahawasanya projek jalan baru di Pahang Barat tiada dalam perancangan *blueprint* kementerian iaitu *blueprint* Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya. Ini kerana isu-isu yang melibatkan kos yang tinggi. Seperti yang kita ketahui, keadaan demografi Pahang yang berbukit bukau, yang sangat mencabar. Namun Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan dalam jawapan tambahan kepada persoalan tambahan yang dibangkitkan tadi. Kita sudah mempunyai laluan Timur Barat iaitu Gerik-Jeli-Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang serta LPT Yang Berhormat ya.

Namun, saya juga ingin menyatakan seperti yang saya nyatakan lebih awal, bahawasanya kerajaan akan sentiasa mempertimbangkan mengenai cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan ini berdasarkan peruntukan yang sedia ada. Namun, pada masa yang sama juga saya ingin menyatakan di sini bahawa pakej lima iaitu Raub ke Bentong merupakan perancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh kita yang menjadi keutamaan selepas sahaja pakej tiga dapat dilaksanakan Yang Berhormat ya. Namun, pada masa yang sama saya juga ingin menyatakan di sini supaya Yang Berhormat boleh meminta kerajaan negeri supaya bangkitkan secara rasmi kepada Kementerian Kerja Raya supaya perkara ini dapat dipertimbangkan. Mungkin itu dapat membantu. Terima kasih Yang Berhormat.

**7. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah hasil dari strategi dan kempen yang dijalankan oleh kementerian untuk menangani masalah obesiti di negara ini memandangkan Malaysia masih berada di kedudukan yang teratas dalam masalah obesiti di Asia Tenggara.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong kerana mengucapkan tahniah kepada saya dan kepada Yang Berhormat daripada Hulu Selangor kerana tadi di dalam ucapan beliau dan saya berharap bahawa beliau akan berkempen kuat untuk pastikan kemenangan di dalam Majlis Tertinggi.

Satu tanda kejayaan kerajaan di dalam memerangi isu obesiti ialah Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Pengerang yang secara sendirinya mereka menunjukkan macam mana kita boleh mengelakkan gejala obesiti di dalam negara. Walaupun beliau tidak duduk di dalam lingkungan orang yang obes tetapi masih ada keprihatinan tentang mereka yang obes di dalam negara ini.

Yang Berhormat, obesiti terjadi disebabkan oleh pengambilan kalori yang berlebihan dan tahap aktiviti fizikal serta senaman yang tidak mencukupi. Justeru itu, kementerian telah melaksanakan pelbagai strategi bagi meningkatkan kesedaran untuk menangani isu ini di kalangan rakyat dan ia merangkumi pelbagai lapisan umur di kawasan bandar dan luar bandar untuk semua etnik dan kaum di dalam negara kita. Hasil daripada pelan strategi yang telah dilaksanakan dan telah dapat ditunjukkan dari *survey* kesihatan dan *morbidity* kesihatan atau *national health and morbidity survey*. Pada tahun 1996, *prevalence obesity* adalah 4.4%. Akan tetapi di dalam sepuluh tahun selepasnya iaitu pada tahun 2006, bila kajian dibuat sekali lagi, peratusan ini telah meningkat kepada 14%. Itu satu peningkatan yang ketara. Akan tetapi apa yang boleh kita merumuskan ialah bahawa *survey* dibuat pada tahun 2011 iaitu lima tahun yang lepas, peningkatan itu 1% sahaja daripada apa yang kita telah nampak di dalam tahun 2008.

#### ■1110

Ini menunjukkan bahawa hasil kerajaan yang telah dibuat daripada tahun 1996 sampai sekarang telah memberi kesan di dalam mengurangkan jumlah mereka yang menjadi obes di dalam negara kita. Mengikut apa yang telah dijelaskan oleh pertubuhan kesihatan dunia atau *World Health Organization* sebab obesiti ialah pengambilan makanan yang lebih dalam kegunaan kalori dan tidak ada keseimbangan di antara pengambilan tenaga dan penggunaan tenaga melalui aktiviti fizikal.

Selain daripada itu memang ada situasi tertentu seperti penyakit hormon dan penyakit-penyakit yang diasaskan oleh genetik yang boleh menyumbang kepada isu obesiti di dalam negara kita. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini, kerana obesiti telah ditakrifkan sebagai satu penyakit di dalam negara kita, pelbagai langkah telah diambil dan sebahagian daripada itu telah perwujudan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan atau *National Action Plan for Nutrition of Malaysia* yang untuk tempoh masa tahun 2006 sampai tahun 2015 dan kementerian telah memberi fokus yang utama dalam menangani masalah obesiti dengan memasukkan *indicator* dan sasaran dalam mengurangkan masalah berlebihan berat badan dan obesiti dalam *national plan* ini dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Kerajaan telah pun mengadakan Kempen Cara Hidup Sihat yang telah dimulakan pada tahun 1991 untuk meningkatkan kesedaran bahawa cara hidup memainkan peranan yang penting dalam kesihatan. Kempen penyakit ini telah dilancarkan pada 25 Mei 1991 dan dengan tema

pertama iaitu penyakit-penyakit kardiovaskular. Objektif jangka pendek dan sederhana kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat Malaysia tentang penyakit-penyakit yang berkaitan dengan cara hidup yang tidak sihat dan untuk menggalakkan mereka mengamalkan amalan-amalan dan cara hidup yang mempromosikan kesihatan.

Kementerian pun telah mewujudkan garis panduan untuk menyokong amalan pemakanan yang sihat dan beberapa garis panduan diwujudkan untuk memberi panduan kepada pengendali kafeteria dan katerer dalam penyediaan hidangan yang sihat di antara garis panduan yang diwujudkan adalah garis panduan katering sihat, garis panduan kafeteria sihat, garis panduan kantin sekolah sihat, garis panduan pemakanan dan keselamatan makanan di kem Program Latihan Khidmat Negara.

Kerajaan telah mewujudkan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam usaha ini seperti Persatuan Kajian Obesiti Malaysia, Persatuan Pemakanan Malaysia dan Persatuan Diabetes Malaysia. Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Kementerian Penerangan dan Komunikasi.

Baru-baru ini sebagai satu langkah untuk meningkatkan lagi kejayaan kita, kementerian telah mewujudkan kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan yang aktif di akar umbi seperti KEMAS dan Rukun Tetangga untuk membawa mesej bahawa cara hidup sihat ini satu perkara yang sangat mustahak dan untuk menggalakkan cara hidup makanan yang sihat dan cara hidup yang sihat khususnya untuk meningkatkan senaman aktiviti dan fizikal aktiviti untuk mengurangkan risiko daripada *non-communicable world diseases* ini.

Ini ialah secara ringkas semua langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk lebih kurang 10 tahun yang lalu di dalam memerangi gejala ini dan kejayaan terletak di atas kerjasama semua pihak kerana semua tanda menunjukkan bahawa pengetahuan di kalangan rakyat Malaysia akan tinggi tetapi penterjemahan pengetahuan di dalam perubahan di dalam cara hidup adalah satu isu yang besar dan saya berharap melalui kerjasama oleh semua pihak kita boleh berjaya di dalam membawa perubahan di dalam sikap kehidupan ini. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan kepada saya mengenai masalah obesiti. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya tengok masalah obesiti ini sebenarnya berkait rapat dengan cara pemakanan dan juga cara hidup individu seperti makan makanan segera, selepas itu kita makan lewat malam. Jadinya kerajaan memang sentiasa mengadakan kempen untuk makan makanan yang sihat, kempen seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa Kempen Cara Hidup Sihat. Akan tetapi dalam waktu yang sama, kita juga dapat melihat bahawa restoran makanan segera makin bertambah dan restoran makanan 24 jam juga makin bertambah.

Jadinya soalan tambahan saya adalah apakah kerajaan mungkin dengan kerjasama kementerian Yang Berhormat, bercadang untuk mengehadkan waktu operasi restoran supaya sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan mengawal isu obesiti ini dan juga peka dengan

aspirasi kerajaan. Adakah kerajaan juga bercadang untuk memberi satu ataupun menyediakan satu perkhidmatan mencegah obesiti di klinik dan juga hospital kerajaan dengan mewujudkan talian mencegah obesiti seperti *quick line* yang digunakan untuk berhenti merokok. Saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada pandangan kerajaan, langkah yang paling efektif di dalam menangani isu ini ialah di dalam meningkatkan kesedaran di dalam seseorang individu itu. Oleh kerana seseorang individu boleh membuat pilihan dan keputusan yang paling baik untuk memastikan bahawa mereka mengamalkan cara hidup yang sihat.

Walaupun saya bersetuju bahawa apabila kita membenarkan pembukaan kedai-kedai 24 jam dan kedai makanan segera mungkin itu boleh menyumbang sebagai satu pengaruh yang akan menarik mereka yang akan mengunjungi kedai-kedai ini dan mungkin menjadi satu sebab yang tidak langsung untuk menyumbang kepada peningkatan obesiti. Akan tetapi yang lebih mustahak daripada itu ialah kesedaran seseorang individu secara sendiri secara mana melalui pengetahuan yang mereka ada, mereka mempunyai keyakinan yang besar untuk membawa perubahan di dalam cara kehidupan mereka.

Kalau kita sudah berjaya dalam usaha itu, di dalam mana-mana keadaan itu pun, seseorang individu ini akan mempunyai pandangan dan kepercayaan kepada diri sendiri bahawa beliau akan pastikan beliau jauh dari isu obesiti dan isu penyakit. Ini yang paling mustahak. Ini adalah mesej yang kerajaan mahu hantar kepada setiap rakyat Malaysia bahawa mereka mempunyai hak untuk cara kehidupan yang sihat dan mereka mesti mengikut cara kehidupan yang sihat. Melalui itu mereka akan menjauhkan diri dari penyakit-penyakit yang akan membawa risiko yang tinggi.

Dalam usaha kempen-kempen, kerajaan akan teruskan. Di dalam langkah untuk mengurangkan kedai-kedai 24 jam ini di bawah pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Mungkin ini adalah satu perkara yang mereka boleh mengkaji untuk lihat macam mana garis panduan boleh diberi untuk mengurangkan kedai-kedai ini.

Soalan kedua ialah tentang kemudahan yang diberi di dalam sistem perkhidmatan kesihatan untuk merawat dan memberi nasihat kepada mereka yang obes. Kemudahan ini diberi di dalam semua klinik kesihatan di mana kerajaan menerima obesiti sebagai satu penyakit dan apabila seseorang datang ke klinik dengan masalah itu mereka diberi bimbingan kaunseling dan rawatan yang diperlukan supaya mereka boleh keluar daripada lingkungan mereka yang obes. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Panjang soalan dan jawapan. Saya guna budi bicara.

## ■1120

8. **Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Perdana Menteri menyatakan, kejayaan *TalentCorp* menarik warganegara di luar negara kembali berkhidmat di tanah air memandangkan peruntukan RM65 juta untuk program tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua guru-guru dan adik-adik daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang ada di atas sana.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Selayang bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tanah Merah Dato' Ikmal Hisham yang dijadualkan pada 20 November nanti kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berhubung dengan *TalentCorp*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat Selayang bertanya tentang kejayaan *TalentCorp* membawa pulang rakyat Malaysia untuk berkhidmat di negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *TalentCorp* telah pun mengambil alih program *Returning Expert Program* ini, dengan izin daripada program asalnya yang bernama *Brain Gain*. Sejak diambil alih oleh *TalentCorp*, kita telah mendapat kejayaan dalam dua aspek iaitu aspek kualiti dan juga aspek kuantiti. Dari segi kuantiti, sejak diambil oleh *TalentCorp* pada tahun 2011, seramai 2,316 orang telah pun berjaya diluluskan untuk pulang kepada negara kita.

Daripada sejumlah 3,848 permohonan yang telah dipilih jadi dari segi kadar dan kelulusannya ialah pada sekitar 60%. Ini merupakan satu jumlah yang banyak berbanding dengan jumlah 1,130 orang yang telah diluluskan dalam tempoh 2001 hingga 2010. Jadi dari segi kualiti telah pun meningkat. Dari segi kualiti pula kita dapati bahawa ini juga telah berjaya ditambah baik di mana kita dapati ramai pakar-pakar yang baik daripada luar negara telah dibawa pulang.

Sebelum ini saya pernah menyebut tentang Pengerusi Shell dan juga Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff dan yang terkini kita juga telah berjaya membawa pulang beberapa pegawai utama seperti Encik Paul Lau Hong Leong Ketua Pegawai Eksekutif, AM Life Insurance, Encik Wan Azman Wan Abbas, Timbalan Presiden Pelabuhan FELDA *Investment Corporation* dan juga Encik Dishanthan Vitianathan iaitu Pengarah Strategi Transformasi Maxis Mobile. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kedua-kedua penambahbaikan dari segi kualiti dan juga kuantiti. Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah menurut laporan dunia 2011, lebih daripada 1 juta rakyat Malaysia yang berkemahiran telah berhijrah dan sebabnya ialah tentang Dasar Ekonomi Baru. Saya meminta Yang Berhormat Menteri, adakah cadangan untuk membuat perubahan dalam dasar ini supaya dapat menarik balik rakyat yang berkemahiran? Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Selayang, sebenarnya kajian Bank Dunia tersebut adalah lebih komprehensif. Janganlah hanya ditumpukan kepada satu sahaja dalam aspeknya. Memang Bank Dunia telah pun di dalam



Laporan *Malaysia Economic* mereka bertajuk *Brain Gain* tahun 2011 telah mengenal pasti beberapa sebab utama migrasi mereka yang bekerja di luar negara. Antaranya ialah terutama sekali tentang kekurangan peluang kemajuan kerja ataupun *lack of career development opportunities*, di Malaysia dengan izin.

Keduanya tentang perbezaan gaji yang banyak iaitu *salary differences* dan juga kadar pertukaran mata wang asing. Ketiganya ialah perbezaan kualiti hidup. Keempat ialah antaranya ialah *sense of social and justice*, dengan izin. Ada mereka ini yang mengatakan antaranya ialah Dasar Ekonomi Baru yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Selayang. Akan tetapi ini sebenarnya perlu diambil dalam konteks yang sebetulnya. Kebanyakannya menurut pengamatan saya sendiri yang banyak berinteraksi dengan mereka di luar negara termasuklah yang belajar di United Kingdom dan seterusnya bekerja di sana ialah di mana kebanyakannya adalah berdasarkan kepada peluang pekerjaan yang banyak di luar negara.

Dengan itu gaji pun lebih tinggi dan kebanyakannya adalah berdasarkan kepada ekonomi, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Selayang merupakan banyak persepsi. Kalau kita lihat data Dasar Ekonomi Baru ini yang kita lihat tujuannya ialah sangat murni dan baik iaitu pertamanya untuk mengurangkan kadar kemiskinan tidak kira sama ada bangsa Melayu, Cina, India ataupun yang lain. Keduanya ialah untuk mempertingkatkan tahap ekonomi di mana kita tidak mahu mana juga identifikasi kegiatan ekonomi kepada mana-mana satu kaum.

Jadi untuk itu kita mahu meningkatkan lagi tahap ekonomi kaum bumiputera. Ini tidak bermakna kita mengambil hak daripada orang lain, kita berikan kepada bumiputera tidak. Tujuan kita ialah untuk mempertingkatkan pendapatan isi rumah kesemuanya dan memberikan peluang perniagaan, peluang pekerjaan yang adil kepada kaum bumiputera yang di mana jikalau kita lihat seperti mana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi tentang di sektor swasta di mana ramai kaum bumiputera kurang mendapat peluang pekerjaan di peringkat pengurusan yang tertinggi.

Jikalau saya boleh sebutkan di sini dari segi satu *survey*, dengan izin yang kita baru laksanakan di mana kalau kita bandingkan dengan syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC berbanding dengan syarikat swasta yang lain di mana di kalangan syarikat GLC ini, jumlah mereka di tahap pengurusan tertinggi adalah setara dengan kedudukan profil penduduk Malaysia. Maknanya sekitar 60% lebih bumiputera, 30% kaum Cina dan 5% kaum India. Tetapi jikalau kita lihat syarikat swasta yang lain, di mana kaum bumiputera cuma 20% di peringkat pengurusan tertinggi berbanding dengan kaum Cina pada kadar sehingga 70% dan kaum India mungkin dalam 5% atau 10%.

Jadi kalau semuanya memainkan peranan, *insya-Allah* Dasar Ekonomi Baru akan berjaya dan lebih cepat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, cantik baju. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Isteri beli.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, program *outreach* yang dilaksanakan oleh *TalentCorp* memang satu program yang baik sebab ianya sekurang-kurangnya boleh memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang berkepakaran, yang istimewa untuk balik ke negara kita mencari mendapat peluang pekerjaan. Jadi apakah kekangan yang dihadapi oleh *TalentCorp* dalam merealisasikan program murni ini? Apakah disebabkan gaji yang kita tawar tidak begitu lumayan? Sebab sedangkan mereka ini di negara luar mereka diguna pakai oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang mana otak mereka bergeliga daripada orang lain.

Jadi sebelum menjadi Menteri, Yang Berhormat ini pun seorang pakar ekonomi. Apakah juga kementerian Yang Berhormat akan turun ke bawah memberi penjelasan kepada rakyat bahawa pembangkang jangan sewenang-wenangnya menyalahkan program kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dijelajah semata-mata untuk menindas bangsa yang lain sedangkan Dasar Ekonomi Baru ini untuk merealisasikan bangsa Malaysia supaya orang Melayu dan bumiputera juga bersaing sama hebat dengan bangsa-bangsa yang lain di dalam industri perniagaan, seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi rasa saya ini merupakan satu ungkapan ataupun *statement* yang berbentuk *racist*.

Sebab menentang Dasar Ekonomi Baru itu, sedangkan dasar itu tujuan dia untuk memantapkan lagi pembangunan Malaysia itu sendiri. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memang menggalakkan rakyat kita mengambil peluang apa juga peluang pekerjaan yang terdapat di luar negara dan juga di Malaysia. Cuma apa yang kita hendak usahakan ialah dalam konteks kita mahu menjana ekonomi negara, terdapat beberapa peluang pekerjaan di negara kita yang perlu diisi yang mungkin kita tidak ramai yang ada di negara kita ini.

■1130

Jadi sebab itulah kita dalam - bukan semua bidang, dalam bidang-bidang yang tertentu, kita hendak mereka ini pulang dan bekerja dengan syarikat-syarikat di Malaysia. Ini termasuklah di dalam bidang-bidang minyak dan gas dan juga bidang *business research* serta pakar-pakar perubatan, beberapa kedudukan yang kita perlukan. Jadi, bukan kita hendak ambil mereka semua yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia, cuma mereka yang kita perlukan sahaja. Sebab itulah daripada 3,848 permohonan yang kita terima, kita cuma beri kelulusan kepada 2,316, 60% daripada itu. Terima kasih.

**9. Datuk Chua Tee Yong [Labis]** minta Menteri Kewangan menyatakan bolehkah kementerian mempertimbangkan suatu mekanisme yang telus supaya rakyat dapat menjangka bila subsidi akan dikurangkan terutamanya subsidi bahan api.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Labis. Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan berhati-hati terutamanya dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar bagi memastikan kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat terutamanya kepada golongan

berpendapatan rendah. Dalam keadaan persekitaran luar yang tidak menentu, kebanyakan negara telah mengambil langkah-langkah drastik untuk mengurangkan defisit fiskal mereka termasuk mengurangkan subsidi dengan kadar yang ketara. Namun begitu, Malaysia mengambil pendekatan secara berperingkat bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pada masa yang sama, memastikan kesejahteraan rakyat tidak terjejas. Kerajaan tidak bercadang untuk mengumumkan pengurangan subsidi bahan api lebih awal kerana harga pasaran produk petroleum sukar untuk dijangka. Ini adalah kerana harga tersebut tertakluk kepada harga minyak mentah dunia yang tidak menentu dan berubah setiap hari. Pengumuman yang terlalu awal juga boleh menyebabkan aktiviti spekulasi seperti pengumpulan stok bahan api di mana keadaan ini juga adalah salah satu bentuk pembaziran sumber tenaga.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan sentiasa menekankan bahawa sistem pemberian subsidi di Malaysia perlu distruktur semula agar pemberian subsidi menjadi lebih fokus dan menepati kumpulan sasaran. Langkah rasionalisasi subsidi dilaksanakan secara berperingkat dengan mengalih kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan kepada subsidi yang bersasar. Di bawah prinsip ini pemberian subsidi akan tetap diteruskan tetapi akan disasarkan hanya pada golongan yang benar-benar memerlukan.

Antara contoh subsidi yang kita berikan sekarang ini ialah 71 sen subsidi sekilo. Harga asal sepatutnya RM2.06 sekilo tetapi di pasaran cuma RM1.35. Beras hancur 15. RM6 subsidi untuk 10 kilo. Harga sebenar RM24 tetapi di pasaran cuma RM18. Minyak masak, RM2.25 subsidi sekilo. Harga sepatutnya RM4.75 tetapi di pasaran kerajaan menetapkan cuma RM2.50. LPG, gas memasak untuk 14 kilo, subsidi RM25.60. Begitu tinggi sekali subsidi untuk gas memasak ini. Sepatutnya harga RM52.20 setong tetapi kerajaan menetapkan untuk rakyat hanya RM26.60 setong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 19 November 2013”.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] -  
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

**11.35 pg.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya ingin merujuk kepada pentadbiran kepala kecil 1,600 Kabinet - Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan. Negara dikejutkan dengan pendedahan Snowden, Presiden Jerman, Merkel membantah keras. Alasan bahawa pengintipan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat itu untuk membanteras jenayah ataupun *terrorism* ditolak sebab yang diintip itu termasuk hubungan yang dilakukan oleh Presiden Merkel. Jerman membuat kenyataan tegas. Presiden Brazil umpamanya telah membatalkan lawatannya ke Amerika Syarikat termasuk pertemuan dengan Presiden Obama. Malaysia sehingga kini, hanya menyaksikan satu kenyataan yang lembap dari Menteri Luar tanpa satu kenyataan sampai hari ini oleh Perdana Menteri. Ini satu-satu negara di mana ada kenyataan *Spinach* tetapi Perdana Menteri sampai hari ini tidak berani buat kenyataan menegur kebiadaban, keterlanjuran yang dilakukan oleh pengintipan Amerika Syarikat.

Dalam kaitan yang sama ialah pendedahan yang dibuat sekurang-kurangnya, persoalan yang dibangkitkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir tentang kedudukan Peguam Negara dan adanya pegawai CIA, dua orang ejen CIA yang ditempatkan di Jabatan Peguam Negara. Ini berdasarkan pertemuan Tun Dr. Mahathir dengan beberapa orang bekas pegawai kanan polis termasuk bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Dato' Mat Zain dan bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Ramli Yusof dan peguam, Tan Sri Shafie Abdullah. Dalam kenyataan pengakuan bersumpah yang dibuat oleh Dato' Mat Zain, disebut tentang hal kewujudan atau persoalan khidmat ejen CIA di Jabatan Peguam Negara dan kita masih menunggu satu penjelasan yang tegas.

Saya tidak faham mengapa hal ini tidak dibangkitkan oleh rakan-rakan terutama dari Ahli-ahli Parlimen UMNO kerana ia dibangkitkan oleh mantan Perdana Menteri atau sekurang-kurangnya, harus ada jawapan yang jelas. Kalau mereka bukan ejen, apa kerja dua orang pegawai Amerika Syarikat di Jabatan Peguam Negara? Dalam kaitan ini, dibangkitkan dalam pertemuan itu bahawa selain daripada kes penipuan yang telah direka, mereka bukti dalam kes yang melibatkan saya. Saya tidak panjangkan hal itu tetapi kerana amalan reka dan tipu inilah menyebabkan kita kehilangan Pulau Batu Putih dan sekarang dimaklumkan ia antara sebab kita tewas di ICJ dalam isu Pulau Batu putih itu ialah kerana Peguam Negara menyediakan foto atau gambar yang dikira satu rekayasa yang tidak tepat mengenai kedudukan Pulau Batu Putih dan akibatnya kita hilang satu pulau tetapi Peguam Negara tidak pernah dipersoalkan. Jadi, ada seolah-olah sama ada *understanding* atau masing-masing takut, saya tidak faham. Mengapa takut sangat hendak bertanya supaya ada penjelasan yang tegas daripada Peguam Negara.

**■1140**

Perkara berikut ialah perbekalan bagi perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri Butiran 020200, mulai muka surat 115 di bawah Perancangan Ekonomi, muka surat 114 dan berikutnya. Saya tidak mahu mengulang tentang perbelanjaan yang ditambah tetapi tidak ditambah perbelanjaan untuk rakyat, kerana lebih untuk pengurusan. Itu kita sudah sentuh soalnya.

Saya hendak menyentuh di sini tentang dua isu penswastaan. berbangkit dengan apa Yang Berhormat Kinabatangan menyebut tentang Dasar Ekonomi Baru, bagaimana kita harus membantu orang Melayu, terutamanya yang miskin. Saya hendak mulakan dengan penswastaan BERNAS. Penswastaan BERNAS ini dilakukan dan saya pernah menjawab di Parlimen soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan sekarang, menanyakan tentang penswastaan BERNAS, apakah ia akan lari daripada matlamat BERNAS untuk membantu pesawah padi? Kita bicara sama ada seorang bernama Tan Sri Syed Mokhtar, ataupun 173,000 pesawah padi yang majoritinya Melayu, 95% Melayu dan bumiputera.

Ini soal yang harus kita jawab dan kalau mengikut langkah Lembaga Pertubuhan Peladang, jumlah ini mencecah hingga 240,000 Melayu, kepentingan ini yang dikhianati kerana kerajaan akhirnya menggadaikan kepentingan mereka, menyerah kepada satu orang yang namanya Tan Sri Syed Mokhtar dengan mencatat keuntungan lebih RM800 juta. Unjuran yang dibuat oleh *Maybank Investment* yang juga meluluskan pinjaman dengan begitu mudah kepada Tan Sri Syed Mokhtar, itu soal lain yang Maybank harus jawab. Saya tidak tahu sama ada Menteri semasa itu, dia yang bertanggungjawab atau tidak tetapi memang satu perkara yang aneh kerana beberapa peraturan telah diketepikan.

Soalnya sekarang ialah, tatkala menjawab soalan Yang Berhormat semasa itu Yang Berhormat Kota Melaka tidak salah saya, Yang Berhormat Bagan sekarang, apakah kepentingan? Maka, kita beri jaminan, bila Unit Perancang Ekonomi meluluskan penswastaan ini Tuan Pengerusi, saya beri jaminan kepentingan MADA, KADA, NAFAS, NEKMAT dan staf BERNAS dipertahankan 45%. Saya tidak mahu sebut tentang siapa yang mengendalikan. Yang Berhormat Arau pun tahu tetapi saya hendak menumpukan tentang 45% kepentingan NAFAS. Itu syarat yang kita kemukakan dan itu juga syarat bertulis di Parlimen dan di luar Parlimen yang Kementerian Kewangan semasa itu menyebut, "Tidak boleh dikorbankan kepentingan petani kerana ini periuk nasi mereka". Tidak boleh ambil lintah darat, menghisap darah mereka, guna kononnya alasan Melayu tetapi 175,000 Melayu miskin dikorbankan. Saya mahu kalau ada yang mahu pertikai fakta ini kerana ramai juga Ahli Parlimen UMNO yang ada, yang boleh pertikai kalau benar apa yang saya katakan salah.

Bila kita menswastakan industri yang strategik ini Tuan Pengerusi, kita kata kerana hendak efisien, walaupun pada masa itu unjuran keuntungan BERNAS cukup baik. Rasional untuk diswastakan itu boleh dipertikaikan tetapi alasan Unit Perancang Ekonomi dan Perdana Menteri pada masa itu ialah untuk lebih efisien. Akan tetapi syaratnya ialah kepentingan pesawah tidak boleh dikorbankan. Saya meletak syarat itu 10% kepada NAFAS. Siapakah NAFAS? Pertubuhan Peladang Kebangsaan. Sebanyak 10% daripada NIKMAT iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan, 5% KADA, 5% MADA dan 5% kepada staf BERNAS supaya kepentingan mereka di masa depan.

Unjuran itu baik kerana pada masa itu Tuan Pengerusi, bila import beras, permit itu diperoleh juga oleh BERNAS, dan maknanya manfaat itu pergi kepada sebahagian syarikat, sebahagian pemegang saham, sebahagian besar lagi kepada petani-petani secara langsung melalui NAFAS, NEKMAT, MADA, KADA dan 5% staf BERNAS. Sekarang, dibeli semua dan

pegangan Tan Sri Syed Mokhtar sekarang 85%. Unjuran keuntungan mencecah, ikut *Maybank Investment* sehingga berbilion iaitu RM3.5 bilion dalam beberapa tahun akan datang.

Import beras untuk Sabah dan Sarawak, ini untuk Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak, mana pendirian mereka? Hendak mempertahankan kepentingan petani dan pesawah padi Sabah dan Sarawak, 300,000 tan metrik satu tahun diimport. Unjurannya mungkin sekitar RM200 juta, RM250 juta untung. Semuanya dibolot oleh satu orang dan tidak diagihkan. Ya, ada orang bertanya saya, banyak saya dapat mesej, "Mengapa Anwar, bangkitkan soal Tan Sri Syed Mokhtar? Bukankah dia Melayu yang berjaya yang kita harus banggakan? Mengapa tidak menyentuh orang-orang Cina?" Saya membangkitkan IPP, saya tidak peduli, Cina pun ada, India pun ada iaitu Ananda Krishnan. Saya membangkitkan soal Kenneth Eswaran, seorang India. Ini bukan soal India atau Melayu ataupun Cina tetapi keputusan pimpinan UMNO-Kerajaan Barisan Nasional menyerahkan hak rakyat petani, 200,000 ataupun 240,000 mengikut Lembaga Pertubuhan Peladang, atau 175,000 mengikut angka Jabatan Pertanian.

Di antara kepentingan 175,000 pesawah padi Melayu bumiputera majoritinya 95% dengan seorang yang bernama Tan Sri Syed Mokhtar, menang Tan Sri Syed Mokhtar dengan untung yang boleh dicatatkan sehingga RM700 juta atau RM800 juta setahun. Oleh sebab itu kita minta supaya perkara ini diperbetulkan, penswastaaan ini *fraud*. Dasar Penswastaaan saya tidak pertikai tetapi syarat- semasa itu kebetulan saya juga Menteri Kewangan- syarat kita Tuan Pengerusi, 45% untuk mempertahankan kepentingan pesawah padi, dan juga staf BERNAS pada masa itu. Ini semua lari daripada unjuran pada masa itu.

Ya, ganti dengan BR1M. Saya ada - kerana saya menjangkakan ada Ahli-ahli Parlimen UMNO akan bangkitkan. Jadi saya siap dengan klausa saya tidak akan bangkitkan kalau tidak ada soalan tetapi kerana ini satu kenyataan yang tidak boleh dipertikaikan. Kita boleh tengok *shareholders agreement*, dan kita tanya, mengapa begitu mudah? Ini kerana bila *take over* awal Tuan Pengerusi, NAFAS, NIKMAT tidak bersetuju. Maybank luluskan pinjaman kepada Tan Sri Syed Mokhtar, Tradewinds semasa itu, tanpa melihat kepada *opposition* ataupun keengganan NAFAS dan NIKMAT mempersetujuinya. Saya tidak faham mengapa perkara ini boleh berlaku kepada satu bank yang cukup wibawa yang dikatakan.

Keduanya, mengapa kemudian NAFAS dan NIKMAT boleh menyerahkan begitu dengan tekanan dengan harga yang dipertikaikan. Tuan Pengerusi, semasa penswastaaan dilakukan, pimpinan NAFAS dan NIKMAT itu dipanggil di Kementerian Kewangan, dan diberitahu ini mesti dipertahankan kerana ini *a virtual monopoly by BERNAS*. Monopoli, walaupun namanya pada satu syarikat tetapi manfaatnya kepada suku juta pemegang saham. Sekarang, setelah diberitahu begitu, keuntungan yang terjamin, ratusan juta ringgit diserahkan kepada seorang iaitu Tan Sri Syed Mokhtar. Jadi, bagi orang yang menanyakan saya, mengapa saya bangkitkan isu ini, saya hendak jawab, "Di antara memilih kepentingan pesawah padi seramai 200,000 dengan Tan Sri Syed Mokhtar, saya pilih 200,000 pesawah padi". Kalau rakan-rakan di sebelah sana hendak pilih Tan Sri Syed Mokhtar, silakan. Bukan kalau, memang sudah pilih pun [*Tepuk*]

Saya hendak menyambung soal gula. Gula pun [*Disampuk*] Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan mengingatkan saya. Gula, monopoli ini keterlaluan. Menteri akan menjawab, “Kita tarik subsidi kerana ini pertimbangan antarabangsa, pasaran antarabangsa”. Pasaran apa antarabangsa itu? Siapa yang kata harga gula begini tinggi di peringkat antarabangsa?

■1150

Siapa yang telah menentukan LTC iaitu *long-term contracts*?

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Memang Yang Berhormat Pokok Sena komen daripada awal dan bangkit soal BERNAS, cuma Menteri tidak pernah hendak jawab. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, saya bangkit sedikit isu BERNAS ini. Memang saya percaya bahawa isu BERNAS ini Yang Berhormat Arau lebih faham sebab beliau pernah menguasai BERNAS satu ketika dahulu sebelum Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary mengambil alih BERNAS [*Ketawa*] Yang Berhormat Arau sudah tentu faham sangat dan masak dengan apa yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, juga sebagai Ketua Pembangkang. Cuma saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa memang asas awal penubuhan BERNAS itu pertama untuk membantu meningkatkan taraf hidup para petani yang terdiri daripada 175,000 yang telah disebut oleh Yang Berhormat.

Keduanya ialah untuk membantu pengilang-pengilang dan pemborong bumiputera. Namun apa yang kita lihat bahawa petani pun tidak dapat dibantu, pengilang-pengilang yang sebelum daripada pengambilan alih BERNAS ini iaitu diswastakan daripada LPM kepada BERNAS, jumlah kilang bumiputera itu begitu banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat. Kita dalam Jawatankuasa.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, betul. Jumlah pengilang bumiputera itu begitu banyak. Akan tetapi selepas daripada diswastakan ini kepada BERNAS, menunjukkan bahawa jumlah pengilang bumiputera itu makin merosot. Ini menunjukkan bahawa kegagalan BERNAS untuk membantu pengilang-pengilang bumiputera. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena yang lebih arif tentang *detailnya* dan telah bangkitkan bersama dengan Yang Berhormat Machang dulu, Yang Berhormat Saifuddin Nasution di Parlimen ini. Akan tetapi oleh sebab tidak ada tindakan dan ada kecenderungan Yang Berhormat Menteri menjawab sebagai seolah-olah atas alasan penswastakan ini memberi manfaat. Akan tetapi sekarang apabila kita kemukakan dengan bukti dan perjanjian yang nyata, kepentingan pengilang Melayu bumiputera itu juga terhapus, tidak terbela dan juga nasib pesawah. Ini sahaja peluang apabila kita catat unjuran sebanyak RM700 juta, RM3.5 bilion dalam masa beberapa tahun akan datang mengikut Maybank Investment Bhd. ini, maknanya pulangan itu berhasil.



Akan tetapi mereka kata sekarang ini adalah mereka bagi yayasan biasiswa sikit, dia buat masjid, jadi orang kata mengapa saya tegur padahal dia boleh buat masjid. Saya kata tidak mengapalah buat masjid itu tetapi tentang faedah kepada 200 ribu pesawah padi ini, mengapa kita ambil hak mereka? Saya ambil pandangan bahawa hak pesawah padi memang dikhianati dengan penyerahan kuasa, kepentingan pesawah padi kepada satu orang. Ya kalau tidak betul boleh bangkit, saya ada *agreement* ini. *You* boleh *check* 95 kenyataan dan 96 kenyataan. Ini di antara penswastan yang dianggap *controversial* kerana kepentingan pesawah mahu dipertahankan. Pada masa itu fahaman saya, rakan-rakan UMNO Kedah sendiri juga menyatakan bahawa penswastan itu mesti pertahankan kepentingan nafas dan pesawah padi.

Dulu, UMNO dulu. Sekarang setuju semua dengan Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary. Tentang gula, gula ini Menteri suruh jawab tentang harga tetapi harga ini dalam kenyataan memang dipertikai sebab kenyataan bekas Menteri iaitu Datuk Seri Ismail pada Januari tahun 2012, kerajaan memperbaharui LTC untuk tempoh tahun 2012 sehingga tahun 2014 dengan kadar harga RM1.81 satu kilogram. Akan tetapi harga di pasaran dunia itu ditetapkan mengikut seperti di Chicago, kadar RM1.16, ada orang kata 5% hingga 7% mungkin lari. Akan tetapi ini tinggi. Jadi siapa yang tentukan? Syarikat yang memonopoli. Rundingan memang katanya FELDA ada kepentingan di sini, tetapi kita hendak tahu sama ada FELDA dengan Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary ini, siapa yang ada *stronger bargaining power*? Jadi itu soal harga.

Akan tetapi bila subsidi itu ditarik balik dan harga dinaikkan, alasannya semata-mata atas kepentingan kuasa pasaran. Akan tetapi saya ulang sejak Januari 2012, pada ketika kerajaan memperbaharui LTC iaitu *long-term contracts* gula mentah, kadarnya sekali lagi RM1.81. Padahal harga pasaran yang ditetapkan ini, dia punya harga pasaran *threshold* itu ialah *Chicago Board of Trade*, itu RM1.19. Jadi monopolinya lagi ditentukan oleh TradeWinds, Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary, dan ini menjadi masalah kepada kita kerana unjuran keuntungan itu RM700 juta. Saya sebut di sini, semasa Robert Kuok pegang, direkodkan dalam pasaran, keuntungan tercatat ialah sekitar 9%. Apabila diberikan kepada monopoli baru ini, dipindah, keuntungan melonjak 15%. Oleh sebab itu kita kata unjurannya tinggi berdasarkan import hampir RM4 bilion.

Jadi soalnya bukan soal harga itu naik turun. Akan tetapi bila kita serahkan keuntungan itu dimonopoli oleh satu dua orang atau satu dua syarikat. Kalau ada *comparative* punya sistem, maka kita boleh tahu harga. Ini sekarang ini hanya boleh menentukan hanya kalau seorang ialah Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya minta penswastan soal harga gula dan beras ini diberi perhatian dan janganlah bagi alasan kononnya efisien dan sebagainya. Apa dia saya tidak tahu. Apa alasan BERNAS dan gula dia hendak bagi, saya tidak faham.

Di antara kepentingan ratus ribu orang dengan seorang, apa alasan yang dia mahu bagi? Ya.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Ya terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam pasaran gula di dunia, pada hari ini Brazil salah satu negara yang eksport 33% gula. Harganya hanya 50 *pound*

sahaja di pasaran. Gula dijual di Malaysia pada hari ini RM1.80, satu harga yang amat tinggi di dunia ini dan yang dimonopoli oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Ini mengaut keuntungan yang begitu besar. Adakah setuju bahawa seharusnya lebih lesen dikeluarkan kepada pengimport, memastikan bahawa harga gula boleh dapat dengan lebih rendah. Adakah setuju dengan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Sekarang ini memang Tradewinds dan juga FELDA Global, dua syarikat yang memonopoli. Akan tetapi yang nyata seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ialah bahawa harga itu jauh lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan dalam pasaran dunia hari ini. Di antara yang disebut petanda harga yang ditetapkan ialah oleh *Chicago Board of Trade*. Akan tetapi yang lebih penting pada hemat saya adalah, bagaimana boleh kita naikkan harga seolah-olah kerana harga pasaran itu tinggi, padahal unjuran keuntungan syarikat itu melonjak tinggi. Ini yang menjadi masalahnya. Kalau syarikat itu menaikkan kerana import, harga import tinggi maka terpaksa dibebankan, adalah rasional untuk kerajaan menjelaskan.

Akan tetapi syarikat itu catat untung ratusan juta dan rakyat kampung yang termasuk orang Melayu bumiputera dibebankan dengan bayaran yang tinggi. Pilihan kita ialah sama ada membuka, melihat balik LTC iaitu *long-term contracts*, siapa yang bertanggungjawab dan memastikan bahawa jangan ada satu dua syarikat mencatat keuntungan ratusan juta tetapi tidak ada perubahan.

#### ■1200

Kita tahu semasa di Sungai Limau, saya bangkitkan umpamanya pesawah padi begitu. Selama 23 tahun yang lalu harga padi dinaikkan, sampai sekarang kekal. Akan tetapi, keuntungan unjurannya RM700 juta bagi Tan Sri Syed Mokhtar. Jadi, ini saya fikir tidak ada keadilan sama sekali dalam cara kita menentukan dasar dan menjamin kepentingan. Tidak perlu kadang-kadang dalam jawapan, mereka sering menyerang kita tidak bertanggungjawab, tidak menjaga kepentingan Melayu dan sebagainya. Ini kerana saya sudah bangkitkan di sini tentang IPP. IPP apa yang berlaku sekarang ialah hanya menjual kepada 1MDB. IPP yang diberikan itu dengan harga yang dipertikaikan, keuntungan syarikat terlalu tinggi, kadar elektrik meningkat. Sekarang apabila keluar kenyataan buku baru Tan Sri Ani Arope yang mengulangi dan mengesahkan tuduhan dia bahawa kepentingan LLN dikorbankan kerana memilih untuk memberikan keuntungan kepada syarikat. Belum ada jawapan daripada kerajaan.

Berkaitan dengan IPP ini ialah permintaan kita, lima, enam tahun yang lalu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat supaya sekurang-kurangnya ada kesediaan Yang Berhormat Menteri dan kerajaan dalam bidang penswastan ini dan JPM khususnya untuk mengkaji semula beberapa peruntukan perjanjian. Kita hairan bagi kerajaan yang bercakap dengan gah, garang, angkuh, boleh memberikan amaran dan menjerit kuat tetapi hendak berunding dengan Ananda Krishnan, Tan Sri Syed Mokhtar, Genting, YTL, runding pun tidak berani. Akan tetapi, kalau menjerit kepada kami, kuat.

Berunding dengan syarikat yang untung berbilion-bilion ringgit tetapi tidak berani berunding dengan tauke-tauke besar yang memungah kekayaan begitu besar. Kalau syarikat dia sendiri, dia

punggah kekayaan tidak apa, soal lain. Akan tetapi ini beras, gula, kadar elektrik. Membebaskan rakyat dan memberikan keuntungan yang terlalu besar. Oleh sebab itu kita ulangi proses perundingan walaupun dijual kepada 1MDB dan banyak yang dipertikaikan termasuk penerbitan bon yang saya sentuh tetapi tidak dijawab, dijawab sepintas lalu begitu sahaja tentang USD3 bilion, penerbitan bon pada April 2013.

Pilihan raya pada bulan Mei. April 2013, USD3 bilion dan memang tidak pernah dianggap sesuatu yang biasa kerana selalunya pengeluaran bon itu untuk projek tertentu. Ini tidak ada projek, keluar bon sahaja, USD3 bilion. Diserang pada *Goldman Sachs* dan keluar dalam beberapa majalah termasuk *Bloomberg* dan *Wall Street Journal* kadar untung bayaran kepada *Goldman Sachs* itu terlalu tinggi yang dianggap tidak munasabah dalam pertimbangan biasa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya. Jadi, saya ulangi pendirian kami supaya walaupun dipindah kepentingan IPP ini kepada 1MDB ini ataupun syarikat-syarikat lain, ia tidak boleh lari daripada prinsip rundingan semula supaya peruntukan yang dianggap berat sebelah dan tidak adil kepada pengguna diteliti semula. *Private transaction policies cannot be dint to be floored* untuk memilih, memihak kepada syarikat-syarikat besar dan korporat dan mengetepikan kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, kita juga sentuh tentang dasar ini akan menambahkan apa yang disebut kesenjangan pendapatan yang merupakan masalah pokok dalam ekonomi semasa bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia tentang golongan yang maha kaya dan golongan rakyat yang bertambah miskin. Kesenjangan ini yang disebut *problem inequality* sekarang menjadi tajuk tetapi kalau di Malaysia kita boleh faham, baca tiga perkara ini kita tahu mengapa ada kesenjangan. IPP, gula, beras- kita boleh faham mengapa boleh berlaku yang dikatakan *gross inequality, manifestly unjust* kerana sistem itu diperlakukan sebegitu kerana dasar kerajaan yang ada, yang kita minta dikaji semula. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dalam peringkat Jawatankuasa, had berbahas 10 minit sahaja Yang Berhormat. Sudah 13 tahun saya duduk di sini memang 10 minit Jawatankuasa Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu.

#### 12.05tgh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Lenggong tolong bayar. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya mahu menyentuh Butiran 04000 dan Butiran 160000 mengenai JPA dan APMM.

Tuan Pengerusi, mengenai isu JPA tempoh hari saya ada sentuh di dalam perbahasan peringkat dasar iaitu mengenai isu pengiktirafan ijazah dari negara China dan Taiwan. Mengenai hari itu, kita memang ada difahamkan bahawa dikatakan ini adalah di bawah bidang ataupun di bawah *committee* ataupun agensi masing-masing. Contohnya jika perubahan di bawah MNC,

arkitek di bawah Lembaga Arkitek, kalau peguam di bawah Lembaga Profesional *Board* dan lain-lain.

Saya di sini mahu mengambil peluang ini untuk mencadangkan jika boleh dikawal di bawah satu bidang khas untuk memantau dan menilai serta memberikan kelulusan yang muktamad. Janganlah sehingga rakyat sudah bising barulah kita kelam kabut hendak mencari jalan untuk menyelesaikannya. Kalau betul penubuhan di bawah bidang khas ini tidak boleh dijalankan, Jabatan Perdana Menteri mestilah mengadakan satu arahan agar MQA ataupun mana-mana pengiktirafan ijazah daripada mana-mana negeri mestilah dalam masa yang ditentukan. Berapa lama kita mesti menunggu untuk pengiktirafan.

Saya menyentuh hal ini kerana selepas saya sentuh pada hari itu ada pegawai yang memberitahu bahawa bukan mereka tidak mahu mengiktiraf ataupun memberikan pengiktirafan tetapi peruntukan tidak ada apabila mereka hendak menjalankan tugas. Oleh kerana itulah saya minta kalau boleh Jabatan Perdana Menteri menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mereka menjalankan tugas termasuklah bagi lain-lain agensi.

Tuan Pengerusi, mengenai isu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ini pula, masalahnya sekarang kita nampak di *coastal* semua bot maritim kita rasanya sudah *out of date*, kita tidak menyediakan peralatan. Kalau kita pergi *coastal* untuk menjalankan tugas, kalaulah ada terjumpa apa-apa, kalaulah ada sedikit perang. Saya nampak maritim punya tangan pun semua kosong. Kita mesti bersedia. Di *coastal*, kita jangan minta pegawai menjalankan tugas tetapi kita tidak memberikan peralatan termasuklah helikopter.

#### ■1210

Saya nampak maritim sekarang memang hendak ada helikopter untuk *rescue* tetapi untuk ronda, saya belum nampak lagi ada persediaan bagi semua peralatan tetapi satu yang masalah saya mahu beritahu APMM, kita kalau ada peruntukan bersedia, kalau kita ada peralatan termasuklah helikopter semua ataupun bot, janganlah semua letak di Kuala Lumpur ataupun letak setempat. Sepatutnya kita letaklah mana-mana, kalau ada laut punya, ada *coaster* punya, patutlah kita letak. Macam Semporna, itu semua kita mahu letak. Kita simpan kita punya bot-bot di sana untuk dia orang ronda. Jangan tunggu sampai perkara berlaku barulah kita hendak kelam-kabut, hendak cari jalan macam mana diselesaikan.

Saya harap daripada kita punya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bolehlah bagi jawapan yang paling *best* untuk panduan kita

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh hendak mencelah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah.

#### 12.11 tgh.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Bajet 2014 mengenai Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan yang lain termasuk Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perpaduan

Negara dan Integrasi Nasional, Biro Tatanegara, SPRM, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Ahmad Raffli Ab Malek yang mati ditembak di Kuantan, Pahang. Keluarga Allahyarham Norazita Abu Talib yang menjadi mangsa rompakan AmBank tempoh hari serta Allahyarham Hussain Ahmad yang turut menjadi mangsa tembakan tidak berapa lama dahulu. Kesemua mangsa jenayah ini adalah korban-korban yang tidak berdosa akibat daripada kelalaian dan kerakusan pihak yang berkenaan mengenai kuasa dan jawatan sehingga mengabaikan persoalan integriti, tanggungjawab kepada negara dan impian besar rakyat Malaysia.

Saya juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa warga Taiwan dalam tragedi pembunuhan dan penculikan di Pulau Pom Pom beberapa hari sudah. Ternyata *Eastern Sabah Security Command* atau ESSCOM tidaklah efektif dalam menjaga keselamatan negara sungguhpun ia ditubuhkan sebagai tindak balas terhadap peristiwa pencerobohan di Lahad Datu. Walaupun Ketua Polis Negara dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyifatkan ini sebagai kejadian terpencil, nyawa yang hilang pasti tidak dapat diganti. Keyakinan rakyat terhadap kesungguhan pihak berkuasa dalam melaksanakan tugas menjaga keselamatan negara dan rakyat jelata sekali lagi berkecai.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia mengimpikan negara yang aman sentosa tanpa perlu risau dirompak atau dibunuh. Namun hakikatnya, hari ini kita dapat lihat bahawa ramai rakyat hidup dalam ketakutan. Ketakutan ini tidak boleh dinafikan dan disembunyikan seperti mana *graffiti* dan seni mural yang menampilkan kritik sosial yang benar, boleh disorok dengan selapis cat putih seperti yang dibuat pihak berkuasa tempatan di Johor. Karya Ernest Zacharevic di sebuah dinding di Johor Bahru adalah satu peringatan buat kita semua bahawa rakyat memberi amanah kepada kerajaan untuk menjaga keamanan tetapi kini harta dan jiwa mereka berada dalam keadaan diancam ketakutan dan mimpi ngeri.

Satu hakikat benar yang tidak dapat dicat putihkan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjaga sekurang-kurangnya tiga perkara iaitu harta, jiwa dan maruah rakyat seluruhnya. Seandainya pemimpin lalai dalam melaksanakan tugasnya, maka pemimpin itu wajar ditolak.

Dalam kes pembunuhan pegawai bank Norazita Abu Talib, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak polis kerana telah berjaya menangkap suspek yang disyaki terlibat. Saya harap pihak yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke muka pengadilan dan menerima hukuman setimpal. Namun apa yang lebih merunsingkan ialah apabila suspek ini yang dilaporkan merupakan seorang warga asing dari Sulawesi telah berjaya memintas sistem keselamatan negara dan lantas meletakkan kedaulatan negara dalam keadaan yang berisiko tinggi. Bagaimana orang ini boleh mendapat MyKad? Kalau pun MyKad ini palsu, bagaimana orang ini boleh membuka akaun bank, menerima gaji setiap bulan malah boleh diberikan lesen senjata api oleh pihak Kementerian Dalam Negeri? Adakah orang itu turut mengundi dalam PRU ke-13 yang lalu?

Adakah kerana tuan punya syarikat keselamatan itu merupakan kroni parti memerintah, maka kementerian boleh pejam sebelah mata?

Berapa ramai lagi warga asing yang dapat kelebihan yang sama, memiliki senjata api dan boleh mengancam keselamatan mereka pada bila-bila masa? Kita tunggu jawapan itu. Sistem yang ada inilah yang membuatkan negeri berdaulat seperti Sabah dan Sarawak semakin hilang kedaulatannya apabila warga asing senang mendapatkan MyKad dan mengambil alih ekonomi rakyat dan secara langsung menggugat kestabilan dan keselamatan negara. Sistem inilah yang mencabuli hak rakyat Sabah yang hidup dalam negeri yang sangat kaya tetapi warganya sangat miskin malah dilayan dengan amat berbeza sekali oleh Kerajaan Persekutuan.

Semua rakyat Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak mengharapkan supaya dapat hidup bebas daripada belenggu mimpi negeri yang terbentuk hasil daripada kegagalan UMNO dan BN selama ini. Pihak kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seharusnya lebih serius dalam menghormati aspirasi rakyat. Contohnya, dalam kes Perjanjian 20 Perkara dengan Sabah dan Perjanjian 18 Perkara dengan Sarawak yang nampaknya semakin tidak dipedulikan sehingga Yang Berhormat Menteri Pembangunan Tanah Sarawak, Tan Sri Dr. James Masing sendiri pun sudah melenting. Katanya dengan izin, *"When they (UMNO) talk to us, they make themselves feel as if they are superior while we in Sarawak are their coolies. Personally, I get irritated with those leaders who do not treat us from Sarawak as equal partners in the administration of this federation. We, in Sarawak and Sabah seemed to be like an appendix to West Malaysia"*.

Saya pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya membangkitkan ini di sini supaya satu Suruhanjaya Siasatan Diraja dibentuk sempena ulang tahun ke-50 penubuhan Malaysia untuk mengkaji dan menyiasat sama ada janji-janji yang tertera dalam Perjanjian 20 Perkara dengan Sabah dan Perjanjian 18 Perkara dengan Sarawak telah ditunaikan ataupun telah dikhianati oleh Kerajaan BN yang selama ini menganggap kedua-dua Sabah dan Sarawak sebagai akaun simpanan tetap mereka.

Tuan Pengerusi, penyakit kewangan negara yang disebabkan oleh gejala rasuah yang berleluasa akhirnya dibebankan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Walhal mereka yang sebenarnya patut menanggung beban kesalahan sendiri akhirnya terlepas. Lihat bagaimana Jabatan Peguam Negara langsung tidak merayu keputusan mahkamah yang membebaskan Tun Dr. Ling Liong Sik daripada tuduhan rasuah skandal PKFZ. Adakah kerana Peguam Negara sebenarnya tahu bahawa caj yang didrafkan terhadap Tun Dr. Ling itu sememangnya tidak akan menyebabkan beliau disabitkan kesalahan. Malah keseluruhan proses pendakwaan itu adalah satu wayang yang dipermainkan sebelum pilihan raya umum ke-13 untuk memberikan harapan kosong kepada rakyat jelata bahawa kerajaan memang berhajat menangani rasuah di peringkat tinggi.

Saya juga hairan bagaimana dengan keadaan bilangan anggota polis yang begitu ramai ini, rakyat masih rasa tidak selamat. Barangkali kerana dilaporkan juga bahawa senjata api anggota polis boleh diberi sewa kepada penjenayah selain boleh hilang, dicuri ketika tidur, di dalam kereta mahupun ketika pergi ke tandas. Di dalam keadaan itu pun, ada cadangan daripada

pihak-pihak tertentu untuk memberi senjata api kepada penguat kuasa Jabatan Agama pula dengan alasan supaya mereka dapat mempertahankan diri. Adakah selepas itu jika ada wartawan yang mati ditembak, wartawan juga mahu diberi senjata api?

Dalam keadaan landskap politik negara yang begitu rumit dengan permainan sentimen perkauman, penipuan dan kebencian yang kian meningkat, sehinggalah saya terus difitnah sebagai mempunyai kaitan dengan illuminati dan komunis. Pejabat Perdana Menteri nampaknya masih gagal menangani masalah kesepaduan kaum mahupun mengawal puak pelampau yang menggugat usaha-usaha bersama ke arah negara yang lebih aman. Ini semua adalah sebahagian daripada mimpi ngeri Malaysia yang ditaburkan oleh pemerintahan UMNO BN yang cuba dibetulkan oleh DAP dan Pakatan Rakyat melalui usaha ke arah merealisasikan impian Malaysia. [Tepuk] Memandangkan usaha perpaduan negara melalui kempen 1Malaysia kelihatan semakin tidak bermaya malah hampir sahaja gagal sama sekali.

Tuan Pengerusi, akar kepada permasalahan besar ini ialah ekonomi yang semakin memburuk dan akar kepada masalah ekonomi semasa tidak lain adalah kerana urus tadbir pemerintahan UMNO-BN yang tidak berintegriti, korup, tidak amanah serta mudah sekali membazirkan wang rakyat termasuk merompak kekayaan negara demi mengisi perut masing-masing.

■1220

Sehingga kini SPRM tidak berani menyentuh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud walaupun banyak aduan telah dibuat dan bukti telah ditidakkan. Inilah dia penyakit yang membarah di Malaysia sekarang ini. Barah ini perlu dibuang sebelum negara boleh dibina semula dengan nilai-nilai demokrasi, keadilan sosial, integriti demi membentuk sebuah bangsa dan negara yang menolak ekstremisme perkauman agama dan politik. Usaha membina generasi akan datang maju dengan aspek ekonomi, sosial dan budaya, pastinya akan terbantut jika wujud pihak-pihak seperti Biro Tatanegara di bawah Jabatan Perdana Menteri yang terus menyemai mentaliti kebencian dan ketakutan terhadap kaum-kaum di Malaysia. Usaha perpaduan dan rekonsiliasi nasional juga akan gagal seandainya kita membiarkan wujudnya pihak-pihak pelampau kaum yang sentiasa berusaha untuk mewujudkan ketegangan dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum.

Saya masih berharap untuk melihat komitmen sebenar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jabatan yang mempunyai dana yang begitu besar setiap tahun untuk betul-betul melaksanakan usaha perpaduan nasional dan bukan sekadar membuat slogan demi meraih sokongan politik. Kekecohan di Dewan yang mulia ini pada hari Khamis lalu sepatutnya boleh dielakkan. Rakyat turut hairan dengan tingkah laku kerajaan di Parlimen yang tanpa segan silu mencadangkan sebuah usul yang sangat tidak adil terhadap seorang wakil rakyat Pakatan Rakyat. Adakah Dewan ini tidak ada kerja yang lebih penting?

Bukankah masa sepatutnya diluangkan di masa depan di Dewan ini untuk membincangkan soal siaran langsung prosiding, contohnya siaran langsung prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang bakal berlangsung dua hari lagi dan lebih mempunyai

kepentingan orang ramai. Bukankah itu jauh lebih penting daripada tindakan membalas dendam terhadap seorang wakil rakyat yang cuba berjuang membela nasib rakyat dan menegakkan perlembagaan negara? Masanya sudah tiba untuk kita berusaha bersama demi merealisasikan impian Malaysia dan menyelamatkan rakyat daripada mimpi ngeri Malaysia yang panjang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cuma hendak ingatkan butiran ini di bawah butiran B.1 sehingga B.9. Kemudian B.40, P.6 dan P.7 sahaja. Yang Berhormat Putatan.

**12.22 tgh.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, memang hebat sihat pagi ini tetapi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Pasal kena bagi peluanglah itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Gelang Patah tadi dia berucap pasal di peringkat Jawatankuasa. Dia hanya membaca surat-surat yang disediakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** 10 minit Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu bukan secara ikhlaslah Tuan Pengerusi. Disediakan oleh pegawai – tidak ada sesiapa pegawai dia.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Butiran mana? Butiran mana?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Butiran mana? Butiran mana?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Butiran mana? Butiran mana?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Butiran bagi maksud B.1 butiran 10000 – Emolumen Parlimen. Yang Berhormat Gelang Patah, dulu kita siasat, Bukit Bintang pun setuju dengan saya bahawa Sarawak sudah naik elaun Ahli Parlimen. Di Kedah sudah naik, di Sabah sudah naik. Jadi Ahli Parlimen memang sudah sedia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sarawak berapa Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sudah naik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Gaji Ahli DUN?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sudah naik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Berapa Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya rasa semua ahli-ahli di sini setuju dengan saya kecuali satu sahaja, Ketua Pembangkang daripada Permatang Pauh sebab dia hanya, biarlah dia punya kroni. Kamu bukan kroni. Jadi itulah masalahnya. Jadi dia merungut, nangis. Jadi saya mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersetuju dengan saya supaya dapat dirujuk kembali kenaikan emolumen Ahli Parlimen. Yang Berhormat Permatang Pauh saya rasa dia sudah senyum, dia sudah setuju sekarang saya rasa sebab desakan daripada bukan yang daripada kroni-kroni. Jadi inilah satu kehebatan kita ini, kita akan menjadikan Parlimen kita sebagai *world class Parliament*. Jadi perkhidmatan kita ditambah baik.

Jadi satu lagi Tuan Pengerusi – ya Yang Berhormat Bintulu. Apa hal? [Ketawa]



**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu jangan bantah tau.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bantahkah emolumen?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini untuk *Member of Parliament* sahaja, Ahli Parlimen sahaja. Saya hendak sentuh sedikit mengenai kalau hendak naik elaunkah, naik gajikah, saya mahu sentuh sedikit bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bila mahu naik gaji, kalau bolehlah kita kerajaan tengoklah sedikit. Di bawah JPA ini, bila dia naik pegawai-pegawai rendah ataupun *middle low* punya *income*, pegawai itu kalau boleh kita kaji balik semula gaji mereka. Ada terlampau rendah. Jadi, ini satu.

Kedua, bagi masuk jugalah walaupun Parlimen sahaja. Saya hendak tanya lagi sekali. Hari itu saya ada sentuh mengenai JPA dinaikkan pangkat, cuma ada kroni sahaja boleh hendak pangkat. Kalau tidak ada kroni, tunggu sampai saya pencen, pensan pun tidak ada naik gaji. Jadi saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Putatan, pandangan macam mana? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tadi tidak bahas. *[Ketawa]* Okey Tuan Pengerusi. Masukkan cadangan yang amat baik daripada Yang Berhormat Bintulu itu ke dalam teks ucapan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memperjelaskan.

Satu lagi Tuan Pengerusi soal butiran 010200 – Penyusunan Dewan. Soal perbelanjaan yang ahli-ahli kita ini hendak pergi *conference* luar negara, peruntukan bagi jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Parlimen ini. Saya rasa peruntukan itu tidak mencukupi. Saya berharap Menteri yang menjaga Parlimen, *governor* yang menjaga Parlimen dapat melihat perkara ini supaya penambahan-penambahan peruntukan untuk memperkasakan lagi CPA, MAPSA, IPU dan banyak lagi yang kita tidak hadir kerana tidak cukup peruntukan untuk menghantar ahli-ahli kita ke luar negara untuk menghadiri *conference* di peringkat antarabangsa. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini dengan serius dan ini saya rasa semua ahli di sini bersetuju dengan saya.

Ketiganya, soal – saya melompat sedikit sebelum saya meneruskan kepada- saya melompat-lompat ya. Sebab dia termasuk juga dalam maksud P.6 butiran P.15000 iaitu Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Parlimen Malaysia. Walaupun dia dalam butiran yang lain tetapi ada kena mengena dengan Parlimen. Jadi soal bangunan Parlimen ini kita telah pun bercadang untuk memperbaiki keadaan sebab penambahan jumlah Ahli Parlimen.

Jadi Dewan kita tidak mencukupi. Jadi kita akan melaksanakan pengubahsuaian Dewan dan saya mengharapkan dapat dipercepatkan selepas sahaja pengisytiharan pembukaan Dewan baru pada bulan Mac nanti. Jadi saya mahu melihat juga, baru saya lihat pagi tadi soal kesesakan di klinik kita ini, agak sempit sekali, seolah-olah macam *a washroom* sahajalah klinik kita ini. Kita memerlukan yang selesa, yang bukan pakai *glass*, yang melawat itu harus– semasa dia buka baju, pakai *glass* semua boleh nampak. Yang Berhormat Menteri, saya harap ini dapat dilihat dan sempit.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dia punya alat-alat itu pun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Macam daripada Kerajaan British dulu yang tidak ada cat, yang terkupas, biliknya pun terkupas. Kalau boleh balik kepada bilik asal itu. Ya, nanti Tenom, sekejap-sekejap. Supaya kita dapat keselesaan dalam klinik kita. Yang Berhormat Ipoh Barat yang selalu melawat klinik kita. Saya pun tidak tahu sakit apa. Jadi saya mengharapkan ini untuk kebaikan Yang Berhormat Ipoh Barat untuk...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Mahu tolong ya?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tambahan Yang Berhormat Putatan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Putatan mengatakan berkenaan dengan klinik. Sedar atau tidak bahawa setiap hari kita dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung luar dan mereka terpaksa berjalan kaki daripada pondok untuk ke mari, ke dalam Dewan. Sepanjang perjalanan tersebut, mereka berpanas, berhujan, tidak ada lorong yang ada atap. Jadi setujukah Yang Berhormat masukkan cadangan ini?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya daripada Tenom. Ini memang perkara yang saya tekankan dari dulu lagi. Kita ada wujudkan jawatankuasa yang mana kita melihat budak-budak sekolah atau murid-murid sekolah yang turun daripada bas dan bas tidak dapat masuk ke Dewan ini. Terpaksa berhujan, bermatahari melawat ke Dewan. Murid-murid kita yang budak-budak sekolah.

#### ■1230

Saya mengharapkan Menteri ataupun pihak yang menjaga Parlimen dapat mempercepatkan terutama sekali, pondok-pondok untuk pemandu-pemandu yang Ahli-ahli Parlimen ada kereta mewah semua itu. Macam saya, saya tiada *driver*, saya tiada pemandu. Saya pandu sendiri. Jadi yang lain itu saya harap - kesian dengan pemandu-pemandu mereka itu, disediakan dengan pondok. Sama juga dengan tempat dia orang yang ada selesa sikit. Saya harap Menteri dapat melihat perkara ini juga. Satu lagi Tuan Pengerusi soal bukan saja dalam *walkway* ataupun yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tenom tadi.

Jadi saya terus sebab masa tidak cukup. Bagi Butiran B.4, SPR- Butiran 040200 Persempadanan Semula Bahagian PRU. Saya mengharapkan- yang kita ini saya rasa kita telah pun sampai masanya untuk mencadangkan kepada pihak SPR untuk pengubahsuaian sempadan- sempadan pilihan raya yang baru ini. Saya mengharapkan supaya yang ada pada sekarang ini, yang tidak menentu, semuanya *imaginary boundry*. Jadi kita mahu cadangkan kepada kerajaan dan SPR, supaya sempadan ini mengikut *physical boundary*, sungai, jalan ataupun jalan-jalan di perumahan. Jangan bercampur aduk, kerana ini mengelirukan pihak rakyat kita yang mana ada pengundi di bahagian yang lain tapi mengundi di sebelah tempat yang lain.

Jadi ini kita mengelakkan kekeliruan daripada pengundi-pengundi kita. Jadi saya mengharap ini dapat dilihat, dan juga tidak patutnya mengira daripada demografi kerana akan boleh teratur dan juga pendapat daripada orang ramai itu harus kita dapatkan supaya input-input daripada rakyat dapat juga dirujuk dalam pengubahsuaian ini.

Tuan Pengerusi, bagi Maksud B.6 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah iaitu Butiran 471000. Soal perolehan kerajaan. Di Sabah ini, ada banyak masalah kerana perolehan kerajaan ini memang dilaksanakan daripada Putrajaya. Kenderaan kerajaan yang bernombor 'W' dan nombor dari Semenanjung ini dihantar ke negeri Sabah. Salahkah pihak kerajaan untuk memberi kuasa kepada pejabat Setiausaha Kerajaan Persekutuan di Sabah itu membeli kenderaan di situ ataupun apa alat-alat yang perlu bagi negeri Sabah supaya juga dapat memperkasakan ekonomi di negeri Sabah dan juga kontraktor-kontraktor yang mendapat kontrak tidak lebih daripada RM200 ribu, terpaksa juga ke Putrajaya dengan tiket yang mahal, dengan hotel yang mahal, dengan hari begitu lama diambil, hanya untuk mengambil surat tawaran.

Jadi saya harap, berilah pegawai-pegawai terutama sekali Setiausaha Persekutuan di Sabah diberi kuasa. Jangan kita- sampai bila rakyat di Sabah, Sarawak ini terpaksa pergi ke Putrajaya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa habis Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Setakat mengambil surat sahaja, surat tawaran Tuan Pengerusi. Ini amat penting. Jadi ini suara daripada rakyat kita, rakyat Malaysia di Sabah yang menyukarkan. Jadi kenapa kerajaan tidak melihat perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Suara kontraktor itu Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, ini bukan saya yang suarakan Tuan Pengerusi. Kontraktor yang kecil-kecil ini, yang Kelas 'A' ini, kasihan Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kelas 'C' ya. Kelas 'A' pun ada jugalah. Tidak tahulah saya. Saya bukan kontraktor, saya tidak tahu. Jadi ini suara mereka.

Jadi soal kenaikan pangkat. Ini yang sering disuarakan oleh pihak di sana terutama sekali usul daripada Yang Berhormat Penampang juga, Perkara 20. Ini kita harus diperjelaskan kepada rakyat supaya kita melihat apa tindakan Kerajaan Barisan Nasional telah pun mengubah yang bahawa ketua-ketua jabatan di negeri Sabah telah pun dipegang oleh rakyat tempatan negeri Sabah. Jadi jangan keliruan rakyat. Jadi masih dipermainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tidak taulah siapa itu.

Jadi ini dalam pilihan raya pun sering disebutkan. Kita ini *Borneonization* lah, Perkara 20 tidak dihormati lah. Saya harap Yang Berhormat Gua Musang dapat membantu saya atas perkara ini sebab tiada langsung Perkara 20 yang tidak dilaksanakan oleh kerajaan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habis, masa habis Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Apa itu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis. Dua kali sudah diingatkan masa habis.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Satu lembar ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Banyak butiran, tidak boleh sentuh semua Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau tidak Tuan Pengerusi rakyat marah ini, tiada sentuh ini. Banyak masalah rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa, ada seratus lebih orang boleh berucap dalam Dewan ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak apalah, saya akur. Terima kasih saya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Pokok Sena apa fasal. Aku belum duduk. Okey, sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pokok Sena.

### 12.36 tgh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam B.6 Jabatan Perdana Menteri 020000 - Unit Perancangan Ekonomi dalam hal yang berkaitan dengan agenda pembangunan bumiputera bersekali dengan Butiran 420000 iaitu Unit Peneraju Agenda Bumiputera iaitu TERAJU. Saya kira bahawa memang sepatutnya memang kerajaan harus memberikan tumpuan kepada pihak bumiputera untuk membangunkan mereka khususnya untuk memastikan penglibatan mereka dalam bidang-bidang perniagaan dan keusahawanan.

Namun begitu kalau kita melihat akhir-akhir ini menunjukkan bahawa banyak rungutan-rungutan yang daripada usahawan-usahawan bumiputera dan syarikat-syarikat bumiputera yang tidak berpuas hati terhadap langkah-langkah dan tindakan yang dibuat oleh kerajaan, khususnya syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan sendiri, yang tidak dapat membantu dan menolong bumiputera untuk mempertingkatkan lagi dari segi bisnes ataupun keupayaan mereka. Yang terbaru Tuan Pengerusi ialah isu Petronas. Pengusaha-pengusaha stesen minyak Petronas yang merungut.

Kalau sebelum pilihan raya dulu, bagaikan hendak rak dunia Malaysia ini disebut bahawa kalau Pakatan Rakyat memerintah, habislah Melayu, habislah kuasa politik Melayu, habislah ekonomi orang Melayu. Orang Melayu tidak boleh berniaga, habislah. Akan tetapi hari ini selepas pilihan raya, pengusaha-pengusaha stesen Petronas sendiri yang majoritinya adalah orang-orang Melayu, bangun, bangkit memberitahu bahawa Petronas bahawa syarikat milik kerajaan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri melakukan penindasan terhadap pengusaha-pengusaha ini dan ini diperakui sendiri oleh bekas Perdana Menteri yang juga merupakan penasihat kepada Petronas.

Jadi saya hendak minta penjelasan supaya kerajaan harus memperjelaskan daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera. Apa yang dibangkitkan oleh

pengusaha-pengusaha stesen minyak Petronas ini. Mereka juga sebahagian itu bertemu dengan saya dan memberikan beberapa perkara yang memerlukan kepada penjelasan yang perlu dibuat oleh pihak kerajaan. Sebab kalau kita lihat bahawa Petronas Dagangan tidak memberikan tumpuan kepada bisnes peruncitan yang berkaitan dengan usahawan-usahawan di peringkat stesen minyak ini.

Dia lebih tertumpu pada hal-hal yang berkaitan hendak meningkatkan dan melonjakkan pasaran saham Petronas Dagangan sendiri sedangkan dari segi peruncitannya kalau dilihat pada angka dan fakta yang ada ini menunjukkan bahawa kita sudah ketinggalan daripada *Shell*. Kita sudah ketinggalan dari segi saham stesen-stesen minyak ini, kita sudah pun merosot daripada *Shell* sedangkan kita adalah satu syarikat yang besar, syarikat milik negara kita. Kenapa ini harus berlaku? Sebab itu saya hendak mintak bahawa supaya hal ini harus diberikan tumpuan untuk membantu pengusaha-pengusaha stesen minyak Petronas ini yang terdiri daripada majoritinya adalah bumiputera untuk meningkatkan keupayaan mereka.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pengusaha stesen minyak Petronas ini ialah apabila Petronas memberikan tekanan begitu kuat, hendakkan minyak, mesti tunai sedangkan kalau sebelum itu diberikan tempoh untuk dalam tiga hari ataupun empat hari. Jadi ini satu tekanan kepada mereka. Kemudian apabila pengusaha stesen minyak itu yang dahulunya tanah dia kemudian diserahkan kepada Petronas dan dia diberikan hak untuk menguruskan stesen minyak, bila dia mati, warisnya tidak ada jaminan untuk mengambil alih stesen minyak itu.

#### ■1240

Ini saya diberitahu bahawa dalam *practice business* biasa bahawa sudah tentulah sepatutnya waris yang boleh mengambil alih untuk mengusahakan stesen minyak yang telah diusahakan oleh ayah dia sebelum itu. Jadi ini antara yang berlaku dan sampai kepada peringkat yang berkaitan dengan soal bagaimana pengusaha-pengusaha stesen minyak ini sampai hendak dapatkan pembekal nasi lemak pun hendak ditentukan oleh Petronas Dagangan sendiri, yang mesti menentukan syarikat mana yang boleh membekalkan nasi lemak. Bukan dia boleh sewenang-wenangnya dia pergi ambil nasi lemak di mana-mana kampung ataupun di mana-mana tempat yang boleh membekalkan kepadanya.

Jadi saya lihat bahawa ini menunjukkan bagaimana Petronas tidak begitu penting kepada pengusaha stesen minyak sebaliknya mementingkan kepada pihak-pihak yang lain. Begitu juga kalau kita lihat umpamanya antara rungutan yang dibuat oleh mereka bahawa McDonalds, kemudian ada syarikat-syarikat lain yang berada di stesen minyak Petronas. Mereka mendapat keuntungan yang besar tetapi pengurusan kebersihan stesen minyak itu keseluruhan itu termasuk cuci tandas dan sebagainya adalah tanggungjawab pengusaha stesen minyak.

Jadi ini saya katakan bahawa menunjukkan bagaimana Petronas lebih melayani pihak-pihak yang lain daripada melihat kepada hal-hal yang berkaitan dengan pengusaha stesen minyak yang kebanyakannya ialah terdiri daripada bumiputera. Jadi sebab itu saya hendak minta supaya apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Peneraju

Agenda Bumiputera ini dalam hendak membantu pengusaha-pengusaha stesen minyak yang terdiri daripada bumiputera khususnya orang-orang Melayu.

Saya hendak minta juga supaya pihak kerajaan harus mengambil kira dalam hendak melantik lembaga pengarah kepada Petronas dan juga kepada Petronas Dagangan Berhad (PDB) ini supaya mereka yang dahulunya merupakan *expert* di dalam Petronas sebagai eksekutif yang telah berjaya menunjukkan kebolehan mereka dan sebagainya, apabila mereka sudah habis tempoh, tamat perkhidmatan mereka saya fikir inilah orang yang berpengalaman perlu dilantik untuk menjadi *board*. Ini supaya mereka mempunyai pengetahuan untuk meletakkan hala tuju bagi membantu agenda bumiputera. Kedua hal yang berkaitan dengan agenda bumiputera ini.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit Yang Berhormat, belakang, belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap, sekejap saya tiada masa, minta maaf. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Apakah dalam hendak membantu agenda bumiputera ini apabila saya melihat bahawa ada satu isu baru-baru ini iaitu Ekuinas. Dalam tahun 2010 Ekuinas telah memberi ataupun membuat pelaburan yang begitu besar lebih daripada RM200 juta untuk mengambil alih Saham Konsortium Logistik Berhad atau KLB pada 2010.

Akan tetapi baru-baru ini pihak Ekuinas ini telah melupuskan pegangan itu kepada syarikat milik Syed Mokhtar. Yang Berhormat Permatang Pauh, Syed Mokhtar lagi. Melupuskan kepada Syed Mokhtar. Pada 2010, syer pada waktu itu Ekuinas beli, ambil alih dari Konsortium Logistik Berhad itu dengan kadar satu syer RM1.55. Kemudian apabila jual kepada Syed Mokhtar, dia jual juga dengan RM1.55.

Jadi saya pun tidak tahu sama ada dahulu kita beli dengan *over price* ataupun sekarang kita diskaun kepada Syed Mokhtar. Itu antara dua. Sedangkan Konsortium Logistik Berhad ini memiliki tanah di Pulau Indah, di Juru, di Johor dan tempat-tempat yang sangat berharga. Takkanlah nilai tanah itu tidak naik. Jadi saya hendak minta penjelasan, adakah Syed Mokhtar seorang sahaja bumiputera diberikan keistimewaan sebegini rupa? Adakah dalam Ekuinas hendak menjual syer, pegangan dia dalam Konsortium Logistik itu ditender untuk memberi peluang kepada pihak-pihak lain yang juga turut terlibat memberikan tawaran yang baik untuk Ekuinas mendapat keuntungan. Jadi ini saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Ketiga akhir, saya ada empat sahaja perkara. Butiran 05000 - JAKIM. Saya hendak minta penjelasan apakah peranan yang dibuat oleh JAKIM dalam menangani isu kalimah Allah dalam menguruskan isu kalimah Allah. Oleh sebab saya lihat bahawa isu kalimah Allah ini sangat berada dalam keadaan sampai sekarang ini dalam tidak ketentuan. Sebelum pilihan raya kita lihat permainan yang dimainkan bahawa tidak boleh membenarkan penganut agama Kristian menggunakan kalimah Allah termasuk di dalam Bible yang berbahasa Melayu. Akan tetapi sekarang ini nampak kerajaan telah mempertegaskan semula seperti yang saya sebut sebelum ini di dalam Mesyuarat Kabinet lebih kurang tiga minggu yang lalu. Iaitu di mana membenarkan

penganut Kristian di Sabah dan Sarawak menggunakan kalimah Allah termasuk di dalam Bible yang berbahasa Melayu. Jadi saya hendak mintalah pihak kerajaan ini ada dua hukum kah? Ada dua al-Quran kah?

**Seorang Ahli:** Hoi, apalah!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dengarlah, duduk diam-diamlah. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan sebab...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu kempen naib presiden, kempen, kempen. Kempen pilihan parti. Itu sebab cakap macam itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak sebut bahawa apa yang disebut oleh Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Noh Gadut. Datuk Noh Gadut kata siapa yang sokong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi dia SMS suruh menyokong.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Siapa yang sokong kalimah Allah ini digunakan oleh penganut Kristian ini boleh jatuh murtad. Ini bukan setakat sokong, ini setuju, berikan kebenaran. Jadi saya hendak tahu ini apa yang dibuat oleh pihak JAKIM? Sebabnya JAKIM telah pun meluluskan peruntukan, maaf Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 5 Februari 2013 telah bersetuju dengan permohonan yang dibuat oleh Dewan Amal Islami atau DAMAI yang beliau juga merupakan pengerusi. Dia pengerusi kemudian dia lulus. Itu satu cadangan untuk melaksanakan kajian di bawah DAMAI ini yang berkaitan dengan isu penggunaan kalimah Allah.

Jadi sebanyak 95,000 telah diluluskan. Saya bersetuju dan diluluskan cadangan segera dilaksanakan oleh DAMAI. Tandatangani 5 Februari 2013 Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Tan Sri Jamil Khir Baharum, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi apakah hasil daripada kajian ini dibuat? Sehingga memberikan satu gambaran kerajaan tidak tahu hendak buat keputusan yang mana satu. Boleh atau tidak boleh? Sebelum ini kata hak eksklusif umat Islam kalimah Allah. Sekarang di mana hak eksklusif umat Islam di Sabah dan Sarawak? Banyak *mission*. Oleh sebab itu saya minta satu penjelasan apakah pihak kerajaan banyak mengheret ulama ...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak kempen tidak payah bawa isu ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...mengheret Mufti, mengheret Majlis Fatwa berdiri atas asas agama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, gulung.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah, PAS hipokrit, yang hipokrit ini PAS Sudahlah itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan berdiri atas kepentingan politik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak sebut, saya takut ini nanti, ini jatuh murtad.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak payahlah.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** PAS bersekongkol dengan DAP.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya takut seluruh anggota parti itu jatuh murtad. Fatwa yang diberikan oleh Noh Gadut.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Temerloh pun setuju. Yang Berhormat Temerloh pun gelak sahaja. Tengok Yang Berhormat Temerloh belakang itu gelak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya habiskan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini kempen hendak bertanding. Buat rugi PAS sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan yang saya lihat bahawa mempunyai lidah bercabang, pihak kerajaan yang ada lidah-lidah bercabang dalam isu kalimah Allah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini pasal kempen hendak bertanding. Sudahlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akhirnya ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, baik. Tidak mengapalah, pergi tanya Datuk Noh Gadut. Dia kata murtad. *[Disampuk]* Saya tidak tahulah satu Kabinet ini sudah habis murtad.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Macam PAS tidak faham sahaja ini? Pasal apa?

**Seorang Ahli:** Bodoh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak faham, nampak? Hendak persoalkan apa lagi? Sudah, duduklah. PAS ini tidak faham.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pasal lidah bercabang, lidah bercabang. Ada sampai beberapa *mission*. Di sini tidak boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Temerloh betulkan Yang Berhormat Temerloh. Ini Yang Berhormat Seputeh pun pening tengok.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau di Sabah dan Sarawak boleh pula? Orang Kristian di sana boleh, mai Kuala Lumpur tidak boleh. Duduk di Airport Kuching boleh. Masuk KLIA tidak boleh. Ini apa ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Boleh tidak boleh ini PAS sahaja. Sekejap boleh, tidak boleh PAS sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kempen pun biarlah kena tempat.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Lenggong pun sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat teruskan.



**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu tengok jantan-jantan meroyan.  
*[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Meroyannya Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia bukan boleh. Kalau jantan meroyan tidak boleh duduk di hujung kampung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya teruskan Yang Berhormat, habiskan. Masa sudah habis.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Takut kalah. Dia takut kalah itu. Sekarang isu itu bangkit, bantai itu. Yang Berhormat Pokok Sena kena bantai ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** B.7 Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 010000 berkaitan dengan - saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Apa sebenarnya alasan menamatkan perkhidmatan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam satu ketika dahulu iaitu Tan Sri Abu Bakar Abdullah?

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, tidak mengapa. Dengar dahulu isu saya hendak sebut sebab diberikan satu alasan dia ditamatkan dan bukan dibersarakan. Dia ditamatkan perkhidmatannya. Bermakna ada kesalahan besar yang dia lakukan yang menyentuh persoalan keselamatan negara, apa yang disebut pada waktu itu kepada saya.

■1250

Jadi, saya hendak minta penjelasan mudah sahaja Tuan Pengerusi. Tiba-tiba kerajaan lantik dia pula jadi Pengerusi Bank Simpanan Nasional. Tidak akan orang yang sudah punya kedudukan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, dikatakan buat salah besar kepada negara, yang menyentuh soal keselamatan, tiba-tiba sekarang dilantik jadi Pengerusi Bank Simpanan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab dia bagus daripada Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia bagus daripada Yang Berhormat Pokok Sena sebab itu dilantik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Apa sebenarnya sewaktu dia ditamatkan perkhidmatan. Apa cerita sebenarnya sewaktu dia ditamatkan perkhidmatan? Adakah kerana semata-mata hendak tutup malu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas isu masalah gaji SBPA pada waktu itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**12.51 tgh.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin berbicara Butiran 020000 – Unit Perancang Ekonomi (UPE), 030000 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP), 040000 – Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan 450000 – Pemetaan Tanah dan Ukur.

Saya tidaklah berbicara soal Syed Mokhtar sebab dua tahun lepas saya sudah berbicara soal ini, soal monopoli. Jadi, pendirian saya memang jelas dan Yang Berhormat Pokok Sena menggunakan Dewan ini untuk kempen Naib Presidennya. Mudah-mudahan dia berjaya sebab saya kasihan jugalah kalau dia kalah. Saya mahu dia menang juga. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang itu tidak masuk butiran Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apa rasionalnya kerajaan memotong peruntukan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Majlis Keselamatan. Sebab saya melihat bahawa kementerian-kementerian ini penting untuk rakyat di mana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Keselamatan ini penting untuk rakyat. Seharusnya, peruntukan-peruntukan ini perancang ekonomi tidak memotong. Seharusnya, menambah peruntukan ini disebabkan kementerian ini berhubung terus dengan rakyat. Ada kepentingannya luar bandar untuk jalan raya luar bandar, untuk jeti-jeti, untuk bekalan elektrik, untuk bekalan air dan sebagainya tetapi tahun 2014 ini peruntukan ini mengecil. Bukan pula ditambah seperti janji dalam pilihan raya iaitu mengutamakan masyarakat luar bandar. Ini seharusnya dilihat oleh pihak kementerian pada masa-masa akan datang. Demikian juga dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Semua ini melibatkan rakyat yang memerlukan subsidi, memerlukan bekalan-bekalan pertanian dan sebagainya. Akan tetapi apabila dikurangkan, maka peranan kementerian itu sudah mengurang.

Demikian juga dengan Kementerian Belia dan Sukan. Akhirnya, kita tidak nampak ada kemajuan kepada belia dan juga kepada sukan. Sebab peruntukan yang ada terlalu kecil dan mengurang. Saya hairanlah apabila peruntukan dikurangkan kepada kementerian Majlis Keselamatan ini, lihat apa yang berlaku di Sabah baru-baru ini. Kita menyangkakan panas sehingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Tiba-tiba Pulau Pom Pom diceroboh, dibunuh dan diculik. Ini pada saya merupakan satu tragedi yang tidak seharusnya berlaku. Oleh sebab kita diyakinkan oleh pihak ESSCOM iaitu kawasan-kawasan kepulauan di Sabah ini sudah dikira terjamin keselamatannya. Akan tetapi tiba-tiba ada *intruder* ataupun penyerang yang tidak boleh dikesan dan mengakibatkan kematian dan kemalangan kepada warganegara Korea. Pada saya ini disebabkan mungkin ekor daripada kekurangan juga peruntukan itu. Jadi, kalau boleh majlis keselamatan ini sebetulnya harus ditambah peruntukannya. Kita tengok bagaimana Singapore, negara kecil tetapi hampir satu perempat ataupun dua pertiga peruntukan bajetnya untuk keselamatan negaranya.

Jadi, *Singapore* kalau saya lihat mana ada ancaman kepada *Singapore* ini. Siapa juga hendak menyerangnya? Tidak akan kita Malaysia hendak menyerang dia? Hendak mengambil dia? Tidak akan negara lain hendak menyerang dia? Akan tetapi dia belanja untuk keselamatannya hampir dua pertiga daripada bajet keseluruhan dalam negara dia.

Jadi, ini penting harus dilihat, harus dikaji oleh pihak pengurus-pengurus yang merencana peruntukannya ekonomi ini. Kalau tidak, tiap-tiap kementerian yang penting senaraikan peruntukannya, memang perlu untuk rakyat. Akan tetapi sampai kepada EPU, di *slice*, dipotong, disekat. Apa makna kita menghantar bajet sekiranya perkara sebegini pun tidak dapat kita realisasikan. Akhirnya, kita tidak akan mendapat limpahan ekonomi yang baik. Di situlah pula pembangkang mengambil kesempatan dengan tohmahan-tohmahan dan tuduhan yang berbagai-bagai. Macam insiden hari Khamis yang lalu, pihak pembangkang yang memulakan mengoyak kertas. Ahli Parlimen Shah Alam buat kertas kapal terbang tapi pengikut-pengikutnya di luar, di dunia *Twitter*nya tidak ada pun yang mengutuknya. Yang dikutuk, yang dibantai kita. Akan tetapi dia ingat saya ini senang dibantai. Saya ini sebetulnya datanglah *cybertrooper* dia berjuta-juta orang bantai saya, silakan. Saya mundur sedikit pun tidak sebab saya tahu rakyat di kawasan saya berdiri 100% di belakang saya. Jadi, kalau siapa-siapa yang berhasrat hendak melawan saya silakan. Datanglah beramai-ramai, berbarislah mereka yang bertanding untuk melawan saya. [Tepuk]

Dia kata Yang Berhormat Bung cakap kotor. Oh, kau cakap kotor dengan saya boleh, saya cakap kotor tidak boleh. Saya YB, YB juga tapi kalau orang bagi kita racun, jangan harap saya balas dengan susu. Saya bagi dia racun juga.

Inilah sebetulnya yang harus kita realisasikan. Jadi, seharusnya perkara sebegini tidak berlaku. Ruang-ruang yang sebegini. Kementerian yang penting seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini yang menjadi nadi pembangunan rakyat di Kinabatangan, di Sarawak yang telah banyak memberi banyak kemenangan kepada kerajaan. Seharusnya menjadi satu *priority* (keutamaan), diberikan peruntukan yang lebih lagi untuk memastikan bahawa setiap perancangan yang diminta oleh wakil rakyat itu akan mendapat balasan respons yang baik. Sekarang ini sudah musim tengkujuh, hujan lebat sana sini. Jalan raya ada yang tidak boleh dihubungi, jambatan putus dan sebagainya. Akan tetapi oleh kerana kucupan peruntukan itu, maka tidak dapat kita realisasikan permintaan-permintaan daripada rakyat.

Seterusnya, iaitu berhubung dengan Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu pengubahsuaian sempadan. Saya ingin menyentuh persoalan ini sebab Kinabatangan ini kawasannya sebesar negeri Pahang. Besar sedikit daripada negeri Pahang. Jadi, kalau mungkin pun tidak boleh ditambah sebab masalah pengundi tidak begitu ramai, saya meminta supaya kalau boleh ditambahkan satu Dewan Undangan Negeri. Seperti awal-awal cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu menambah satu Dewan Undangan Negeri untuk memudahkan memberi perkhidmatan kepada rakyat dan memudahkan wakil-wakil rakyat memberi tugas yang berkesan kepada rakyat. Oleh sebab kawasan yang sebegini besar dengan wakil rakyat satu orang

Ahli Parlimen, dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri, memungkinkan urusan-urusan rakyat itu tergendala.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Beluran pun dalam keadaan yang sama Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya tahu. Beluran pun sama dan saya juga meminta kalau boleh dikaji bersama kawasan-kawasan yang terlalu luas ini untuk ditambah. Kalau tidak boleh ditambah Parlimen sebab mungkin pembangkang bimbang tapi tambahlah kerusi Dewan Undangan Negeri. Ini bukan semata-mata untuk menang tetapi untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Barulah kita boleh membicarakan soal keadilan yang sejagat.

Tadi saya mendengar bagaimana Yang Berhormat Gelang Patah. Saya tidak tahu dia ada gelang tapi gelangnyanya terus patah. Dia 15 tahun yang lalu pun dia bicara soal rasuah dan rasuah ini kalau bukan UMNO, Barisan Nasional lah. Akan tetapi itulah kata orang, telunjuk lurus, kelingking berkait. Dalam DAP rasuah dia tidak nampak. Hari-hari ada sahaja pemimpin ahli DAP keluar surat khabar, *criticize* pemimpin-pemimpin dia tetapi Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Seputeh langsung tidak bersuara.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini butiran mana ya? Bukan di bawah Jabatan Perdana Menteri lah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya respons kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Dia bicara soal rasuah. Sedangkan rasuah sudah menurun. Rasuah dalam DAP, Yang Berhormat Gelang Patah tidak nampak. Sampai hari ini Jawatankuasa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat, habiskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Dia pun tidak boleh bermesyuarat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, duduklah Yang Berhormat Seputeh. Masa sudah habis.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kinabatangan respons kepada Yang Berhormat Gelang Patah, sudah jadi Menteri kah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya respons kepada Yang Berhormat Gelang Patah tidak perlu jadi Menteri. Tidak Menteri pun boleh Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Belum jadi Menteri jangan cuba hendak jadi menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab Yang Berhormat Gelang Patah berbicara membohongi Dewan. Dia memesongkan Dewan. Yang rasuah sebetulnya DAP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Di Pulau Pinang. Harga paling mahal dalam Malaysia, di Pulau Pinang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, duduk Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dr. Mahathir yang sendiri kata politik wang dalam UMNO dalam pemilihan ini sangat serius.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Di Pulau Pinang tidak boleh menawarkan harga yang murah kepada rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis dan sekarang masa rehat Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, saya gulung Tuan Pengerusi sebelum habis. Saya gulung...

**Beberapa Ahli:** Sambung! Sambung!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak boleh. Sudah habis. Oleh kerana itu saya melihat bahawa Yang Berhormat Gelang Patah tadi ucapannya, dia *keep on repeating* supaya pembohongannya kepada rakyat itu diteruskan. Di Pulau Pinang, rumah paling mahal dalam Malaysia di Pulau Pinang. Orang miskin tidak boleh beli rumah tetapi dia kata kerajaan dia baik. Kerajaan dia meniru Umar Abdul Aziz. Apa yang meniru? Apa yang takburnya? Dia hendak harga rumahnya mahal supaya dia cepat kaya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habis ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dan anak-beranak dia cepat kaya tetapi Yang Berhormat Ipoh Barat sama Yang Berhormat Seputeh tutup mulut sebab takut dengan pemimpin-pemimpin DAP. Tuan Pengerusi, saya terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu. Sepuluh minit, ya?

**2.32 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya ingin berbahas pertama sekali di bawah maksud Bekalan 6 dalam tajuk 040000 – Majlis Keselamatan Negara (MKN). Tidak lama sebelum ini kita dapat satu dokumen yang telah didedahkan oleh Snowden, seorang *whistleblower* yang telah menyatakan bahawa ada satu operasi secara sulit yang dinamakan – kod namanya adalah ‘*State Room*’ yang telah mengesahkan bahawa Malaysia adalah di antara negara-negara yang Amerika Syarikat melaksanakan pengintipan. Dengan *interception* telefon kita, dengan radio dan telekomunikasi. Setelah pendedahan ini, dengan kecewanya kita tidak nampak Kerajaan Malaysia mengambil satu pendirian yang sangat tegas. Hanya pada 2 November iaitu tiga hari selepas pendedahan ini, kita menyatakan kekesahan dan protes secara lisan terhadap Amerika Syarikat dan juga Australia.

Akan tetapi yang saya ingin tahu ialah sama ada kerajaan mengenal pasti lokasi-lokasi dan operasi ini kerana ini memang adalah ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Kalau sebuah negara asing, dengan menggunakan *facility* di pejabat kedutaannya untuk melakukan pengintipan (*spying*) terhadap kita. Lebih kecewa lagi ialah *state department*–jurucakap *State Department* Amerika Syarikat kata dengan izin, *spying allegation will not affect US–Malaysian tight*. Saya ingin dapat pendirian daripada Majlis Keselamatan Negara sama ada ini kita boleh lakukan atau tidak atau sebaliknya, adakah kerajaan mengambil satu pendirian yang tegas termasuk negara-negara di NASA pun, *Germany* dan lain-lain, mereka mengambil satu pendirian yang tegas untuk meminta negara sahabat kita iaitu Amerika Syarikat dan Australia untuk berjanji tidak akan melaksanakan, tidak akan meneruskan dengan operasi ini. Secara telus juga menyatakan dan memaklumkan kepada kita apa yang telah dilakukan. Satu perjanjian harus ditandatangani seperti *Germany* dengan Amerika Syarikat supaya tidak berulang lagi.

Kedua, saya juga ingin dalam Maksud B.8 di bawah tajuk Peguam Negara, butiran perkhidmatan 010000 dan juga 040000 – Penasihat. Pada 7 Oktober tahun ini, bekas Timbalan Ketua Polis, Dato’ Mat Zain telah memfailkan satu *statutory declaration*, satu pengakuan bersumpah menyatakan satu perjumpaan sulit telah berlaku di Sri Kembangan yang dihadiri oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir, Shafee, seorang peguam yang terkenal mewakili kerajaan dan Perdana Menteri, Ramli Yusof yang juga pegawai tinggi polis dan setiausaha akhbar kepada bekas Perdana Menteri iaitu Matthias Chang.

Antara yang telah dibincangkan ialah bagaimana Peguam Negara telah memalsukan satu peta Pulau Batu Putih yang akhirnya menyebabkan kita kalah dan terpaksa serah kepada Singapura pada tahun 2008. Akan tetapi bagi saya yang lebih serius adalah satu pengakuan dari bekas Perdana Menteri bahawa dua orang penasihat yang berasal dari CIA berpangkalan di Pejabat Peguam Negara. Sehingga hari ini, tidak ada penafian. Setahu saya, ramai kawan-kawan dalam peguam memang pernah bertemu dengan dua orang warga asing berkhidmat di Pejabat Peguam Negara. Kita ingin tahu sama ada status mereka adalah penasihat, apakah misi mereka di dalam Peguam Negara? Adakah mereka diupah, dibawa untuk kepakaran tertentu dan kita ingin tahu?

Akhir sekali saya juga dapati bahawa Peguam Negara, mungkin berkaitan dan mungkin tidak berkaitan. Kebelakangan ini kita telah banyak bekerjasama untuk menangkap warga-warga dari negara Arab atau Iran yang dituduh atau didakwa oleh pihak Amerika Syarikat kerana melanggar *sanction*. Kempen pemulauan terhadap Iran sebagai negara sahabat kita. Setahu saya, sekurang-kurangnya dua orang yang telah ditangkap, didakwa dan ditahan. Ada kemungkinan dihantar ke Amerika Syarikat atas permintaan Amerika Syarikat. Saya ingin dapatkan penjelasan. Sudah, kita telah bekerjasama dan melakukan tangkapan sebab banyak orang telah ditangkap.

Semua perkara yang saya bangkitkan ini adalah melibatkan kedaulatan dan keselamatan negara. Kita harap tindakan yang tegas untuk menunjukkan negara kita adalah negara yang merdeka, tidak terjejas prestasi negara kita sebagai anggota NAM dan juga OIC. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tenom.

### 2.39 ptg.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud Bekalan B.6, Butiran 390000 – Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi Pelaburan Sabah (SEDIA). Tuan Pengerusi, kalau kita lihat, Iskandar Malaysia yang terletak di Johor, mereka sudah bersedia untuk mencapai pelaburan sehingga RM100 bilion selepas mencatatkan pelaburan terkumpul sebanyak RM99.79 bilion sehingga akhir tahun 2012.

#### ■1440

Kita lihat mereka begitu agresif dalam usaha promosi untuk menarik lebih ramai pelabur ke Iskandar Malaysia yang mana projek pemangkin seperti *Legoland Malaysia* mula membantu mengukuhkan nilai promosi Iskandar Malaysia di platform global dan Tuan Pengerusi, saya hendak tahu, apakah yang SEDIA telah lakukan setakat ini dan kalau lihat di negeri Sabah, ianya amat terkenal dengan keindahan alam semula jadi, kepelbagaian budaya dan kekayaan sumber hingga menjadikan sebuah negeri yang unik serta menjadi perhatian bukan sahaja rakyat di negara ini malah di seluruh dunia. Dengan adanya Gunung Kinabalu, Pulau Sipadan, hutan dara yang luas menghijau, Lembah Danum, Lembah Meliau, Ngarai Imbak serta kehadiran hidupan liar seperti Orang Utan dan gajah pigmi menarik jutaan pelancong sebagai penyelidik dari serata dunia berkunjung setiap tahun.

Keunikan masyarakatnya juga merangkumi lebih 30 etnik dan kemampuan mereka hidup harmoni meski pun mengamalkan budaya, agama dan kepercayaan berbeza juga adalah kelebihan kedudukan negeri di bawah bayu, unik di mata dunia. Jadi saya nak tahu setakat manakah SEDIA hendak memastikan Sabah muncul sebagai negeri yang menerima pelaburan yang tertinggi termasuk memintas negeri bertaraf dunia seperti negeri di Semenanjung.

Saya juga ingin tahu Tuan Pengerusi, setakat manakah kemasukan pelaburan swasta yang telah dibawa masuk ke negeri Sabah sejak daripada tahun 2010 dan bolehkah pihak SEDIA nilai syarikat-syarikat multinasional dan asing yang telah membuat pelaburan dan akan membuat

pelaburan di negeri ini. Perlu juga diingatkan bahawa Sabah mempunyai sumber asli yang luas untuk diterokai dan apakah sumbangan SEDIA dalam menjayakan Koridor Pembangunan Sabah.

Butiran seterusnya Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 420100 iaitu berkenaan dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera iaitu TERAJU. Tuan Pengerusi, sedikit mengenai TERAJU, saya cuma hendak tahu, berapa ramaikah usahawan bumiputera di negara ini termasuklah daripada kawasan saya yang telah dikenal pasti oleh pihak TERAJU dan saya juga ingin tahu, apakah TERAJU juga bergerak secara mobil ke kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan saya dalam mengenal pasti usahawan-usahawan yang berpotensi, dan walaupun saya tahu TERAJU juga telah mempunyai pejabat di Kota Kinabalu tetapi pada pandangan saya, kadangkala soal logistik di negeri ini menjadi isu atau menjadi masalah. Jadi kita tidak mahu nanti ada antara usahawan-usahawan yang berpotensi terutama di luar bandar ini akan tercicir dan lebih-lebih lagi kerajaan dalam Bajet 2014 pada tahun hadapan, ada mengumumkan mengenai Skim Permulaan Interprenur Baru Bumiputera atau SUPERB.

Jadi saya hendakkan penjelasan apakah rangka kerja baru SUPERB ini mampu untuk menjana hasil yang jauh lebih berkesan berbanding dengan skim pembiayaan mikro yang sedia ada, dan saya juga ingin mengetahui adakah di bawah SUPERB ini mempunyai petunjuk prestasi utama (KPI) Tuan Pengerusi tertentu, serta rangka kerja yang lebih menyeluruh dalam menyelaraskan supaya hasilnya akan mendapat dengan lebih tepat dan perkara ini perlu disegerakan dan saya harap pengumuman khusus dan perincian skim ini akan dibuat supaya kita tidak tertunggu-tunggu.

Dan berkenaan dengan isu seterusnya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 43000 berkenaan dengan Talent Corp ini. Saya ingin membangkitkan di bawah butiran tersebut dengan mencadangkan supaya TalentCorp ini diberikan peruntukan yang lebih besar dalam bajet akan datang dan pada tahun hadapan, sejumlah peruntukan sebanyak RM54.45 juta bagi perbelanjaan membangun yang mana merupakan satu jumlah yang agak besar, namun saya mengesyorkan supaya TalentCorp diberikan peruntukan yang lebih besar. Hal ini kerana TalentCorp memikul satu tugas yang besar, memandangkan ia merupakan pihak yang bertanggungjawab di dalam membentuk dan memudahkan inisiatif bagi menangani adanya bakat selaras dengan keperluan transformasi negara melalui tiga teras strategik iaitu mengoptimumkan bakat Malaysia, menarik dan memudahkan bakat global dan membina rangkaian bakat terbaik. TalentCorp menjadi penghubung antara sektor awam dan juga swasta bagi memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar dan inisiatif yang memudahkan untuk memupuk dan menarik serta mengekalkan bakal terbaik untuk negara kita, Tuan Pengerusi.

Antara fokus utama TalentCorp adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi pulang ke negara kita. Para pelajar yang sedang menyambung pelajaran di luar negara, dan juga para profesional Malaysia yang sedang bekerja di luar negara, merupakan *talent pool* yang harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sejak daripada 2011, dana sebanyak RM65 juta telah diperuntukkan kepada TalentCorp yang bukan hanya untuk program membawa balik pakar REP, tetapi juga untuk menarik dan memupuk bakat ataupun pakar.



Semenjak REP dilaksanakan, ia telah membawa balik lebih kurang 2105 rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang dan berkhidmat di negara kita. Berdasarkan juga kepada Laporan Bank Dunia Tuan Pengerusi, lebih sejuta rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara. Seorang daripada setiap tiga orang mempunyai kepakaran tinggi. Berdasarkan kepada nisbah ini, kita dapat melihat begitu ramai rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran yang tinggi tetapi hanya sebilangan kecil dengan peratusan yang kecil sahaja yang pulang ke negara kita melalui program ini.

Apakah program REP yang telah dijalankan bagi membawa pulang bakat atau pakar Malaysia di luar negara ini benar-benar telah mencapai matlamat selama ini Tuan Pengerusi? Dan adakah aspek gaji, kos sara hidup dan juga faktor kesamarataan menjadi punca utama mengapa bakat negara tidak mahu pulang ke negara kita? Dan apakah tindakan yang akan dan telah diambil bagi menangani menerusi peruntukan yang telah diberikan, Tuan Pengerusi dan sememangnya mereka merupakan aset negara memandangkan negara kita amat memerlukan kepakaran mereka terutama dalam bidang kritikal seperti kejuruteraan dan juga perubatan.

Jumlah yang telah dibawa pulang hanyalah sedikit sahaja berbanding jumlah pakar yang kita ada. Jadi melalui peruntukan yang besar ini, banyak penambahbaikan menerusi inisiatif-inisiatif yang ditambah baik boleh dilakukan di dalam TalentCorp terutamanya di dalam memastikan bakat pakar ini dapat diserap kepakaran mereka untuk berkhidmat di dalam negara kita. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh.

**2.47 ptg.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, dan salam sejahtera kepada semua Yang Berhormat.

Saya merujuk kepada B.6, Butiran 270000 di bawah tajuk Suruhanjaya Hak Asasi (SUHAKAM) dan *insya-Allah*, saya juga akan menyentuh Butiran 280000, Butiran 040000, dan juga Butiran 050000.

Pertama, kita melihat bajet untuk sektor yang meningkatkan kapasiti, kualiti dan juga prestasi demokratik negara seperti SUHAKAM hanya dinaikkan pada kadar RM1 juta daripada RM9,600,000 kepada RM10,633,000.

Tuan Pengerusi, umum melihat SUHAKAM seperti dianaktirikan oleh pihak kerajaan sedangkan fungsi SUHAKAM yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 sebagaimana yang telah dinyatakan dalam seksyen 4(1), adalah untuk memupuk kesedaran, dan menyediakan pendidikan berhubung hak asasi manusia, menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan serta tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil, serta menyiasat aduan berkenaan pelanggaran hak asasi manusia.

Maka selayaknya SUHAKAM ini diberikan keutamaan bajet dan juga keutamaan mandat yang lebih besar dan juga lebih luas. Sebagai contoh, perkara mengenai dengan keahlian SUHAKAM yang diserahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri. Ini membatasi mandat SUHAKAM, dan perkara ini juga bercanggah dengan piagam hak asasi manusia yang telah dicapai di Paris. Malah Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) juga pernah menegur kerajaan kerana melarang SUHAKAM daripada menyiasat aduan pencabulan hak asasi yang telah dibawa ke mahkamah.

#### ■1450

Lebih malang apabila ada pihak yang lebih menekan atau pun meletakkan beban kepada SUHAKAM. Sebagai contoh Ketua UMNO Bahagian Cheras suatu ketika pernah menuduh SUHAKAM bahawa ianya lebih cenderung kepada pembangkang dalam menangani pelbagai isu dalam negara kita. Mungkin beliau rujuk kepada isu BERSIH 2.0 dan BERSIH 3.0 yang pernah berlaku dalam negara kita.

Jadi, ini adalah satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Sementara Butiran 280000 berkaitan dengan Institut Integriti Malaysia (IIM), saya melihat Bajet IIM ini juga hanya naik RM0.5 juta daripada sebelumnya RM11,200,000 kepada RM11,738,000. Sedangkan fungsi IIM ini, Institut Integriti Negara ini adalah untuk mempromosi dan Kempen Integriti Amanah. Sekaligus membantu SPRM dalam usaha untuk menghasilkan penjawat awam, swasta, agensi kerajaan yang amanah dan telus dalam khidmat dan juga kerja mereka. Agensi ini perlu diberikan bajet yang selayaknya. Malangnya saya lihat perbelanjaan negara banyak dibazirkan kepada perkara-perkara yang tidak memberi keuntungan besar kepada negara dan juga rakyat seperti kepada lantikan politik.

Umpamanya membiayai hanya lima orang penasihat di JPM sahaja hampir mencecah RM1.7 juta setahun. Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, saya suka untuk mengingatkan diri saya dan kita semua dengan memetik firman Allah [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] "*Sesungguhnya orang-orang yang membazir ini dalam perbelanjaannya adalah merupakan saudara syaitan dan adalah syaitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya*". Mudah-mudahan kita tidak terjebak dalam perkara-perkara yang membawa kepada pembaziran.

Sebagai contoh, satu lagi pengurusan yang membazir, yang ingin saya bukakan di sini ataupun ulangi sekali lagi di sini ialah apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah menjawab soalan Ahli Parlimen Seremban berkaitan dengan bil elektrik bagi kediaman rasmi Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana bil api sahaja RM2.2 juta untuk tahun 2012. Bil air sampai RM311,000. Kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri bil elektrik sampai RM865,000 yang mana saya lihat bil elektrik di kediaman rasmi dua pemimpin ini mencecah RM8,500 sehari. Ini makin meningkat berbanding hanya RM6,000 pada tahun 2011 untuk bil elektrik dalam tempoh sehari.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa bil elektrik yang mencecah RM2.2 juta di Seri Perdana ini bukan hanya untuk kediaman rumah Perdana Menteri sahaja tetapi adalah meliputi keseluruhan kompleks. Persoalannya ialah kompleks rumah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ini ada agenda apa sebenarnya? Majlis apa yang dibuat, parti apa yang

dibuat sampai pecah RM8,500 bil sehari dan mencecah RM2.2 juta setahun? Jadi, ini adalah satu amalan pembaziran yang saya kira sangat merugikan kewangan negara kita.

Begitu juga saya melihat Jabatan Perdana Menteri ini memiliki seramai 40,558 kakitangan dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM5.74 bilion bagi tahun 2012. Tahun 2013, kakitangannya meningkat 40,602 dengan perbelanjaan mengurus RM5.86 bilion. Tuan Pengerusi, ramainya penjawat bukan menjadi ukuran keberkesanan polisi Jabatan Perdana Menteri. Pembaziran ini perlu diberikan perhatian, pembaziran akaun bukan sahaja membazir tetapi dia juga menunjukkan prestasi lemah JPM itu sendiri. Saya lihat kakitangan JPM ini penjawat kelima tertinggi selepas Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Dalam Negeri.

Ketiga Tuan Pengerusi, Butiran 040000 – Majlis Keselamatan Negara (MKN). Apa rasionalnya bajet Majlis Keselamatan Negara dikurangkan terlalu banyak sehingga dipotong RM462 juta iaitu daripada RM543.400,000 kepada RM81,175,000. Penurunan kadar RM462 juta sedangkan negara kita ini kalau kita lihat baru sahaja dikejutkan dengan serangan Gerila Sulu di Lahad Datu tempoh hari yang menunjukkan keadaan negara kita yang sangat terancam dan terdedah kepada ancaman...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sudahlah dicampur dengan keselamatan dalam negeri dengan peningkatan jenayah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh, gulung.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Yang semakin runcing dengan jenayah yang juga tidak terkawal daripada satu hari ke satu hari. Akhir sekali, merujuk kepada Butiran 050000 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Saya ingin menegaskan beberapa perkara:

- (i) JAKIM mestilah mempelopori usaha-usaha untuk menyeragamkan dan menguatkuasakan undang-undang syariah di seluruh negara kita supaya ianya tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam khususnya dan ini adalah satu usaha yang sangat penting;
- (ii) JAKIM mestilah dapat membincangkan soal pengurusan zakat secara sistematik di setiap negeri dan memberikan laporan kedudukan kutipan dan pengagihan zakat pada setiap tahun. Jangan hanya mengutip tetapi bagaimana soal pengagihannya;
- (iii) sistem zakat negara mestilah dapat dikoordinasi dengan program kesejahteraan rakyat di peringkat Kerajaan Persekutuan; dan
- (iv) kita dimaklumkan pada tahun 2012 di mana pihak JAKIM telah melakukan 67 program penyelarasan peningkatan kualiti penyelidikan Islam di sekolah-sekolah agama negeri dan juga sekolah agama rakyat di Malaysia. Soalnya, apakah ia benar-benar dilaksanakan? Ini kerana, saya

melihat ia masih terlalu lemah seperti menaik taraf sistem pembelajaran yang melibatkan soal *syllabus* dan juga persekitaran bangunan tempat belajar yang masih uzur dan berisiko.

Saya juga mengesyorkan supaya kerajaan menambah elaun guru Kafa dan juga mengembalikan geran per kapita kepada sekolah agama rakyat mengikut jadual yang sewajarnya.

Penutupnya, akhirnya Tuan Pengerusi berhubung dengan gerak kerja tersebut, adakah pihak JAKIM telah melakukan kajian mengenai dengan tahap penghayatan agama di kalangan para pelajar kita. Jika ya, harap dikemukakan apakah hasil daripada kajian tersebut? Ini kerana umum melihat pada hari ini tahap penghayatan agama di kalangan pelajar, remaja, generasi muda sangat membimbangkan kita dan inilah fenomena yang telah menyumbang sedikit sebanyak kepada pertumbuhan sosial yang negatif dan akhirnya berakhir dengan jenayah yang menakutkan dalam negara kita. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**2.58 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk B.6 030000, 040000, 050000, 210000 - Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Satu unit yang cukup penting dalam usaha untuk menjayakan pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Saya fikir bahawa kerajaan mesti secara berterusan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan unit ini kerana ini merupakan unit di barisan hadapan bagi membolehkan pelaksanaan projek-projek bangunan dapat berjalan dengan licin dan tersusun.

Sudah tentu dalam perkara ini, saya harap bahawa keputusan dibuat supaya saya dengar ada cadangan-cadangan di negeri Perak misalnya Pejabat ICU di peringkat daerah hendak ditutup kerana akan dipusatkan semula di peringkat negeri dan banyak projek-projek pembangunan akan dibuat melalui pejabat daerah sebagaimana amalan sebelum ini.

■1500

Saya fikir perkara ini perlu dikaji semula kerana kita ingin pastikan supaya pelaksanaan projek pembangunan dapat benar-benar berjalan. Kalau semua projek pembangunan dipusatkan di pejabat daerah sahaja, ini akan menyebabkan pertambahan kerja di pejabat daerah yang seharusnya menumpukan kepada pelaksanaan soal-soal tanah dan sebagainya. Oleh sebab itu saya minta supaya pihak ICU mengekalkan perkhidmatan ICU di peringkat daerah ini kerana ia membantu mempercepatkan *delivery system* dan sebagainya, pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya projek-projek kecil yang mana pada tahun hadapan kita difahamkan akan ada banyak projek di peringkat kecil hendak dilaksanakan. Itu saya cadangkan supaya dikekalkan malah ditambahkan dari segi pegawai dan sebagainya.

Saya ingin merujuk Butiran 040000 - Majlis Keselamatan Negara (MKN). Fenomena perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini memungkinkan supaya kita bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Kita hari ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada rakan-rakan kita yang berada di Filipina termasuklah Majlis Keselamatan Negara yang memberi perkhidmatan kepada rakyat di Filipina. Kita tentu memohon kepada Allah SWT supaya bencana berkenaan tidak berlaku di negara kita. Namun demikian, kita mesti membuat persediaan supaya walau pun kita tidak jangkakan perkara berkenaan berlaku dan mungkin dari segi kajian cuaca dan sebagainya tidak mungkin perkara itu berlaku di negara kita tetapi kita tidak boleh menolak takdir dan sebagainya.

Oleh sebab itu, saya ingin meminta penjelasan daripada Majlis Keselamatan Negara, apakah persediaan-persediaan yang dibuat atau dilakukan untuk menghadapi sebarang kemungkinan? Apakah kita ada membuat latihan yang melibatkan seluruh agensi kerajaan, jabatan, rakyat diberi pengetahuan untuk membuat persediaan-persediaan kepada sebarang kemungkinan pada perkara-perkara yang tidak pernah berlaku? Kita tidak pernah jangkakan gempa bumi mungkin tidak berlaku dalam negara kita tetapi unsur-unsur sudah ada kita lihat di Janda Baik, Tawau dan sebagainya. Ini kemungkinan-kemungkinan yang memerlukan supaya persediaan dibuat.

Untuk itu juga, saya harap supaya jawatankuasa keselamatan ini diaktifkan. Jawatankuasa Majlis Keselamatan peringkat daerah ini diaktifkan segera dan ditambah nilai dengan peruntukan-peruntukan dan sebagainya untuk membuat persediaan di peringkat daerah ini, dan SOP perlu dibuat. Untuk itu juga, saya ingin cadangkan supaya di negeri Perak misalnya, Majlis Keselamatan Negeri dan diwujudkan di peringkat-peringkat daerah kerana saya difahamkan ada daerah yang tidak ada kewujudan pejabat keselamatan daerah.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ini sebuah jabatan kerajaan yang perlu ditingkatkan, ditambah nilai dari segi peruntukan dan pegawai-pegawai, kerana hari ini isu yang sedang dihadapi begitu hebat sekali. Kita sedang berhadapan dengan ancaman amalan Syiah di negara kita misalnya. Oleh sebab itu peruntukan mesti ditambah, prosedur mesti ditingkatkan, kualiti pendakwah kita mesti ditingkatkan dan cara dan pendekatan kita melalui media dan pelbagai saluran mesti ditingkatkan, ditambah nilai dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Oleh sebab itu saya ingin bertanya kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, apakah langkah-langkah pembaharuan yang dibuat untuk membolehkan kita benar-benar menangani isu-isu ketika ini mengikut cara dan pendekatan yang sesuai dengan perubahan yang berlaku pada hari ini?

Saya ingin merujuk kepada Butiran 210000 - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Ini satu lagi agensi jabatan kerajaan yang perlu diberikan perhatian yang begitu serius dan bersungguh-sungguh oleh pihak kerajaan kerana isu perpaduan di kalangan rakyat ini menjadi satu isu yang jika tidak ditangani dengan baik, ia boleh mengundang kepada sesuatu yang tidak baik kepada negara kita. Oleh sebab itu saya harap supaya pihak kerajaan melakukan pelbagai

usaha untuk menambahkan dan meningkatkan lagi keupayaan jabatan-jabatan perpaduan negara di peringkat-peringkat daerah ini. Tambahkan pegawai, tambahkan peruntukan dan program.

Program mesti dipelbagaikan, kerana saya lihat kebanyakan program yang dibuat oleh Jabatan Perpaduan Negara masih lagi bersikap lama, tidak berubah-ubah. Adalah perubahan sedikit tetapi dari segi kehadirannya masih lagi di kalangan mereka-mereka yang telah berumur. Kumpulan sasaran iaitu golongan muda masih lagi tidak ramai yang mengikuti program ini. Ini mesti ditingkatkan dan disesuaikan dengan keadaan semasa. Oleh sebab itu saya harap Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ini mesti ditingkatkan dan ditambah nilai dari segi peruntukan pegawai dan sebagainya.

Akhir sekali mengenai Butiran 430000 - TalentCorp. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan pihak yang berkaitan, apakah kejayaan-kejayaan yang telah pun dicapai melalui perwujudan TalentCorp ini? Saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri, kalau kita bandingkan dahulu, bagaimana keadaannya pada hari ini? Apakah kita telah pun mencapai sasaran dengan kewujudan TalentCorp ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

### 3.06 ptg.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya mengenai B.8 – Jabatan Peguam Negara, Butiran 070000 - Pendakwaan.

Tuan Pengerusi, sejak tahun 2009 apabila Yang Berhormat Batu telah mendedahkan ada beberapa orang VVIP telah menggunakan khidmat *money changer* untuk menghantar wang secara haram ke luar negara, telah berkali-kali saya bangkitkan satu isu berkenaan dengan bahawa salah seorang VVIP tersebut ialah Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dato' Seri Mohamad Hasan. Bertahun-tahun kita tanya tidak dapat jawapan.

Akhirnya pada 11 Julai yang lepas, saya bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, kepada SPRM status siasatan tersebut. SPRM telah menjawab soalan saya menyatakan bahawa kertas siasatan telah pun diselesaikan dan dihantar kepada Jabatan Peguam Negara. Saya hendak tanya yang pertamanya sekali, apakah cadangan daripada SPRM ke atas kes tersebut? Adakah SPRM mencadangkan supaya pihak Jabatan Peguam Negara untuk mendakwa Dato' Seri Mohamad Hasan?

Saya *follow-up* dengan satu lagi soalan kepada Jabatan Peguam Negara melalui soalan saya bertarikh 25 September 2013 dengan bertanya mengapakah Peguam Negara belum mengambil tindakan pendakwaan terhadap Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Mohamad Hasan dalam kes tersebut? Jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa Jabatan Peguam Negara telah meneliti hasil siasatan berkenaan kes ini. Wang RM10 juta tersebut didapatinya bukan hasil perbuatan rasuah. Jabatan Peguam Negara berpendapat lebih wajar tindakan diambil terhadap pengurup wang tersebut.

Tuan Pengerusi, isu di sini bukan sama ada wang itu haram atau halal. Isu di sini ialah cara yang digunakan untuk menghantar wang tersebut ialah haram. Apabila cara itu haram, ia tidak menghalalkan wang tersebut. Persoalan di sini mengapa tidak ada satu pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara terhadap Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dato' Seri Mohamad Hasan dalam kes tersebut?

Pada 9 November yang lalu, dalam satu artikel *the Malaysian Insider* memetik bahawa, "A Malaysian tycoon had to pay nearly RM200 million in fines recently for illegal overseas remittances made through money changers in a Bank Negara crackdown that began four years ago, say sources. The Malaysian Insider understands that the tycoon, who has a Tan Sri honorific, had to settle the fine or face charges in court in the coming weeks".

Tuan Pengerusi, mengapa ada *selective prosecution* atau pendakwaan terpilih di sini? Adakah ada *double standard* dalam pendakwaan kita yang dilakukan oleh pihak Jabatan Peguam Negara apabila orang biasa atau pun peniaga hantar wang melalui satu cara yang haram iaitu *money changer* dikenakan denda atau pun tindakan, tetapi apabila Menteri Besar Negeri Sembilan yang merupakan seorang pemimpin dalam UMNO menggunakan cara yang sama, yang juga haram tetapi tidak dikenakan tindakan. Saya hendak tanya, berapakah denda yang telah dikenakan? Berapa juta ringgit yang telah dikenakan kepada Dato' Seri Mohamad Hasan? Mengapa tidak ada satu pendakwaan terhadap Dato' Seri Mohamad Hasan?

Saya pohon supaya pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab persoalan ini. Mengapa ada *double standard*? Mengapa ada *selective prosecution*? Kalau ada tindakan itu, bilakah tindakan itu akan diambil terhadap Dato' Seri Mohamad Hasan? Saya pohon supaya satu jawapan yang jelas diberikan di dalam Dewan yang mulia ini kerana perkara ini atau isu ini telah berlanjutan selama empat tahun, telah berlaku empat tahun. Belum ada tindakan! Sekarang ini masanya untuk mengambil tindakan dan saya pohon satu jawapan yang jelas diberikan oleh pihak Jabatan Peguam Negara.

#### ■1510

Isu yang kedua Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kos bil elektrik dan air yang telah dibangkitkan dan diberikan jawapan oleh pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu RM2.2 juta untuk bil elektrik dan RM300 ribu untuk bil air untuk tahun 2012 untuk kediaman rasmi Perdana Menteri. Semasa penggulungan di peringkat dasar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Arau telah menjawab mengatakan bahawa kos elektrik di Sri Perdana adalah yang terendah di seluruh dunia. *PM's Complex has cheapest energy bill in the world, says Minister* Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau kata boleh buat *comparison*, tetapi dia kata ini *observation*, ini paling murah tetapi tidak ada fakta, tanpa apa-apa butir-butir.

Yang Berhormat Arau, ini Dewan yang mulia. Cakap kena ada fakta. Yang Berhormat Arau kata kena bagi masa kepada dia untuk mencari fakta-fakta tersebut untuk buat *comparison* dengan tempat-tempat lain, dengan kediaman-kediaman rasmi pemimpin-pemimpin kerajaan yang lain. Saya pohon, Yang Berhormat Arau hari ini ada, supaya bagi fakta-fakta adakah ini terendah di seluruh dunia berbanding dengan mana? Janganlah banding dengan *White House*. *White House*

itu kediaman rasmi Presiden Amerika Syarikat, *super power*. Janganlah banding dengan *White House*. Bandinglah dengan negara-negara serantau dalam ASEAN. Tolong bagi fakta tersebut Yang Berhormat Arau supaya boleh bagi satu justifikasi sama ada perbelanjaan tersebut adalah yang terendah di seluruh dunia.

Kedua, berkenaan dengan kos penyelenggaraan pesawat yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia. Jawapan yang telah diberikan bahawa ada terdapat enam buah pesawat eksekutif yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Kos penyelenggaraan dan kos minyak untuk tahun 2012 berjumlah RM182 juta. Purata satu penerbangan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terbang sahaja ke atas langit, belanjanya RM480 ribu. Persoalannya, mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh menggunakan *commercial flight*, tidak boleh menggunakan penerbangan komersial?

Kerajaan Singapura, walaupun status kewangan mereka lebih kaya daripada kita, kerajaan Singapura tidak ada jet eksekutif. Perdana Menteri Singapura pergi ke mana-mana menggunakan *Singapore Airlines*. Apabila Kerajaan Pulau Pinang buat delegasi ke China, satu delegasi 21 orang pergi, kurang daripada RM100 ribu. Akan tetapi satu *flight* yang digunakan oleh Perdana Menteri, puratanya RM480 ribu. Itu pun kecoh satu Pulau Pinang, Barisan Nasional hentam Kerajaan Negeri Pulau Pinang kata, ini bazir sama dengan Barisan Nasional. Akan tetapi 21 orang delegasi, perbelanjaannya kurang daripada RM100,000, tetapi satu *flight* yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, puratanya RM480,000 sekali. Jadi saya pohon. Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Seremban. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Seremban, apakah Yang Berhormat Seremban sedia maklum bahawa pada ketika ini Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan mempunyai enam pesawat yang terpaksa diselenggarakan oleh kerajaan. Di antaranya pesawat *airbus Falcon Global Express* yang digunakan oleh Perdana Menteri. Apakah Yang Berhormat sedia maklum tentang fakta ini? Keduanya, apakah Yang Berhormat sedia maklum bahawa Perdana Menteri tidak pernah *travel* dengan menggunakan pesawat MAS? Sepanjang masa menggunakan *private aircraft, private jet* termasuk baru-baru ini ketika isteri Perdana Menteri pergi ke Qatar, juga menggunakan pesawat peribadi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Maka Yang Berhormat Seremban, bolehkah bantu kami apakah isteri Perdana Menteri juga mempunyai kelayakan untuk menggunakan *private jet* untuk membuat lawatan-lawatan ke luar negara? Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Gombak, pertamanya, jenama-jenama, model-model pesawat itu memang saya maklum kerana itu jawapan yg diberikan oleh Yang Berhormat Arau. So Yang Berhormat Arau ini saya puji kerana memberi jawapan secara terus-terang. Itu pun saya terima dan terima kasih kepada Yang Berhormat Arau.



Keduanya, ini sesuatu yang saya ketahui daripada Yang Berhormat Gombak bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah pakai penerbangan melalui MAS. Setahu saya, mana-mana pegawai kerajaan, Menteri atau pun *overseas trip*...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seremban, gulung.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Semua pegawai kerajaan perlu menggunakan MAS. Kalau pegawai kerajaan itu menggunakan syarikat penerbangan yang lain walaupun tambangnya lebih murah, ia tidak dibenarkan. Akan tetapi apabila saya mendengar dari Yang Berhormat Gombak kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menggunakan MAS, itu bagi saya sesuatu yang tidak boleh diterima apabila seorang Ketua Kerajaan yang mewakili kerajaan Malaysia tidak menyokong *national carrier* kita. Bagaimana MAS boleh meminta rakyat Malaysia untuk terus menyokong MAS apabila ketua kerajaan sendiri tidak menggunakan MAS? Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Gombak.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga, yang terakhir. Berkenaan dengan maksud pembinaan Butiran 93500 - Projek Khas. Saya melihat di sini bahawa anggaran yang dipinda pada tahun 2013 ialah RM1.672 bilion. Untuk tahun 2014, projek-projek khas ini hanya RM202,862,600. Persoalan saya ialah mengapakah ada satu perbezaan yang begitu ketara di sini? Apabila tahun 2013, peruntukan untuk projek-projek khas ini RM1.672 bilion. Adakah peruntukkan projek-projek khas ini digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk mengumpukan undi semasa PRU Ke-13? Akan tetapi untuk tahun hadapan, 2014 hanya RM202 juta.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan juga. Berkenaan dengan peruntukan projek-projek khas ini iaitu peruntukan terus daripada Jabatan Perdana Menteri kepada setiap kawasan Parlimen. Jawapan yang saya terima juga dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa untuk tahun 2014, peruntukan untuk setiap kawasan Parlimen adalah RM1 juta. Akan tetapi praktis selama ini oleh Kerajaan Pusat di bawah Barisan Nasional ialah untuk kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat dan pembangkang adalah tidak melalui Ahli-ahli Parlimen. Cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat tidak diambil kira. Akan tetapi wang ini di *park* di Pejabat Pembangunan Negeri dan keputusan dipengaruhi oleh Ketua-ketua UMNO Bahagian. Saya hendak tanya, bilakah Kerajaan Persekutuan akan menghormati keputusan rakyat? Sebanyak 51% pengundi Malaysia yang telah menyokong dan memilih 89 Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, sepatutnya diberikan hak untuk menentukan bagaimana peruntukan ini digunakan dan disalurkan kepada kawasan-kawasan Parlimen.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mulakan satu langkah yang baik dengan memberikan peruntukan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pembangkang di negeri Pulau Pinang iaitu daripada UMNO. Kita berikan kepada mereka untuk tentukan bagaimana peruntukan ini digunakan. Bilakah Kerajaan Pusat akan mengikut cara Pakatan Rakyat Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan peruntukan ini kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat untuk menentukan peruntukan ini disalurkan untuk kepentingan orang ramai di kawasan-kawasan kita wakili.

Terakhir Tuan Pengerusi. Majlis Keselamatan Negara - Butiran 480200. Ada satu peruntukan *One Off* - RM521,200,000. Saya hendak tanya, apakah kegunaan ini? Ini kerana satu peruntukan yang begitu besar RM521 juta tanpa apa-apa penjelasan, hanya dikatakan di sana *One Off*. Saya pohon supaya diberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini, apakah kegunaan peruntukan tersebut? Itu sahaja, Terima Kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gerik. Sila.

### 3.18 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima Kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya turut sama untuk membahaskan peruntukan di B.1 - Parlimen. Saya mohon bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, nampaknya dalam Parlimen itu disediakan peruntukan untuk tambah elaun. Sejauh mana elaun Ahli-ahli Parlimen akan dinaikkan?

B.3 - Jabatan Audit Negara. Dalam B.3 - Jabatan Audit Negara dilihat latihan telah diberikan kepada setiap pegawai kerajaan dan masih berlaku dalam *report* Audit Negara berlaku ketirisan dalam jumlah peratus yang kecil. Akan tetapi, apakah usaha pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Audit Negara dan lain-lain pemantau untuk memastikan laporan-laporan yang diberi komen oleh Jabatan Audit Negara dapat diselesaikan.

#### ■1520

Dalam B.5 – SPA, saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dilihat ramai yang sudah berpencen. Akan tetapi adakah kesemuanya yang berpencen tadi tempat yang kosong telah diisi dengan pengambilan yang baru? Kita dapati terutamanya di peringkat daerah-daerah kecil, kekosongan pegawai kerajaan kadang-kadang tidak diisi sepenuhnya menimbulkan masalah di mana jawatan tersebut sebenarnya masih ramai yang berkemampuan boleh diisi. Mohon Yang Berhormat Menteri meminta SPA untuk mengisikan jawatan tersebut.

Dalam B.6 suka saya menyentuh perkara FELDA di mana di FELDA ini kita sedar *FELDA Plantation* tidak dapat mengisi peneroka baru. Akan tetapi sebenarnya kawasan FELDA yang lama masih terdapat lot-lot yang kosong. Apakah perancangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendak mengisi peserta-peserta baru ataupun lot-lot kosong tersebut dibangunkan untuk generasi kedua bagi masalah kekurangan rumah-rumah? Ini yang kita lihat, kawasan FELDA yang dibangunkan kawasan yang berhampiran dengan bandar-bandar besar. Apa yang berlaku kawasan FELDA yang berada di kampung misal kata kawasan saya di Gerik FELDA Bersia, FELDA Lepar Hilir. Kita tahu masih ada lot-lot yang masih kosong.

Begitu juga kita berharap supaya perkara tadi boleh diselesaikan dan saya merasakan masih ramai generasi kedua, generasi ketiga berminat untuk mengisi tapak-tapak kosong kerana nampaknya menjadi peneroka mendapat pendapatan lumayan kecuali pihak yang tidak senang dengan FELDA senantiasa memberi gambaran yang tidak betul tentang FELDA. Perkara yang seterusnya ialah di bawah B.6 juga di Jabatan Perdana Menteri iaitu saya melihat pentadbir tanah

KPTG. Kita dapati banyak tanah-tanah kerajaan negeri telah anugerahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan ada juga beberapa tanah KPTG tadi sebenarnya tidak dibangunkan, tidak digunakan sepenuhnya.

Sedangkan bila ada cadangan-cadangan projek baru, maka Kerajaan Persekutuan bertanyalah kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan tanah-tanah baru daripada kerajaan negeri. Saya rasa adalah lebih baik pihak KPTG menyenaraikan mana-mana tanah Kerajaan Persekutuan yang tidak dibangunkan untuk kita bangunkan kepada pihak-pihak yang kita cadangkan di peringkat Persekutuan. Dengan secara tidak langsung, tanah-tanah tersebut dapat digunakan sepenuhnya janganlah kita jadikan ada dilihat tanah-tanah KPTG tempat-tempat yang cukup harganya tinggi adalah proposal-proposal yang tertentu untuk mengambil kesempatan meletakkan keuntungan yang lumayan sedangkan sebenarnya pembangunan untuk kementerian-kementerian sendiri pun tanah masih tidak cukup untuk kementerian-kementerian.

Masih lagi dalam B.6 - Koridor Utara. Saya hendak menumpukan kawasan Parlimen saya. Saya lihat ada peruntukan. Kita tahu koridor utara memberi tumpuan kepada pertanian, kepada pelancongan, kepada pengajian membentuk modal insan. Sejauh ini saya masih rasa dengan peruntukan yang disediakan ini tidak menampakkan pulangan yang balik terutamanya dalam Parlimen saya Parlimen Gerik. Saya berharap supaya peruntukan yang ada sama ada daripada kerajaan ataupun daripada pihak swasta supaya dapat dibangunkan Royal Belum, dapat dibangunkan bandar di Pengkalan Hulu.

Paling baru saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri kenapa Maybank di pekan Pengkalan Hulu hendak ditutup walaupun tidak memberikan keuntungan? Sedangkan kita tahu pekan kecil Pengkalan Hulu satu-satunya pekan yang bersempadan dengan Thailand. Adalah diharapkan jasa baik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Wahid supaya dapat mengekalkan cawangan Maybank di daerah kecil Pengkalan Hulu kerana pihak luar datang mungkin tidak menguntungkan tetapi yang penting satu tempat yang tidak untung, tetapi di tempat-tempat lain tetap juga untung seperti mana saya merasa cukup kecewa di Royal Belum, di Pulau Banding suatu ketika kita ada stesen minyak Petronas.

Akan tetapi kerana dapat tanah tersebut diperolehi oleh seorang usahawan MK sehinggakan stesen Petronas telah ditutup mengakibatkan penduduk asli, orang yang lalu daripada Kelantan ke Gerik dan pelbagai tadi tidak boleh menikmati kemudahan stesen Petronas. Apabila kita cari tapak yang baru, pihak Petronas kata kita mengira keuntungan sedangkan mereka sudah mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit, berbilion. Apakah salahnya kita berilah perkhidmatan di luar bandar supaya nikmatnya diperolehi oleh rakyat yang hendak lalu lalang di kawasan tersebut. Tambahan Royal Belum hendak jadi kawasan pelancongan, apakah masa kita bangunkan stesen Petronas kita tidak memikirkan soal tersebut? Bila mana sudah ditutup kita hendak cari tapak yang baru, lain pula ceritanya. Saya berharap pihak Petronas tolong tengok-tengok perkara tersebut.

Dalam perkara yang sama B.7 iaitu JPA. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sebab saya tidak berapa faham sangat soal pencen yang mana pencen diperolehi oleh suamikanh

ataupun isteri, tiba-tiba si isteri meninggal maka pencen yang isteri tadi bolehkah tidak, dapat pada suami? Perkara ini kadang-kadang ditanya, jawapan yang diberikan tidak berapa jelas. Mohon pihak JPA menjelaskan pencen-pencen yang boleh diperolehi sekiranya suami ataupun isteri mati, pencen terbitan dan pelbagai lagi untuk memastikan jawapannya dapat di...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** B.9 *last* sekali - SPRM. Saya berharap SPRM juga kalau dengar daripada pihak pembangkang sentiasa mempertikaikan kerajaan. Tolong-tolong tengok jugalah SPRM negeri pembangkang, pasir kita dengar kata, pertumbuhan rumah-rumah urut ini macam mana? Tolong-tolong tengok, jangan tengok di hadapan Kerajaan BN sahaja. Cuba tengok pihak yang mentadbir di kedua-dua negeri apakah mereka ini maksum tidak pernah membuat kesalahan sama sekali? Dengan ini saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ramai lagi ya. Kita cadang pukul 4 kita minta Menteri jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Eh! Nanti dulu. Nanti dulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gombak. 10 minit ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Gombak.

### 3.28 ptg.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam masa yang ringkas ini saya ingin merujuk kepada Butiran 250000 – Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang diperuntukkan sejumlah RM11.5 juta. Kita sedia maklum kalau melihat kepada objektif dan matlamat penubuhan UKAS, ianya berperanan untuk merancang, menyelaras, mengawal dan menilai projek-projek kerjasama awam swasta. Sudah tentulah di dalam membuat penilaian kerjasama yang dimaksudkan itu UKAS bertanggungjawab memastikan kepentingan kerajaan dan rakyat itu harus diutamakan.

Saya ingin merujuk kepada projek *KLIA Express* yang telah dianugerahkan kepada YTL dan juga Lembaga Urusan Tabung Haji. Walaupun Lembaga Urusan Tabung Haji merupakan rakan kongsi dalam projek ini, tetapi yang menerajui *KLIA Exspress* ini adalah syarikat YTL. Apa yang membimbangkan kita ialah setiap kali kita membeli tiket penerbangan, ianya ada pecahan-pecahan kos di dalam tiket tersebut.

#### ■1530

Di antara yang dapat saya kenal pasti butiran yang terkandung dalam setiap tiket yang dikenakan ke atas pelanggan ialah:

- (i) *fuel charge* ataupun cas bahan bakar;
- (ii) *government tax* atau cukai kerajaan;
- (iii) *airport taxes* ataupun kadangkala kita panggil *departure taxes*;

- (iv) cas perkhidmatan; dan
- (v) *passenger service charge* (PSC)

Walau bagaimanapun, saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk membantu mencerakinkan butiran-butiran yang terkandung dalam *charge* bagi setiap tiket. Apa yang menjadi perbincangan pada petang ini ialah saya ingin mengetahui apakah peratusan daripada *airport taxes* ini yang disumbangkan kepada *KLIA Express*. Saya dimaklumkan bahawa di dalam perjanjian yang telah ditandatangani di antara pihak kerajaan dengan YTL, sebahagian daripada caj PSC tadi disumbangkan kepada *KLIA Express* untuk memberikan subsidi kepada YTL. Kalau kita teliti angka pada hari ini, kita mempunyai 20 juta *outbound passengers* setahun yang menggunakan perkhidmatan KLIA. Maka, kalau seorang penumpang membayar RM5 di dalam tiketnya untuk disumbangkan kepada YTL, ini bermakna RM100 juta diberikan subsidi kepada syarikat YTL.

Oleh sebab itu saya tegaskan di awal tadi peranan UKAS itu cukup penting untuk memastikan perjanjian yang ditandatangani itu memberikan nilai dan kebaikan kepada kerajaan dan bukannya berpihak kepada syarikat swasta seperti YTL. Persoalan yang perlu ditanya ialah kalau subsidi gula kerajaan tarik, subsidi untuk rakyat kerajaan sanggup tarik. Mengapa subsidi kepada YTL melalui perjanjian yang jarang kita bahaskan, yang dibuat secara sulit, melibatkan kos sebanyak RM100 juta setahun tidak pernah dibentangkan di dalam Parlimen ini? Maka saya minta supaya perkara ini diteliti dan diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri.

Keduanya, ingin saya tahu apakah rasional cas ini dikenakan kepada semua penumpang melalui cas yang terkandung di dalam tiket penerbangan tersebut. Ini kerana bukan semua penumpang menggunakan perkhidmatan *KLIA Express*. Sebahagian besarnya masih lagi menggunakan perkhidmatan yang lain sesama ada *shuttle* bas, menggunakan kenderaan awam ataupun kenderaan persendirian. Akan tetapi perjanjian yang ditandatangani dengan YTL ini berat sebelah sehinggakan penumpang yang tidak menggunakan *KLIA Express* juga terpaksa dibebankan dengan kos yang saya maksudkan tadi.

Keduanya, yang ingin saya bangkitkan pada petang ini ialah berhubung dengan *passenger service charge* (PSC), kalau saya sempat teliti dalam Malaysia yang ringkas ini, PSC untuk *full service carrier* dianggarkan lebih kurang RM65 dan bagi syarikat penerbangan murah seperti AirAsia dikenakan RM35. Maksudnya di sini ialah sekiranya penumpang ini menggunakan tiket tersebut dan meneruskan penerbangannya, PSC ini perlu dibayar balik kepada kerajaan melalui Malaysia Airport Berhad (MAB).

Namun, apa yang saya dapat kutip dan teliti ialah masalah yang MAB hadapi dengan AirAsia kerana apabila penumpang tidak meneruskan perjalanannya ataupun membatalkan tiket penerbangannya, saya ingin tahu daripada kerajaan, apakah yang terjadi kepada *passenger service charge* (PSC) yang telah dikenakan dalam tiket AirAsia tersebut? Walaupun ada proses untuk mendapatkan *refund* tetapi prosesnya terlalu merumitkan sehingga ramai penumpang tidak mahu meneruskan proses tersebut dan kalau proses itu diteruskan, ia masih dikenakan caj di atas servis yang diberikan. Maka persoalan saya ialah, mengapa Malaysia Airlines boleh kembalikan PSC ini kepada kerajaan melalui MAB tetapi AirAsia diberikan kemudahan yang begitu bebas dan

tidak tertakluk kepada peraturan yang sama. Sekali lagi, saya kira pihak kerajaan melalui UKAS harus teliti perkara ini supaya pulangan dan nilai kepada kerajaan itu dapat kita pertahankan.

Ketiga, saya juga ingin merujuk kepada perkara yang sama iaitu *passenger service charge* (PSC) yang saya dapati caj yang dikenakan di terminal utama KLIA lebih tinggi daripada terminal baru KLIA 2 yang akan dibuka pada sebelum Mei tahun depan. Persoalannya, adakah KLIA 2 ini memberikan subsidi sekali lagi kepada AirAsia dengan mengenakan PSC yang rendah daripada KLIA yang ada sekarang? Sepatutnya, dengan kemudahan yang terancang, bangunan yang baru, kemudahan yang baik, PSC nya harus lebih tinggi daripada apa yang dibayar oleh Malaysia di KLIA sekarang. Akan tetapi apa yang dapat saya teliti, ada kemungkinan MAB sudah sampai ke satu tahap untuk bersetuju dengan pengurusan AirAsia di mana PSC yang dikenakan itu jauh lebih rendah daripada terminal utama KLIA sekarang.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada perbincangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada pagi ini berhubung monopoli yang dikuasai oleh Tan Sri Syed Mokhtar dalam industri gula dan juga beras negara. Saya rasa kerajaan harus bertanggungjawab untuk memberikan respons secara *detail*. Ini kerana walaupun penswastan ini dan industri ini diserahkan kepada seorang manusia yang bernama Tan Sri Syed Mokhtar tetapi jangan kita lupa kerajaan juga mempunyai *golden shares* di dalam syarikat tersebut.

Mengapa kerajaan tidak menggunakan kuasa yang ada sebagai pemegang *golden shares* ini untuk menghalang Tan Sri Syed Mokhtar daripada menggunakan pengaruhnya untuk membawa dan menguasai syarikat ini dan buat *deal listing* dan sekarang tidak menjaga kepentingan NAFAS, NEKMAT dan juga petani-petani yang lain? Sedangkan kerajaan yang sepatutnya bertanggungjawab sebagai pemegang *golden shares* ini untuk memastikan dalam apa juga projek-projek penswastan, kepentingan pesawah dan petani itu dilindungi. Akan tetapi *golden shares* ini tidak digunakan oleh kerajaan kerana sah kerajaan berpihak kepada Tan Sri Syed Mokhtar kerana beliau adalah kroni kepada UMNO dan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maka sekali lagi saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan mengapa Yang Berhormat Menteri dan kerajaan tidak menggunakan *golden shares* ini untuk menghalang kebebasan yang dikuasai oleh Tan Sri Syed Mokhtar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong. Berapa orang? Lima orang lagi.

### 3.38 ptg.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Maksud B.6 iaitu Butiran 420000 di bawah tajuk TERAJU. Kita sedia maklum bahawa TERAJU ataupun Unit Peneraju Agenda Bumiputera ini ditubuhkan sebagai satu unit

strategik di bawah JPM untuk menerajui, memacu dan menyelaras agenda bumiputera sebagai sebahagian daripada pelan transformasi negara. Ada beberapa soalan yang hendak saya utarakan. Antaranya adalah apakah status peserta yang terpilih dalam menyertai program Syarikat PKS Bumiputera Berteras Tinggi ataupun TeraS apabila mereka ini hendak disenaraikan di Bursa Malaysia.

Kemudiannya, saya juga minta supaya kementerian nyatakan kriteria pemilihan dan juga proses pemilihan syarikat yang terpilih. Berapakah jangka masa proses pemilihan ini diambil dan bagaimanakah TERAJU memilih ataupun menilai syarikat-syarikat yang dipilih? Apakah pendekatan yang bakal diambil oleh TERAJU yang berbeza dengan pendekatan agensi-agensi lain yang sebelum ini memandangkan TERAJU diberi kuasa yang meliputi bidang yang luas daripada keusahawanan, pendidikan, pekerjaan dan pembiayaan? Saya juga ingin kementerian untuk memaklumkan kriteria untuk syarikat yang ingin membuat permohonan kepada Skim Jaminan Modal Kerja di bawah TeraS.

■1540

Di bawah tajuk yang sama, saya juga ingin supaya TERAJU memaklumkan program-program kesedaran yang akan dilakukan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran bumiputera mengenai program TeraS ini dan apakah faedah-faedah yang akan dinikmati oleh PKS dalam menyertai program TeraS ini.

Seterusnya kepada B.2 di bawah Urusan Parlimen, Butiran 010000. Ada 81 skim untuk naik taraf jawatan yang diumumkan di dalam bajet. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk jawatan Bentara Parlimen. Jadinya, saya harap agar jawatan Bentara Parlimen ini dapat dimasukkan dan disenaraikan di dalam butiran yang saya nyatakan ini.

Seterusnya kepada Maksud B.6 untuk Butiran 430000 iaitu TALENTCORP. Memandangkan kali ini di dalam bajet yang telah dibentangkan, TalentCorp akan mengendalikan *flexi working arrangement* (FWA). Jadinya saya cuma hendak minta supaya kementerian menyatakan cara yang dibuat oleh pihak TalentCorp dalam mempromosikan FWA ini kepada majikan-majikan, agar penjelasannya biarlah terperinci dan dapat diteruskan atau dapat disampaikan kepada majikan-majikan yang berkenaan, dan apakah jenis-jenis promosi yang dirancang?

Mohon supaya ia dapat dinyatakan secara terperinci dan apakah kriteria majikan sasaran yang boleh menyertai program-program ini? Saya juga berharap bahawa di dalam program yang akan diatur ini, diharapkan salah satu daripada program kesedaran ini dapat dibawa ke kawasan Parlimen Parit Sulong. Dalam waktu yang sama, saya ingin mendapatkan sasaran kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang kembali untuk bekerja, dapat dinyatakan berapa peratus? Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan insentif lain seperti mungkin insentif potongan cukai untuk diberikan ke atas perbelanjaan latihan dalam mengambil semula profesional wanita yang telah berhenti kerja?

Seterusnya Tuan Pengerusi, adalah bagi Maksud P.6 bagi Butiran 04801 iaitu Pembinaan Masjid/Surau dan Pembaikan/ Naik Taraf. Saya menyokong butiran ini agar ia diluluskan. Akan

tetapi saya juga menyokong kalau sekiranya ada penambahan lagi daripada jumlah yang sedia ada, sebabnya kemudahan ini memang sangat diperlukan apabila ada sesuatu tempat kawasan penduduknya bertambah, maka perlulah juga pembinaan masjid atau surau dan seumpamanya ini juga dapat dibuat. Di kawasan Parlimen Parit Sulong ada satu kawasan perumahan yang penduduknya semakin hari semakin bertambah. Sekarang ini penggunaan untuk melakukan sembahyang Jumaat adalah dilakukan di dalam surau yang dibenarkan untuk melakukan sembahyang Jumaat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri juga penduduk kawasan ini ada 5,000 orang dan terdapat 1,125 buah rumah. Jadinya daripada peruntukan ini, saya berharap agar pembinaan masjid di kawasan ini iaitu di kawasan Parlimen Parit Sulong di Taman Seri Sulong dapat disegerakan dan dapat diluluskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

### **3.44 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Beberapa perkara. Satu ialah B.6 - Jabatan Perdana Menteri, Butiran 200000 ini ialah Jabatan Perangkaan. Sekarang kita menghadapi satu masalah dalam perumahan. Kami diberitahu bahawa satu per empat daripada keluarga di Malaysia ini tidak mempunyai rumah sendiri. Ini ertinya lebih kurang 1.6 juta keluarga tidak ada rumah. Saya rasa adalah amat penting untuk kita dapat tahu apakah pecahan pendapatan bulanan untuk keluarga ini? Berapa ramai daripada mereka dapat pendapatan bulanan di bawah RM3,000 sebulan, baru kita boleh aturkan strategik kita untuk membekalkan mereka rumah. Saya khuatir sekarang kita katakan rumah mampu milik, tetapi mungkin apa yang kita katakan mampu milik ini, tidak mampu milik untuk kategori ini kerana mereka ini ramai daripada pendapatan yang kurang. Saya harap Jabatan Perangkaan akan memberikan statistik yang terperinci berkenaan pecahan keluarga-keluarga ini.

Saya hendak bawa kepada Unit Perancang Ekonomi iaitu Butiran 020000. Soalan saya ialah, apakah amaun bayaran yang dikatakan sesuai ataupun munasabah untuk sesuatu keluarga yang dapat pendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Kita katakan mampu milik tetapi apakah ertinya mampu milik untuk keluarga yang dengan pendapatannya RM3,000 sebulan? Apakah kemampuannya untuk bayar? Satu lagi isu untuk Unit Perancang Ekonomi ialah isu kegawatan. Sekarang kita ada skim PR1MA yang mana tempoh bayaran adalah 30 tahun, 35 tahun. Dalam sistem ekonomi kita sekarang, kita akan menghadapi kegawatan sekali dalam mungkin lapan tahun ke sepuluh tahun. Di dalam 35 tahun, ada kemungkinan tiga atau empat kegawatan. So, apakah risiko kepada keluarga itu, mereka tidak dapat bayar balik wang pinjaman bank dalam masa 30 tahun itu. Adakah apa-apa mekanisme untuk melindungi mereka? Adakah sejenis insurans kah atau apa-apa yang kita boleh pakai? Ataupun tentu ramai orang yang ambil rumah, ambil pinjaman ini akan tersangkut bila datang kegawatan.



Isu lagi satu untuk Unit Perancang Ekonomi ialah, apakah sebabnya harga rumah begitu tinggi? Secara puratanya, harga bahan-bahan membina rumah adalah hanya RM50 sekaki persegi *build up area*. Jadi untuk satu rumah 20x40 kaki, ia punya harga bahan-bahannya hanya RM40,000 atau RM45,000 sahaja dan harga untuk infrastruktur lagi RM12,000. Akan tetapi kita sekarang mendapati rumah dijual dengan harga RM300,000. Jadi, kita tidak boleh hanya menyalahkan pemaju. Ada juga masalah dengan spekulasi tanah yang dibuat oleh kerajaan juga. Oleh kerana biasanya tanah kerajaan diswastakan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri ataupun kepada syarikat-syarikat kroni dan dia yang menjual tanah ini kepada pemaju. Ini salah satu fakta yang satu-satunya aspek yang meningkatkan harga rumah. Satu lagi ialah spekulasi oleh orang-orang kaya yang beli rumah sebagai *investment* bukan untuk kegunaan.

Saya hendak beralih kepada satu lagi isu dalam B.6, Butiran 010200 - Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa ada satu kekeliruan dalam kerajaan kita dengan istilah ideologi komunis. Baru-baru ini saya tengok ada satu soalan oleh Yang Berhormat Simping Renggam iaitu pada 7 November 2013 yang mana dia bertanya, adakah unsur-unsur pengembalian semula semangat komunis. Jawapan daripada Menteri Dalam Negeri pada masa itu adalah dikatakan, memang terdapat unsur-unsur untuk menghidupkan semula ideologi komunis. Saya rasa ini adalah satu, dia kabur- apakah ertinya ideologi komunis? Dalam ideologi komunis pun, ada satu pendirian bahawa sistem ekonomi pasaran tidak boleh jaga kepentingan orang awam. So, kerajaan perlu membantu lapisan miskin dengan *affirmative actions*. Ini pun satu pendekatan yang diambil oleh kerajaan kita. Kita pun buat perumahan PPR untuk bantu orang miskin. Adakah kerajaan kita pun komunis?

Jadi kita kena tengok apakah isu-isu dalam ideologi komunis yang kita tolak. Kita tolak keganasan, *very good*. Ada kita tolak perjuangan bersenjata? Okey, tetapi isu katakan ideologi komunis katakan pengagihan kekayaan negara harus sama rata. *It must be equality*. Adakah kita tolak itu? So, saya harap kita dalam Jabatan Perdana Menteri boleh kaji balik apakah aspek-aspek dalam ideologi komunis yang kita katakan kita boleh terima. Akan tetapi juga ada aspek-aspek lain yang mungkin kita boleh pakai juga.

#### ■1550

Sekarang kita berdepan dengan soal bagaimana kendalikan globalisasi. Kita dihadapkan dengan TPPA. Ideologi komunis mengatakan kita harus berdikari. Dianggapkan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat atau pun Eropah sebagai *imperialist*. Dikatakan kita mesti kawan dengan negara-negara yang sedang membangun. Itu satu pendekatan yang kita tidak boleh haramkan sahaja. Mungkin ada kita boleh pakainya pada masa ini untuk kendalikan masalah globalisasi. So, saya haraplah ini, kita tidak *through the baby and the bath water* lah. Guna istilah *English* itu, kita kena tengok yang mana itu *bath water*, yang mana itu *baby*. So, saya harap kita kena halusi sikit.

Okey, saya akan pergi ke isu ketiga, B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya dalam Butiran 010100 - Pengurusan. Tuan Pengerusi, keyakinan orang ramai dalam sistem pilihan raya adalah begitu penting dalam sistem demokrasi. So, kebersihan senarai pengundi ada satu yang paling penting.

Bila ada prasangka, bila pengundi yang didaftar dua kali atau pun orang asing didaftar dan pengundi hantu semua. Ini semua akan kurangkan keyakinan rakyat kita atas sistem demokrasi kita.

Pada masa ini ada seksyen 9A dalam *election registration of electors regulation* yang menyekat dan tidak bagi orang semak dan soal apa yang telah dimasukkan dalam senarai induk. Ruang untuk semak hanya untuk pengundi baru yang dimasukkan dalam penggal tiga bulan itu. Sekali ia dimasukkan pada masa ini, tidak ada ruang untuk sesiapa mempersoalkan perkara tersebut. So, saya rasa ini membawa satu keraguan atas senarai undi ini. Saya harap kerajaan boleh timbang balik seksyen 9A ini yang hadkan sistem kita soal ini hanya ketiga-tiga penggal yang terakhir.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, *last* sekali saya bawa kepada B.1, Butiran 020100 - Emolumen Kakitangan Kontrak. Ini dinaikkan daripada 105,000 kepada 820,000. Saya harap ini ertinya kita semua Ahli Parlimen yang bukan Menteri, yang bukan Timbalan Menteri akan diberi dua orang kakitangan untuk bantu kita di peringkat kawasan atau pun di Parlimen. Jika kita bayar dia RM3,000 sebulan, ini hanya akan mengambil peruntukan sebanyak RM72,000 setahun. Dengan 150 orang Ahli Parlimen yang *backbencher* dengan pembangkang, hanya 10.8 juta. So, saya harap ini akan diamalkan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Jasin.

### 3.53 ptg.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja iaitu dua perkara. Pertama saya pergi kepada Butiran 020100 - Emolumen Kakitangan Kontrak. Pada ketika ini gaji dan elaun semua kakitangan awam sama ada kontrak, tetap atau pun gaji harian adalah dibayar berdasarkan daripada skim perkhidmatan masing-masing. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengapakah ada di kalangan pegawai-pegawai daripada Jabatan PEMANDU yang dibayar begitu tinggi sekali emolumen mereka? Bayaran ini sebenarnya adalah mengatasi gaji-gaji dan emolumen daripada ketua pengarah hinggalah KSU. Ada di kalangan mereka yang dapat gaji dan pendapatan melebihi daripada KSN.

Jadi, perkara ini sebenarnya telah menimbulkan rasa kurang senang daripada banyak dari kalangan penjawat awam yang dapat melihat bahawa seolah-olah perkhidmatan mereka tidak dinilai. Jadi, kita mahu melihat supaya sekurang-kurangnya pembayaran ini adalah setimpal dengan apa juga perkhidmatan yang diberikan dan hasil kepada kepulauan kerajaan.

Keduanya, kita mahu melihat apakah impak atau pun pelan induk kerajaan bagi memperkasakan sektor penjawat awam dan juga semua jabatan kerajaan. Pertamanya, dengan izin, daripada *capacity building* dan juga *institutional strenghtening*, dengan izin, dan juga daripada *succession planning*. Ini kerana impak dan kesan ini kemungkinan berlaku apabila kita telah meningkatkan umur persaraan kepada pegawai-pegawai awam sehingga 60 tahun. Apakah

kesannya kepada pegawai-pegawai kita yang *junior*? Jadi, kita mahu melihat supaya tidak ada mereka yang ketinggalan atau pun mereka yang putus asa, mungkin akan meninggalkan perkhidmatan. Daripada pengalaman yang mereka telah dapati daripada perkhidmatan awam, mereka inilah sangat-sangat penting bagi membantu kita untuk meningkatkan pendapatan.

Seterusnya, saya pergi kepada butiran yang kedua dan terakhir iaitu daripada 020200 - Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan. Kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Ketua Audit Negara yang telah menunjukkan satu prestasi kerja yang cukup cemerlang sekali. Pada setiap tahun kita dapati banyak *improvement* telah berlaku daripada semua jabatan-jabatan kerajaan, hasil daripada teguran-teguran Audit. Apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada penggal yang lepas bahawa sebenarnya inilah teguran dan bukannya ada ketirisan. Kita mahu melihat supaya apa juga kalau ada kes-kes penyelewengan atau pun ketirisan yang berlaku kalangan penjawat-penjawat awam. Seharusnya tindakan segera diambil, janganlah tunggu sehingga Laporan Ketua Audit Negara dikeluarkan tetapi mereka masih lagi bebas dan masih lagi menjalankan perkhidmatan dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Keduanya, jabatan-jabatan yang telah banyak menyumbang kepada *revenue* negara, kita dapat pastikan iaitu yang pertamanya daripada Jabatan LHDN dan juga Kastam. Usaha kita pada ketika ini adalah untuk meningkatkan pendapatan supaya kita dapat terus mengurangkan apa juga defisit daripada perbelanjaan negara. Kita mahu melihat supaya kedua-dua jabatan dan agensi ini diperkasakan. Kalau ada juga apa-apa usaha untuk kita mempertingkatkan penglibatan mereka bagi meningkatkan *revenue* negara, seharusnya diberikan keutamaan. Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**3.57 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingat tidak sempat sudah [*Ketawa*] *Alhamdulillah*. Saya ingin menyentuh dua isu sahaja dengan masa yang terhad ini. Pertama, berkaitan dengan Butiran 040600 - Keselamatan Negeri dan juga di bawah Butiran 470300 - Majlis Keselamatan Negara.

Isu keselamatan ialah isu yang besar. Apa lagi sejak akhir ini masalah pembunuhan, tembak menembak, pembunuhan yang menggunakan senjata api yang sangat membimbangkan kita. Kes ini yang paling saya bimbang ialah berlaku di kawasan yang melibatkan dengan negeri persempadanan terutama di Kelantan. Kita melihat hari ini banyak kes melibatkan pembunuhan tembakan menggunakan senjata api. Begitu juga di negeri-negeri lain.

Jadi, saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh mana pemantauan atau pun tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Kita lihat hari ini seolah-olah penyeludupan senjata api berlaku berleluasa. Jadi, kalaulah perkara ini tidak ditangani dengan cepat dan segeranya akan menyebabkan satu isu yang sangat besar. Apa lagi yang kita dengar

yang terbaru bagaimana satu insiden berlaku di Pulau Pom Pom di Semporna. Ini juga satu perkara yang sangat membimbangkan kita.

Jadi, sepatutnya kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya diraja. Menyiasat kenapa penyeludupan senjata haram ini boleh masuk berleluasa dalam negara sehingga menyebabkan berlaku tembakan di sana sini yang kita bimbang pelancong-pelancong akan takut datang ke negara kita dan kita sendiri, keselamatan rakyat sendiri akan terancam. Jadi, saya harap perkara ini diambil segera oleh kerajaan, terutama memantau pangkalan-pangkalan haram terutama di kawasan sempadan yang mungkin ini ialah lubang yang mereka pergunakan untuk memasukkan senjata-senjata ini ke dalam negara kita. Minta perhatian yang serius oleh pihak kerajaan.

Kedua, berkaitan dengan Butiran 48060 - Pemerkasaan Mahkamah Syariah. Setakat ini saya ingin penjelasan, apakah program yang telah dilaksanakan untuk memperkasakan Mahkamah Syariah. Saya melihat dalam Butiran 48060 - Jabatan Kehakiman Syariah di Malaysia. Peruntukan ini hanya diperuntukkan lebih kurang RM400, 000 sahaja. Satu peruntukkan yang amat kecil.

■1600

Jadi kenapa dan saya ingin penjelasan dengan hasrat rakyat negeri Kelantan begitu juga diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan sekian lama, begitu juga hasrat Sultan, hasrat rakyat untuk pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II. Baru-baru ini Ketua Hakim Syarie di Kelantan, Datuk Daud Muhammad telah menerangkan bagaimana mahkamah syariah di Kelantan, kita bersedia untuk melaksanakan undang-undang ini. Soalnya sekarang ialah perlunya digubal satu undang-undang ataupun akta baru di Parlimen untuk penyelarasan pelaksanaan ini.

Sebab kuasa penjara adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Jadi perkara ini tidak dapat dilaksanakan, undang-undang ini sekiranya tidak ada kerjasama ataupun kuasa mutlak diberikan kepada mahkamah syariah untuk pelaksanaan ini. Jadi saya berharap kalau betul-betul Kerajaan Barisan Nasional ikhlas sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa pimpinan UMNO yang cuba mengambil kesempatan, padahal perkara ini kami telah luluskan sejak tahun 1992 lagi untuk pelaksanaan, Kanun Jenayah Syariah II ini tetapi tertunda, kerana apa? Kerana beberapa halangan dan sekatan ketika itu oleh Kerajaan Pusat sendiri.

Jadi sekarang ini, kita ingin Kerajaan Persekutuan buktikan ketulusan dan keikhlasan untuk sama-sama kita melaksanakan undang-undang Islam ini untuk kita membendung segala bentuk jenayah dan maksiat ini bersama-sama dengan kerajaan menggubal undang-undang untuk memberikan kuasa mutlak kepada mahkamah syariah dalam pelaksanaan hukum ini. Saya minta supaya pihak kerajaan meluluskan segera undang-undang dan menggubal undang-undang untuk memberikan kerjasama terutama dari sudut kuasa polis dan penjara supaya tidak ada apa-apa halangan lagi bagi dilaksanakan undang-undang hudud khususnya di Kelantan. Minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai. Tidak dapat hendak bagi semua ini. Jadi boleh semasa....

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Jabatan Perdana Menteri banyak dan meluas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Semasa Yang Berhormat Menteri menggulung nanti boleh mencelahlah, boleh ya? Sila Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Orang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Peruntukan sehari hari itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Boleh, boleh, boleh mencelah. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

#### 4.02ptg.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh.* Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan anggota-anggota pentadbiran, saya akan menggulung di peringkat bajet ini adalah kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Pensiangan, Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat 'Batang Sadong', Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Seremban...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Batang Sadong sudah jadi Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya saya ingat salah itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dan Yang Berhormat Rantau Panjang. Kita sedia maklum bahawa terdapat 80 bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri dan sewajarnya memang ramai orang yang bercakap dan saya percaya mungkin ramai lagi yang hendak bercakap, tidak ada peluang. Kita boleh mencelah tetapi di atas dasar untuk mendapatkan maklumat bukan di atas dasar untuk bersoal jawab yang boleh mengelirukan orang ramai.

Pertama sekali Yang Berhormat ini tentang SPR. SPR kita sedia maklum ada beberapa kenyataan saya disebut bahawa di Dewan yang mulia ini kita hendaklah memberi ucapan yang sebenarnya dan kita tidak boleh membohongi fakta. Saya berterima kasih kerana perkataan yang mulia digunakan. Kalau sekiranya kita melihat Parlimen ini sebagai mulia, kita harus bersama-sama menghayati Parlimen yang mulia ini supaya berbincang pun dengan cara yang mulia. Akan tetapi kalau sekiranya kita bercakap Parlimen yang mulia tetapi dalam masa yang sama kita buat juga benda-benda yang tidak mulia, maka saya ingat kita kena perbetulkan haluan kita supaya menjadikan Parlimen ini Parlimen yang mulia dan kita berbahas secara yang mulia.

Kita ingat apabila saya menyebut kenyataan berdasarkan pemerhatian dari segi penggunaan elektrik di Kompleks Seri Perdana, saya kata pemerhatian berdasarkan perbandingan awal yang saya buat iaitu berhubung dengan *White House* tetapi Yang Berhormat Seremban nampaknya tidak bersetuju kerana *White House*, rakyatnya lebih ramai daripada Malaysia. Kita hendak beritahu bahawa ramai atau tidak ramai, penggunaan elektrik adalah berdasarkan kepada apa yang berlaku itu bukan rakyat ramai tetapi elektrik untuk pentadbiran kena banyak, tidak. Bangunan sebesar itu begitulah penggunaan elektrik. Kita tahu bahawa Kompleks Seri Perdana ini melibatkan beberapa bahagian, bahagian kediaman rasmi begitu kecil jika dibandingkan dengan bahagian-bahagian yang lain.

Contohnya ialah Bahagian Protokol. Bahagian Protokol ini melibatkan dewan makan, bilik rehat tetamu-tetamu asing. Dewan makan yang dimaksudkan ini ialah dewan untuk meraikan tetamu asing dan juga lain-lain lagi, dibuat di sana. Kita telah menjimatkan kos. Kalau kita buat di hotel, kita sedia maklum belanjanya tetapi sebagai Perdana Menteri dan imej negara Malaysia ini, kita berharap semua Yang Berhormat sedia maklum, ini telah kita maktubkan bahawa inilah kelayakan Perdana Menteri dan dia sebagai ketua kerajaan mesti berbelanja dan juga dalam masa yang sama mentadbir negara ini berdasarkan apa yang kita telah tentukan.

Kompleks Perdana Menteri itu yang telah disebutkan perbelanjaannya oleh Yang Berhormat, pelbagai angka yang disebutkan. Akan tetapi kita hendak sebut bahawa Bahagian Protokol itu mendahului semua bil. Saya cuba minta bil berasingan tetapi tidak dapat dibuat sedemikian kerana kita ada satu bil untuk Kompleks Seri Perdana. Bahagian Protokol yang paling banyak diikuti oleh bahagian pameran yang melibatkan orang ramai datang melawat berpusu-pusu setiap hari di Kompleks Perdana Menteri dan dalam masa yang sama kita sedia maklum bahawa ia juga melibatkan kawasan yang disebut kediaman rasmi. Walaupun tempat ini jarang digunakan tetapi yang paling banyak digunakan adalah Bahagian Protokol dan juga Bahagian Pameran.

Jadi kalau niat untuk hendak menyerang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita ingat- ini bukan kompleks ataupun rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini adalah Kompleks Seri Perdana. Kita telah mengelirukan rakyat di Dewan yang mulia ini, kita cuba membangkitkan sesuatu isu untuk melindungi tuduhan yang kita buat selama ini yang merupakan pembohongan mutlak yang kita tidak akan jumpa dalam hidup ini- nanti sekejap. Yang Berhormat bagi saya habis dahulu.

Pembohongan mutlak yang dibuat iaitu menuduh bahawa SPR membawa 40,000 orang Bangladesh. Dunia tahu kita buat demonstrasi...

**Seorang Ahli:** ...Yang Berhormat Menteri, jawab elektrik punya [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kita buat demonstrasi dari hujung kampung ke hujung kampung untuk membuktikan 40,000...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Untuk menentukan...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Penjelasan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kononnya 40,000

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Pendatang Bangladesh datang mengundi selepas itu *blackout* dan pelbagai lagi tetapi akhirnya didapati...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ... Adalah pembohongan mutlak dan sekarang ini bawa pula isu baru yang juga...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Bukan bohong, auta, auta!

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Iaitu berhubung dengan Kompleks Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak dan Seremban bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kompleks Seri Perdana. Yang Berhormat bagi saya habis, sedikit selepas itu saya akan benarkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, okey, boleh, boleh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Setiap kali saya habis tajuk, Yang Berhormat boleh timbulkan ya. Tidak ada masalah. Jadi Kompleks Seri Perdana ini kita dapati sebahagian besar daripada perbelanjaannya ialah khusus untuk membiayai kawasan protokol, kawasan pameran dan sebahagian kecilnya ialah tempat kediaman.

#### ■1610

Saya bercakap, dia orang kata, saya cakap melepas. Melepas macam mana? Kalau Yang Berhormat dengan isteri Yang Berhormat berada di mana-mana, bil elektrik sama. Tidak ada perbezaan. Saya juga sama. Yang Berhormat Gombak juga sama. Yang Berhormat Pokok Sena juga sama. Tidak ada perbezaan. Jangan kita kata ini pemborosan. Boros *mai* macam mana? Dewan pameran, Yang Berhormat Permatang Pauh dia tahu apa yang tentang perkara ini dan dia tak sebut lagi dah. Bahawa telah dibuat perancangan demikian rupa, inilah Kompleks Seri Perdana. Demi imej sebuah Kerajaan Malaysia yang tercinta ini, maka kita buatlah aktiviti-aktiviti di Kompleks Seri Perdana. Ya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertamanya Yang Berhormat Arau, jangan campur aduk. Sekarang isunya adalah kediaman rasmi Perdana Menteri, bukannya soal SPR. Jangan campur aduk dalam hujah-hujah tersebut *[Ketawa]* Ini mengelirukan Dewan.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Arau tadi kata pengunjung berpusu-pusu ke kediaman rasmi Perdana Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Arau, berapa ramai pengunjung setiap hari ke kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana? Tolong jawab.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat bagi notis sikit, saya boleh jawablah *[Ketawa]* Akan tetapi sudah pasti...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tadi Yang Berhormat Menteri cakap berpusu-pusu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, berpusu-pusu.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Cakap tanpa fakta.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan menunggu maklumat daripada pegawai-pegawai tentang perkara ini. Akan tetapi, orang melawat ramai dan kita tahu bahawa orang melawat ini..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, dia melawat malamkah siang? [Ketawa]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab kalau dia berpusu-pusu waktu siang, mengapa hendak pasang lampu di taman, di kompleks? Takkan pengunjung datang malam.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat minta penjelasan kah ataupun...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, saya setuju, takkanlah rumah Perdana Menteri gelap gelita? Rumah Perdana Menteri kena cerialah. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, berapa kos Presiden Amerika, *White House* pakai dalam satu bulan?...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Amerika punya ekonomi macam mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Dibandingkan dengan Perdana Menteri kita?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berapa banyak?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya lagi sekali saya hendak sebut supaya Ahli-ahli Yang Berhormat jangan pergi berkempen dekat luar dengan cara yang salah iaitu ini adalah Kompleks Seri Perdana. Yang Berhormat Gombak, Kompleks Seri Perdana. Bos Yang Berhormat itu di antara orang yang terlibat buat perancangan Kompleks Seri Perdana yang melibatkan Bahagian Protokol...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak perbetulkan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dan juga Dewan Pameran.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia *frust* tak dapat duduk dekat situ.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Sementara kediaman rasmi kecil sahaja. Kemudian berhubung dengan Yang Berhormat Kinabatangan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Penjelasan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya setuju bahawa kita cuba hendak buat perbandingan tetapi oleh sebab pandangan banyak pihak kata kita tak perlu buat perbandingan yang mana di *White House* dibelanjakan USD15 juta ataupun RM45 atau RM46 juta bil elektrik. Akan tetapi saya tak perlu buat perbandingan. Saya akan cuba dapatkan tempat-tempat lain untuk tujuan perbandingan.

Jadi, Kompleks Seri Perdana tidak patut dijadikan satu isu kononnya kita boros elektrik untuk Perdana Menteri, tidak. Yang melibatkan orang ramai itu yang lebih besar iaitu Bahagian



Protokol, Bahagian Pameran dan kalau kita masukkan lagi, kuarters. Kuarters yang ada di sana juga termasuk di bawah bil elektrik Kompleks Seri Perdana.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya, boleh tanya? Bolehkah kerajaan tolong tengok Kompleks Menteri Besar Selangor pula berapa kos dia?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ha, yang itu? Kita...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab Yang Berhormat Gombak, saya rasa dia hendak masuk situ [*Ketawa*] Mungkin kalau dia masuk, harga dia kurang.

**Seorang Ahli:** Sempatkah nak bagi Yang Berhormat Gombak masuk?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, saya setuju. Kalau kita hendak betul-betul hendak buat perbandingan, kita boleh ambil kompleks kediaman rasmi. Yang macam kes Selangor dan juga Menteri Besar, dia kediaman rasmi. Akan tetapi ini kompleks, ini kediaman rasmi. Macam dulu saya Menteri Besar, *residency* - saya duduk di situ. Saya duduk di situ dan kita berbelanja duit untuk rumah itu dan juga dewan sebelah itu. Itu kediaman rasmi Menteri Besar. Ini bukan kediaman rasmi. Ini Kompleks Seri Perdana yang mana dalam kompleks itu terdapat pameran, protokol, kuarters dan juga kediaman rasmi.

Yang Berhormat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya..

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Pameran apa itu?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Pameran gambar isteri Perdana Menteri? [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Seremban dan Tuan Pengerusi, saya secara ikhlas, saya bagi tahu saya suka Yang Berhormat Seremban dan juga Bandar Kuching. Yang Berhormat Seremban ini pun saya suka. Akan tetapi kadang-kadang cara dia cakap, dia membelitkan saya [*Ketawa*] Dia *pi* tanya soalan, soalan tak mulia langsung. Dia tanya, adakah ini gambar Perdana Menteri...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang semulia-mulia.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, di Dewan Pameran itu saya jemput semua Ahli Parlimen satu hari kita pergi ke sana dan melihat Dewan Pameran. Yang Berhormat diminta datang ramai-ramai melihat sendiri apakah sebenarnya penggunaan elektrik itu bertepatan seperti yang telah dibuat. Dewan Pameran itu melibatkan banyak benda yang *student*, orang ramai ingin mengetahui termasuklah hadiah dan juga lain-lain perkara berhubung dengan negara-negara lain di dunia, kita boleh dapat maklumat daripada Dewan Pameran. Demikianlah Kompleks Seri Perdana. Walaupun dia ada kediaman rasmi, tetapi sumbangannya cukup besar kepada negara.

Berbanding dengan kawan saya daripada Pulau Pinang. Sewa rumah lain lagi untuk tujuan kediaman rasmi. Bayangkan. Kita tak pernah buat kerja itu. Jadi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang sebagai contoh, sewa rumah lain. Berapa sewa sebulan?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sedarkah Yang Berhormat dia ada orang lain?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Ketawa]* Saya hendak...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Apa dia Yang Berhormat, dia ada orang lain? Tak, macam Pulau Pinang, sewa lagi satu banglo besar untuk kediaman rasmi Ketua Menteri. Jadi saya rasa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mungkin dia jumpa orang lain di situ.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mungkin dia jumpa orang lain. Padahal dia ada kediaman rasmi Ketua Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. Saya duduk di sini untuk memerhatikan gelagat Yang Berhormat daripada Arau, kawan lamalah, tetapi tingkah laku masih serupa macam bila baru masuk menjadi Ahli Parlimen. Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Arau pun tahu, bila saya sewa rumah saya, elaun yang saya gunakan adalah sama seperti mana yang dibayar kepada Ketua Menteri sebelum saya, iaitu Ketua Menteri Barisan Nasional. So, tak ada perbezaan. Saya pun tak tahu mengapa perkara ini ditimbulkan? Kerana kalau dulu sebelum tahun 2008, elaun sama, mengapa selepas tahun 2008, bila elaun sama yang saya nikmati sebagai Ketua Menteri, mengapa ini jadi satu isu?

Saya harap itu Yang Berhormat Kinabatangan hendak buat itu tuduhan seperti ini, saya bukanlah seorang lelaki yang ada *attraction* macam Yang Berhormat Kinabatangan *[Dewan riu]* *[Ketawa]* Saya tak dapat minat daripada seorang pelakon cantik *[Ketawa]* *[Tepuk]* So saya harap, janganlah buat...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuduhan liar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Tuduhan yang tidak berasas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Pelakon cantik...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bukan, kerana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, sebentar Yang Berhormat. Pelakon cantik itu isteri dia Yang Berhormat, tak payahlah sebut *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, itulah saya sebut kerana dia telah buat implikasi tertentu. Saya isteri satu sahaja, bukan macam Yang Berhormat Kinabatangan. Sampai pelakon cantik pun suka sama dia, so saya harap kita akui kelebihan dan kekurangan kita. Kekurangan saya akui, kelebihan Yang Berhormat Kinabatangan saya pun akui. Akan tetapi bukan dalam Dewan inilah.

So, saya harap Yang Berhormat Arau...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tak tahulah..

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Boleh jawab kepada soalan yang telah ditujukan oleh Yang Berhormat Seremban.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, tetapi 'rambo' itu..

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dan kalau kita sebut tentang soalan bertepatan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa- sekejap lagi, sekejap lagi. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Seremban adalah tentang kos dan kalau ini tak bertepatan, macam mana pula- adakah denda yang dikenakan ke atas Yang Berhormat oleh FAM, adakah itu juga bertepatan? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Bagan, 'rambo' itu siapa? Saya tak tuduh pun dia jumpa perempuan. Mungkin jumpa tetamu lain, tetapi 'rambo' itu siapa? *[Disampuk]* Kalau kena *you* punya bos, *you* cakap sudah! *You* serang bos kita, apa pasal? Ha, ini masalah. Ini *double standard*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** 'Rambo', 'rambo' apa itu 'rambo'?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** 'Rambo' itu siapa? Saya hendak tanya dia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita mahu tahu itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita mahu tahu, siapa dia?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, sekarang kita berubah kepada tajuk lain. Saya rasa saya sudah juga pernah bersama dengan Yang Berhormat Ketua Menteri sebelum ini, Yang Berhormat mengguna perkataan 'gelagat' kepada saya *[Ketawa]* Tak tepat Yang Berhormat. Kalau hendak kira gelagat, saya lihat juga gelagat Yang Berhormat yang agak berubah. Dulu sebelum jadi Setiausaha Agung, Yang Berhormat fesyen lain. Bila jadi Setiausaha Agung, Yang Berhormat gelagat jadi lain dan Yang Berhormat telah menimbulkan rasa kurang manis di kalangan ahli-ahli DAP yang muda-muda yang rasa mereka tertekan sedikit dengan cara pentadbiran Yang Berhormat.

#### ■1620

Saya juga boleh bagi pandangan, tetapi saya tidak mahu pandangan. Akan tetapi Yang Berhormat bagi pandangan kepada saya, saya juga bagi pandangan kepada Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat kalau lihat ahli-ahli DAP muda-muda yang lain, kadang-kadang rasa tertekan dengan cara Yang Berhormat mentadbir DAP.

Jadi, sekarang kita pergi kepada tajuk yang kedua...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tujuan saya bagi ruang untuk Yang Berhormat bertanya kerana ada ramai Yang Berhormat hendak bercakap tetapi tidak dapat bercakap dan Tuan Pengerusi yang minta saya membenarkan supaya lebih ramai yang bertanya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu penjelasan, satu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang hendak masuk pada tajuk baru iaitu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu penjelasan. Satu penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini juga pasal rumah, pasal kompleks?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau kompleks, saya bagi Yang Berhormat Seputeh sekejap.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, Seputeh. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu kerajaan menggalakkan *green building*, hendak menggalakkan orang letak solar panel supaya jimat *electricity* dan sebagainya. Kalau bil *electricity* yang begitu tinggi di Kompleks Perdana menjadi satu isu, mungkin tibalah masanya bagi semua pejabat di Putrajaya termasuk Kompleks Perdana diletakkan solar panel, jadikan *green building* untuk jimat *electricity*. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya telah menjawab di Dewan yang mulia ini iaitu usaha-usaha telah dibuat untuk mengurangkan kos. Saya sudah sebut dengan panjang lebar dan saya tidak ingin mengulang. Akan tetapi saya menjawab Yang Berhormat Seputeh berdasarkan jawapan iaitu usaha-usaha dibuat untuk mengurangkan kos *electricity* yang saya rasa itulah usaha yang terbaik.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat, boleh kita ambil ingatan tetapi usaha yang dibuat sekarang ini sudah merupakan usaha yang terbaik untuk mengurangkan kos yang pada pandangan kita ialah bertepatan seperti mana yang sebenarnya dilakukan.

Ini di bawah tajuk ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak jangan ubah tajuk. Nanti kena.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita sedang berbahas soal kos yang begitu tinggi untuk menyelenggarakan Kompleks Seri Perdana di Putrajaya dan alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah kompleks itu juga mengandungi dewan pameran, pejabat protokol dan sebagainya. Persoalan saya ialah apakah status Kompleks Seri Perdana yang didiami oleh Tun Dr. Mahathir sebelum ini di Bukit Damansara? Apakah hartanah tersebut, kompleks tersebut masih dimiliki oleh kerajaan? Sekiranya masih dimiliki oleh kerajaan, mengapa kompleks ini tidak digunakan sebagai dewan pameran bagi mempamerkan barang-barang yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi atau adakah kompleks ini yang diduduki oleh Tun Dr. Mahathir setelah sekian lama telah diserahkan kepada Dr. Mahathir sebagai mengenang jasa beliau sebagai Perdana Menteri? Saya pohon penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan bagi jawapan secara bertulis. Minta notis. Ini kerana saya tidak dapat maklumat berhubung mengenai perkara tersebut tetapi untuk bekas kediaman Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat boleh jawab sendiri iaitu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Rumah tersebut bukan milik kerajaan. Rumah tersebut adalah milik Tun Daim Zainuddin. Itu kena jelas. Yang Berhormat kena tahu. Jadi kita tidak ada hak ke atas hartanah tersebut.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey Yang Berhormat sudah jawab itu, jadi terjawablah persoalan tersebut. Jadi Yang Berhormat cuma hendak tahu tentang apa yang berlaku tentang kediaman rasmi Perdana Menteri pada masa yang lepas, saya akan jawab secara bertulis.

Kedua Yang Berhormat, ini pasal pesawat peribadi. Jawapan kita ialah pesawat yang digunakan oleh Perdana Menteri, kita dapati bahawa terdapat enam pesawat dan enam pesawat ini bukan digunakan oleh Perdana Menteri. Ia digunakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Timbalan Perdana Menteri dan juga boleh dengan kebenaran Menteri-Menteri dan juga lain-lain dengan kebenaran Perdana Menteri untuk menggunakannya. Kita tahu bahawa ini *maintenance*.

Yang Berhormat, kalau *maintenance* kereta dibuat oleh Spanco dan sebagainya. Kalau kereta rosak boleh berhenti tepi jalan tetapi kalau kapal terbang rosak, kita hendak berhenti di mana? Jadi Yang Berhormat tidak boleh cakap, pasal tajuk itu agak kurang manis sedikit. Kita kena ingat ini ialah *maintenance*. *Maintenance* kapal terbang ini kita terpaksa buat. Kalau tidak, kapal terbang semua tidak boleh jalan sebab kapal terbang ada jadualnya yang mesti kita buat. Kalau tidak, ia akan menghadapi masalah. Jadi, kenapa Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Cuba hendak bandingkan dengan *Singapore*? *Singapore* Yang Berhormat, Perdana Menteri hendak naik kapal terbang pergi mana? *Singapore* situ sahaja. Di pulau itu hendak naik apa? Pulau *Singapore* itu lagi kecil daripada Perlis. Sekali jalan, orang kata *gear* yang pertama pun sudah habis *Singapore*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itu yang pertama. Keduanya, Yang Berhormat minta guna MAS dan juga lain-lain. Yang Berhormat, contohnya macam CHOGM semalam. Jadi apabila kita guna MAS, MAS itu mesti ada jadual penerbangannya. Kalau kita hendak *charter* MAS ikut kehendak kita, kita akan bayar lebih lagi daripada harga tersebut. Dulu pernah ahli-ahli perniagaan, anggota kerajaan pergi ke beberapa buah negara di dunia. Kita terpaksa naik kapal terbang MAS tetapi sesetengah tempat ada laluan MAS, sesetengah tidak ada. MAS tidak boleh kata bila Perdana Menteri datang, dia kena berjalan. Dia kena tunggu ikut jadual. Yang Berhormat, benda yang tidak logik ini ialah kita suruh Perdana Menteri ikut penerbangan *private* yang tidak logik sama sekali.

Keduanya kita kena ingat bahawa bila atau Perdana Menteri melawat ke luar negara, dia ada ditentukan di mana dia akan berada di luar negara dan kita dapat menjimatkan kos. Akhir sekali ialah kelayakan dia sebagai Perdana Menteri. Dia kena gunakan itu sebab ini untuk kebaikan negara. Kalau dia hendak kena tunggu penerbangan komersial dan sebagainya, saya ingat Yang Berhormat pun sendiri tahu tidak logik dan paling tidak logik sekali bandingkan dengan *Singapore*. *Singapore* hendak pergi mana? Macam hari itu Perlis ada cadangan hendak buat *airport*. Tidak boleh buat *airport* sebab pada pandangan Perdana Menteri masa itu dia kata, bila kita hendak mula *take off* sahaja sudah sampai ke Thailand. Jadi kita tidak boleh buat *airport* di Perlis. Jadi saya rasa adalah wajar Perdana Menteri untuk imej negara...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Menggunakan jet yang ada sekarang. Kalau kita kata Perdana Menteri tidak boleh, maka ia akan berangkai. Agong tidak boleh, semua tidak boleh. Yang Berhormat fikir Agong tidak boleh, Timbalan Agong tidak boleh. Yang Berhormat, ini imej negara. Agong pergi lawatan rasmi ke Thailand sebagai contoh. Agong naik kapal terbang MAS pergi dan semua penyambut-penyambut kena datang ke *airport* untuk menyambut Agong padahal mereka ada *airport* khas atau *airport* tentera untuk menyambut tetamu-tetamu daripada luar negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Gombak bangun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Cuba kita bandingkan dengan negara-negara lain, bukan *Singapore*. Banding dengan Indonesia, Thailand dan sebagainya. Dua soalan yang terakhir, kecuali Tuan Pengerusi benarkan sendiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Siapa dulu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Gombak. Ya Yang Berhormat Gombak dulu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, saya kira untuk menyatakan tidak ada keperluan di Singapura kerana negaranya kecil. Saya kata ini jawapan yang tidak bertanggungjawab, cuba memperlekehkan. Memang benar Republik Singapura sebuah negara yang kecil, negara pulau tetapi persoalan kita bukan *domestic flight*. Perdana Menteri Singapura melakukan lawatan kerja ke seluruh dunia pun menggunakan pesawat komersial untuk mendukung *national carrier* dia iaitu *Singapore Airlines*.

Kita ini walaupun boleh terbang dari satu bandar ke satu bandar di dalam negara kita dengan MAS, Firefly ataupun Malindo, Perdana Menteri tidak menggunakan perkhidmatan ini, apatah lagi di luar negara. Jadi perbandingan itu bukan dalam konteks itu. Konteksnya ialah perbelanjaan secara berhemah dan bertanggungjawab. Kalau kita ada sektor penerbangan MAS contoh KL ke London, mengapa kita tidak gunakan perkhidmatan penerbangan MAS daripada Kuala Lumpur ke London. Mungkin kalau kita sampai ke suatu bandar dan hendak pergi ke suatu bandar yang lain, mungkin kita boleh pertimbangkan. Akan tetapi kalau ada sektor yang diterajui oleh MAS sendiri yang menggunakan Airbus 380 yang terbaik dan tercanggih, itu pun Perdana Menteri tidak mahu menggunakan, saya rasa perkara ini perlu diteliti semula.

Kedua yang hendak saya bangkitkan ialah yang belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, apakah isteri Perdana Menteri ada kelayakan untuk menggunakan pesawat-pesawat kerajaan kerana yang terbaru dalam lawatan ke Qatar, beliau juga menggunakan pesawat kerajaan dan kita ingin tahu berapakah kos perbelanjaan bagi menggunakan pesawat ini untuk isteri Perdana Menteri? Di manakah kelayakan beliau dalam konteks ini?

■1630

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soal Singapura, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Gombak. Kita tidak boleh perbandingan macam itu. Perdana Menteri Singapura dia pergi melawat ke seluruh dunia walaupun tidak ada *domestic*

*flight*. Persoalannya ialah, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri- tahun 2012 jumlah penerbangan yang telah diambil ialah 372 kali. Hampir setiap hari ada penerbangan. Maksudnya pergi ke mana-mana destinasi pakai *executive jet* ini. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak, bukannya kita kata tidak boleh langsung tetapi kalau ada destinasi-destinasi yang ada *commercial flight*, mengapa tidak boleh pakai *commercial flight*? Yang Berhormat Gombak tadi juga mengatakan semasa pencelahan mengatakan tidak pernah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah pakai MAS. Adakah itu dipertikaikan Yang Berhormat Perdana Menteri? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri boleh minta laluan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Last one!*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Last one, yes.* Saya berpandangan berbeza dengan dua orang puak pembangkang ini. Oleh sebab mereka hendak bandingkan Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Singapura. Siapa Singapura? Negara pun lubang hidung dia. Jangan dibandingkan Perdana Menteri saya, Malaysia dengan Perdana Menteri Singapura. GST bukan ikut Singapura, kita ikut semua negara. Ia untuk kepentingan negara [Dewan riu]

Macam Singapura seorang saja GST. Inilah dipanggil *narrow minded*. Saya hairan kenapa Yang Berhormat macam begini boleh dipilih oleh rakyat? Kalau macam tempat saya, sudah lama sudah *'longsot'* lah, tidak ada kaki punyalah. Jangan samakan Perdana Menteri kita yang bekerja keras untuk rakyat dengan Perdana Menteri Singapura. Apa kaki oh? Kenapa pula Singapura menjadi contoh? Kenapa tidak samakan Perdana Menteri kita dengan Presiden Amerika, apa beza dia? Tunggulah kalau PR jadi pemerintah. Akan tetapi, palis, palis memang tidak bolehlah. Rakyat akan tolaklah. Oleh sebab idea dia tidak baik, tidak membangun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** "Palis, palis" itu apa Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi saya tegaskan soal ini tidak perlu dibincangkan. Perdana Menteri kita adalah seorang pemimpin yang berwibawa dan perlu bekerja untuk rakyat [Tepuk]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itu adalah satu kenyataan yang cukup baik. Saya menyokong Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi benda yang besar di sini, pertama kita banding dengan Singapura. Yang keduanya dengan hebatnya Yang Berhormat Gombak kata, ini menghina Singapura. Yang Berhormat semua hina Perdana Menteri ini macam mana, tidak fikirkah? Apakah Perdana Menteri daripada kawan-kawan semua ini ialah Perdana Menteri Singapura?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Dato' Seri, ini bukan penghinaan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti, Yang Berhormat dengar dulu. Sabar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini wang rakyat. Bukan sedikit. Ratusan juta ringgit. Ini bukan soal menghina.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, saya hendak jawab bahawa perkataan kononnya kalau kita sentuh Singapura, terus menghina. Yang kita buat macam-macam cerita tentang Perdana Menteri itu- memang negeri kecil.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya lah, memperlekehkan negerinya kecil, tidak ada *domestic flight*. Saya ingat itu satu jawapan yang tidak rasional daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Memang negeri kecil. Perlis luasnya 316 batu persegi. Singapura 310 batu persegi. Itu yang Allah *Taala* bagi tetapi yang mereka ambil kemudian ini kita tidak campur lagilah ya, pasal Batu Puteh dan sebagainya.

Okey, jadi akhir sekali, fasal pesawat ini ialah kerana tujuan keselamatan. Kita kena ingat bila Perdana Menteri pergi, bukan dia pergi seorang. Dia ramai pegawai dan juga benda-benda yang lain kita harus ikuti.

Perdana Menteri kita, Perdana Menteri Barisan Nasional - 133 Kerusi. Perdana Menteri DAP 38 Kerusi. Perdana Menteri untuk PKR 30 Kerusi. Perdana Menteri untuk PAS 21 Kerusi. Perdana Menteri kita. Ke depan lagi mungkin tahun 3000 Yang Berhormat boleh pegang, okey tidak apa. Perdana Menteri kita juga. Akan tetapi yang paling penting sekarang, ini Perdana Menteri kita. Berbanggalah dengan Perdana Menteri kita.

Tidak ada perkataan-perkataan, saya hendak kena tekan sekali lagi bahawa tidak ada perkataan Pakatan Rakyat sebab apa yang bertanding dulu ialah DAP, PKR dan juga PAS secara berasingan. Bendera masing-masing. Tidak ada bendera yang sama dan setengah tempat ialah PKR lawan dengan PAS. Setengah tempat PAS lawan DAP dan sebagainya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, siapa, siapa yang halang pendaftaran?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian mengenai pesawat digunakan oleh isteri Perdana Menteri. Ianya mesti mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah bersetuju lawatan itu penting untuk diadakan dan kita benarkan untuk penggunaan pesawat dan juga lain-lain lagi. Itu keputusan Jemaah Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, hendak tanya sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Dato' Seri, penjelasan. Maknanya kelulusan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mengenai pesawat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kejap saya hendak tanya, kelulusan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Mengenai pesawat sudah habis.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, tidak. Kelulusan penggunaan untuk isteri Perdana Menteri mesti dapat kelulusan daripada Perdana Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jemaah Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak tanya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jemaah Menteri.



**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik, Jemaah Menteri dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya ada dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Bila kita kata Jemaah Menteri...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** So, ini ada *conflict of interest*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bagaimana Perdana Menteri memberi kelulusan kepada isteri Perdana Menteri? Ini ada percanggahan kepentingan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jemaah Menteri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, Jemaah Menteri. Dia keluar mesyuarat kah tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya tidak boleh ceritalah apa yang berlaku dalam Jemaah Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Buatlah ceramah di luar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi dia keluar mesyuarat atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya sudah angkat sumpah. Akan tetapi Jemaah Menteri...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia keluar mesyuarat atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang Yang Berhormat. Menceleh ada peraturan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau dia tidak keluar mesyuarat, dia ada kepentingan dalam mesyuarat itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Buat ceramah di luar. Apa masalahnya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa pun dia tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepang. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mana boleh dia memberi kelulusan kepada isterinya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Isteri dia, apa mahu tunggu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Perdana Menteri, isteri Perdana Menteri pergi di atas urusan rasmi negara.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, dia dapat kelulusan daripada Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Beri kerjasama. Saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang duduk. Tidak boleh dua orang minta penjelasan. Seorang, seorang penjelasan.

**Dato' Seri D Shahidan bin Kassim:** Penjelasan saya telah menjawab semasa Yang Berhormat bertelagah pendapat tadi saya telah jawab dan Tuan Pengerusi dengar. Okey.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak. Saya minta penjelasan bagaimana Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri untuk memberi kelulusan kepada isteri Perdana Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, ini isteri Perdana Menteri mewakili negara. Kepentingan rasmi negara.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Makin jawab makin teruklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat hendak ketawa. Yang Berhormat boleh ketawa. Saya juga boleh ketawa kepada Yang Berhormat ataupun saya jadi sahabat saya ini yang ketawa paling kuat di Parlimen. Saya boleh ketawa tetapi ini ialah keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri bahawa ada kepentingan mengapa isteri Perdana Menteri harus pergi ke lawatan rasmi yang telah ditentukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang kedua ialah mengenai JPA...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sebentar, Yang Berhormat. Sebentar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sudah habis sudah. Dewan ini Dewan yang mulia. Jadi saya kena jawab setakat yang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit saja. Saya tidak dapat cakap tadi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat boleh rujuk bawah JPA sekejap lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap saja. Mengenai isu sama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Tidak boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri isu yang sama. Saya hendak bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri hendak bagi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, kemudian fasal...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Takut?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada soal takut. Kita tidak bagi saja. Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawapan dia perlu penjelasan sebab Yang Berhormat Menteri bercakap soal perundangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, apabila Jemaah Menteri meluluskan itu, maksudnya pertama adakah Yang Berhormat Menteri sedar apabila Jemaah Menteri- definisi "Jemaah Menteri" termasuk Perdana Menteri. Jadi adakah Perdana Menteri keluar dari Mesyuarat Jemaah Menteri, itu adalah satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah Akta Pencegahan Rasuah seperti mana dalam kes-kes lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak apa, yang penting...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, hendak tanya adakah Yang Berhormat Menteri sedar, jawapan Yang Berhormat Menteri itu telah menyebabkan Perdana Menteri boleh didakwa di mahkamah kerana melakukan kesalahan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Teruskan. Jangan ugut saya hendak gempar, hendak dakwa di mahkamah. Dakwalah di mahkamah mana pun. Di dunia dan juga di akhirat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar berlaku satu kesalahan undang-undang.?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pergilah, jawablah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adakah Yang Berhormat Perdana Menteri telah keluar daripada mesyuarat itu? Sila beri penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawablah. Jangan cakap sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jika Perdana Menteri tidak keluar satu kesalahan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya cabar Yang Berhormat buat dakwaan di mahkamah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh sebab dia melibatkan kepentingan isteri dia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penakut, cakap kosong saja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Diamlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, Yang Berhormat duduk ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adakah Menteri sedar?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya sedar dan bila saya bagi jawapan, saya bagi jawapan dengan cara sedar bahawa lawatan tersebut ialah lawatan rasmi....

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan lawatan, mesyuarat itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Yang diluluskan oleh Jemaah Menteri. Siapa keluar, siapa tidak keluar itu bukan hak Yang Berhormat untuk mengetahui...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa pula?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kecuali ada kes kepada kami, kami akan bawa, jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kami akan jawab. Bawalah ke mana-mana pun tidak ada masalah. Mahkamah di dunia dan juga mahkamah di akhirat. *No problem*. Apa ini, kita jangan pi cakap kata, ini akan bawa ke mahkamah dan segalanya. Bawalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan kita. Bukan masalah kita. Soalannya adakah...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, mari kepada, mari kepada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa punya Menteri pun tidak tahulah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan begitu, duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, awak ini Ahli Parlimen cap apa ini? Orang kata tidak benar, tidak benarlah. Habis cerita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa takut?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, saya telah menjawab tadi dan saya kata kalau Yang Berhormat ada kes...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Kenapa Yang Berhormat Menteri gagal memberi jawapan, adakah Perdana Menteri keluar daripada mesyuarat. Itu boleh diberitahu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak. Ini Jemaah Menteri. Mana boleh saya cerita dekat orang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa pula, ini Parlimen. Yang Berhormat berhak tahu. Tadi kata Perdana Menteri kami.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat boleh tanya kemudian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perdana Menteri itu Perdana Menteri PAS, Perdana Menteri DAP. Sekarang kami hendak tahu Perdana Menteri kami ini macam mana? Adakah dia keluar daripada mesyuarat atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey, boleh duduk tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, tetapi jawab betul-betul...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Duduk dulu. Yang Berhormat kalau sekiranya ada soalan yang melibatkan perundangan, kita buat cara perundangan. Macam katalah Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, sahabat saya kan. Dia hendak beli tanah lepas itu dia melibatkan dirinya. Dia keluar tapi benda itu bawa di mahkamah. Mahkamah bagi tahu bahawa semasa keputusan dibuat, dia telah keluar.

#### ■1640

Jadi kami hendak tunggu. Kalau hendak tunggu sampai ke peringkat perundangan, kami jawab sebab kami ini angkat sumpah. Kami tidak boleh cerita apa yang berlaku di sana kecuali

benda-benda yang telah disebutkan [*Disampuk*] Sekarang ini melibatkan perundangan. Kalau Yang Berhormat ada kes hendak bawa dekat kami, mahkamah panggil kata, "*Ini, hendak tanya sama ada keluar atau tidak keluar*". Kita jawablah. Sekarang ini Yang Berhormat, saya membuat kesimpulan saya telah menjawab apa yang saya patut jawab iaitu kelulusan Jemaah Menteri. Okey, jadi sekarang saya pergi kepada SPRM.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini tidak jawab soalan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, kita kawan [*Dewan riuh*] Negeri sempadan sahaja. Tidak, kalau kapal terbang pun ia turun, silap-silap kepala ia lepas ke Arau [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, sebab Dewan ini mulia tetapi kalau Yang Berhormat tanya soalan yang tidak berhati mulia...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, boleh hilang... [*Dewan riuh*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya ingin bertanya dengan penuh rasa tawaduk, saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa isteri Perdana Menteri mewakili negara. Adakah sekarang ini kita sudah set satu polisi baru bahawa isteri Perdana Menteri boleh mewakili negara dalam hubungan antara dua negara ini? [*Disampuk*] Adakah ini satu polisi baru dalam negara kita bahawa isteri bukan sekadar mengiringi Perdana Menteri tetapi isteri boleh mewakili negara untuk hubungan dua hala ini? Ini suatu yang agak janggal, yang belum pernah berlaku dalam mana-mana dunia.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Pokok Sena, kalau hendak cakap pasal dunia Yang Berhormat kena buat perbandingan sebab sekarang ini semua orang buat perbandingan. Yang Berhormat, wakil rasmi, lawatan rasmi, itu benda biasa. Saya akan mewakili negara dalam Persidangan ICAB di Ankara pada 20 hari bulan. Jadi, saya harap pada 20 dan 21, Yang Berhormat tidak buat angkara di Dewan ini sehingga menyebabkan saya tidak jadi pergi kerana terpaksa balik mengundi dan sebagainya. Jadi, saya buat lawatan rasmi mewakili negara ICAB iaitu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat itu Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri, Menteri. Kalau isteri Yang Berhormat yang pergi, itu tidak betullah. Itu yang saya persoalkan. Saya tidak persoalkan Yang Berhormat, saya persoalkan isteri Perdana Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lawatan rasmi. Jadi, kita ada banyak lawatan rasmi yang kita - dalam ICAB itu ada juga elemen yang bukan Menteri yang hadir di situ. Dia pergi bukan rasmi. Dia ada lagi Ahli-ahli Parlimen lain yang hadir. Pada 9 Disember nanti, Pakistan telefon saya tadi, dia minta supaya sebahagian Ahli-ahli Parlimen termasuklah PKR, Barisan Nasional, PAS

untuk hadir persidangan kali pertama yang dia hendak buktikan bahawa Islamabad sekarang ini sudah tenang, tidak ada bom dan sebagainya. Mereka minta...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat. Tidak mengapa, kami tak nak tahu tentang itu Yang Berhormat [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi apabila Yang Berhormat telah dipilih...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Apabila Yang Berhormat telah dipilih, ini sudah penghabisan. Saya sudah tidak mahu bagi. Apabila Yang Berhormat dipilih, Yang Berhormat telah buat lawatan rasmi bagi pihak Parlimen Malaysia mewakili negara. Bila Yang Berhormat cakap nanti di persidangan tersebut dia akan sebut Malaysia. Malaysia bangun bercakap...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik, okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mewakili Malaysia memanglah betul sebagai seorang Ahli Parlimen kalau dipilih tetapi sebagai seorang isteri, dia bukan Ahli Parlimen. Dia tidak dipilih oleh rakyat.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, bukan ini. Saya kata wakil rasmi negara, lawatan rasmi negara.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri perlu berikan. Minta sedikit penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Cukup ini, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri tidak bagi Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya telah mengambil masa 43 minit. Jadi, untuk satu portfolio yang saya rasa tidak adil kepada Menteri 'Agama', Menteri 'Perpaduan' yang telah lama hadir.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, akhir. Penjelasan yang terakhir.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, sekarang saya beralih kepada SPR. SPR Yang Berhormat boleh timbulkan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, sekejap.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** SPR...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak bagi. Menteri tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Sungai Siput telah sebut tadi...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, satu perkara yang kita hendak tanya tadi peranan isteri Perdana Menteri. Apakah mengikut undang-undang, isteri

Perdana Menteri boleh mewakili negara? Itu yang pertama. Kalau Yang Berhormat Menteri nyatakan Yang Berhormat Menteri mewakili negara, kita boleh terima. Ahli Parlimen boleh terima tetapi kalau mengikut pengalaman kita, kalau ada program-program rasmi pun yang dihadiri oleh Perdana Menteri memang ada *spouse program*. Itu bukan kerja rasmi. Ada program untuk isteri-isteri yang menghadiri *international conference* tersebut seperti di CHOGM baru-baru ini.

Perdana Menteri hadir mewakili negara. Isteri beliau ada *spouse program* yang lain. Itu pengalaman yang semua kita tahu tetapi persoalan kita, bagaimana Datin Seri Rosmah boleh mewakili negara dalam membincangkan isu-isu kepentingan dua hala? Saya masih ingat ketika *Secretary Clinton* datang ke Kuala Lumpur beberapa tahun yang lalu sebagai *Secretary of State*. Ketika itu Perdana Menteri kurang sihat dan uzur. Sepatutnya dalam pertemuan *working lunch* hari itu, ia mesti diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri tetapi sekali lagi dalam pertemuan makan tengah hari pada hari itu, ia diwakili oleh isteri Perdana Menteri [*Dewan riuh*] Ini yang kita hendak tanya dalam Dewan ini, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah ada undang-undang dan peraturan baru di mana Datin Seri Rosmah boleh mewakili negara dalam membincangkan kepentingan dua hala? Kalau itu Yang Berhormat Menteri beri jawapan maka kita boleh atur dalam perbincangan yang akan datang. Kami hendak tahu dahulu pendirian Kerajaan Pusat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah Datin Seri Rosmah boleh mewakili negara dalam perbincangan diplomatik di antara dua negara. Itu saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sedikit. Mungkin isu tambahan. Menteri tambahan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, apa sahaja asalkan diluluskan oleh Jemaah Menteri maka itulah keputusan muktamad.

Sekarang saya pergi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang Berhormat Gelang Patah dan juga Yang Berhormat Sungai Siput menyebut tentang 9A iaitu pengundi yang telah melalui proses yang panjang untuk didaftarkan sehingga namanya berada di sana. Contohnya macam di Sungai Limau baru-baru ini. Pengundi itu telah berada dalam senarai tetap yang telah melalui proses sehingga namanya berada di sana dan kita tidak boleh tukar walaupun kita tahu bahawa pengundi tersebut, dia bukan berada di Sungai Limau, bukan berada di Bukit Besar. Dia berada di luar tetapi dia senarai yang SPR tidak boleh, "*Ini bukan alamat di situ, kita kena buang*". Tidak boleh. Senarai itu, kita hanya boleh buat pindaan daftar baru dan yang 9A ini terpulang kepada pengundi itu sendiri untuk mengubah alamat dan berpindah ke tempat lain. Selagi dia ada di situ, jadi itulah nasib yang kita akan hadapi di Sungai Limau nanti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri, 9A. Minta penjelasan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Kita tanya Menteri, Menteri hendak beri ruang atau tidak untuk mencelah. Hendak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tentang 9A.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Masih belum habis lagi Yang Berhormat. Saya tidak bagi. Jadi ini menunjukkan bahawa...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang duduk buat apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tuan Pengerusi bercakap, Menteri pun duduk. Dia ikut peraturanlah itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, semua orang kena terima hakikat bahawa ini yang berlaku dalam senarai Daftar Pemilih. Jadi, kalau kita boleh tukar juga senarai yang ini kita akan menghadapi masalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itulah senarai yang telah pun dibuat melalui proses yang panjang sehingga ia berada di sana tetapi daftar baru, kita boleh protes dan sebagainya. Kalau sekiranya kita hendak ubah juga undang-undang ini kita kena berbincang di sini bahawa Akta Suruhanjaya itu mesti diubah untuk membolehkan kita buat peraturan baru pula.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi nama-nama tersebut boleh diubah sekiranya berlaku kematian dan sebagainya. Oleh sebab itu baru-baru ini ada juga kes orang mati, namanya masih muncul di sana tetapi memang orang mati tidak boleh mengundi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, minta penjelasan, 9A.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, saya hendak beritahu kebanyakan Ahli-ahli Parlimen di sini, apabila berbahas dia menyebutkan perkataan Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat tidak ada, yang ada ialah pakatan di kalangan mereka tetapi bukan pakatan rasmi yang didaftarkan. Saya sedar bahawa...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, hendak selesai masalah ini beri kelulusan habis cerita. Kami sudah mohon tiga tahun, kenapa tidak luluskan? Kalau luluskan selesai masalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, minta Menteri tolong fokus kepada jawapanlah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Memohon berapa tahun itu ialah apabila Yang Berhormat dapat boleh gunakan. Kalau tidak dapat, kenapa gunakan? Oleh sebab DAP, Yang Berhormat Gelang Patah yang ada ilmu yang hebat daripada dahulu sampai sekarang, Yang Berhormatlah yang paling lama, di antara yang terlama di dunia, itu *confirm*. Menjadi Ahli Parlimen daripada Yang Berhormat muda sampai Yang Berhormat sudah berumur, sampai dapat turunkan ilmu itu kepada anak, Yang Berhormat dapat tahu bahawa kita tidak boleh memandai-mandai berhubung dengan pendaftaran. Yang Berhormat, DAP, DAP. PAS, PAS, PKR, PKR...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya minta penjelasan.



**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi kalau sekiranya mereka daftar, Yang Berhormat bubuh lambang roket, lambang bulan dan kemudian lambang PKR, bubuh sekali dan bertanding. Baru kita tahu sama ada rakyat boleh terima atau pun tidak. Sekarang apabila rakyat pilih parti yang berasingan, kita datang, kita kata ini Pakatan Rakyat. Saya berani kata, kebanyakan orang-orang PAS di bawah tidak akan bersetuju. Maknanya orang PAS sekarang ini, dia sudah...

■1650

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dia sudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak. Kalau ulama yang bangun saya hendak dengar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya minta ulama Yang Berhormat yang berkopiah putih, sila bangun bertanya soalan kepada saya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tolong kempenkah, tolong kempen?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat yang berkopiah putih sila bangun tanya soalan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Bahawa PAS tidak akan setuju...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Lambang PAS dimasukkan dalam...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya masuk untuk dengar jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai ucapan saya khasnya mengenai kes Sabah dan Sarawak. Adakah mereka akan terus dianaktirikan dan khasnya cadangan bahawa perlulah ada satu siasatan sempena 50 tahun supaya mereka mendapat hak dan penempatan sewajarnya dan isu-isu yang lain yang saya ada kemukakan pagi ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri jangan lari, boleh memberi jawapan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sama, sama sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Jawab mengenai Sabah dan Sarawak dan mengenai isu-isu yang saya ada timbulkan mengenai keselamatan ESSCOM Pulau Pom Pom dan lain-lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut. Yang lain duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, soalan saya bolehkan Yang Berhormat Menteri beri kepastian ataupun jaminan apabila kami PAS, DAP dan PKR memohon untuk mewujudkan satu pakatan yang dinamakan Pakatan Rakyat dan Yang Berhormat Menteri bersedia untuk meluluskan permohonan tersebut? Beri tarikhnya kalau boleh. Terima kasih *[Tepuk]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sedikit lagi. Sama. Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Biar saya habis jawab.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jawab sekali, jawab sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jawab sekali, jawab sekali.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang pertama pasal Yang Berhormat Gelang Patah. Yang Berhormat Gelang Patah akan tiba jawapan itu nanti. Saya akan jawab tiap-tiap satu. Saya tidak lari, jangan bimbang. Akan tetapi saya hendak jawab kepada Yang Berhormat bahawa hak mengundi untuk seluruh rakyat Malaysia sama. Akan tetapi yang saya hendak sebut tadi Yang Berhormat bahawa DAP sebuah parti yang telah menonjol berada di belakang Barisan Nasional, 38 Kerusi. Yang Berhormat tahu bahawa Yang Berhormat tidak daftar, kenapa letak nama PR? Yang berdaftar ialah DAP, PKR dan juga PAS. Saya minta ulama yang bersongkok putih tadi Yang Berhormat daripada PKR.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kenapa Pakatan menjadi *nightmare* kepada Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi daripada PAS. Ulama daripada PAS bangun tanya soalan...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Nightmare*. Jangan Pakatan Rakyat terus menjadi *nightmare* kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Sama ada orang PAS setuju ataupun tidak lambang PAS dikahwin dengan DAP dan juga PKR.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Takutlah, takutlah Pakatan Rakyat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon, mohon penjelasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi kalau tidak ada soalan daripada itu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat sabar sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri lari tadi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong, Lenggong Yang Berhormat. Lenggong, Lenggong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya seorang-seorang Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...Tiga kerajaan negeri...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Perak pernah diperintah oleh Pakatan Rakyat yang Tuanku Sultan Perak bersedia menerima Pakatan Rakyat. Di Kelantan sedia menerima, di Kedah Pakatan Rakyat diterima oleh Sultan Kedah, di Pulau Pinang Agong sendiri bersetuju, di Selangor. Jadi adakah nampaknya Yang Berhormat Menteri macam mempertikaikan keputusan Sultan-sultan yang menerima kita *[Disampuk]* Ini tanpa satu parti pun Sultan sudah terima apa Yang Berhormat Menteri hendak pertikai ini, fobia, kah? Ini tsunami punya kesan, kah? Yang Berhormat Menteri, minta jawab.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Amboi, kalau boleh kata kat orang sedap ya? *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, Lenggong, Lenggong.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Fobialah. Yang Berhormat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mana? Ya Allah kalau kawan-kawan, kenalah kan? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, buat apa layan rakan-rakan Pakatan Yang Berhormat. Hari ini cuba tengok Yang Berhormat, hari ini isu yang dibawa oleh pembangkang Dewan Pemuda PAS Pusat hendak bawa ke sidang mereka kerana mempertikaikan salah seorang daripada pemimpin DAP. Bergaduh sesama sendiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena pun sama pertikai DAP. Jadi di kalangan mereka pun bergaduh Yang Berhormat. Retorik sahaja, tipu sahaja. Dia tidak bersatu Yang Berhormat. Tipu, mana ada?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Setuju, saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong 100%. Okey, berhubung dengan SPR tadi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri, soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai tadi itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, tidak. Saya akan jawab sekarang, saya akan jawab.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak dengar kepada kenyataan Yang Berhormat itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Telah pun menghina ke bawah Duli Tuanku Sultan di negeri-negeri tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Itu satu penghinaan. Itu satu penghinaan yang tidak wajar yang saya fikir bahawa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada penghinaan. Jangan heret Sultan di sini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Yang Berhormat telah melakukan sebuah derhaka.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pakatan Rakyat tidak wujud pun. Yang wujud pakatan pembangkang. PAS dengan DAP pun tidak sepakat. Yang Berhormat sendiri buat *statement* hari ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak tahulah sama ada inikah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Inilah tukang pusing namanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Watak Yang Berhormat yang menyebabkan Yang Berhormat tidak terpilih menjadi Menteri Besar dahulu tidak diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Tuanku Raja Perlis.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hairanlah kenapa rakyat pilih orang macam ini? Tukang pusing punya. Kalau Yang Berhormat di kawasan saya habislah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Mungkin itu yang menyebabkan Yang Berhormat tidak ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 36(8) Yang Berhormat. Jangan sentuh sifat Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja. Tidak payahlah heret mereka ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya terima kasih. Yang Berhormat dengar saya jawab. Saya tahu pedih sedikit tapi Yang Berhormat bercakap pun kami pedih. Tolong bersabar sekejap. Ini kalau rasa pedih melompat, rasa pedih melompat. Lepas itu kata pula saya tidak menghormati Raja. Raja melihat bahawa PAS majoriti jadi dia bagi kepada PAS. Kelantan PAS majoriti bagi kepada Kelantan. Pulau Pinang dia bagi DAP. Kemudian di Perak mula-mula dilihat bahawa majoritinya ialah di pihak pembangkang, jadi pembangkang memerintah. Lepas itu majoriti di pihak Barisan Nasional, Barisan Nasional memerintah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi tidak timbul isu untuk tidak menghormati Raja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, jawab begini tidak elok. Ini Parlimen Yang Berhormat Menteri. Jangan main-main.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, saya minta Yang Berhormat Gombak dan semua orang jangan main-main di Parlimen. Dengar cakap bagi habis, baru cakap. Peraturan Parlimen dia hanya tanya bila seorang Menteri itu berucap kalau dia tidak bagi, duduk. Itu sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya lah tapi kalau jawapan itu main-main...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jawapan saya tidak main-main. Saya jawab itu pada pandangan Yang Berhormat main-main, pada saya serius, bahawa...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Serius apa maklumat salah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Bila Yang Berhormat kata Sultan Kedah bersetuju dengan Pakatan Rakyat. Mana ada Pakatan Rakyat! Pakatan Rakyat kami. Kami menang. Rakyat bersama kami.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Minoriti.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat pergi daftar belum tentu dapat daftar perkataan Pakatan Rakyat. Mungkin pakatan pembangkang. Jadi Pakatan Rakyat itu disalahgunakan oleh pihak Yang Berhormat dan bila kami diam kerana bukan mereka tidak jaga SPR. Saya jaga SPR. Saya terangkan bahawa pilihan raya yang lepas yang menang ialah Barisan Nasional 133 Kerusi. DAP 38 Kerusi, PKR 30 Kerusi, PAS 20 Kerusi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi undi berapa? Undi berapa? 47% sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi bukan peratus Yang Berhormat, Kerusi. Kita bukan ada peratus. Kalau peratus Barisan Nasional menang Kerusi 59%...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, bila...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...DAP walaupun dia Kerusi banyak tapi populariti boleh kepada PKR tetapi kita tidak kira.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Cuma kita hendak ambil sebagai pandangan. Yang paling penting ialah kemenangan kita dalam kerusi pilihan raya. Kita juga hendak terangkan di sini bahawa...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, bila kerajaan hendak luluskan permohonan Pakatan Rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak tahu tarikh, bila kerajaan akan luluskan Pakatan Rakyat? Kami...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, boleh saya jawab? Okey. Yang Berhormat duduk sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar duduk juga Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Supaya saya hadapi orang ramai dengan baik.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab saya tengok Yang Berhormat macam takut kalau Pakatan Rakyat ini diluluskan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak bagi jawapan Yang Berhormat. Bila Menteri Dalam Negeri sebagai pendaftar nanti datang kita tanya dia pula.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mana boleh dia jawab, dia pegawai. Menterilah kena jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak! Menteri Dalam Negeri akan jawab pendaftaran. Saya jawab SPR sebab SPR tidak terlibat dengan pendaftaran.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Betullah jawapan itu. KDN yang...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pendaftaran dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Isu KDN.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, kalau isu KDN kenapa dibawa isu dalam Dewan. Janganlah jawab.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat tanya Kementerian Dalam Negeri bila boleh daftar, tetapi bolehkah ataupun tidak kita pergi sebut sebuah parti yang tidak berdaftar. Pakatan Rakyat tidak berdaftar. Yang daftar DAP, yang daftar ialah PKR, yang daftar ialah PAS, yang daftar Barisan Nasional.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi pun tidak hentikan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** UMNO sendiri tidak bertanding...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Mencilah tidak boleh macam ini. Tugas saya untuk beritahu mencilah tidak boleh macam ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi tolong jangan mengarutlah. Menteri bagi jawapan mengarut ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Atas nama UMNO ataupun atas nama MCA. Sebanyak 13 parti politik di bawah Barisan Nasional kami tidak boleh bertanding atas parti masing-masing. Kita bertanding hanya atas satu bendera...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, minta Menteri jawab dahulu. Itu sahaja. Dia lari.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dacing, Barisan Nasional.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sedarkah Yang Berhormat bahawa rakyat tidak pernah pun berpakat untuk menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional dan contohnya Barisan Nasional 133, DAP 33. Parti Keadilan baru 30. Mereka sahaja yang syok cakap Pakatan Rakyat. Mana pernah rakyat berpakat. Rakyat di kawasan saya menolak dengan pakatan ini pakatan haram. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa memang tidak pernah ada

■1700

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak pernah! Setuju, setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan telah bagi pandangan yang cukup bernas. Saya hendak bagi tahu, Barisan Nasional dapat 59.91%, DAP dapat 17.12%, PKR 13.51% dan PAS 9.45%. Ini dia, ini keputusan rasmi...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jumlah ia 52%. Jumlah untuk Pakatan Rakyat 52%. UMNO-BN hanya 46%. Itu kenyataan yang tidak boleh dielak oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak bagi tahu bahawa tidak ada Pakatan Rakyat di Malaysia ini yang boleh pergi *combine* semua parti jadi Pakatan Rakyat. Jadi, itu bukan

cara. Pergi daftar, lawan atas nama Pakatan Rakyat, lawan Barisan Nasional. Keputusannya itu baru keputusan. Ini DAP lawan, DAP lawan Barisan Nasional...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Penjelasan, penjelasan. Jangan histerialah, *nightmare*, jawablah apa yang kita bangkit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Jangan histeria, jangan *nightmare*, jangan fobia mengenai Pakatan Rakyat [*Dewan riuh*] Pakatan Rakyat ada diakui oleh rakyat, diakui oleh Pengerusi Ketua Pembangkang, itu kita tahu [*Tepuk*] Histeria, *nightmare* ketepikan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia sendiri pun...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam mengigaulah, macam mengigau.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** DAP lawan PAS macam mana?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** BN jangan takut lawan Pakatan Rakyat. Jawab apa yang kita bangkit...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana ada Pakatan?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Khasnya mengenai Sabah dan Sarawak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** DAP pun lawan dengan PKR.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Menganaktirikan rakyat Sabah dan Sarawak..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** PKR lawan dengan PAS. Mana ada Pakatan? Sendiri pun berlawan! Macam mana ada Pakatan? Gila punya Pakatanlah! Ini Pakatan gila! [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali, Yang Berhormat semua, pandangan Yang Berhormat akan dijawab berdasarkan portfolio. Sebahagian daripada Yang Berhormat timbulkan itu, yang Yang Berhormat 'Nancy' akan jawab. Sebahagiannya saya akan jawab bawah ESSCOM nanti. Yang Berhormat jangan bimbang, kita akan jawab.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat Menteri kena cakap kawasan. Kena jawab Yang Berhormat Batang Sadong, bukan Nancy. Itu pun tidak tahu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mereka ada, mereka ada di mana-mana. Jangan bimbang. Tentang akhir sekali, fasal SPR bahawa sudah sampai masanya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri saya cabar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Beberapa pembohongan mutlak yang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dibuat mengenai SPR...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini. Rayu merayu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...laitu kononnya ada *blackout* masa pilihan raya. Kononnya ada 40,000 pendatang Bangladesh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Padahal orang Bangladesh yang jadi warganegara sejak 10 tahun yang lepas hanya 12 orang. Saya dah sebut dalam Dewan ini, 12 orang! Satu dua orang yang telah menjadi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, benda ini tidak dibangkitkan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, siapa sebut Bangladesh? Itu satu pembohongan. Kita hendak sebut, minta penjelasan- tidak ada sesiapa pun sebut 40,000 Bangladesh.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Warganegara sama ada mereka mengundi atau pun tidak, saya tidak pasti. Akan tetapi bagi anggota polis dan juga tentera serta rakyat yang ingin mengundi mereka mestilah warganegara

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Biarkan dia habis beri jawapan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You* yang sebut Bangladesh. Itu satu pembohongan. Kita sebut 40,000 pengundi yang diragui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, tidak boleh. Tidak boleh macam ini. Cukuplah ya *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** 40,000 orang Bangladesh yang datang ke negara ini untuk mengundi ialah satu pembohongan mutlak yang mengelirukan rakyat yang juga di Dewan ini!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Siapa yang mengelirukan? *You* yang membohong.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** JPA. JPA...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak ada sesiapa yang sebut 40,000 pengundi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Masa ada lebih kurang setengah jam, selepas ini kalau saya tidak sempat, saya akan jawab secara bertulis ya. Gangguan-gangguan itu tidak berapa digalakkan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Siapa yang mengganggu Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kenaikan pangkat..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh. Tidak boleh *demand* Yang Berhormat Menteri jawab macam ini Yang Berhormat. Tidak boleh, tidak boleh. Mana ada jawapan yang senang hati semua, tidak bolehlah macam itu. Saya pun tidak ada kuasa untuk soal jawab macam itu *[Dewan riuh]*



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masalahnya ia bangkitkan benda yang...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Rasa sakit tidak? Masa bantai kat kami buat demonstrasi sana sini, sakit tidak? Sakit, kan? Kami juga sakit dengar orang bercakap.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jumlah 40,000. Ini adalah satu pembohongan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri kalau sakit balik rumahlah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita tidak sebut 40,000 Bangladesh. Kita sebut 40,000...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat boleh duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Sepang minta duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Lawyer* ini cakap bagi betul sedikit di Dewan yang mulia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau sakit pergi kliniklah. Ada ubat. Ini bukan rumah sakit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tanya sakit kah tidak? [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Parlimen. Pergi klinik, kalau tidak ada duit, saya bagi duit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Menteri tidak bagi ruang. Tidak boleh, tidak boleh lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawab apa, melencong. Ini Pengerusi kena tarik Menteri! Kalau Pengerusi takut...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, di mana? Di mana kuasa Tuan Pengerusi untuk memastikan semua jawapan Yang Berhormat, dijawab oleh Yang Berhormat Menteri?... Di mana? Tidak ada.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya. Tuan Pengerusi pun kena bagi tahu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh pastikan, pastikan perkara ini... [*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi pun kena kontrol dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *You are misleading me.* Tidak ada, tidak ada macam itu. Tuan Pengerusi tidak ada kuasa - dengar! Tuan Pengerusi tidak ada kuasa untuk *drive*... Mana?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau *lawyer* macam ini, dekat tepi *Chow Kit Road* banyak!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Yang Berhormat Menteri cakap macam ini? [*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tapi jangan membuat pembohongan. Saya ulang sekali lagi. Kita walau bagaimanapun tidak sebut 40,000 Bangladesh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa ini. Tidak payah Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Penipuan 40,000 orang Bangladesh. Tipu! Bohong!  
*Liar!*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jangan bohong itu lagi. Jangan ulang itu lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh. Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Tidak ada, duduklah Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Saya minta semua duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Subang, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang, duduk.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang telah menang, berhiba dan kami telah berjaya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak Yang Berhormat Menteri. Berhentikan ulang pembohongan itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta dia Yang Berhormat Menteri berhenti sekejap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, Yang Berhormat kita ikut peraturan. Senang sahaja Yang Berhormat. Saya tidak bercakap tentang isu yang dibawa, saya cakap tentang Peraturan Mesyuarat. Mencilah—sebentar, sebentar, sebentar, sebentar. Mencilah ikut peraturan. Yang Berhormat, itu tanggapan Yang Berhormat. Tidak jawab soalan itu tanggapan Yang Berhormat. Tidak boleh macam itu. Sebentar Yang Berhormat Menteri, sebentar Yang Berhormat Menteri. Sebentar.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Di bawah peraturan pilihan raya, kita tidak boleh pinda. Kita tidak boleh pinda, saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat dengar apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang ini yang salah Yang Berhormat. Pencelahan begini yang salah. Tidak boleh, tidak boleh. Cukuplah. Yang begini pun bukan Parlimen. Yang sekarang Tuan Pengerusi bercakap Yang Berhormat tidak hormat pun bukan Parlimen. Bukan Peraturan Mesyuarat. Duduk lah *[Dewan riuh]* Tidak boleh macam itu, duduklah. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini Menteri pulak jawab merewang *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya sudah jawab, saya sudah jawab...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Berdiri]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat Sepang. Boleh berbahasa secara baik. Yang Berhormat Sepang boleh berbahasa cara baik Yang Berhormat. Tidak boleh. Bukan begitu cara bertanya. Bukan begitu cara bertanya. Yang begini salahlah. Saya bagi penjelasan tentang Peraturan Mesyuarat, tentang pencelahan *[Dewan riu]* Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk Jabatan Pemetaan Awam. Yang Berhormat boleh mencelah sekejap lagi, saya akan benarkan. Akan tetapi cara Yang Berhormat cakap menghina Arau. Tidak, hari ini saya tidak hendak bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang duduk.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berdirilah kamu di situ, sehingga kamu puas hati *[Ketawa]* Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Gombak saya bagi. Ini tidak boleh bagi. Orang ini bercakap, kononnya *lawyer*, cakap bertaraf...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi peluang yang saksama kepada pegawai yang cemerlang dan kompeten bagi memegang jawatan penting dalam perkhidmatan awam tanpa mengira kaum dan juga negeri asal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 66 atau pun 68% pegawai yang menerajui Agensi Persekutuan termasuk badan berkanun di Sabah dan juga Sarawak ialah berasal daripada orang Sabah dan juga Sarawak.

Pegawai dari Sabah yang berkeelayakan sentiasa diberi pertimbangan untuk mengisi kekosongan jawatan di agensi Persekutuan dan juga di Sabah dan juga di Sarawak berdasarkan merit dan juga kesesuaian. Saya telah bagi jawapan ini secara terperinci semasa soal jawab baru-baru ini tentang kedudukan pegawai-pegawai Sabah Sarawak yang bertugas dan memegang jawatan di sana termasuk juga pegawai-pegawai perguruan. Didapati bahawa majoriti daripada pemegang jawatan untuk Sabah dan Sarawak ialah terdiri daripada anak-anak Sabah dan juga Sarawak. Kemudian Tuan Pengerusi, saya hendak maklumkan bahawa gaji...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya satu?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Boleh, satu boleh.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Berdiri]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mereka betul-betul berkeelayakan ya, Sabah dan Sarawak, bukan dari *Chow Kit Road* ya? Terima kasih *[Ketawa]*

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, dari Bakri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, pegawai-pegawai, ketua-ketua jabatan termasuk juga anggota perguruan terdiri daripada Sabah dan Sarawak yang berkeelayakan untuk jawatan masing-masing bertugas di sana.

Saya menggunakan perkataan di sana, perkataan yang saya sebutkan tadi kerana penghinaan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat berkenaan. Hendak keluar, keluarlah kamu sebelum kamu dikeluarkan [*Ketawa*] Untuk Ahli Yang Berhormat dari Putatan...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Gaji perkhidmatan awam telah diberi kenaikan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Sebanyak 7% sehingga 13% berkuat kuasa daripada 1 Januari 2012 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/2012, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2013, gaji maksimum dalam struktur gaji bagi setiap gred juga telah ditambah sebanyak tiga kenaikan gaji tahunan untuk membolehkan pegawai yang berada digaji maksimum menikmati pergerakan gaji tahunan.

#### ■1710

Di samping itu, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.5/2013, semua pegawai perkhidmatan awam telah diberi satu lagi kenaikan gaji tahunan. Ini adalah tambahan kepada kenaikan gaji tahunan yang mereka nikmati pada tahun 2013. Selain itu, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.36/2013, struktur jadual gaji minimum/maksimum bagi Gred 1 hingga Gred 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia telah ditambah baik di mana penambahan sebanyak dua lagi kenaikan gaji tahunan pada gaji maksimum yang telah dilaksanakan bagi membolehkan pegawai yang berada pada gaji maksimum menikmati pergerakan gaji tahunan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berhubung dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Bintulu berhubung dengan kenaikan pangkat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kenaikan pangkat ini adalah berdasarkan kepada pegawai yang...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** JPA, JPA.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kompeten dan juga berkelayakan. Kita bagi kenaikan pangkat. Tidak ada pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat di atas dasar kroni tetapi mereka dinaikkan pangkat di atas dasar kompeten dan juga berkelayakan.

Saya tidak dapat memberi contoh-contoh kerana masa yang terhad. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memerhati supaya benda-benda ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Berhubung dengan apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bintulu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dulu, Yang Berhormat Bakri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Berhubung dengan MQA tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai kesimpulan daripada perbincangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai daripada JPA dan juga MQA sendiri, Kementerian Pendidikan, Jabatan

Perkhidmatan Awam dan badan-badan profesional seperti Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan sebagainya akan diadakan bagi meneliti cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya juga hendak sebut di sini bahawa Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang telah ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 10 Oktober 1972 adalah dengan tujuan untuk mengiktiraf sesuatu kelayakan di dalam atau luar negara bagi maksud lantikan dalam perkhidmatan awam sahaja. Terdapat 50 universiti terbaik di dunia tiada dalam senarai JPA. Isu-isu berhubung dengan 50 universiti terbaik di dunia tiada dalam senarai JPA dan menyukarkan pelajar untuk membuat pilihan.

Program pengajian yang ditawarkan oleh 50 universiti terbaik diberi pengiktirafan mengikut bidang pengajian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan dan badan-badan profesional berkaitan. Penilaian dan pengiktirafan kelayakan oleh kerajaan adalah bagi maksud memastikan bidang pengajian yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi dalam atau luar negara adalah sesuai dengan tujuan pelantikan tersebut.

Jadi saya ingat saya telah menjawab perkara-perkara berhubung dengan JPA.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya satu soalan mengenai JPA?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Bagi Yang Berhormat Bakri dulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat Bakri dulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tadi saya...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana kerana memberi peluang kepada Bakri dan Yang Berhormat Menteri memberi peluang [*Disorak*]

Di sini saya hendak meminta penjelasan jumlah penjawat awam bukan bumiputera yang sedang berkhidmat ketika ini. Bagaimanakah kerajaan merancang untuk menambah bilangan bukan bumiputera dalam khidmat awam serta bagaimana usaha kerajaan bagi menimbulkan minat mereka terhadap khidmat awam.

Selain itu, saya juga ingin membangkitkan pada tahun 2009 sewaktu Yang Amat Berhormat Pekan mula-mula menjadi Perdana Menteri, beliau berikrar untuk mengurangkan jumlah kakitangan awam, namun sekarang ini jumlah kakitangan awam adalah hampir 1.4 juta orang. Ia seolah-olah bertentangan dengan hasrat Perdana Menteri pada tahun 2009.

Jadi saya ingin bertanya adakah polisi mengurangkan penjawat awam ini masih diteruskan dan apakah perbandingan terhadap mutu kecekapan setiap penjawat awam ini terhadap tugas-tugas yang diberikan? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ucapan yang begitu baik dan soalnya baik. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, sekarang ini bila kita bagi jumlah bumiputera dan bukan bumiputera, Melayu dan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam, kita bagi berdasarkan secara terperinci iaitu dari segi kehadiran mereka dalam bidang profesional dan juga pengurusan dan juga

bidang pelaksana. Kita dapati kehadiran orang-orang Cina terutamanya, ramai di bidang profesional dan juga pengurusan. Pelaksana kurang. Pelaksana tetapi pelaksana di kalangan orang India lebih daripada orang Cina.

Jadi bagaimana usaha-usaha untuk meningkatkan kehadiran orang-orang Cina di dalam perkhidmatan awam, kita kena ingat bahawa bila hadir situ, bukan sahaja pengurusan tinggi dan juga profesional tetapi termasuk pelaksana yang mana kita dapati di peringkat pelaksana ini tidak ramai orang-orang Tionghoa yang memohon jawatan kerani dengan sebagainya.

Mereka melihat perbandingan itu lebih ke arah jawatan-jawatan tinggi. Akan tetapi sekiranya kita hendak galakkan, biar kita galakkan di peringkat pelaksana juga. Ada kehadiran orang Cina. Kalau tidak kita hanya menyebut jawatan-jawatan tinggi. Saya ingat tidak berapa tinggi. Ini kerana saya telah sebutkan tadi dari segi permohonan, orang yang memohon kerja kita lihat lebih 100,000 orang yang memohon jawatan di kalangan orang Melayu. Demikian juga di kalangan orang Cina. Tidak berapa ramai di peringkat pelaksana. Di peringkat pelaksana yang paling ramai ialah di kalangan orang Melayu.

Kalau penyertaan itu, mestilah dilihat penyertaan juga di peringkat pelaksana. Kalau kita hendak banding, biarlah banding pelaksana, berapa Melayu, berapa Cina, berapa India dan kita lihat pengurusan tertinggi berapa Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun, kita berusaha supaya ada peningkatan dalam kehadiran orang-orang Cina terutamanya di peringkat pelaksana. Bukan pengurusan tinggi sahaja sebab pengurusan tinggi kita tahu bahawa ia merupakan satu perjawatan yang menjadi rebutan ramai rakyat Malaysia.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tadi dia kata saya macam-macam sekarang baru hendak tanya soalan. Saya bagi yang depanlah. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baik, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bangkitkan isu yang saya bangkitkan tadi sebab saya tengok Yang Berhormat macam sudah hendak berhenti. Macam tidak ada satu jawapan kepada soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada enam orang lagi yang akan menjawab, Yang Berhormat di Jabatan Perdana Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan itu sangat penting iaitu bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam iaitu Tan Sri Abu Bakar. Dia diambil tindakan ditamatkan perkhidmatan oleh pihak kerajaan. Jadi ditamatkan perkhidmatan ini satu imej yang menunjukkan bahawa kesalahan yang besar yang dilakukan oleh beliau.

Jadi saya tanya tadi apa sebenarnya sebab sekarang ini kerajaan melantik beliau menjadi Pengerusi Bank Simpanan Nasional. Kalau dia sudah *fail*, kerajaan memperakui dia *fail*, dia melakukan satu benda yang besar pada perkhidmatan beliau, jadi macam mana pula kita boleh lantik dia jadi pengerusi kepada sebuah bank? Jadi itu yang saya minta penjelasan. Apa sebenarnya yang menyebabkan dia ditamatkan perkhidmatan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, jawapan sudah berada dengan saya. Kalau sekiranya tidak sempat, saya bawa secara bertulis. Jadi biar saya baca fail demi fail berhubung dengan- sudah ada jawapan kepada persoalan Yang Berhormat itu. Jawapan yang kita akan berpuas hati untuk mendengarnya. Jadi berhubung dengan perkara-perkara lain yang sudah dibangkitkan...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, tentang JPA sikit lagi tadi. Sikit sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mengenai JPA?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan jawab selepas ini, Yang Berhormat ya. Perlahan-lahan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sikit, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi perkara-perkara lain yang ditimbulkan di bawah JPA...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sikit. Tadi itu...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi dengan syarat mesti menggunakan bahasa di Dewan yang mulia ini bahasa yang mulia.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bahasa yang mana tadi itu?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tadi guna bahasa yang macam-macam dekat saya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Eh, tidak ada. Tidak ada.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau tidak ada, okey.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini hebat Menteri kita ini. Dia menerima kehadiran kita semua.

Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membaca satu laporan mengatakan ada dua perkara bahawa terlalu ramai hasil-hasil pendidikan perubatan yang berada dalam negara kita buat masa ini. Ada 40 universiti tempatan dan banyak lagi di luar negara yang kembali lebih kurang 4,000 setahun. 2,000 daripada luar dan 2,000 dalam negara kita. Menjelang tahun 2016 ataupun 2017, mungkin 10,000 kita punya hasil.

Ada kekhawatiran bahawa kualiti pendidikan ini sama ada dalam negeri mahupun luar negara tidak diberikan satu penilaian yang sebenarnya. Jadi saya mendengar tadi tentang jawapan awal Yang Berhormat Menteri. Apakah kita tidak mengambil serius mengenai kualiti ini sehingga kita boleh menghasilkan dalam perkhidmatan awam nanti dan juga swasta doktor-doktor yang tidak selamat. Jadi ini mesti diambil berat.

Keduanya, ada laporan semalam bahawa kerajaan menjawab besarnya jumlah dalam perkhidmatan awam ini ialah kerana kita bagi kerja kepada rakyat Malaysia. Saya rasa itu satu jawapan yang baik.

Akan tetapi adakah peranan kita sebagai kerajaan menyediakan kerja dalam kerajaan sendiri? Apakah kita tidak memikirkan dibuat sesuatu polisi yang boleh menyebabkan banyak peluang pekerjaan di luar sana sampai terpaksa kerajaan menjawab, kita bagi kerja ini sebab kita nak bagi rakyat kita bekerja. Itu betul dalam satu hal tetapi seperti yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Bakri, kita bercadang untuk *right sizing of our civil service*. Jadi sudah ada konflik di situ Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya secara peribadi pun semasa lima tahun saya jadi wakil rakyat biasa, saya memberi perhatian kepada pengajian di bidang perubatan dan saya melawat hampir semua pusat-pusat pengajian tinggi yang melibatkan rakyat Malaysia. Saya sebenarnya terkejut tapi dalam masa yang sama kita juga berbangga, sampai di Cuba pun ada 21 orang rakyat Malaysia pada masa itu, pada tahun 2010, ada 21 orang rakyat Malaysia yang kena belajar bahasa Sepanyol untuk masuk ke bidang perubatan. Kita tahu bahawa di Indonesia kita lihat dari Sumatera Utara sampai Sulawesi sampai Manado ada fakulti perubatan termasuk di Padang, Indonesia termasuk juga di pekan-pekan kecil, banyak fakulti perubatan termasuk juga di Bali dan sebagainya. Kalau daripada segi *ratio* kaum, di Bali majoritinya ialah India. Yang keduanya Melayu, yang ketiganya orang Cina. Jadi kita lihat ada minat orang India yang lebih ialah pergi ke Indonesia. Saya tak pasti pasal apa?

Walau bagaimanapun, kita ada ejen-ejen yang membawa mereka untuk belajar di sana. Saya percaya JPA sedang membuat penelitian sama ada kita harus mensyaratkan supaya mereka ini ada kelulusan minimum sebelum mereka dapat masuk ke universiti-universiti berkenaan dan bukan pandangan ejen itu yang diberi perhatian. Hal ini telah kita timbulkan. Saya sendiri pun telah timbulkan supaya ejen yang menentukan hak untuk orang masuk ke universiti itu juga mesti dipertimbangkan sama oleh JPA sebab sebahagian besar daripada anak-anak yang pergi ke sana ialah mereka yang mendapat tajaan daripada JPA. Walaupun di universiti di Padang, kita dapat tajaan daripada JPA. Demikian juga universiti-universiti lain. Memang ada kehadiran doktor yang ramai tetapi Yang Berhormat sebagai seorang doktor, Yang Berhormat sedia maklum bahawa walaupun mereka kelulusan awalnya mungkin tak bagus tetapi akhirnya bila mereka lulus dalam bidang perubatan, mereka akan menjadi seorang doktor.

Yang Berhormat, di peringkat awal sesetengahnya tak bagus tetapi akhirnya bagus. Akan tetapi kalau kita nak bagi syarat supaya kemasukannya mesti ada syarat minimum, hal ini kena dibincangkan dengan lebih panjang sebab ejen juga ada cara-cara tertentu untuk membolehkan orang yang kelulusannya kurang tetapi dia boleh masuk ke universiti di Indonesia dengan menggunakan sistem pendidikan Indonesia. Makna kata dia pergi masuk ke Indonesia sekejap, lepas itu dia lulus, diisytiharkan sebagai penuntut yang terbaik dan akhirnya dia boleh masuk ke universiti-universiti di Indonesia.

Akan tetapi walau bagaimanapun, saya nak bagi tahu Yang Berhormat, kalau sekiranya mereka nak jadi doktor, mereka mesti diluluskan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan mereka melalui satu proses yang panjang untuk menjadi doktor. Juga proses yang panjang di negara ini dan latihan-latihan yang tertentu untuk mereka menjadi seorang doktor. Saya percaya bila dia jadi



seorang doktor, dia sama seperti doktor-doktor yang lain dan kita tak boleh katalah bila dia jadi doktor, dia tak bagus dan sebagainya.

Kita ada satu kes, ini yang seorang doktor menjadi ahli politik. Walaupun dia mendapat zaman dahulunya gred tiga tetapi bila dia belajar jadi doktor, dia jadi doktor yang terbaik, lepas itu dia jadi doktor pakar dan sebagainya. Mungkin hak yang itu Yang Berhormat bimbang sebab terlampau banyak. Memang banyak dalam bidang perubatan sekarang kerana bidang ini cukup menarik perhatian semua pihak, dia menjamin peluang pekerjaan yang cukup baik.

Kemudian yang berikutnya ialah pasal ICU. ICU banyak pihak telah timbulkan tapi saya kena jawab yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen berhubung dengan peruntukan yang dikatakan peruntukan Ahli Parlimen. Kita tidak ada peruntukan Ahli Parlimen. Yang kita ada adalah peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kawasan Parlimen diagihkan kepada semua kawasan Parlimen di seluruh negara. Disalurkan dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan ataupun Pejabat Pembangunan Negeri yang merupakan jentera pentadbiran Kerajaan Persekutuan sedia ada berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

Peruntukan dibelanjakan untuk faedah penduduk semua kawasan. Saya dah sebut dah baru-baru ini, walau orang kata bila saya sebut dia orang tak seronok dengar. Kalau kita buat jalan, jalan itu untuk semua. Untuk PAS, DAP dan juga Barisan. Semua pihak boleh mengemukakan permohonan kepada JPN dan juga PPN. Kita akan pertimbangkan pada dasar garis panduan yang telah ditetapkan. Projek yang telah diluluskan akan dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana. Jadi kita kena tahu bahawa peruntukan ini merupakan *supplement* dan juga *compliment* kepada projek yang sedia ada.

Berhubung dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ucap terima kasih dan tindakan akan diambil.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tak, ini untuk ICU. Terima kasih sebab ada banyak lagi yang ditimbulkan tentang ICU ini. Saya ucap terima kasih dan tindakan akan diambil sewajarnya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berhubung dengan kerajaan sedang mengkaji cadangan penutupan operasi pejabat pembangunan zon di Negeri Perak, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek-projek kecil di negeri Perak akan diteruskan pada tahun 2014. Pelaksanaannya juga akan dibuat oleh pejabat daerah, JKR, JPS dan agensi-agensi kerajaan yang lain dan dipantau oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh pihak Yang Berhormat Lenggong tadi.

Jadi kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum saya jawab? Tidak ada? Terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sekejap-sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Jumlah peruntukan khas itu yang disebut, berapa agaknya?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang ini pasal ICU ya?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ya. Berapa banyak untuk kawasan Parlimen itu?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kawasan Parlimen, saya telah jawab dalam masa jawapan bertulis itu dan saya berpegang kepada jawapan bertulis.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi peruntukan ini boleh dinaikkan daripada semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan kawasan. Contohnya, pembangunan di Cheras berlainan dengan pembangunan di kawasan Arau. Di Cheras, peruntukan pembangunan yang telah dibelanjakan sehingga kini ialah sebanyak RM173 juta sebagai contoh, tetapi di Arau, kita hanya belanja mungkin hanya dalam RM3 juta ke RM4 juta dan seterusnya berdasarkan kepada keperluan Parlimen.

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Menteri, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi Yang Berhormat?

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sikit, sikit. Saya pun kawan lama. Saya pun nak tanya...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, dua-dua ini orang baik, dibenarkan. Ya, sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru dahulu.

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Bayan Baru? Lepas itu saya ya, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, tadi saya tak sempat tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi saya ambil kesempatan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Menteri. Saya nak tanya tentang ICU yang kerajaan sekarang, selepas pilihan raya ada pelantikan-pelantikan seperti penyelaras DUN dan penyelaras Parlimen di kawasan-kawasan di mana Barisan Nasional kalah. Jadi saya nak tanya Menteri, berapakah elaun dan juga segala perbelanjaan terhadap penyelaras DUN dan juga penyelaras Parlimen di seluruh negara? Setiap bulan mereka seorang, setiap penyelaras DUN dan Parlimen, dia punya gaji berapa dan juga segala *facilities* yang mereka pakai itu berapa dan total sejak tahun 2008 berapa yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Perdana Menteri? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya perlukan notis untuk jawapan tersebut, Tuan Pengerusi. Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya tak mahu lama, tak apa *no*? Boleh tanya *no*?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya nak tanya pasal projek-projek di Parlimen kita. Saya nak minta kalau boleh Menteri bagi jaminanlah jika ada apa-apa permohonan daripada kami, saya harap di peringkat majlis daerah, JKR dan JPS boleh respons. Sebab, masalahnya kami tidak duduk dalam jawatankuasa pembangunan daerah. Jadi selalunya disuarakan hasrat tentang pembangunan di dalam jawatankuasa tersebut. Khusus saya di Parit Buntar, memang tidak duduk dalam jawatankuasa pembangunan. Jadi saya mohon kepada pihak Menteri di atas kepentingan rakyat supaya segala projek yang berkepentingan rakyat tak kira siapa yang jadi wakil rakyat, tolong minta dipermudahkan urusan itu dan dilayan permohonan-permohonan untuk itu. Kita bila buat surau, kita bukan buat surau PAS kah, surau UMNO, tak. Kita buat untuk surau rakyat. Jadi kalau kita buat jalan, semua orang boleh pakai jalan itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Mohon sikit penjelasan dan jaminan menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya. Yang Berhormat, saya akan jawab habis tiga lagi portfolio. Kalau tak jawab nanti banyak orang kecil hati. Saya terpaksa timbulkan benda-benda yang saya sebutkan tadi di atas dasar kepentingan awam sebab semua orang sedang fokus kepada jawapan saya. Itu sebab saya jawab panjang sikit pasal SPR tadi bahawa penipuan 40,000 Bangladesh.

Okey, berhubung dengan Yang Berhormat mengenai peruntukan permohonan projek, saya nak bagi tahu Yang Berhormat, semua projek boleh kita kemukakan permohonan kepada JPP ataupun PPN dan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

#### ■1730

Saya percaya orang-orang yang baik macam Yang Berhormat ini kalau pohon, mereka akan pertimbangkan. Akan tetapi kalau kita kata bahawa PAS telah minta ini, PAS berjaya, dia susah sedikit. JPN dia akan pertimbangkan di atas dasar keperluan. Saya berterima kasih kepada kawan-kawan yang telah timbulkan tentang ICU.

Sekarang saya sentuh tentang Parlimen. Sepatutnya ini yang penghabisan tetapi kita menjawab awal. Tentang bangunan Parlimen, saya telah beritahu dalam jawapan bertulis bahawa ada jawapan soalan lisan yang telah dijawab dari semasa ke semasa bahawa *insya-Allah* bangunan ini akan siap sepenuhnya pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, berhubung dengan apa yang ditimbulkan tentang klinik dan sebagainya termasuk juga dengan gajah menyusur, laluan berbumbung itu juga ada dalam pakej pembinaan bangunan baru Parlimen.

Akan tetapi saya telah pergi melawat klinik tadi Yang Berhormat. Saya melawat klinik tadi dan juga saya melihat *parking* kereta tadi sampai di luar sana, sampai tempat laluan untuk kita memotong. Jadi, agak jauh dan sudah pasti orang itu terpaksa berjalan sampai ke *guard* sana, *guard house* terus ke sini, cukup jauh. Mereka itu bukan tetamu, mereka itu ialah pegawai-pegawai yang bertugas. Kita sedar tentang apa yang berlaku dan pembaikan sementara kalau kiranya ada keperluan yang cukup mendadak, kita akan bagi pertimbangan. Saya percaya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju kalau sekiranya kita sediakan perkara-perkara tersebut termasuk juga saya kata kalau sekiranya kita hendak tambah khemah di sebelah klinik itu, apakah boleh.

Sekiranya ada keperluan, kita harus buat demikian. Kita tidak mahu kalau jadi apa-apa kepada Ahli Yang Berhormat yang tengah *tension* ini, nanti kita akan dituduh tidak ada kemudahan kesihatan yang sewajarnya. Ini kerana saya telah mengalami satu kehidupan di mana Ahli Parlimen meninggal dunia di hadapan kita. Kemudahan perubatan ada. Yang Berhormat Pembangkang pun sedia maklum, bekas Menteri Kesihatan dahulu. Semua cukup tetapi *stroke* itu agak luar biasa. Jadi, kita kehilangan Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagikah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagikah?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan jawab tiga portfolio.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit, tambah sedikit. Soal klinik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebab saya hendak sentuh soal klinik ini. Yang Berhormat Menteri boleh? Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang sama-sama melawat klinik tadi sebelum berbahas. Soal yang sebelah itu, saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat melihat untuk keselesaan terutama sekali orang yang sudah uzur. Ambulans kita ini pun berdepan dengan kepada dinding, tidak menyebelah kepada jalan.

Yang Berhormat Menteri, saya juga minta jika ada pemantauan soal laluan ambulans sekiranya ada *emergency*, saya takut-takut nanti saya punya sahabat dari Pokok Sena ada masalahkah, ambulans tidak dapat keluar sebab kena *block* kereta-kereta. Mungkin Yang Berhormat Gelang Patah ada masalah. Itulah, saya mohon kalau ada pemantauan soal laluan ambulans itu. Kalau boleh ambulans itu dipantau bagaimana cara dia *parking*.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Hendak tambah sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tindakan serta-merta.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Bila cerita pasal bangunan baru, jalan berbumbung. Saya hendak beritahu satu sahaja, tambah selepas klinik. Tandas kita di dalam itu nombor tiga, rosak sudah tiga bulan sudah. Berkunci sahaja, kita ingat ada orang dekat dalam. Minta tolong Yang Berhormat Menteri tengok lah di situ.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Serta-merta, serta-merta. Semua tindakan akan diambil serta-merta termasuk klinik dan sebagainya. Kalau tidak, saya nanti dituduh tidak bertanggungjawab. Saya akan beritahu tentang elaun ini penghabisan sekali Tuan Pengerusi sebab ini melibatkan kepentingan semua.

Kemudian yang berikutnya dalam masa sepuluh minit ini ialah APMM. Kita tahu bahawa APMM memang aset kita berumur 50 tahun, memang kalau hendak kata *outdated* itu *outdated*lah tetapi umurnya 50 tahun. Bayangkan 50 tahun yang lalu, inilah bot-bot yang kita pakai sekarang dan bila APMM ditubuhkan di Parlimen ini kita menerima bot, aset daripada jabatan-jabatan yang juga bagi bot yang lama, yang telah pun berumur. Sekarang ini hampir semuanya berumur 50 tahun. Untuk itu, APMM telah buat keputusan iaitu kita akan tempatkan aset APMM ini seperti berikut:

- (i) Sabah ada 21 buah kapal, 36 bot termasuk 4 bot penghalang FIC; dan
- (ii) Sarawak 13 buah kapal, 22 buah bot, dua bot penghalang FIC.

Jumlah bot penghalang FIC ialah 18 buah dan telah diagihkan kepada Semenanjung 12 dan selebihnya empat buah di Sabah dan dua buah di Sarawak. APMM juga telah merancang untuk membina stesen udara di Kuching, Kota Kinabalu dan juga Kerteh tertakluk kepada peruntukan kewangan kerajaan. Pada masa yang sama, APMM sedang berusaha untuk membina sistem udara di Sandakan bersama-sama TUDM, *National Blue Ocean Strategy*.

Kemudian ESSCOM. ESSCOM seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa apa yang telah berlaku kepada pelancong Taiwan di Sabah adalah merupakan satu tragedi, tetapi kita hendak sebut bahawa insiden ini masih dalam siasatan Polis Diraja Malaysia. Akan tetapi saya hendak beritahu sejak ESSCOM ditubuhkan, kita dapati perkara-perkara yang berlaku pada masa yang lepas tidak berlaku lagi sekarang. Dahulu ada kebebasan orang keluar masuk dalam kawasan Malaysia terutamanya daripada *Philippine* tetapi sekarang tidak berlaku...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Apa yang berlaku itu ialah kes yang terpencil.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Soal ESSCOM ini ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang berlaku sebenarnya yang saya diberi maklum bahawa kerjasama daripada operator juga. Apa yang kita tekankan di sini adalah bagaimana kita melibatkan masyarakat awam, orang awam untuk bekerjasama dengan pihak keselamatan kita terutama sekali PDRM, sekarang di dalam jajaan ESSCOM.

Saya mohonlah kalau Yang Berhormat Menteri dapat mengemukakan, mencadangkan satu kesedaran kepada orang awam terutama sekali dalam peranan media ini memperhebatkan supaya kerjasama daripada operator sendiri, daripada orang awam sendiri untuk bekerjasama dengan pegawai keselamatan kita. Kalau ada kerjasama, Pulau Bum Bum ini tidak akan berlaku apa yang berlaku, apa yang dikatakan sejarah yang tidak boleh dielakkan sebab tidak ada kerjasama langsung daripada pihak operator.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *Mike, mike.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kejadian yang berlaku itu adalah kejadian terpencil dan tentera kita berada di kawasan yang berdekatan. Akan tetapi orang ini dia ambil kesempatan, tentulah ada *loophole* di mana-mana yang dia ambil kesempatan tetapi dia tidak melibatkan katakan satu pencerobohan. Akan tetapi dia lebih kepada jenayah yang terpencil.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Masalahnya itu, operator itu menghalang pegawai keselamatan kita masuk ke kawasan *resort* itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, okey. Itu kita akan ambil tindakan serta-merta ya Yang Berhormat. Saya ...

**Dr. Mohd. Hatta bn Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya juga ingin hendak ...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit. Jawapan Yang Berhormat Menteri sungguh menarik kerana dia ada sedikit percanggahan dengan maklumat yang kita terima awal Tuan Pengerusi bahawa kes yang berlaku dikaitkan dengan kumpulan Abu Sayyaf yang ada kaitan dengan Al-Qaeda. Jadi, ini satu perkara yang besar, bukan *isolated case*, bukan oleh satu gerombolan atau satu kumpulan perompak, lanun yang kecil. Jadi bila dikaitkan begitu, ia menambah satu suasana yang makin menakutkan dan boleh menjejaskan keseluruhan industri pelancongan di kawasan berkenaan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, kenyataan Yang Berhormat itu kita akan siasat dan saya hari ini baru saya dengar apa Yang Berhormat telah sebutkan itu. Kita akan bagi maklumat kita dari masa ke semasa.

Berhubung dengan laporan audit kita telah maklumkan bahawa kita telah pun bantangkan Siri 1 dan juga Siri 2 pada 1 Oktober kerana tahun ini ialah tahun pilihan raya. Masa itu Pengerusi PAC dan juga naib pengerusi belum dilantik lagi dan *insya-Allah* laporan ketiga akan kita bantangkan selepas perbahasan nanti.

Kemudian, akhir sekali ialah berhubung dengan elaun Ahli-ahli Parlimen. Elaun Ahli-ahli Parlimen ini, Yang Berhormat sedia maklum bahawa elaun ini telah pun diperkenalkan pada tahun 2011 dalam Bajet 2012. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan dengan jelas dan terang bahawa dengan syarat ianya disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Ahli

Parlimen. Akan tetapi malangnya, kita tahu bahawa ada suara-suara yang tidak bersetuju, protes dan sebagainya yang boleh menjejaskan nama baik kerajaan.

■1740

Kita sedar bahawa dalam keadaan sekarang beberapa negeri telah membuat perubahan kepada elaun wakil-wakil rakyat termasuk Kedah, termasuk Sarawak yang paling tinggi sekali dan orang yang menikmatinya ialah Yang Berhormat Kuching sebagai contoh. Sarawak termasuklah *insya-Allah* Selangor dan juga negeri-negeri yang lain akan menaikkan elaun Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada keperluan semasa termasuklah elaun pembantu-pembantu atau pegawai *research* dan sebagainya.

Perkara ini telah dibincangkan berkali-kali dan pada peringkat awal, yang lain-lain akan dipertimbangkan setelah kita membincangkan dengan terperinci dalam Jawatankuasa Dewan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Akan tetapi pada dasarnya elaun mesyuarat ini akan dinaikkan. Ini di peringkat awal sebab kita ada peringkat-peringkat dalam elaun Ahli-ahli Parlimen. Elaun mesyuarat itu akan dinaikkan dan *insya-Allah* akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Ini adalah elaun mesyuarat sahaja. Sementara elaun-elaun lain akan dipertimbangkan melalui jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi dan juga berdasarkan kepada kemampuan kerajaan untuk membayarnya. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, boleh minta penjelasan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat sedarkah, kerajaan sedarkah bahawa Dewan Rakyat di seluruh dunia yang paling rendah elaun untuk wakil rakyat ialah Dewan Rakyat kita ini. Kerja kita menjaga rakyat. Kawasan kita besar. Jadi saya harap kerajaan mempertimbangkanlah.

Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Pokok Sena setuju atau tidak. Dahulu dia tidak setuju. Itu sebab kalau dia setuju dahulu kita sudah dapat. Ini yang masalah apabila kita dapat ikutkan perkara sebegini di atas keegoan kita, masalah kita, sedangkan kita wakil rakyat bekerja untuk rakyat. Kita perlu juga perhatian sedangkan negeri-negeri yang lain, elaun Ahli Dewan Undangan Negeri pun telah dinaikkan seperti Kedah, Sarawak dan di lain-lain tempat. Akan tetapi kita di Dewan Rakyat ini kalau hanya membincangkan soal elaun mesyuarat sahaja, rasa saya tidak bermaknalah apa yang kita perjuangkan selama ini.

Jadi saya harap kerajaan timbangkanlah perkara-perkara sebegini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, ini bolehlah kita katakan dekat-dekat hampir dunialah. Elaun kita lebih rendah jika dibandingkan dengan Namibia. Tadi Ahli-ahli Parlimen Namibia datang, lebih rendah dari Uganda. Uganda dapat USD8,000 sebulan. Kemudian kita lebih rendah daripada *Cambodia*. *Cambodia* dapat dalam lingkungan antara USD5,000 ke USD6,000 sebulan. Kita lebih rendah daripada Indonesia. Kita lebih rendah dari Singapura dan juga kita lebih rendah daripada Thailand. Jadi kalau hendak kata dunia pun terpulanglah. Saya bersetuju dan perkara ini telah dibawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi

berdasarkan kepada kekangan kewangan dan juga lain-lain lagi, kita pertimbangkan elaun mesyuarat itu dahulu. Elaun-elaun lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Jadi Yang Berhormat, sebenarnya kita tahu keadaan cukup tertekan dan mendesak di mana Yang Berhormat perlukan pembantu, perlukan pejabat untuk terus berkhidmat kepada rakyat. Ini sedang diberi perhatian yang serius dan kita berharap kalau sekiranya perkara ini dapat kita mencepatkan itulah yang terbaik kepada Ahli Yang Berhormat.

Saya mohon maaf kalau sekiranya saya terkasar bahasa. Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat janji hendak jawab soalan saya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat sebab jika saya baca panjang jawapan itu..

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan saya juga.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Dan ia mengambil masa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya juga. Boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan jawab. Yang ini saya perlu notis Yang Berhormat ya. Oleh sebab Yang Berhormat tanya agak panjang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dengan jawapan bertulis?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Pokok Sena, jawapan sudah berada pada saya. Kalau saya baca saya juga berlaku kejam kepada kawan-kawan saya yang lain yang sedang menunggu dengan tawaduknya untuk menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh mereka.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kepada yang tidak dapat saya jawab kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Kepada mereka yang telah saya jawab mungkin mereka tidak berpuas hati, kita akan lihat sejauh mana kita akan dapat menyesuaikan pertanyaan dan juga jawapan yang kita beri. Jadi saya mohon maaf dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan di bawah portfolio yang saya pegang sekarang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri daripada Jerai.

**5.44 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Lenggong dan juga Yang Berhormat Rantau Panjang yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam, agensi dan juga jabatan di bawah tanggungjawab saya dalam perbahasan Bajet 2014 di peringkat Jawatankuasa ini.



Tuan Pengerusi, berkaitan penjelasan mengenai peranan JAKIM dalam menangani dan menguruskan isu penggunaan kalimah “Allah”, kerajaan berpendirian bahawa bagi menjaga kerukunan dan keharmonian antara agama, semua pihak wajar untuk menghormati sensitiviti beragama bagi penganut agama berkenaan. Sekiranya terdapat amalan dalam satu agama yang boleh ditafsirkan sebagai menyentuh amalan atau kepercayaan agama lain, maka ia wajar dielakkan.

Atas dasar itu Mahkamah Rayuan pada 14 Oktober 2013 telah memutuskan bahawa penggunaan kalimah “Allah”, bukan merupakan satu elemen penting dalam kepercayaan dan amalan penganut agama Kristian, *not an integral part of the faith and practice of Christianity*, dengan izin. Perkara ini jika dibaca bersama dengan Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan jelas menunjukkan bahawa penghakiman tersebut bertujuan untuk mengekalkan suasana aman dan damai di antara agama yang di kecapai sejak sekian lama di negara ini.

Buat masa sekarang Tuan Pengerusi, perkara telah pun dibawa kepada peringkat Mahkamah Persekutuan. Jadi adalah baik dan wajar untuk kita menghormati bagi menunggu keputusan di peringkat Mahkamah Persekutuan ini bagi pihak-pihak yang tidak berpuas hati kepada keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan persoalan apakah dapatan daripada DAMAI atau pun Dewan Amal Islam yang berkaitan dengan kajian terhadap kalimah “Allah” ini didapati dalam dapatan mereka adalah majoriti umat Islam menolak penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama lain terutamanya dari golongan guru-guru agama. Majoriti golongan mahasiswa menolak serta mempertikaikan penggunaan kalimah “Allah” dalam sebarang bentuk penggunaan. Penganut agama lain tidak melihat kepentingan penggunaan kalimah “Allah” ini melainkan ianya untuk kepentingan politik. Dapatan yang lain ialah majoriti rakyat Malaysia mengakui hak mutlak kalimah “Allah” oleh umat Islam.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan kalimah “Allah” di Sabah dan Sarawak, ini bukan hal politik Yang Berhormat Menteri. Perkataan ini sudah lama digunakan lama dan agama-agama Kristian di sana ada *Bible* dalam Bahasa Malaysia yang menamakan “Allah” sebagai deskripsi kepada “*God*”. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita memahami apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat sebab itu penolakan ini dibuat atas sifat tuntutan daripada Majalah *The Herald*. Perkara ini sedang dalam pertimbangan pihak Mahkamah Persekutuan. Saya rasa wajar untuk kita menghormati keputusan tersebut.

Tuan Pengerusi, perkara yang berkaitan dengan Yang Berhormat Temerloh menyatakan setakat mana penyeragaman..

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang juga menjawab soalan yang saya bangkitkan. Hari itu pun dalam peringkat dasar saya bangkitkan dan saya bangkitkan sekali lagi kerana saya masih ada kekeliruan.

Ini kerana tadi disebut bahawa DAMAI atau dewan, yang ringkasnya Damai- Yang Berhormat adalah pengerusinya kalau tidak silap saya, telah pun diperuntukkan sebanyak RM90,000 untuk membuat kajian. Ada dapatan kajian yang menunjukkan bahawa umat Islam, guru-guru agama tidak bersetuju kalimah "Allah" itu digunakan oleh orang-orang yang bukan Islam khususnya penganut Kristian. Jadi itu dapatan. Jadi ia macam *contradict* dengan keputusan kerajaan. Kerajaan bermula dari April 2011, Kabinet telah pun bersetuju membenarkan penganut Kristian di Sabah dan di Sarawak menggunakan kalimah "Allah".

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, saya kira cukuplah tentang ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Sub judice*.

#### ■1750

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan saya bangkitkan tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri dah jawab tadi. Cukup, cukup.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Isu keputusan mahkamah saya hormati, itu satu benda asing [*Dewan riu*] Akan tetapi ini adalah keputusan Kabinet. Keputusan Kabinet membenarkan. Maknanya pada 2 April 2011. Kemudian, pada tiga minggu yang lalu sekali lagi kenyataan yang dibuat oleh Senator Dato' Sri Idris Jala menegaskan kembali keputusan Kabinet pada 2 April 2011. Iaitu penganut Kristian boleh menggunakan kalimah "Allah", sedangkan isu yang berlaku sebelum itu seolah-olahnya itu adalah hak eksklusif umat Islam. Tidak boleh orang lain sentuh. Macam mana dapatan kajian yang dibuat oleh DAMAI tadi sehingga Penasihat Agama Islam Johor juga mengatakan bahawa murtad siapa sokong. Tan Sri Harussani juga mengatakan bahawa boleh menjadi kafir.

Jadi, macam mana keadaan ini boleh berlaku? Mufti mengatakan boleh menjadi murtad, boleh menjadi kafir. Kabinet kata, "No, boleh orang Kristian menggunakan kalimah "Allah"". Jadi, saya minta penjelasan, itu sahaja.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bakri, cukup Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, pendek sahaja. Di sini saya hendak minta penjelasan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah jemput orang lain Yang Berhormat Pokok Sena. Cukup! Lepas Yang Berhormat Menteri jawab ini, tajuk lain ya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** ...Perkataan “Allah” tidak boleh digunakan, macam mana cara...

**Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bakri, saya tidak menjemput Yang Berhormat Bakri berucap.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Ya, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Menteri jawab.

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pokok Sena, sebagaimana yang telah dijelaskan pada penggulungan belanjawan yang lalu, saya dah jelaskan bahawa tentang *10-point solution*. Hari ini Yang Berhormat Pokok Sena timbulkan balik bersama dengan Yang Berhormat Bakri. Namun, saya katakan bahawa dapatan yang didapati oleh DAMAI ialah ia sebenarnya dapatan yang tidak mengikat mana-mana pihak. Akan tetapi apa yang dibuat ialah untuk hendak melihat bahawa sepatutnya kita bergerak dan sebagainya. Oleh kerana daripada kedudukan sekarang, sebagaimana Tuan Pengerusi katakan tadi, perkara sedang berada di Mahkamah Persekutuan. So, wajar untuk kita menunggu dan kita menanti keputusan daripada mahkamah tersebut...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit, sedikit. DAMAI, DAMAI tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat Pokok Sena. Saya dah benarkan tadi. Sebenarnya kalau diikutkan 36(2)...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** Maknanya, keputusan kerajaan itu bolehlah, orang Kristian boleh gunakan kalimah “Allah” [*Dewan riuh*] Itu saya hendak tahu. Maknanya betullah itu.

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang Berhormat, saya dah sebut jawapan tadi.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, maknanya bersetuju?

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** Kita menunggu keputusan mahkamah.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mahkamah kepada akhbar *Herald*, ini kalimah “Allah” iaitu daripada keputusan Kabinet bawah *10-point solution* untuk penganut Kristian di Sabah dan Sarawak.

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** Di Sabah dan Sarawak sahaja.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat...

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bolehlah, bolehlah.

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** *The 10-point solution* Di Sabah dan Sarawak sahaja.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bolehlah, bolehlah ini. Yang Berhormat pun bersetujulah dalam - macam itu.

**Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang Berhormat Pokok Sena, *10-point solution* untuk Sabah dan Sarawak. Apa yang payah sangat hendak faham?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri jaga agama, juga seorang ustaz, bersetuju dalam Kabinet orang Kristian boleh guna kalimah "Allah"? Itu sahaja...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, dari Sarawak Yang Berhormat. Stampin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, tajuk lain Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Okey, Tuan Pengerusi...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Orang Sarawak, dari orang Sarawak biarlah dengar orang Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, teruskan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Mengapa Menteri tidak mahu jawab sahaja kita boleh gunakan perkataan "Allah"! Walaupun perkataan itu telah pun digunakan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Stampin... Sila Yang Berhormat Menteri, tajuk lain.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang Berhormat dari Temerloh telah menyentuh tentang penyeragaman undang-undang Islam dilaksanakan supaya tidak timbul kekeliruan usaha ke arah penyeragaman, penyelarasan dan pemantapan undang-undang Islam antara negeri-negeri di Malaysia sentiasa diberi keutamaan oleh kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif.

Dalam melaksanakan usaha tersebut, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil bagi tahun 1988 yang diurusetikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berfungsi antara lain untuk mengkaji, menyemak, dan menggubal undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian di seluruh negara.

Hasil daripada usaha Kerajaan Pusat untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang syariah di seluruh Malaysia, Mesyuarat Raja-Raja kali-176, pada Ogos 1997 telah bersetuju untuk menerima pakai undang-undang model yang seragam untuk dikuatkuasakan di seluruh negara...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Berikutan daripada persetujuan itu, Jabatan Peguam Negara (JPN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuat kajian mengenai ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang Syariah antara negeri dengan memberi tumpuan kepada enam undang-undang utama yang berkuat kuasa di negeri-negeri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tunggu bagi saya habis dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Undang-undang tersebut ialah:

- (i) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Undang-undang Keluarga;
- (iii) Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah;
- (iv) Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (v) Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (vi) Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah.

Seterusnya Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat kali-188 pada 22 Mac 2001 telah memperkenalkan lima model rang undang-undang seragam diguna pakai di negeri-negeri. Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Undang-undang Keluarga Islam;
- (iii) Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (iv) Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (v) Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Untuk makluman, kelima-lima undang-undang tersebut adalah merupakan undang-undang Islam yang utama, yang terpakai di negeri-negeri sehingga sekarang. Sembilan buah negeri telah menerima pakai sepenuhnya kelima-lima undang-undang seragam yang telah persetujui oleh Majlis Raja-Raja, manakala lima buah negeri hanya menerima pakai beberapa undang-undang yang seragam. Seperti mana negeri-negeri berikut:

- (i) Negeri Kelantan menerima pakai empat undang-undang seragam kecuali Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Negeri Terengganu menerima pakai empat undang-undang seragam kecuali Undang-undang Keluarga Islam;
- (iii) Negeri Pahang menerima pakai empat undang-undang seragam kecuali Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (iv) Wilayah Persekutuan menerima pakai empat undang-undang seragam kecuali Undang-undang Pentadbiran Agama Islam; dan
- (v) Negeri Kedah menerima pakai dua undang-undang seragam kecuali Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah dan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah.

Seterusnya Kerajaan Pusat melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah mengadakan perbincangan dengan negeri-negeri bagi tujuan menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam antara negeri-negeri. Perbincangan tersebut dibuat menerusi Majlis Dialog Undang-undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil yang keahliannya terdiri daripada mufti-mufti, ketua-ketua hakim syarie, penasihat

undang-undang negeri-negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia.

Walaupun Kerajaan Pusat berusaha untuk menyeragamkan undang-undang Syariah antara negeri-negeri, ia masih tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri. Ini adalah kerana perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam merupakan bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, hal ehwal berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja-Raja Melayu yang diperuntukkan di bawah Perkara 3(2), Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja-Raja Melayu dinasihati oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri ataupun (MAIN) sendiri. Oleh yang demikian Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa sepenuhnya untuk mengarahkan negeri menerima pakai undang-undang seragam tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dgn isu keseragaman Mahkamah Syariah ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Persoalan yang sering menjadi masalah kepada Mahkamah Syariah ini, kita tahu bahawa kita bukan sahaja perlu menyeragamkan undang-undang syariah ini di peringkat negeri-negeri. Akan tetapi bagaimanakah kita hendak memastikan apabila kita kata Mahkamah Syariah ini melaksanakan undang-undang Syariah, sejauh manakah undang-undang syariah itu sendiri memenuhi kriteria, dia *compliance* dengan al-Quran dan hadis.

Saya bagi contoh. Misalnya, Akta Kesalahan Jenayah Syariah di Wilayah Persekutuan. Pengertian sesetengah hukuman itu tidak selari dengan al-Quran dan hadis. Sebagai contoh, kesalahan *khazaf*, kesalahan zina dan sebagainya. Dalam Islam, zina itu ada *muhsan* dan *ghairu muhsan*. Yang *muhsan* hukuman lain, yang *ghairu muhsan*, belum kahwin lain.

Jadi, saya hendak tahu adakah pihak Menteri sendiri merasakan bahawa sudah sampai masanya Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) [Akta 356] ini yang bagi, ia boleh dipertikaikan, selaras dengan Islam atau tidak. Adakah kerajaan bersedia untuk meminda akta ini bagi memastikan undang-undang Syariah ini betul-betul mematuhi syariah itu sendiri dalam pengertian yang sebenar. Sebab kalau dalam ekonomi kita hendak syariah *compliance*, dalam Mahkamah Syariah kita mesti hendak syariah *compliance*. Itu yang pertama saya hendak sentuh.

#### ■1800

Keduanya Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan bidang kuasa. Kita tahu apabila dipinda perkara 121A yang membenarkan Mahkamah Syariah ini mempunyai bidang kuasa dalam kes-kes yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah yang dia punya bidang kuasa itu asalnya adalah Mahkamah Syariah. Akan tetapi bagi mengelakkan beberapa kes sebelum ini kalau kita lihat kes-kes yang diputuskan di mahkamah ini sampailah kes Lina Joy yang jadi satu kes yang hebat dulu. Di antara sebab yang menyebabkan berlakunya kes sebegitu kerana adanya khilaf.

Satu pendapat mengatakan cukup dengan bidang kuasa dalam Jadual Kesembilan itu maknanya apabila perkara itu sudah masuk dalam Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil tidak ada bidang kuasa- itu yang pertama.

Kedua kata pendapat mengatakan walaupun ada Jadual Kesembilan mengatakan ini kuasa Mahkamah Syariah tetapi perlu *dienactkan*. Perlu dibuat satu akta atau enakmen khas yang memberikan kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah. Jadi ini menyebabkan selalunya berlaku isu *clash of jurisdiction* ini. Jadi saya hendak mencadangkan supaya Menteri meneliti mana-mana negeri yang tidak ada peruntukan khas termasuk di Wilayah ini tidak ada. Ada beberapa negeri tidak ada peruntukan itu kena adakan, supaya kita mengelakkan ataupun kita boleh meminimumkan isu pertembungan bidang kuasa ini.

Oleh sebab kita takut, walaupun ada bidang kuasa itu kes Mahkamah Syariah, tapi orang masih boleh hujahkan oh, tidak boleh pergi ke Mahkamah Syariah sebab undang-undang dalam negeri itu tidak ada peruntukan yang mengatakan ini adalah *soul to jurisdiction Syariah Court*. Jadi saya harap Menteri dapat meneliti perkara tersebut. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang. Saya amat berterima kasih atas pandangan jujur Yang Berhormat Sepang berikan sebentar tadi. Sememangnya sebagaimana yang telah disebutkan tugas kita di sini termasuk di seberang sana ialah untuk memperkemaskan dan juga melengkapkan Mahkamah Syariah sebagaimana yang sepatutnya dan sewajarnya. Saya bersetuju apabila Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa Mahkamah Syariah, kita sedang dalam usaha untuk mempertingkatkan kuasa dan juga peruntukan-peruntukan hukuman daripada Yang Berhormat telah sebutkan tadi "653" iaitulah enam kali sebatan, RM5,000 denda dan tiga tahun penjara.

Kita sedang di peringkat yang akhir sekarang ini untuk memberikan ruang dan laluan hukuman yang menepati kehendak Islam dalam konteks ketiga-tiga hukum yang ada dalam Mahkamah Syariah baik hukum hudud, qisas dan juga takzir dalam hal yang seperti ini. Dalam masa yang sama juga, Jawatankuasa Syarak dan Sivil juga meneliti secara serius, di mana kita sedang menimbang untuk dipertingkatkan jawatankuasa ini dinaikkan taraf kepada peringkat yang lebih tinggi khususnya seperti mana Suruhanjaya Syarak dan Sivil ke arah untuk kita memperkemaskan mahkamah.

Apa yang penting ini ialah dalam hal ini hal yang tidak wajar untuk dipolitikkan dan perlu kita bekerjasama dengan begitu baik, baik daripada pihak sana pembangkang dan dari juga peringkat kerajaan. Ini kerana kita melihat dalam hal yang berkaitan dengan hal Agama Islam dan Mahkamah Syariah ianya adalah kena mengena dengan seluruh umat Islam tanpa mengira parti dan anutan mereka. Selain daripada itu juga saya berterima kasih juga tadi sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi Bilangan 121A ada negeri-negeri yang tidak memperkukuhkan kuasa yang mereka ada sehingga boleh dicabar di mahkamah yang selain daripada Mahkamah Syariah.

Kita faham di Malaysia ada Mahkamah Adat, kita ada Mahkamah Sivil dan kita ada Mahkamah Syariah. Maka tentunya kita ingin melihat sebagai seorang Islam Mahkamah Syariah diperkasakan dengan sebaik mungkin.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu pelaksanaan Mahkamah Syariah yang lebih lengkap dan syariah *compliant* bukan baru, sudah lama. Setiap kali kita bahas dalam Parlimen jawapan yang disebut selalunya ialah di peringkat penyelarasan dan sebagainya. Akan tetapi, saya mengharapkanlah kalau boleh Yang Berhormat Jerai yang pegang ini boleh mempercepatkan proses. Cuma persoalan kita juga ialah tentang soal teknikal. Teknikal yang menyebabkan soal polis, penjara, penguat kuasa malah kalau kita tengok dalam undang-undang Islam yang melibatkan contohnya sebatan. Dia tidak sama macam penjara sivil yang sebat orang sampai sekali sebat habis koyak dia punya kulit.

Sedangkan adab memukul atau sebat dalam Islam itu telah ditentukan oleh syarak. So persoalan saya setelah kita, *insya-Allah* berjaya isu Akta Mahkamah Syariah yang menyekat pelaksanaan ini secara legal, saya hendak minta juga isu teknikal ini diselesaikan. Contohnya di Kelantan isu yang timbul ialah ada kenyataan mengatakan Mahkamah Syariah telah bersedia untuk melaksanakannya. Akan tetapi bagaimana satu kenyataan itu boleh keluar sedangkan isu Akta Mahkamah Syariah belum selesai lagi yang "635" itu, satu.

Kedua timbul itu teknikal, penjara, pelaksanaan, hukuman dan sebagainya. So, saya harap perkara itu dibawa satu pakej jangan selesai satu bab, jadi bawa satu pakej supaya tidaklah nanti orang kata isu itu dipolitikkan dalam soal Mahkamah Syariah. Jadi saya rasa isu pelaksanaan syariah ini dia bukan politik. Satu dia tanggungjawab kita sebagai Muslim, kedua ialah melihat apakah halangan-halangan dan kita secara proaktif menyelesaikannya bukan juga dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu menyatakan kami hendak buat tapi tidak boleh buat, ataupun kami sudah buat tetapi dihalang. Itu persoalan saya yang saya harap Yang Berhormat Jerai dapat bawa satu tahap yang lebih memuaskanlah.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih kerana memahami keadaan dan sebagainya. Bagi pihak kita, saya melihat bahawa penyelesaian tidak dapat kita selesaikan dengan polemik yang berpanjangan dalam konteks pendekatan politik dan pandangan peribadi tetapi ia seharusnya berdiri dan berpijak di atas kebenaran syariah itu sendiri. Sebenarnya sebagaimana Yang Berhormat sebutkan, kita sudah mengambil kira semua perkara-perkara tersebut termasuklah persiapan mahkamah daripada *lima tiers*, dengan izin, ataupun lima tingkatan hari ini di Mahkamah Sivil juga untuk Mahkamah Syariah sewajarnya dipersiapkan yang sama.

Hari ini sudah ada perbincangan dan untuk maklumat Dewan yang mulia, saya telah menjelajah ke semua 14 buah negeri dan mempersembahkan kesembilan buah negeri yang mempunyai Raja dan Sultan kecuali negeri-negeri yang tidak memiliki Raja dan Sultan seperti Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan juga Melaka yang tidak mempunyai Raja. Majlis Agama Islam telah diberikan taklimat bagaimana peruntukan-peruntukan dan ruang



untuk peningkatan tersebut. Untuk mahkamah lima tingkatan tadi Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Majlis Rayuan Syariah.

Begitu juga bukan sekadar itu, termasuk juga mengambil kira ruang lingkup dalam “653” Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi. Bukan sekadar itu sahaja bahkan mengambil kira prasarana mahkamah yang sedia ada pada hari ini dalam pengertian maksudnya Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaannya. Bahagian Penguatkuasaan juga hari ini berada di bawah satu bumbung yang dinamakan Majlis Agama. Walaupun mereka ini diberikan kuasa tauliah oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun Raja dan Sultan di negeri masing-masing, tetapi kita melihat di sana ada perkara-perkara yang boleh diperlihatkan ketidaktelusan sebagainya mungkin pada sesetengah pandangan.

Jadi maka sebab demikian kita sedang melihat secara serius dan dalam bahawa Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan kalau di sivil kita tengok Bahagian Penguatkuasaan Polis berada di satu bahagian yang berbeza. Begitu juga di pejabat AG di pejabat yang berbeza dan juga dengan di Bahagian Undang-undang Mahkamah. Maka sebab yang demikian, apa Yang Berhormat sebutkan tadi adalah merupakan perkara-perkara yang menjadi perhatian tinggi untuk kita melihat. Saya rasa perkara-perkara yang menjadi polemik dan juga perbincangan panjang yang tidak menguntungkan sebenarnya. Oleh sebab dia kadang-kadang macam Yang Berhormat sebutkan, orang tidak faham tentang perbezaan sebatan sivil dan juga sebatan daripada Mahkamah Syariah. Maka sebab itulah penentangan yang begitu tinggi termasuk sebatan terhadap wanita, melihat kepada mahkamah-mahkamah lain di negara lain tidak melaksanakan undang-undang terhadap wanita.

Maka sebab itu isu Kartika menjadi begitu panas satu ketika untuk kita memahami. Maka sebab itu kita sedang menyusun dengan secara baik mungkin.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, tambah sikit ya.

■1810

Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta supaya kerajaan betul-betul serius dari segi menyelesaikan masalah pertembungan bidang kuasa ini. Oleh sebab saya bercerita ini berdasarkan pengalaman sendiri terlibat dalam beberapa kes yang melibatkan dengan pertembungan bidang kuasa ini. Antara isu-isu yang saya hendak lontarkan ini supaya Menteri ambil perhatian antaranya berkaitan dengan kes penceraian. Apabila salah seorang pasangan yang mereka berkahwin asal di bawah *Law Reform Act*, Akta Penceraian Perkahwinan 1951 itu. Akan tetapi apabila berlaku salah seorang pasangan itu masuk Islam, selalu jadi pertikaian yang kadangkala menyebabkan hubungan kaum itu menyebabkan berlakunya *tension* di situ. Oleh sebab persoalannya dekat sini adalah bagi saya semenjak zaman saya belajar lagi, saya ingat isu itu telah dibangkitkan dan dibahaskan dalam Fakulti Undang-undang.

Isunya sekarang, apabila salah seorang pasangan sama ada suami atau isteri masuk Islam, persoalannya, mereka ada masalah. Oleh sebab dari segi undang-undang yang ada sekarang, kalau pasangan Islam itu— dari segi Islam memanglah, apabila dia masuk Islam,

automatik perkahwinan itu terbatal. Akan tetapi masalahnya, hendak pergi Mahkamah Sivil sudah tidak boleh sebab dia sudah jadi orang Islam, *Law Reform Act doesn't apply to Muslim*. Itu yang pertama. Kalau dia pergi Mahkamah Syariah pula, dapat perintah dan perintah itu tidak mengikat pasangan yang bukan Islam. Jadi, dekat situ pun masalah juga. Orang bukan Islam pula, kalau mereka hendak pergi ke Mahkamah Syariah pun tidak boleh juga. Jadi, saya rasa isu ini sudah lama tetapi sampai sekarang tidak ada penyelesaian. Jadi, saya hendak mencadangkan Menteri, kalau boleh— oleh kerana perkahwinan ini di bawah *Law Reform Act*, jadi saya rasa segala penyelesaian mesti di bawah *Law Reform Act* juga.

Jadi, cumanya bagi hendak memastikan isu yang berkaitan dengan syariah tidak salah. Saya rasa sebelum kita pergi ke mahkamah itu mungkin diwujudkan satu *body* untuk macam dalam Islam kita kata 'Tahkim', dipanggil untuk satu badan rundingan. Jadi, dua-dua pihak— kalau boleh elakkan kes-kes ini pergi ke mahkamah. Sebab kalau pergi mahkamah ini dia akan jadi selalunya *blown out of proportion*. Jadi, itu jadi... Sekejap Menteri, sekejap Menteri. Ini penting. Jadi, saya hendak mencadangkan, kalau perlu pindaan, buat pindaan dalam *Law Reform Act* supaya ada satu rundingan. Supaya kita hendak segala masalah ini dapat diselesaikan dengan cara yang baik. Itu yang pertama. Keduanya, berkaitan dengan berkaitan dengan Akta KWSP. Kalau seorang yang asalnya bukan Islam tetapi apabila dia masuk Islam, tiba-tiba nomini asalnya bukan Islam. Undang-undang sekarang membenarkan nomini itu jadi *executor*. Jadi persoalannya, bagaimana dia hendak jadi *execute* berdasarkan undang-undang Islam? Jadi, dekat situ pun ada kelompangan, *loop hole*. Cerita ini berdasarkan pengalaman. Saya bawa kes ini ke mahkamah. Jadi, mahkamah pun serba salah. Hendak pergi Mahkamah Syariah tidak boleh, hendak pergi Mahkamah Sivil, Mahkamah Sivil kata, "*Ini bukan kepakaran saya*". Jadi, ini antara isu-isu.

Saya harap Menteri kena gariskan segala isu-isu yang ada *conflict of jurisdiction* ini supaya betul-betul *address* isu ini. Panggil semua pihak yang terbabit supaya Malaysia boleh jadi satu negara contoh. Walaupun kita ada *dual system* tetapi dua-dua sistem itu boleh beroperasi dengan harmoni. Jadi, ini yang kita rasa tidak salah kalau panggil kami dari pembangkang ini. Tidak mengapalah, kalau tidak panggil Pakatan Rakyat, panggil pembangkang pun tidak mengapalah ya, untuk kita sama-sama berkongsi ilmu dan pengalaman kami. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Menteri, boleh jawab sekali dari Bakri? Tanya satu soalan pendek. Minta maaf, *sorry*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri memberi peluang kepada Bakri tanya satu soalan yang pendek. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri untuk mendapatkan pandangan dan pendapat Menteri. Semasa kita ada aktiviti nyanyian lagu negeri. Adakah kita boleh digunakan? Sila Menteri beri pendapat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah tajuk lain ini.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Ada kena mengena.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Bakri. Tuan Pengerusi, saya suka Yang Berhormat Sepang punya cadangan, cukup baik. Saya hendak beritahu bahawa memang kita sudah bincang panjang dengan Majlis-majlis Agama Islam seluruh negeri. Ada cadangan yang kita cuba mencari penyelesaian. Ini kerana sebagaimana Yang Berhormat Sepang sebutkan tadi, apabila berlaku pertukaran agama, lebih-lebih lagi kes yang berkaitan dengan perkahwinan di- pendaftaran yang didaftarkan di bawah sivil, apabila masuk Islam, maka timbul masalah. Apatah lagi kepada yang Islam itu sendiri sebenarnya. Ini kerana walaupun Mahkamah Syariah mengikat diri dia tentang pembubaran perkahwinan dan pembubaran itu walaupun dibuat tetapi dia tidak mengikat perkahwinan dia semasa dilakukan secara pendaftaran di *civil court*.

Jadi, hal ini memang ada kelompangan yang amat disedari. Sebenarnya sebagaimana balik kepada persoalan asal ialah pembubaran ini mestilah dibuat untuk dalam cadangan yang dicadangkan juga. Kita balik seketika ke Mahkamah Sivil ataupun ke bahagian yang berkenaan untuk membubarkan perkahwinan tersebut. Akan tetapi ia amat bergantung kepada negeri-negeri dalam meminda pindaan dan juga untuk bersetuju dalam kelompangan tersebut. Ini kerana sampai ke hari ini, walaupun di Mahkamah Syariah membubarkan perkahwinan tersebut tetapi ia tidak mengikat Mahkamah Sivil untuk membubarkan perkahwinan. Jadi, semacam satu deraan baik kepada yang lelaki ataupun perempuan yang masuk Islam tadi. Apatah lagi kalau melibatkan soal pembahagian harta pusaka ataupun harta sepencarian yang mereka lakukan.

Kalau dia seorang isteri yang jutawan, maka dia rela masuk Islam dia menjadi seorang yang tidak memiliki harta kerana pembubaran tidak boleh dilakukan dan pembahagian harta sepencarian tidak dapat dilaksanakan. Kita menyedari hakikat ini dan kita sedang mencari jalan yang terbaik bagaimana untuk menyelesaikan. Saya bersetuju Yang Berhormat kata tadi kalau boleh kita duduk dan bincang sekali, elok-elok. Tidak perlu gaduh hendak bertengkar banyak nanti. Macam mana tempat-tempat kita bertengkar. Jadi, kita rasa ini ruang yang baik untuk kita selesaikan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit, sedikit.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Boleh saya habiskan sekejap Yang Berhormat?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit sahaja. Tajuk yang sama sahaja.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Sekejap, sekejap. Sedikit, beri habis dahulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Begitu juga dengan hal yang berkaitan dengan KWSP. Kita mengambil perhatian yang tinggi tentang KWSP ini untuk tujuan penyelesaian tersebut. Oleh sebab ini kes-kes yang mungkin- walaupun saya tidak sebutkan secara terpencil. Akan tetapi kes ini memang banyak berlaku dan tuntutan yang melibatkan soal mahkamah. Bukan setakat KWSP, termasuk juga tuntutan yang di dalam ketenteraan. Mereka

yang terlibat, wang-wang daripada caruman yang berkaitan juga menjadi masalah untuk tuntutan mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya bangun untuk mencelah topik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang yang saya amat setuju. Apa yang saya ingin tegaskan dan minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri ialah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang. Masalah *conflict*, dengan izin, dengan antara dua sistem ini sudah berlarutan panjang dan banyak kes sudah di bawa ke mahkamah. Terdapat banyak penderitaan yang dialami oleh pasangan yang bercerai. Sebab ada konflik ini yang penderitaannya dialami oleh keluarga, anak-anak mereka dan sebagainya. Jadi, kita perlu satu penyelesaian secepat mungkin dan bagi saya tadi Yang Berhormat Menteri kata sudah ada perundingan dengan Majlis Agama di beberapa buah negeri. Akan tetapi saya minta perundingan ini perlu diperluaskan kepada semua badan yang ada kepentingan daripada pihak bukan Islam juga. Daripada semua badan yang ada kepentingan kerana di bawah satu meja perundingan dan kita cari satu jalan penyelesaian yang terbaik untuk semua pihak.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi, kalau kita pergi kepada prinsip asas ya. Bagi saya bila ada kes-kes macam contoh tadi, salah satu daripada pasangan, dia tukar agama dan masuk agama Islam sebagai contoh. Mahkamah mana untuk pergi selesaikan ya. Akan tetapi kalau kita pegang kepada prinsip asas, bagi sayalah. Kita ikut akad mereka yang asal ya. Mereka telah berkahwin ikut undang-undang sivil, sebagai contoh. Itulah akad mereka yang asal. Mereka kahwin dan patut itu digunakan. Akan tetapi yang penting saya ingin tegaskan ialah kita perlu satu penyelesaian yang cepat. Kalau perlu undang-undang baru dibuat atau pindaan dibuat di peringkat Parlimen untuk selesaikan untuk negara secara keseluruhan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Sebagaimana yang telah Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat sebutkan, kita sedia maklum bahawa dua set undang-undang yang ada, sivil dan Mahkamah Syariah mengikat kedua-dua keadaan. Tentunya untuk meminda Mahkamah Syariah, ia harus balik kepada negeri masing-masing dalam peruntukan jadual masing-masing. Persetujuan daripada peringkat negeri inilah yang membawa kepada usaha yang dilaksanakan di peringkat negeri masing-masing. Apa pun di peringkat kerajaan kita sentiasa mengusahakan supaya hal ini dapat diselesaikan dengan cara harmoni. Oleh sebab kedua-dua pihak tidak dapat menyelesaikan masalah dan kesakitan juga kepedihan itu ditanggung oleh kedua-dua pihak. Apatah lagi pihak yang tidak mendapat hak-hak dalam keputusan masing-masing. Saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat Sepang.

■1820

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Hendak tambah sedikit lagi, kalau boleh sebab ini isu yang terlalu panjang lama dan terlalu lama dibahaskan. Ada kes yang mak

ayah dia Islam dan bukan Islam selepas itu masuk Islam, selepas itu ayah dia yang Muslim ini tinggalkan, ceraikan. Anak dia tidak ada pegangan agama walaupun lahir dalam keluarga Islam kerana dia lahir daripada keluarga yang salah seorang pasangan itu masuk Islam. Akan tetapi apabila mereka bercerai, anak ini tidak dibina dengan cara Islam. Apa yang berlaku dalam kes yang saya sendiri hadapi di Parit Buntar, salah satu kes ialah dia sudah lama tidak mengamalkan Islam walaupun namanya dalam IC masih Islam lagi. Akan tetapi dia sudah tidak mengamalkan Islam dan dia hendak berkahwin dengan orang yang bukan Islam. Jadi, statusnya itu agak kabur sama ada dia ini orang Islamkah, tidak Islamkah, dia hendak berkahwin dengan yang bukan Islam. Selepas itu nanti akan timbul soal kalau dia tidak mendaftarkan perkahwinan, anak dia nanti akan jadi masalah.

Saya tidak melihat bahawa kita mengiakan kemurtadan, bukan. Akan tetapi saya melihat dalam perspektif undang-undang, macam mana perkara ini kerana Islam itu adil dan keadilan itu mesti diberi dengan penuh rahmat dan kasih sayang. Saya rasa tidak banyak kita tumpukan pada permasalahan ini oleh kerana tidak selesai masalah ini, isu yang di bawah tadi itulah yang menjadi isu *blown out of proportion* tadi, akan timbul soal kita tidak menyelesaikan masalah dan sebagainya. Walhal itu kembali kepada perundangan yang dalam kuasa kerajaan yang memerintah hari ini. Saya mohon kalau boleh itu dimasukkan sekali dalam pakej penyelesaian kerana ini juga berlaku *conflict of jurisdiction* antara syariah dengan sivil.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang Berhormat Parit Buntar, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, selepas isu ini dijawab, beralih kepada isu yang lain, ya.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita bersetuju dan memang sebenarnya bila seseorang itu didaftarkan dalam dokumen rasmi kerajaan, dalam bentuk sama ada kad pengenalan ataupun surat beranak *birth certificate*, kalau dia tercatat sebagai Islam, maka tidak ada sesiapa yang boleh mengubah catatan tersebut melainkan melalui proses mahkamah. Dalam konteks agama Islam, maknanya mahkamah yang boleh menyelesaikan ialah Mahkamah Syariah. Jadi, oleh sebab itu hal-hal yang dipertikaikan ini adalah merupakan tanggungjawab untuk Mahkamah Syariah.

Namun, kita memahami bahawa persoalan yang telah Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi adalah dalam perhatian dan kita faham bahawa apabila hendak bawa kepada 14 buah negeri ini, maka hal seperti ini mempunyai pandangan dan persepsi masing-masing. Mencari kesepakatan adalah usaha yang kita teruskan daripada semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, isu berkenaan dengan isu zakat. Yang Berhormat Temerloh juga mencadangkan pengurusan zakat secara sistematik di setiap negeri. Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1 Senarai 2 sekali lagi Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bahawa urusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kutipan dan agihan zakat dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing. Jadi dalam masa yang sama, kerajaan cuba membantu melihat dengan

penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) untuk memberikan semangat dan juga dorongan bagi zakat ini diuruskan dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Temerloh juga membangkitkan program peningkatan pendidikan ataupun kualiti pendidikan Islam. Terima kasih kepada pandangan tersebut dan sememangnya kerajaan daripada masa ke semasa sentiasa mengemaskinikan modul-modul dan latihan-latihan dan juga mengadakan alat-alat bantuan mengajar meningkatkan skim perkhidmatan guru dan sebagainya. Untuk maklumat juga, sebagai mana yang saya sudah pernah jawab di Dewan ini, saya telah jelaskan bahawa untuk peringkat pendidikan agama di sekolah rendah dan sekolah menengah, kita ada modul dan juga kurikulum pendidikan yang telah ditetapkan. Dalam masa yang sama juga sebagai tambahan daripada itu, diwujudkan juga ialah pendidikan jawi, Al-Quran dan juga Arab Fardu Ain (j-Qaf). Dalam masa yang sama juga, bagi anak-anak yang lain, mereka mempunyai kesempatan untuk memasuki sekolah-sekolah KAFA. Kita ada hampir lebih kurang satu juta anak-anak pelajar yang menduduki sekolah KAFA iaitu telah membantu memahami pendidikan agama dengan lebih mendalam dan sebagainya.

Dalam masa yang sama juga, Yang Berhormat Temerloh telah menimbulkan elaun baru untuk guru-guru KAFA. Saya suka hendak menyebut bahawa dalam Dewan yang mulia ini, bermula pada tahun 2011 yang lalu, gaji guru-guru KAFA yang sebanyak RM500 telah dipertingkatkan kepada RM800. Ini baru dilaksanakan dalam tempoh dua tahun yang lalu.

Yang Berhormat Temerloh juga telah menyebut tentang kajian terhadap pemahaman dan keberkesanan penghayatan Islam. Ini merupakan satu cadangan yang baik dan akan sentiasa dilihat. Dalam masa yang sama, saya ulangkan jawapan yang pernah saya sebutkan dalam penggulungan yang lalu iaitu kerajaan melalui KAFA dan juga pengujian UPKK iaitu ujian tentang keberkesanan anak-anak Islam yang mempelajari ajaran agama yang mana dalam konteks amali solat, sebagai contoh, untuk tahun 2012, amali solat iaitu sebanyak 181,000 orang pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut, pencapaian kejayaan ialah 99.93%. Kalau diukur secara amali, maka pencapaian ini merupakan pencapaian yang boleh dilihat ada satu kejayaan kefahaman dan juga boleh diukur sebagai satu kejayaan. Namun, walau bagaimanapun, di sudut pelaksanaan, ia adalah merupakan ataupun ajakan tarikan anak-anak...

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Kepada pendidikan ia amat bergantung kepada seluruh masyarakat khususnya ibu bapa, sekolah dan juga persekitaran masyarakat setempat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Mas. Sila.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta izin, saya hendak menyentuh mengenai JAKIM tadi, saya hendak bahas tetapi tidak sempatlah. Saya boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Kita tahu bahawa JAKIM adalah sebuah agensi kerajaan yang terbesar yang melaksanakan agenda pemeraksanaan Islam

sebagai agama persekutuan. Akan tetapi dalam bajet yang dibentangkan untuk tahun hadapan, kita dapati JAKIM menerima kurang daripada RM1 bilion perbelanjaan untuk pengurusan dan sebagainya. Di sini saya ingin menyentuh seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi bahawa kita bercakap mengenai zakat dan kita juga bercakap mengenai haji, tetapi kita kurang menyentuh satu isu yang lebih besar daripada itu iaitu pembinaan negara kita dan pembinaan insan melalui ibadah solat. Saya pernah bertanya sebelum ini. Jadi, kalau boleh, saya minta, saya pohon supaya JAKIM memberikan satu tumpuan yang khusus kepada isu solat kerana ia adalah faktor besar dalam pembinaan masyarakat Islam dalam negara kita.

Hari ini, jangan kita letak satu persepsi yang salah bahawa solat itu adalah isu ibu bapa kerana remaja hari ini gagal untuk solat lima waktu, halangan dia bukan halangan daripada rumah tetapi halangan dia bersifat besar kerana ideologi yang menyerang negara kita, kerana pengaruh-pengaruh luar yang memerlukan bantuan kerajaan. Jadi, kita hari ini banyak meletakkan kesalahan kerana ibu bapa gagal mendidik anak-anak sedangkan anak-anak kita, remaja kita berhadapan dengan serangan daripada yang tidak mampu ditanggung oleh ibu bapa. Jadi, saya mencadangkan sebagaimana kerajaan memberi tumpuan kepada zakat dan haji, kerajaan mengambil tumpuan yang penuh untuk memastikan remaja kita melaksanakan solat lima waktu dan ia menjadi satu pemangkin yang besar untuk membina remaja negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Jadi saya hendak mencadangkan secara ringkasnya, saya mencadangkan satu transformasi bina insan melalui JAKIM kalau boleh melalui ibadah solat dilaksanakan oleh JAKIM. Solat adalah ubat. Ia juga adalah pencegahan awal, ia juga adalah *supplement*. Jadi, ini kekuatan solat berbanding zakat dan haji. Saya mencadangkan agar satu peruntukan yang lebih besar diberikan kepada JAKIM bagi melaksanakan program ala PLKN yang hanya mengambil jangka masa yang pendek sahaja sekitar dua minggu misalnya, ke atas para pelajar yang berumur 14 tahun sehingga 15 tahun. Walaupun tidak semua pelajar seluruh negara, walaupun mungkin tidak semua mencapai angka PLKN, bagi mencapai matlamat menjadikan solat lima waktu sebagai medium dan mekanisme ke arah melahirkan generasi yang kuat ketahanannya menghadapi cabaran buruk masa kini. Jadi, saya ingat cadangan ini, saya beri cadangan dan saya harap pihak JAKIM dapat meneliti, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

■1830

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Sedikit, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sambungan sedikit daripada... Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Lanjutan sedikit berkenaan dengan soal di bawah JAKIM iaitu Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Apa yang saya harapkan antaranya ialah supaya ILIM ini melatih antaranya imam-

imam dan khatib yang berkualiti. Ini kerana kita tahu khatib ini memainkan peranan kerana ini medium yang paling berkesan sekali untuk kita menyampaikan idea-idea ataupun hendak memberikan **taui'yah** atau pun kesedaran kepada ahli jemaah yang hadir kerana trend orang Melayu kita ini, Jumaat dia sembahyang, kadang-kadang Asar dia tidak sembahyang. Oleh sebab itu, Jumaat, khatib adalah merupakan peranan yang penting. Sebab itu, begitu juga kalau boleh elaun imam itu bagi naik sedikitlah. Sekarang ini imam RM750, sehari RM25, satu rakaat RM1.47.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dahsyat!

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Sebab itu kalau boleh tolong tingkatkan sedikit supaya imam kita ini ada kualiti dan supaya mereka juga akan dapat memberikan tumpuan terutama dalam isi-isi khutbah. Kalau boleh saya hendak harapkan supaya isi khutbah itu biarlah disampaikan kepada realiti masyarakat yang berada di kampung itu. Kalau berlaku pelarasan, kadang-kadang kita bincang berkenaan dengan soal makan buah-buahan tempatan, tidak sesuai tajuk khutbah itu dibicarakan di masjid bandar. Oleh sebab itu kita harapkan supaya khatib ini – ILIM mesti membuat satu persiapan untuk melatih di kalangan khatib-khatib yang mampu memberikan khutbah yang baik. Kalau ILIM tidak cukup tenaga, *insya-Allah* kami daripada PAS pun mampu untuk memberikan latihan kepada mereka.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, satu minit sahaja, satu minit saja. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak bercakap tentang isu masjid ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri – saya menyampaikan apa hasrat daripada pengundi kawasan saya. Di Cyberjaya ini Yang Berhormat Menteri, setakat ini tidak ada lagi masjid yang *proper* lah, yang ada sekarang ini masjid yang betul-betul yang sementara. Jadi saya harap Cyberjaya salah satu tempat yang *attract tourist*, jadi saya harap boleh bina masjid dengan seberapa segera yang bolehlah. Ini masuk dalam kawasan Sepang ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Pertamanya soal JAKIM dan juga agensi agama. Sebenarnya sebagaimana yang telah Yang Berhormat Pasir Mas sebutkan sebentar tadi, peruntukan yang diberikan RM824 ribu, sedikit peningkatan daripada tahun yang lalu, di atas tanggungjawab untuk kita membayar elaun-elaun. Kita ada lebih kurang, secara umum saya jelaskan 14,000 imam-imam seluruh Malaysia yang elaunnya RM750 dan juga guru-guru KAFA yang sebanyak RM800 seramai 30,000 orang, guru-guru takmir seluruh Malaysia kita ada 3,600 orang di seluruh Malaysia dan PPMD, Pegawai Penyelaras Masjid-masjid Daerah, seluruh Malaysia yang ditanggung oleh pihak JAKIM dan peruntukan ini ialah untuk membayar dan juga membantu mereka-mereka ini dalam pembayaran elaun tersebut.

Saya mengambil perhatian tinggi cadangan Yang Berhormat tadi tentang kem solat. Akan tetapi apa pun, sebagaimana yang saya katakan, bermula daripada pendidikan rendah sehingga sampai sekolah menengah sehingga sampailah di peringkat universiti dan sebagainya, di seluruh Malaysia kita ada lebih kurang 22,000 masjid dan surau seluruh Malaysia. Sebanyak 6,000 lebih



masjid dan selebihnya surau termasuk surau-surau Jumaat. Ini merupakan prasarana dan juga persiapan-persiapan ke arah untuk memperkukuhkan solat dalam kehidupan masyarakat Muslim. Tapi apa pun, cadangan untuk berbentuk PLKN dan sebagainya itu, itu diambil perhatian atas cadangan tersebut dan terima kasih.

Begitu juga dengan ILIM untuk latihan khatib dan juga imam. Saya sebutkan, sebenarnya elaun imam baru dinaikkan baru dua tahun yang lalu iaitu pada tahun 2011 telah pun dinaikkan daripada RM420. Sebenarnya Yang Berhormat Bukit Gantang pun faham sebenarnya imam-imam ini dahulunya bersifat kesukarelaan dan mereka ini adalah kebanyakannya daripada pencen. Akan tetapi bagi imam-imam daerah dan imam negeri, mereka ini dibayar mengikut skim yang ditawarkan terutamanya S41, S44 sehingga ada yang S48. Bahkan di peringkat negara ada yang dibayar mengikut skim yang ditawarkan sehingga sampai kepada JUSA. Ini untuk imam di peringkat negara.

Di peringkat kampung, imam-imam ini dibayar mengikut elaun yang ditawarkan. Cuma, tok-tok imam ini kebanyakannya dia pencen daripada dulu dia guru, dia guru besar, dia pensyarah, dia balik jadi tok imam. Jadi memang elaun yang dia dapat itu RM750 tapi dia ada bot laut dalam ada 20 biji. Ada juga yang memiliki ladang kelapa sawit. Ini pada setengah orang, tetapi pada setengah yang lain dia adalah merupakan elaun dan elaun ini boleh ditampung dan dibantu melalui negeri. Ada sesetengah negeri seperti di Wilayah Persekutuan, kita memberikan tampungan tambahan daripada Majlis Agama kepada imam-imam tersebut.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Bukit Gantang sebutkan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tidak, saya hendak habiskan sedikit saja. Sekejap lagi baru bangun.

Berkenaan dengan imam-imam juga tadi, tentang khatib berkhotbah dan sebagainya, sekali lagi saya suka ulangkan, dia di negeri-negeri ini dia amat bergantung pada teks khutbah yang disampaikan oleh negeri masing-masing. Sebab, JAKIM tidak boleh untuk hendak mengambil tugas dan tanggungjawab kerana sekatan peruntukan dan juga kuasa negeri yang dimiliki iaitu Majlis Agama dan juga masjid berada di bawah Majlis Agama Islam negeri masing-masing.

Begitu juga dengan masjid yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang tadi, di Cyberjaya memang tahun sudah diletakkan batu asas pembinaan sebuah masjid dan telah pun sedang berjalan. Saya tidak pasti bila masjid itu akan siap tetapi telah pun dibuat proses. Kalau tidak silap ingatan saya di hujung tahun yang lalu atau pun awal tahun 2013 ini batu asas untuk pembinaan sebuah masjid yang sesuai dan juga bertaraf Cyberjaya tadi sedang dalam proses pembinaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pasal imam ini – tapi macam Yang Berhormat kata ada

imam-imam yang pencen yang ada sumber-sumber pendapatan, tapi kalau imam belah-belah kampung betul itu, imam masjid ini memang depa bukan ada pendapatan besar mana pun.

Akan tetapi isu yang saya hendak bangkitkan ialah di Kedah ini, khususnya di kawasan saya, ada banyak masjid yang tidak dapat dibuat pelantikan imam. Bila imam itu meninggal atau imam yang ada sudah tua dan tidak larat, dia pun berhenti, akhirnya bila dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri, dia kata masalahnya masalah peruntukan. Jadi, menyebabkan kesulitan kepada anak-anak jemaah yang hendak selesai masalah, hendak nikah dan sebagainya, walaupun boleh panggil imam yang berdekatan.

Akan tetapi bagi saya, kalau boleh JAKIM boleh berikan satu kepastian kepada pihak berkuasa agama negeri, lantiklah dulu, nanti peruntukan itu kita *back dated*. Kita bayar *back dated* kepada imam-imam itu. Sebab, supaya masalah anak jemaah ini hendak akad nikah, hendak menikah anak dan sebagainya tidak menyulitkan. Ini masalah bukan sahaja di kawasan saya tetapi tapi banyak di negeri Kedah ini. Dalam kawasan Yang Berhormat pun saya ingat memang ramai imam-imam yang masih belum dapat dibuat pelantikan.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Pengerusi, saya menyedari memang sebenarnya sebagaimana yang sedang kita bahaskan ini, ini bajet untuk imam-imam dan juga guru Kafa. Sebenarnya RM824 juta yang kita sedang bincangkan sekarang ini ialah untuk tahun 2014 yang akan datang. Maknanya, kalau senarai-senarai nama pelantikan imam itu berada dengan JAKIM dalam peruntukan yang ada pada saat dan ketika ini, inilah yang akan dipulangkan kepada negeri masing-masing. Cumanya di sana ada kekangan yang saya sebutkan bahawa di negeri ada pengurusan negeri yang mengaturkan imam-imam sebab pelantikan dibuat oleh negeri dan JAKIM akan menyalurkan pembayaran melalui akaun kepada negeri untuk diedarkan ataupun di sampaikan kepada imam-imam tersebut.

Jadi timbul persoalan kalau kita bagi jaminan kata untuk pembayaran dahulu sedangkan dalam bajet yang diluluskan ialah pada bajet yang sebagaimana bajet yang sebegini. Jadi maknanya untuk duit kepada pembayaran OE untuk tujuan pembayaran kepada gaji dan sebagainya ini adalah ditetapkan sebanyak tersebut dan negeri sewajarnya melaksanakan awal permohonan untuk tambahan.

Satu perkara lagi Yang Berhormat Pokok Sena, saya suka hendak maklumkan juga, ada sesetengah tempat dia sudah berlaku terlebih – ada dia lantik tiga orang imam. Jadi untuk hendak buat pembedahan semula balik, dia kadang-kadang mengikat. Tok imam yang sudah seorang mati, lepas itu hendak lantik baru, tapi oleh sebab satu itu sudah beri kepada kebetulan kepada yang lain, jadi itu yang menyebabkan kekangan. Apa pun, kita mengambil perhatian yang tinggi.

■1840

Tuan Pengerusi, satu perkara yang ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi?

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** ...Akhir sekali.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** ...iaitu yang berkaitan dengan Yang Berhormat Rantau Panjang telah menimbulkan penggubalan satu undang-undang untuk penyelarasan Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II di Kelantan dan di mana sebenarnya saya sudah panjang juga tadi dalam perbincangan tentang mahkamah syariah. Maka berdasarkan kepada fasal 2 perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri berkenaan dengan perwujudan dan hukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Berhubung dengan sekatan dan pelaksanaan undang-undang syariah oleh seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 165 [Akta 355] yang memperuntukkan hukuman 356 iaitu tiga tahun penjara, denda RM5,000 dan juga enam sebatan rotan. Memandangkan akta tersebut kali terakhir dipinda pada tahun 1984, kerajaan berpandangan telah tiba masanya untuk disemak semula dan hukuman yang diperuntukkan di bawah akta tersebut supaya diselaraskan dengan perkembangan semasa. Pindaan untuk meningkatkan had bidang kuasa Mahkamah Syariah pada ketika ini sedang giat dijalankan oleh kerajaan. Dalam konteks ini, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa usaha tersebut selari dengan kehendak hukum syarak serta tidak bercanggah dengan kerangka perundangan negara yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sila.

#### 6.41ptg

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara dalam perbahasan belanjawan peringkat Jawatankuasa. Saya ingin menjawab terlebih dahulu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah tentang Jabatan Perpaduan. Yang Berhormat telah menyoalkan mengenai kegagalan Gagasan 1Malaysia dalam menyatupadukan rakyat dan apakah usaha rekonsiliasi terutamanya tindakan kerajaan ke atas golongan ekstremis yang mengeluarkan kenyataan yang berbau perkauman.

Tuan Pengerusi, adalah cukup jelas bahawa proses pembinaan negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi. Itulah sebab utamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah giat melaksanakan Gagasan 1Malaysia sejak tahun 2009 untuk terus menyemai konsep dengan izin, *moderation* atau konsep wasatiyyah atau ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri ...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** ...Dengan konsep wasatiyyah...

**Seorang Ahli:** [Menyampuk] [Ketawa]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila-sila Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa, Yang Berhormat Sepang.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** ...Atau kesederhanaan...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Wasatiyyah Menteri. Dahsyat!

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** ...Dan nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman atau dengan izin, *inclusiveness* di kalangan rakyat. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian atau dengan izin, *unity and diversity* memerlukan penyertaan dan sumbangan semua pihak terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam. Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, inisiatif rekonsiliasi nasional ini memberikan tumpuan dan lebih berstruktur, kerajaan telah menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (MKPN) yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 November tahun ini.

Majlis ini akan dianggotai seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, majlis ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai pihak yang berbilang kaum seperti ahli-ahli akademik, pemimpin badan-badan bukan kerajaan, para belia, ahli korporat serta ahli politik termasuk dari pihak pembangkang. Oleh yang demikian, maka bagi kerajaan untuk menggubal pelan tindakan rancangan penyatuan nasional berasaskan pandangan dan syor masyarakat terutamanya melalui pandangan daripada ahli-ahli akademik, pelbagai agensi kerajaan, badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta individu-individu...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** ...Yang mempunyai idea bernas dalam usaha penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional merupakan suatu usaha kerajaan yang ikhlas dalam memastikan bahawa perpaduan menjadi teras kepentingan bersama merentasi seluruh pelosok negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta sedikit penjelasan tentang kewujudan sebelum ini satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Antara Agama yang dahulunya dipengerusikan oleh salah seorang Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri. Adakah Majlis Konsultasi Nasional ini juga beroperasi di dalam model yang sama atau ia hanya salah satu daripada jawatankuasa yang banyak, tetapi masalah tidak selesai. Itu soalan saya. Takut nanti dia *replication*, dia ulang sahaja sedangkan saya tengok tidak konsisten Yang Berhormat Menteri, antara usaha yang dibuat dalam Jabatan Integrasi Nasional ini dengan apa yang dibawa apabila ada isu-isu agama, isu-isu perkauman, media yang dikuasai oleh kerajaan tidak banyak membantu untuk menenangkan keadaan tetapi seolah-olah media itu menyemarakkan lagi keadaan. Ini memberikan ruang kepada golongan

ekstrem dalam masyarakat kita menguasai, sedangkan mungkin mereka hanya pandangan minoriti sahaja. Akan tetapi oleh sebab ia telah dikuasai dalam media kerajaan yang begitu berpengaruh, maka seolah-olah golongan ekstrem ini menguasai cara kita menyelesaikan masalah perpaduan negara kita. Mohon penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Ya, terima kasih. Dahulunya ada satu jawatankuasa yang dikenali – yang hanya mempunyai tugas sebagai *the advisory council*, tetapi pada masa kini kami telah menjalankan satu kajian yang merangkumi beberapa orang yang terlibat untuk memberikan pandangan ke atas penubuhan Majlis Konsultasi Nasional ini. Ini pendekatan yang baru yang akan disertai oleh 30 ahli keluarga termasuk seorang pengerusi dan timbalannya. *Now*, tema-tema rujukan itu kita sudah sediakan dan di bawahnya ada lima ahli jawatankuasa, *the working community*. Lima *working community* terlebih dahulu akan menjalankan kajian *inclusiveness*, mendapat pandangan-pandangan daripada orang ramai tentang apakah cara yang paling baik bagi kita untuk merapatkan hubungan semua kaum yang terdapat di negara ini.

Seperti mana yang saya katakan sebenar tadi, JKMPA iaitu merupakan satu badan yang berasingan. Dengan izin, *this is a committee* yang semata-mata akan dipertanggungjawabkan untuk melihat mungkin perselisihan faham di antara persefahaman berkaitan dengan keagamaan yang terdapat di seluruh negara kita. Ini merupakan satu jawatankuasa yang cukup berasingan yang dipertanggungjawabkan semata-mata untuk melihat perkara keagamaan ini.

#### ■1850

Jadi, dalam perkara ini, kita haraplah dengan pandangan-pandangan orang ramai, orang-orang pakar semua ini, kita akan mempunyai satu pendekatan yang seperti saya katakan tadi itu, lebih *inclusive* dan akan mendekati masalah-masalah yang kita hadapi ini dengan baik dan diterima oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi, ribuan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Lenggong yang telah mengutarakan beberapa perkara iaitu beliau telah mencadangkan, pertama, agar meningkatkan bilangan pegawai JPNIN. Kedua, mencadangkan agar kumpulan sasar program JPNIN ini lebih kepada golongan belia dan seterusnya beliau juga mencadangkan penambahbaikan kepada program anjuran JPNIN.

Tuan Pengerusi, sememangnya pada masa kini, kita mempunyai beberapa program yang tertumpu pada belia dan beliawanis ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lenggong, jabatan sebenarnya sedang dalam proses penstrukturan semula dengan penambahan gred dan penambahan bilangan pegawai. Dalam masa yang terdekat ini, mesyuarat bersama Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam akan diadakan untuk membincangkan isu penggredan dan memperkasakan bahagian atau unit berdasarkan kepada jabatan.

Sebagai langkah bagi kerajaan untuk mendekati dan memperluaskan lagi peranan jabatan kepada golongan muda, jabatan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan kelab-kelab rukun negara di sekolah menengah dan sekolah rendah. Sehingga kini,

sebanyak 5,811 Kelab Rukun Negara telah ditubuhkan dan melaksanakan program-program dan meningkatkan persaudaraan di antara pelajar-pelajar berbilang kaum.

Dengan penambahan bilangan KRN setiap tahun secara langsung turut menambah bilangan aktiviti KRN di sekolah-sekolah lagi menyebarkan penghayatan dan pengamalan rukun negara di kalangan pelajar sekolah. Manakala di IPTA dan IPTS sebanyak 138 Sekretariat Rukun Negara disasarkan kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi untuk melibatkan dalam program kenegaraan dan perpaduan sebagai langkah untuk mengatasi polarisasi di pusat pengajian tinggi.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) juga bersama jenteranya di peringkat negeri dan daerah menyasarkan program komuniti bukan sahaja di antara belia dan beliawanis tetapi juga program komuniti di taman-taman perumahan khususnya. Antara kumpulan sasaran terdiri daripada kanak-kanak melalui:-

- (i) murid-murid tabika perpaduan;
- (ii) jiran muda melalui program remaja yang disasarkan kepada golongan remaja dalam komuniti;
- (iii) jiran wanita yang disasarkan kepada golongan wanita di dalam komuniti; dan
- (iv) jiran warga emas disasarkan kepada golongan warga emas di dalam komuniti.

Seterusnya Tuan Pengerusi, menjawab kepada cadangan beliau untuk penambahbaikan lagi program anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberi suatu jaminan bahawa pihak jabatan sedang dalam rancangan untuk merangka program-program baru sesuai dengan kehendak-kehendak dari masa ke semasa. Selepas PRU ke-13, saya sendiri telah mengambil langkah-langkah dan mengarahkan jabatan melaksanakan pelbagai program dengan menekankan pendampingan syor-syor badan-badan NGO yang melibatkan NGO berbilang kaum terutamanya NGO masyarakat Cina di bawah program *Unity Partners*.

Perbincangan dialog dan *round table discussion* telah diadakan untuk membincangkan isu-isu perpaduan dan keharmonian bersama para cendekiawan dan pemimpin NGO yang boleh menyumbang ke arah rekonsiliasi dan penyatuan nasional. Itu sahaja jawapan saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Menteri bagi kawasan Selangau.

**6.56 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma ada satu isu sahaja Yang Berhormat dari Gerik membangkitkan isu kekosongan pegawai kerajaan yang tidak diisi pada sepenuhnya dan memohon supaya SPA mengisi kekosongan yang ada. Tugas SPA ini berkaitan dengan mengisi kekosongan ini mudah

sangat, mudah sahaja. Apa sahaja yang dipinta, yang dipohon oleh jabatan-jabatan ataupun agensi-agensinya melalui SPA, kita memang isi dengan penuhnya. Akan tetapi, sekiranya ada yang tidak diisi, itu bukan kerana SPA yang tidak mengisinya tetapi disebabkan jabatan ataupun agensi tersebut tidak mahu mengisi kekosongan tersebut secara sepenuhnya di atas sebab-sebab yang tertentu.

Di antara sebab-sebab yang mungkin wujud ialah agensi ataupun jabatan tersebut sedang merancang hendak menstrukturkan jabatan mereka ataupun agensi mereka. Yang kedua, barangkali kenaikan pangkat ataupun pengisian tersebut hendak dibuat melalui *internal recruitment*, bukan melalui *recruitment* dari luar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Batang Sadong.

#### 6.57 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya sekali lagi ingin merakamkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri semasa mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2014 peringkat Jawatankuasa sebentar tadi.

Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai segala pertanyaan serta pandangan dan juga cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Pertama, iaitu dari Yang Berhormat Gelang Patah yang telah menanyakan, beliau ingin mengetahui mengapa Peguam Negara tidak mengemukakan rayuan terhadap keputusan untuk kes membabitkan Tun Ling Liong Sik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kes PKFZ, apabila pihak pembelaan dipanggil untuk membela diri, tiga orang bekas Menteri termasuk bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tan Sri Dr. Fong Chan Onn dan Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir telah memberikan keterangan yang memihak kepada pihak pembelaan di mana mereka telah menyatakan bahawa mereka tidak ditipu dan mereka tahu bahawa harga jualan tanah yang terlibat adalah tidak termasuk faedah ataupun dalam bahasa Inggerisnya *interest*.

Dalam keadaan sebegini, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa beliau tiada alasan yang kukuh atau dengan izin, "*no cogent reason*" untuk menolak keterangan mereka.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi tersebut adalah satu penemuan fakta yang berdasarkan kepada kebolehpercayaan atau dengan izin *credibility* ketiga-tiga bekas menteri tersebut.

Penemuan fakta sebegini adalah sukar untuk diubah dari peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan. Selain itu juga kes PKFZ bergantung pada isu pentafsiran satu dokumen yang dikemukakan iaitu Lampiran A di dalam *exhibit* yang ditandakan sebagai 'P 74'.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey..

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekiranya berdasarkan..

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa apabila Yang Berhormat Menteri kata beberapa jawapan tadi itu, saya merasa satu jawapan yang susah kita hendak terima.

#### ■1900

Pertamanya, saya rasa apabila kita buat satu kes pendakwaan, sepatutnya pihak pendakwa sudah bersedia untuk *prepare* kes itu sampai ke peringkat yang paling tinggi. Jadi, kalau sekiranya kata tadi keterangan daripada tiga saksi pendakwa itu adalah tidak memihak kepada pendakwa, saya rasa apabila pendakwa memanggil dan rasa saksi itu adalah saksi yang tidak boleh dipercayai keterangannya. Seperti mana Yang Berhormat Menteri tahu dengan izin, mereka ini *can be treated as hostile witness*, yang mana kita boleh *cross examine* saksi kita sendiri. Jadi, saya rasa macam satu *precedent* yang agak merbahaya apabila dalam kes-kes yang melibatkan *public interest*, kes-kes yang besar dan melibatkan personaliti yang kita tahu hebat-hebat ini. Apabila kita tidak meneruskan kes ini sampai ke peringkat yang paling tinggi, ia akan memberikan satu *impression* bahawa ada elemen *favoritism* di situ.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Ini bukan kali pertama, dalam kes Razak Baginda. Saya rasa kes itu lagi kuat tetapi tidak juga dirayu. Akan tetapi dalam kes yang melibatkan Yang Berhormat Permatang Pauh yang kita merasakan itu lebih lagi sepatutnya tidak dirayu tetapi dirayu pula. Saya memahami bidang kuasa pendakwa raya adalah melibatkan kuasa hendak rayu atau tidak rayu di bawah 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi suasana itu, personaliti yang terlibat itu, cara kes dikendalikan, ia menuntut satu *transparency*. Maknanya kita tidak ada elemen *consistency*. Jadi, ini tidak bolehlah hendak salahkan orang lain kalau orang mengatakan ada elemen *favoritism*. Yang Berhormat Permatang Pauh, rayu. Tun Dr. Ling Liong Sik, tidak rayu. Razak Baginda, tidak rayu. Jadi, saya rasa ini satu keadaan yang tidak – *it is not good for our reputation*. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kes Tun Dr. Ling Liong Sik ini bukan sahaja soal rayuan tetapi dengan izin, soal *the framing of the charges itself*.



Maknanya, pendakwaan dan isu-isu pendakwaan itu dilihat sebagai dari asal lagi lemah. Oleh sebab itu dirasakan bahawa Peguam Negara sepatutnya mendakwa bekas Menteri itu atas dakwaan-dakwaan yang lain dan bukan dakwaan seperti yang telah berlaku. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih atas pandangan kedua-dua Yang Berhormat. Sebenarnya saya belum habis menjawab lagi. Jadi, biar saya teruskan dengan jawapan saya. Kalau masih rasa tidak puas hati, rasanya hendak membawa perkara ini ke atas lagi supaya rayuan dibuat, dipersilakan.

Jadi, saya teruskan di sini. Sekiranya berdasarkan tafsiran pihak pendakwaan, harga jualan tanah yang saya sentuh tadi, yang berkenaan hendaklah termasuk faedah. Namun demikian, ketiga-tiga bekas Menteri tersebut telah mentafsirkan dokumen tersebut sebagai maksud harga jualan tidak termasuk faedah. Isu yang timbul adalah satu isu tafsiran. Yang Berhormat Sepang sendiri seorang peguam. Saya percaya lebih memahami keadaan, cara mana pendakwaan dilakukan dan perjalanan di mahkamah.

Jadi Tuan Pengerusi, Hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa berdasarkan kepada tafsiran ketiga-tiga bekas Menteri tersebut adalah *highly unlikely*, dengan izin. Kabinet telah didorong secara curang kononnya di sini, *falsely induce* dengan izin, untuk meluluskan pembelian tanah yang berkenaan. Itu yang telah dinyatakan. Keputusan kes PKFZ sekiranya dirayu ke peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan akan melibatkan persoalan fakta sekali lagi iaitu *question of fact* dengan izin dan bukannya persoalan undang-undang. Dalam keadaan sebegini ia adalah sukar untuk berhujah dengan berjaya bahawa penemuan Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan persoalan fakta di atas adalah terkhalaf.

Jadi Tuan Pengerusi, faktor-faktor tersebut, di atas menjadikan kemungkinan rayuan Jabatan Peguam Negara ke Mahkamah Rayuan untuk berjaya mengubah penemuan Hakim Mahkamah Tinggi tersebut sangat tipis. Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara tidak memfailkan rayuan terhadap kes PKFZ.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Lagi pun Yang Berhormat, ingin saya nyatakan di sini Tuan Pengerusi, kalau kita di pihak eksekutif ini, kita tidak masuk campur dalam hal-hal sebegini. Kita serahkan kepada pihak yang berkemahiran untuk menilai sendiri apakah yang harus dilakukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ia melibatkan isu tafsiran. Lepas itu kata fakta pula. Saya agak keliru di situ. Kalau melibatkan tafsiran, apabila *the trial judge made an interpretation*, tidak semestinya tafsiran dia betul. Oleh sebab itulah kita perlu ada satu badan rayuan yang akan meneliti balik adakah tafsiran itu dibuat dengan betul. Persoalannya, kalau kita gunakan hujah kebarangkalian untuk menang adalah tipis dan sebagainya. Kalau itu hujahnya, kes-kes yang melibatkan pendakwa raya kalah di Mahkamah Rayuan, mungkin orang boleh hujahkan juga bahawa kerana tidak kuat.

Akan tetapi sekurang-kurangnya bila kita buat rayuan itu, memang *trial* ini melibatkan – *it's like a game*, mungkin ada menang dan mungkin ada kalah, akan tetapi bila kita tidak rayu

sedangkan ini melibatkan isu besar, isu negara, jadi seolah-olah orang melihat pendakwa tidak serius dari segi *framing of charge*, dari segi tidak mahu *exhaust all the avenues for appeal*. Akan tetapi dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh bersungguh-sungguh, sampai peringkat rayuan pun cari *lawyer* yang dianggap *lawyer* yang paling *best* untuk buat rayuan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah diulang banyak kali itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, kenapa dalam kes...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sekejap tadi pun dah cakap.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Belum cukup lagi Tuan Pengerusi.

[Ketawa]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat. Saya tidak mahu Yang Berhormat mengelirukan Dewan ini. Tadi yang saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak kelirukan. Saya tanya...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...Mengatakan tafsiran itu adalah dari segi dokumen, di mana ketiga-tiga bekas Menteri tersebut telah mentafsirkan dokumen itu. Itu dari segi tafsiran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Still* Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Dari segi *question of fact* itu tadi adalah dari segi kes tersebut. Jadi, kita jangan kelirukan kedua-dua isu ini Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. *Still* Yang Berhormat Menteri...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Akan tetapi Yang Berhormat, saya hendak nyatakan di sini, ini adalah jawapan. Kalau Yang Berhormat rasa seharusnya kes tersebut dirayukan, saya rasa tidak ada masalah kalau Yang Berhormat rasa – boleh tulis yang menyatakan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam mana kita hendak rayu, saya bukan Peguam Negara. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak. Itulah jawapan tadi. Apa yang saya tidak mahu orang lain mendengar jawapan kita ini dikelirukan, apabila Yang Berhormat mengatakan mengelirukan di mana saya menyebut tadi satu mengatakan tafsiran, satu mengatakan *question of fact*. Apa yang dinyatakan dari segi tafsiran itu adalah apabila ketiga-tiga bekas Menteri tersebut mentafsirkan dokumen yang ada pada mereka itu, dimaksudkan sebagai di mana harga jualan tidak termasuk faedah. Itu yang mereka maksudkan kepada tafsiran dari segi dokumen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Belum, saya hendak nyatakan di sini sekali Tuan Pengerusi kerana saya hendak menjelaskan lagi apa yang dinyatakan tadi Yang Berhormat, saya takut nanti di *spin* pula diluar sana. Sebenarnya jawapannya sudah jelas.

Kedua, dari segi persoalan fakta tadi. Keputusan kes PKFZ ini sekiranya dirayu, dikatakan di sini ke peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan akan melibatkan persoalan fakta. Itu yang dimaksudkan. Jadi, saya hendak jelaskan kedua-dua perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak rasa Yang Berhormat Menteri, hakim akan buat keputusan berdasarkan satu sebab sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Persoalannya, kalau buat rayuan, sekurang-kurangnya masyarakat nampak keseriusan kita, kita tidak *condone* dengan perbuatan-perbuatan yang seperti itu. Akan tetapi kalau kita daripada... saya rasa dalam mana-mana, kalau kita sebagai *lawyer*, bila kita *prepare* satu kes, kita bukan *prepare* untuk peringkat *trial*. Kita fikir sampai ke peringkat yang terakhir, sampai *all the avenues* kita sudah *exhaust* semua. Jadi, kalau pendakwa hanya memikirkan di peringkat *trial* ini bermakna daripada awal lagi persiapan perbicaraan itu, persiapan yang begitu lemah.

Oleh sebab itulah, kalau begini caranya pihak pejabat pendakwa raya membuat satu kes, kita tidak boleh marahlah. Oleh sebab itu kita mungkin kalah juga di kes Pulau Batu Putih dan sebagainya. *When we prepare the case*, kita tidak *prepare* dengan begitu teliti, dengan mengambil segala senario. Ini satu perbuatan yang saya rasa tidak bertanggungjawab.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Faham Yang Berhormat. Terima kasih. Saya percaya mereka yang mengendalikan kes ini adalah mereka yang berkemahiran dan mengetahui. Mereka yang menilai sejauh mana mereka mampu mengendalikan kes ini berdasarkan kepada bukti-bukti yang ada. Saya sebenarnya sudah habis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit, sedikit sahaja.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Oleh kerana Yang Berhormat Pokok Sena rakan karib, saya terpaksa bagi *chance*.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Terima kasih. Saya ingatkan tidak mahu bagi tadi. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh sebab bila tidak rayu seperti mana yang disebut tadi, maknanya dia akan timbul berbagai-bagai spekulasi malah saya lihat bahawa saya pun agak hairan kenapa tidak diambil penjelasan lanjut daripada bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga menjadi saksi kepada kes ini. Saksi ke-20 yang sekarang ini menjadi Menteri Pelancongan.

#### ■1910

Sebab ini saya baca daripada *report* daripada pengakuan beliau semasa dia dipanggil memberikan keterangan sebagai saksi di mahkamah. Beliau kata bahawa ramai Menteri yang tidak bersetuju dalam kes ini. Dalam kes PKFZ ini. Ramai Menteri tidak bersetuju mengatakan bahawa dan walau bagaimanapun akhirnya kami terpaksa bersetuju kerana takut nanti satu perkara besar akan berlaku. Jadi sehingga sekarang, saya katakan bahawa masih tidak terjawab. Apa perkara besar yang kalau mereka tidak bersetuju juga dalam Mesyuarat Kabinet itu kalau mereka tidak bersetuju juga, maka satu benda besar akan berlaku.

Jadi, ini pengakuan yang dibuat oleh Menteri Pelancongan, pada waktu itu beliau merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Beliau adalah saksi yang ke 20. Beliau mengatakan dalam mesyuarat bila perkara tidak dipersetujui ramai, kata projek itu tidak berkemungkinan, begitu begini dan sebagainya. Ketika itu ada perasaan projek itu kemungkinan tidak berjaya. Ramai juga rakan-rakan saya yang *caution* dan tidak bersetuju dengan projek itu. Ramai yang tahu bahawa tanah itu dijual dengan harga begitu begini dan sebagainya. Tetapi kami terpaksa bersetuju...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ringkaskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...kerana takut nanti ada perkara besar yang lebih buruk akan berlaku. Jadi sampai sekarang isu ini masih tidak berjawab.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya hendak jawab pun sebab saya tidak nampak itu belum jadi Menteri pada masa itu. Walau bagaimanapun Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu saya katakan saya bersetuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi bahawa...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Ya, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...perlu kepada satu proses rayuan dan kemudian dipanggil balik supaya boleh memberikan keterangan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pokok Sena, terima kasih di atas pandangan semua rakan-rakan. Ini menunjukkan satu keadaan yang begitu sihat dalam Parlimen ini. Di mana kita ada *check and balance*, terima kasih. Cuma di sini kita mempunyai pakar-pakar yang berkemahiran untuk mengendalikan kes ini. Hanya orang yang mengendalikan kes ini mengetahui sejauh mana mereka dapat pergi jauh untuk merayu lagi. Oleh sebab kalau dirayu lagi, kalau itu juga fakta yang ada, itu saja yang dapat membantu mereka. Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, adakah Menteri hendak mengatakan bahawa apabila kita ada orang pakar-pakar. Jadi adakah apabila dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada pakar, sebab itu kena cari pakar lain. Pakar daripada *private lawyers*. Bermakna Menteri seolah-olah mengatakan pihak Peguam Negara ini tidak mampu untuk membawa kes Datuk Seri Anwar Ibrahim...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tolong jangan belitkan fakta itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan belit. Ini Menteri punya jawapan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya ada mengatakan kita berdasarkan kepada pakar-pakar yang ada mengendalikan kes ini, hanya mereka yang tahu apa yang menjadi dokumen sokongan mereka untuk mengendalikan kes tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat jangan mencelah macam ini Yang Berhormat. Boleh tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa Menteri apabila kita buat rayuan ini, kita ada satu *the highest authority* yang akan *firm* ataupun tidak *firm decision* daripada

*High Court*. Jadi ini penting untuk *judicial precedent*. Tapi kalau setakat peringkat Mahkamah Tinggi saja, ini tidak bagus dari segi perkembangan undang-undang. Sedangkan kes ini kes yang kali pertama berlaku dalam Malaysia. Jadi dalam kes-kes seperti ini sepatutnya kita mesti bawa sampai ke peringkat yang paling tinggi supaya ada satu *certainty* dalam tentang aspek perundangan, tentang berkaitan dengan isu ini.

Jadi kalau kita setakat Mahkamah Tinggi sahaja, tidak ada rayuan. Seolah-olah kita mengatakan Mahkamah Tinggi ini keputusannya memang betul, tidak sunyi daripada membuat kesilapan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat sebab Yang Berhormat telah mengulangi perkara yang sama. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya hendak katakan Menteri, Menteri sendiri patut...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sebab apa Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan suruh saya. Saya minta Menteri tulis surat beritahu dengan dia, kami dari Pakatan Rakyat minta tolong supaya tolong buat rayuan. Boleh Menteri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat terima kasih. Sebenarnya kita ada pegawai di sini tetapi saya hendak nyatakan di sini dalam satu-satu perkara itu, jawapan dia di sini begini, kerana itulah sahaja fakta yang ada bagi mereka untuk menyokong mereka. Kalau mereka pergi ke atas lagi seperti yang dinyatakan faktor-faktor yang menjadikan kemungkinan rayuan Jabatan Peguam Negara ke mahkamah rayuan itu adalah seperti yang telah dinyatakan untuk berjaya mengubah penemuan hakim mahkamah tinggi tersebut sangat tipis, kerana ia berdasarkan kepada apa yang mereka ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We know*. Belum pergi lagi.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Itulah saya hendak katakan apa Yang Berhormat nyatakan di sini, kita berdasarkan... Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat *insist* supaya ianya dirayukan. Kalau mereka mempunyai bahan yang lebih untuk membantu mereka, menyokong mereka untuk merayu, saya percaya mereka boleh terus ke atas untuk merayu. Akan tetapi dengan menimbang apa yang ada, itu saja yang ada untuk membantu mereka, jadi mereka rasa adalah sangat tipis untuk memenangi kes tersebut. Jadi saya rasa berhentilah dekat situ Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Memanglah *public* mendengar kita. Sekarang ini pun mendengar kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Pengerusi, saya hendak ulangkan di sini, kami pihak eksekutif.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sudah berulang-ulang Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tadi saya sudah nyatakan kami tidak masuk campur dalam urusan mendakwa kah, untuk urusan mahkamah, kami tidak masuk campur. Akan tetapi pegawai ada di sini, biar mereka menilai hujah-hujah Yang Berhormat, sebab kami hendak menyatakan oh tolong ambil kes ini, rayu kes ini adalah tidak baik. Memang kami tidak masuk campur. Apatah lagi semasa saya menjadi Menteri ini, memang saya langsung tidak masuk campur dalam kes-kes yang dikendalikan oleh mahkamah mahupun pendakwaan dari pihak pendakwa raya.

Jadi saya rasa kita berhenti ke situ Yang Berhormat. Kalau rasanya hendak minta rayuan itu saya terpaksa pegawai-pegawai kita akan melihat kepada hujahan Yang Berhormat tadi, kerana hujahan itu pun diulang-ulang itu juga. Jadi, terima kasih banyak Yang Berhormat. Saya teruskan kepada isu kedua iaitu isu dari Yang Berhormat Permatang Pauh yang inginkan penjelasan mengenai dakwaan adakah ejen CIA di Jabatan Peguam Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan Jabatan Peguam Negara menafikan bahawa adanya ejen CIA di jabatan tersebut. Sekiranya tidak puas hati, bolehlah pergi melawat Pejabat Peguam Negara. Seterusnya Yang Berhormat Seremban ingin mengetahui mengapa tiada tindakan diambil ke atas Menteri Besar Negeri Sembilan berkenaan pemindahan wang melalui pengurup wang. Seperti mana Ahli Yang Berhormat Seremban sedia maklum, jawapan berhubung isu ini telah saya berikan ketika saya menjawab soalan lisan oleh Yang Berhormat pada 25 September 2013 yang lalu.

Selain daripada itu, saya tidak tahulah bagaimana Yang Berhormat boleh mendapati hasil siasatan kes tersebut adalah sama dengan kes yang didakwa oleh Yang Berhormat sedangkan butiran siasatan tidak pernah didedahkan. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat yang lebih lengkap berhubung kes yang didakwa oleh Yang Berhormat sebentar tadi, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti dan mendapatkan penjelasan lanjut.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan boleh. Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya rakyat daripada Negeri Sembilan, kita ingin mengetahui bagaimana seorang Menteri Besar boleh menghantar sebanyak RM10 juta melalui pengurup wang yang tidak berlesen. Sebenarnya penghantaran wang itu penghantaran wang yang haram. Akan tetapi kita lihat tiada sebarang tindakan ataupun pendakwaan daripada pihak kerajaan terhadap Menteri Besar tersebut. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya sudah menjawab soalan itu dan ianya tidak ada kena mengena dengan penghantaran wang haram sebab bukan duit beliau sendiri. Memang sudah di jalankan siasatan. Jadi sebab itu saya minta Yang Berhormat merujuk kepada jawapan yang lepas.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri, adakah jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa bukanlah Menteri Besar Negeri Sembilan yang menghantar duit sebanyak RM10 juta itu.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya minta Yang Berhormat rujuk kepada jawapan saya yang dulu, sebab kalau saya sebut di sini nanti satu perkataan yang silap saya sebut nanti saya pula dikatakan salah jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Jadi rujuk kepada jawapan yang telah saya beri kepada Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sebab...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya takut nanti ada kekeliruan. Nanti saya sebut satu, ya ataupun tidak. Itu sudah menjadi satu rujukan yang boleh menimbulkan isu yang tidak betul di sini. Sebab itu sudah dijawab. Cuma saya hendak minta Yang Berhormat kalau yang dikatakan kes yang sama dengan kes yang dirujuk iaitu kes Menteri Besar Negeri Sembilan itu, sama dengan kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat itu. Kalau ada faktanya sila kemukakan supaya Jabatan Peguam Negara boleh meneliti kes tersebut. Oleh Sebab kita pun tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebab tidak ada *detail* dengan izin *detail* kes tersebut dinyatakan di sini. Sebab disebutkan sahaja ada kes sama butirannya, faktanya sama.

Kita pun tidak tahu sama ada betul-betul ke faktanya sama. Jadi saya minta Yang Berhormat berlaku adillah kepada Jabatan Peguam Negara untuk merujuk kepada kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat supaya dilihat dan diteliti kedua-dua kes tersebut ya. Terima kasih.

#### ■1920

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri, cuma bagi rakyat jelata, sebab baru-baru ini kita pun dapat lihat ada seorang taikun didenda sebanyak RM200 juta sebab menghantar wang secara haram. Akan tetapi dalam kes ini, Menteri Besar Negeri Sembilan seolah-olah diberi keistimewaan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sebenarnya ketika saya menjadi ADUN di Dewan Undangan Dewan Negeri Sembilan, Menteri Besar tersebut pun mengaku...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah ulanglah Yang Berhormat. Menteri sudah jawab itu. Kalau ada fakta baru, hantar.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih, itu yang saya maksudkan tadi Tuan Pengerusi. Itu yang saya maksudkan tadi yang disebut taikun itu. Kita hendak tahu siapakah itu, supaya kemukakan secara rasmi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, supaya pihak Jabatan Peguam Negara boleh meneliti kes tersebut. Terima kasih.

Seterusnya ialah isu kekalahan Malaysia di ICJ bagi kes Pulau Batu Putih. Di mana Tan Sri AG dikatakan telah memberikan gambar ataupun *photo* yang tidak tepat berkenaan dengan kedudukan sebenar Pulau Batu Putih. Beliau memohon penjelasan Tan Sri AG berkenaan perkara

tersebut. Ini juga dari Yang Berhormat Permatang Pauh. Tuan Pengerusi, untuk makluman Dewan, semua agensi kerajaan yang terlibat di dalam pertikaian kedaulatan ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih, Middle Rocks atau Batuan Tengah dan South Ledge atau Tubir Selatan di antara Malaysia dan Singapura di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa, dengan izin, ICJ, telah menjalankan kajian yang terperinci dan mendalam melebihi tempoh 18 tahun sebelum pertikaian tersebut dibicarakan di ICJ.

Kes ini dikendalikan oleh panel konsultan undang-undang antarabangsa serta diketuai dan dikoordinasi oleh Kementerian Luar Negeri dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Jabatan Peguam Negara. Peranan Jabatan Peguam Negara di dalam penyediaan Malaysia bagi menghadapi kes ini di ICJ adalah di dalam menjalankan penyelidikan sejarah dan undang-undang yang menyeluruh. Antara lain merangkumi isu hak milik asal atau, dengan izin, *original title* ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih dan penyediaan pandangan undang-undang untuk membantu panel konsultan undang-undang antarabangsa yang mewakili Malaysia di dalam kes tersebut.

Untuk makluman Dewan juga, Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara tidak mengetuai kes ini dan tidak memberi kata putus di dalam pengendalian kes tersebut. Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara juga tidak terlibat di dalam mengemukakan gambar ataupun *photo* yang tidak tepat berkenaan dengan kedudukan sebenar Pedra Branca atau Pulau Batu Putih seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Untuk makluman Dewan juga, dakwaan ini adalah tidak berasas dan dibuat tanpa merujuk kepada fakta yang sahih dan dibuat tanpa menentu sah atau, dengan izin, *verifying* kebenaran dakwaan tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Habiskan jawapan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Biar saya habis. Sebagai maklumat tambahan. Pada 6 Februari 2003, Malaysia dan Singapura telah menandatangani *settlement agreement* memohon ICJ untuk menentukan sama ada kedaulatan ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih, Middle Rocks dan South Ledge adalah kepunyaan Malaysia atau Singapura. Dalam hal ini hujah bertulis kedua-dua belah pihak telah difailkan ke ICJ di dalam masa yang telah ditetapkan dan perbahasan lisan di hadapan ICJ telah berlangsung dari 6 November hingga 23 November 2007.

Untuk makluman Dewan sekali lagi, ICJ telah memutuskan pada 23 Mei 2008 bahawa Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih dan Malaysia mempunyai kedaulatan ke atas Middle Rocks. Keputusan ini telah dicapai oleh ICJ berdasarkan beberapa fakta tersebut. Tingkah laku atau pun *conduct*, dengan izin, kedua-dua pihak yang membuktikan evolusi posisi kedua-dua pihak berkenaan hak milik Pedra Branca atau Pulau Batu



Putih. Antara lain, ICJ telah merujuk kepada surat-menyurat di antara *Acting State Secretary*, dengan izin, Kerajaan Negeri Johor dan *Colonial Secretary*, dengan izin, Singapura pada tahun 1953 mengenai hak milik pulau tersebut.

Dalam hal ini, ICJ telah memutuskan bahawa Kesultanan Johor mempunyai hak milik asal ataupun *original title*, dengan izin, ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih. ICJ telah menyimpulkan dengan merujuk terutamanya kepada tingkah-laku *et titre de sovereign*- itu *a bit French* sedikit, yang telah dipamerkan dan dijalankan oleh Singapura dan pendulunya atau, dengan izin, *its predecessor*, ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih bahawa kedaulatan ke atas Pedra Branca atau Pulau Batu Putih telah berpindah kepada Singapura seawal tahun 1980.

Berdasarkan kepada jawapan ini jelas bahawa isu kekalahan Malaysia di ICJ bagi kes Pedra Branca atau Pulau Batu Putih tiada kaitan dengan dakwaan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara dikatakan telah memberikan gambar atau *photo* yang tidak tepat berkenaan dengan kedudukan sebenar Pedra Branca atau Pulau Batu Putih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, boleh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa isunya menteri ialah ada satu berdasarkan laporan Malaysia Kini. Ada satu *statutory declaration*, akuan bersumpah yang dibuat oleh bekas ketua CID Kuala Lumpur, Datuk Mat Zin Ibrahim, yang membuat satu akuan bersumpah. Di mana beliau mengatakan *team* Malaysia telah mengemukakan satu keterangan yang *fabricated* kepada ICJ.

Jadi, ini satu penemuan baru apabila- kalau yang cakap ini mungkin orang kampung tidak ada masalah. Akan tetapi yang cakap ini bekas CID *chief*, yang membuat *statutory declaration* dan yang menuduh *team* itu mengemukakan satu *fabricated evidence*. Jadi, isu ini, kalau betul isu ini memang berlaku seperti mana yang didakwa itu, saya harap ia membuka kepada dua. Pertama, kalau betul, kita minta satu *royal inquiry* dibuat, itu pertama. Kalau tidak betul, kita minta Datuk Mat Zin ini didakwa. Sebab apa? Beliau telah mengemukakan satu surat akuan yang tidak betul. Saya merasakan, sebagai pegawai polis, bekas CID *chief*, dia memang berani menyatakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ini isu baru Yang Berhormat. Ini kaitan daripada isu tetapi ini isu baru.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, saya hendak mengatakan ini dilaporkan dalam Malaysia Kini hari ini. Jadi, saya hendak minta...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *Statutory declaration*, saya pun baca Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adakah menteri sedar benda ini? Kalau sedar, saya hendak minta menteri beri satu penjelasan. Oleh sebab *statutory declaration* telah dikemukakan dalam laporan Malaysia Kini.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Kita di peringkat Jawatankuasa. Soalnya, isu di sini ialah kekalahan Malaysia di ICJ oleh sebab Tan Sri AG dikatakan telah memberikan gambar ataupun *photo* yang tidak tepat

berkenaan dengan kedudukan sebenar Pulau Batu Putih. Saya hendak jelaskan di sini sekali lagi, peranan Jabatan Peguam Negara hanya dalam penyediaan menjalankan penyelidikan sejarah dan undang-undang menyeluruh. Bukan menentuai kes ini dan tidak memberi kata putus dalam pengendalian kes tersebut. Ini jelas bahawa beliau telah menyatakan Jabatan Peguam Negara tidak terlibat dalam mengemukakan gambar atau *photo* yang tidak tepat dalam kes tersebut. Jadi, isu mengenai sama ada hendak mengambil tindakan terhadap yang membuat SD tadi atau *statutory declaration*, dengan izin, itu satu isu yang lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, menteri sekarang ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dengar dahulu. Dia tengah jawab soalan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Jadi, saya hanya menjawab apa yang ditimbulkan. Jadi, kalau menimbulkan isu baru, itu bukan dalam bidang jawapan ini untuk saya hendak sentuh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Ini berkaitan menteri, berkaitan. Oleh sebab sekarang persoalannya kalau menteri kata Peguam Negara tidak terlibat, Peguam Negara adalah sebahagian daripada *team*. Menteri melihat kepada *submission* yang dibuat, salah seorang pasukan peguam yang juga berhujah secara lisan adalah Peguam Negara. Maksudnya, setiap orang ada peruntukan untuk memberi hujah. Peguam Negara - sebab saya baca keseluruhan hujah Malaysia itu dan juga penghakiman Singapura. Kedua-dua hujahlah. Malahan mahkamah dalam memutuskan itu antara lain mengatakan Mahkamah Antarabangsa juga menggunakan hujah yang dikemukakan oleh Malaysia dalam kes Pulau Sipadan untuk membantai kita balik.

Jadi, saya hendak katakan bahawa walaupun ini isu baru tetapi isu ini adalah isu yang penting. Di mana seorang bekas anggota polis mengemukakan *statutory declaration*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat itu yang kita kena...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat habis. Itu yang kita hendak *distinguish*. Isu penting tetapi kita ada Peraturan Mesyuarat. Hendak bawa isu itu bila? Boleh tak bawa dalam keadaan sekarang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, boleh. Tidak ada masalah.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tidak boleh Tuan Pengerusi. Ini adalah bukan peringkat dasar lagi. Kalau peringkat dasar, kita boleh layankan perkara ini supaya kita mendapat persediaan untuk mencari jawapannya. Akan tetapi adalah tidak adil bagi kita untuk menjawab sesuatu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, saya hendak minta kalau menteri tidak boleh jawab lisan pun - okey, nanti kalau begitu...

#### ■1930

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Tidak adil bagi kita didesak untuk menjawab ataupun memberi komitmen dalam isu yang baru tidak timbul semasa perbincangan di peringkat dasar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, saya bersedia terima jawapan bertulis. Cuma saya hendak minta Yang Berhormat Menteri berdasarkan apa yang saya nyatakan yang dilaporkan oleh *Malaysiakini*, saya minta Yang Berhormat Menteri satu jaminan jawapan bertulis...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Saya tidak dapat *commit*kan itu Yang Berhormat kerana...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa? Kenapa Yang Berhormat Menteri begitu takut hendak bagi jawapan ini?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sebab ini bukan isu yang timbul daripada awal lagi. Jadi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ia berkaitan tentang *fabricated*. Isu itu timbul sebab tadi Yang Berhormat Menteri kata...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Kaitan tapi kita sudah memberi jawapan Yang Berhormat. Kita telah memberi jawapan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Isu itu timbul tadi Yang Berhormat Menteri kata peguam negara tidak terlibat. Saya katakan ada satu bukti baru yang mengatakan...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya dari tengah hari tadi minta Yang Berhormat Sepang ini mencelah dengan peraturan, tapi susah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...Tidak berpuas hati dengan jawapan itu, itulah jawapannya Tuan Pengerusi. Tetapi kalau sekiranya hendak membawa perkara ini silalah tanya dalam masa soal jawab lisan di masa akan datang. Jadi kita lebih bersedia Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, isu bersama. Pulau Batu Putih ini isu bersama. Saya rasa tidak salah. Kita tidak payahlah terlalu *stick* pada *rule* ini. Soalannya ialah Yang Berhormat Menteri seorang Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh rujuk. Yang saya hendak tanyakan adakah Yang Berhormat Menteri boleh beri satu jawapan kepada saya berdasarkan satu *declaration* ini adakah pihak berkuasa bersedia untuk siasat tentang pendedahan di dalam akuan bersumpah ini, sebab ini penting. Sebenarnya untuk kita memulihkan nama peguam negara. Kalau tidak betul minta peguam negara keluarkan satu kenyataan. Kalau apa dia kata betul saya minta satu *royal enquiry*. Kalau tidak betul saya minta pendakwaan dibuat ke atas Dato' Mat Zain ini sebab dia memalukan pasukan kita. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri satu jaminan supaya isu ini dapat dipanjangkan lagi. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk memberi jaminan itu bukan satu tugas untuk saya jamin hari ini kerana ianya melibatkan pihak-pihak yang lain untuk memberi penjelasan. Mungkin kalau perlukan jaminan untuk menjawab, pihak Jabatan Peguam Negara perlu mendapatkan jawapan daripada yang lain juga untuk bersetuju dengan jawapan mereka. Jadi saya tidak mahu *commit*kan diri sendiri sehingga saya dituntut untuk memberi jawapan nanti. Tetapi sekiranya dapat kita bantu dalam memberi jawapan, insya-Allah kita boleh lakukan. Akan tetapi untuk menjamin jawapan itu diberi kepada Yang Berhormat, saya tidak

dapat tapi insya-Allah kalau saya dapat bantu secara tidak rasmi nanti saya cuba uruskan. Itu bukan jaminan dari segi rasmi tetapi insya-Allah saya akan uruskan juga untuk mengetahui keadaan sebenarnya bagaimana perkara ini boleh berlaku.

Saya mengharapkan Yang Berhormat berpuas hati setakat ini. Terima kasih banyak. Itu sahaja Tuan Pengerusi jawapan saya pada petang ini. Terima kasih banyak-banyak kepada mereka yang terlibat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya saya jemput seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Ahli Parlimen Muar.

### 7.33 mlm.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk meneruskan sesi penggulungan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri bagi perkara-perkara yang berkaitan yang dibangkitkan oleh 14 orang Ahli Parlimen.

Saya mulakan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin bertanya mengapa pegawai PEMANDU dibayar emolumen begitu tinggi dan ini menimbulkan rasa kurang senang di kalangan penjawat awam dan apakah hasil pulangan kepada kerajaan.

Seperti yang pernah dijawab di Dewan ini, PEMANDU melihat kepada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang terdiri daripada tujuh bidang utama dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang terdiri daripada 12 bidang utama manakala beberapa inisiatif pembaharuan strategik yang terdiri daripada enam bidang utama. Keseluruhan 24 bidang-bidang utama ini diketuai oleh seramai 4 orang pengarah yang berpengalaman dan mempunyai kemahiran daripada pelbagai bidang masing-masing sama ada dari sektor awam, syarikat multinasional, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.

Gaji pengarah-pengarah PEMANDU adalah di dalam kurungan Jusa B dan Jusa C dengan tambahan premium sebanyak 20% di atasnya, oleh kerana struktur PEMANDU yang bersifat jangka pendek. Pengarah-pengarah di PEMANDU tidak diperuntukkan sebarang elaun. Justeru itu, pengarah-pengarah di PEMANDU diupah secara kontrak jangka masa pendek selama dua atau tiga tahun sahaja yang kebiasaannya boleh membawa risiko jaminan pekerjaan yang tinggi kepada mereka. Di bawah kepimpinan dan usaha PEMANDU bersama penjawat awam, perancangan dan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan program Transformasi Ekonomi (ETP) ianya telah membuahkan banyak hasil. Sebagai contoh di bawah ETP sejumlah 154 projek telah dikenal pasti *entry point project* dengan jumlah pelaburan sebanyak RM218.3 bilion sehingga tahun 2020 yang telah memberikan peluang pekerjaan sebanyak 434,268 peluang pekerjaan yang telah diwujudkan.

Baru-baru ini Malaysia menerima pengiktirafan antarabangsa di mana Bank Dunia buat pertama kali telah meletakkan Malaysia di kedudukan 10 negara teratas dalam senarai negara paling mesra perniagaan di dunia. Malaysia juga melonjak naik ke tangga keenam berbanding

tahun lalu sewaktu berada di tempat ke-12 setelah pelaksanaan prosedur yang memudahkan pendaftaran syarikat, permohonan permit pembinaan dan permohonan mendapatkan bekalan elektrik dan menurut bank itu dalam laporannya *Doing Business* pada tahun 2014.

Ini adalah semua perkara yang telah dapat diwujudkan semenjak PEMANDU ditubuhkan. Yang Berhormat Gerik memohon untuk peruntukan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang disediakan dan digunakan untuk membangunkan kawasan Taman Negeri Diraja Belum Temenggor terutamanya Pengkalan Hulu. Untuk maklumat Yang Berhormat Ahli Parlimen Gerik, projek-projek koridor utara telah dapat memberi manfaat dan telah dilaksanakan di kawasan Gerik seperti Program Citaku Lab dengan peruntukan sebanyak RM947,846 di mana Program Citaku Lab merupakan program pembangunan pusat pembelajaran komputer di sekolah-sekolah terpilih. Tujuan utama ia dibangunkan adalah untuk memberi peluang pembelajaran IT di peringkat awal kepada pelajar-pelajar sekolah di luar bandar. Program ini dijalankan untuk meningkatkan lagi *accessibility* digital kepada sekolah-sekolah serta komuniti di luar bandar dan meningkatkan semangat serta keinginan di kalangan guru untuk menggunakan ICT dalam penyediaan bahan mengajar serta mengintegrasikan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah. Program ini telah tamat dan majlis penyerahan makmal komputer Citaku Lab kepada sekolah-sekolah yang terlibat telah berlangsung pada 29 Jun tahun 2012.

Keduanya, Program Pembangunan Kemahiran Pelancongan Orang Asli. NCIA telah bekerjasama dengan sebuah pengusaha pelancongan tempatan untuk melaksanakan program pembangunan kemahiran pelancongan yang melibatkan Orang Asli di Belum. Antara program latihan yang dijalankan adalah cara pengendalian bot, pengurusan hotel dan aktiviti perkhemahan serta mengendalikan para pelancong. Dalam program tersebut seramai 34 Orang Asli sedang menjalani latihan kemahiran dan peruntukan yang terlibat dalam program ini adalah sebanyak RM891,780.

Yang ketiga Projek Pembangunan Taman Negeri Diraja Belum Temenggor. Projek Pembangunan Taman Negeri Diraja Belum Temenggor terdiri daripada tiga komponen iaitu menaik taraf jeti awam Pengkalan Aman di pulau, menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Hutan Tropika Belum Temenggor serta penyediaan plan induk bersepadu bagi Hutan Tropika Belum Temenggor. Kesemua projek sedang giat dijalankan di mana kini JKR sedang menilai tender yang telah diterima untuk kerja-kerja menaik taraf jeti awam di Pengkalan Aman di Pulau Banding.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Jumlah-jumlah yang terlibat bagi...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, minta pengesahan dari Stampin. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada berkata bahawa gaji PEMANDU adalah boleh dijustifikasikan kerana ia adalah berasaskan kontrak iaitu saya difahamkan gaji *director* adalah RM49,000 sebulan. Jadi berapa tahun sudah *director* ini telah bekerja di PEMANDU. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pertama Tuan Pengerusi dia terlepas topik tadi. Keduanya kalau boleh lebih spesifik sebenarnya bab gaji kepada seseorang pengarah ini berbeza-beza. Saya tidak tahu Yang Berhormat Stampin merujuk kepada yang mana, tetapi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. Ada satu contoh seorang pegawai yang bekerja di sebuah bank yang biasa dapat bonus satu tahun tapi bila kerja dengan PEMANDU dia tidak dapat. Jadi pada saya orang yang sanggup melupuskan pendapatannya sebegitu besar untuk bekerja dengan PEMANDU saya akan bangun untuk ucap terima kasih daripada mempersoalkan tentang berapa gaji dia dapat.

■1940

Sebenarnya Yang Berhormat, ada banyak lagi gaji yang lebih besar di pihak swasta yang mereka terlibat dalam PEMANDU ini boleh pilih. Akan tetapi, alhamdulillah, dia membuat keputusan untuk bersama PEMANDU untuk kontrak dua tahun. Jadi saya tidak tahu Yang Berhormat rujuk yang mana dan ini peringkat Jawatankuasa, saya tidak dapat beritahu Yang Berhormat. Dan tidak semua 14 orang pengarah menerima gaji yang sama. Cuma saya hendak beritahu di sini bahawa gaji RM49,000 sebulan tanpa elaun dan sebarang bentuk *perks* ataupun faedah, sebenarnya tidak besar.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tidak besar?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak besar, tidak besar. Yang Berhormat punya gaji pun, elaun Yang Berhormat ada banyak *perks*. Untuk PEMANDU dia tidak ada *perks*. Dia tidak ada faedah-faedah lain. Itulah. Kalau betul RM49,000 kepada nama Yang Berhormat sebut, itu sahaja dia dapat sebulan selepas kehilangan jumlah yang lebih besar. Saya yakin kalau dia dapat RM49,000, gaji dia jauh lebih besar di peringkat swasta.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi berbanding dengan *Member of Parliament* yang kita ambil itu, *including* elaun hanya *around* RM13,000 *as compare to* RM49,000?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin ada kerja lain dekat luar, tahu?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tidak ada. Saya *full time*.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat tidak ada, nasib Yang Berhormatlah tetapi ada orang lain ada. Itu tambahan. Jadi Yang Berhormat jangan kira sangat yang itu. Saya sebut RM28 bilion yang dibuat oleh PEMANDU ini, kalau tidak ada, kita tidak dapat benda itu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi boleh kita minta jawapan secara lisan kesemua 14 *director* berapa jumlah yang mereka dapat?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang membangkitkan ini orang lain, Yang Berhormat. Yang Berhormat ini tahu atau tidak peraturan? Yang membangkitkan itu dia tanya, dia tidak tanya spesifik dan minta senarai macam itu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi saya mintalah.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya boleh bagi tetapi saya tidak ada...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri. Boleh atau tidak?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** *No, no.* Yang Berhormat, Yang Berhormat kerja di swasta mana pun, gaji orang tidak boleh diisytiharkan macam itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Faham, tetapi ini kontrak. Ini bukan gaji yang skala semua orang mesti tahu. Ini kontrak. Ini kontrak perkhidmatan. Dia ada. Sebab, orang ini biasa dapat gaji jauh lebih besar, Yang Berhormat. Untuk kita dapat kepakaran, kita kena dapat persetujuan orang dan mungkin kerana kita keluarkan jumlah yang dia dapat, dia mungkin berhenti. Jadi ada perkara lain yang kita tengok. Cuma saya hendak beritahu, kalaulah yang disebut itu, sebutlah nama siapa. Pengarah itu siapa? Jadi saya boleh suruh PEMANDU semak.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri kata hari itu bahawa kalau konvoi khas kepada China, India dan Amerika Syarikat boleh diberikan kepada kita, maksudnya semua gaji pegawai kerajaan atau kontrak itu memang terbuka. Kalau kita boleh bagi maklum kepada semua bahawa berapa gaji kita bayar kepada Dato' Seri Samy Vellu, kenapa kita tidak boleh beritahu kepada Dewan ini berapa kita bayar kepada PEMANDU?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat tanya bila-bila nanti. Keluar soalan beritahu hendak minta. Nanti saya tengok boleh bagi atau tidak tetapi saya tidak adalah hari ini, ya? Yang Berhormat pun tidak bahas benda ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak apa. Sekarang kita minta. Sekarang kita minta.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat pun tidak bahas sebelum ini perkara ini. Banyak masa. Tanya sahajalah. Nanti kita jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya lah, kita minta sekarang boleh? Kerana kita tidak ada *time*.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Itulah sebabnya kita minta sekarang, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini kerana tadi Tuan Pengerusi kata tidak cukup *time*. Jadi kita boleh celah masa sekarang. Boleh bagi ruang?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya jawab ini. Saya jawab. Nanti saya tanya tuan punya badan. Yang dimaksudkan itu ramai dalam PEMANDU ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bagus. Bagi semua pegawai...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya kena tanya dia dulu. Saya tidak boleh kata saya akan bagi jawapan bertulis. Ini bukan cara yang betul dalam Dewan, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ini bukan cara yang betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini kerana kita tidak ada *time*. Tuan Pengerusi bagi ruang untuk kita celah.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat, kita luluskan Dewan ini untuk perbelanjaan PEMANDU dengan KPI tertentu. Saya hanya jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin. Ini kerana perkara-perkara inilah mempersoalkan tentang perkara – Yang Berhormat bayangkan, satu orang yang biasa dapat gaji besar daripada yang dia dapat sekarang dengan bonus satu tahun, yang ini tidak pernah Yang Berhormat bangun untuk ucapkan terima kasih pun. Saya bagi pihak kerajaan, saya ucap terima kasih. Ini soalan lain. Ini jawapan saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, kita tidak mempertikaikan berapa bayaran. Berapa bayar pun tidak apa.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya sudah lepas PEMANDU ini sudah lama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh teruskan, Yang Berhormat ya.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ini cerita pasal benda lain.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, kita ... *[Menyampuk]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** *No*, saya tidak larang pun sudah bagus tetapi janganlah ambil kesempatan sampai macam itu sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan, Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Waktu saya jawab tadi, punya perlahan, satu persatu, tidak ada pun bangun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan jadikan kebiasaan untuk mencelah macam ini, Yang Berhormat. Kalau ada seorang dua yang buat begitu, tidak perlu semua orang ikut.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Nanti kalau saya tidak jawab, tidak layan, Yang Berhormat kata kita tidak mahu jaga kepentingan rakyat. Jangan begitu. Saya dah lepas dah pasal PEMANDU.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya tengah cakap pasal Royal Belum.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Boleh minta?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sudah sampai Royal Belum?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat Tanjong?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Royal Belum?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** PEMANDU.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** PEMANDU sudah habis. Yang Berhormat Gerik ada juga memberi pertanyaan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi laluan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** ...Tentang perancangan ke atas lot-lot tanah kosong dalam kawasan FELDA dan adakah ia untuk para peserta baru atau dibangunkan untuk generasi baru dalam mengatasi masalah kekurangan rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, luas keseluruhan kawasan FELDA adalah seluas 853,313 hektar merangkumi kawasan pertanian sebanyak 95.1% iaitu 811,140 hektar dan baki 4.9% merupakan kawasan kampung iaitu penempatan peneroka kawasan komuniti dan lot tanah kosong iaitu sebanyak 42,173 hektar.



Jumlah tanah kosong yang dirujuk oleh Yang Berhormat daripada Gerik adalah 10% daripada 4.9% kawasan kampung yang saya nyatakan tadi dan kawasan-kawasan ini adalah kebanyakannya tidak berapa sesuai kerana ia merupakan kawasan berpaya, kawasan cerun ataupun berbukit. Maksudnya kawasan kosong itu sebenarnya susah untuk dibangunkan. Namun begitu, FELDA akan cuba mengoptimalkan penggunaan tanah di kawasan FELDA dan jumlah yang ada saya berikan tadi adalah jumlah tanah kosong yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Gerik.

Yang Berhormat Gerik turut menanyakan tentang beberapa tanah persekutuan yang tidak dibangunkan dengan sepenuhnya. Yang Berhormat Gerik memohon mencadangkan agar KPTG menyenaraikan tanah persekutuan di negeri yang tiada dibangunkan bagi mengelakkan ada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan dengan membuat keuntungan daripada tanah-tanah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab kepada tiga Wilayah sahaja iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan. Manakala bagi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) merangkumi keseluruhan negeri kecuali tiga wilayah yang saya nyatakan tadi. Bagi tanah-tanah berstatus tanah persekutuan, adalah di bawah KPTG, Ketua Pengarah Tanah Persekutuan yang dikendalikan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Pasir Sulong menyatakan apakah status peserta apabila mereka terpilih dan hendak disenaraikan ke Bursa Saham yang ditujukan kepada TERAJU. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, Skim Jejak Jaya Bumiputera telah pun dipindahkan ke bawah seliaan Ekuinas semenjak 14 September semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Majlis Ekonomi Bumiputera. Namun begitu, daripada senarai sebelum dipindahkan ke Ekuinas, lapan syarikat telah pun berjaya disenaraikan dan tiga lagi syarikat dalam proses persediaan untuk memohon kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi proses penyenaraian.

Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya berapakah jangkaan penilaian bagi kita menerima sebuah syarikat TeraS. Untuk makluman Yang Berhormat, ia mengambil masa lebih kurang tiga bulan jika ia menepati kriteria.

Ketiga, pendekatan untuk TeraS yang berbeza dengan agensi-agensi lain. Tuan Pengerusi, program TeraS bukan untuk melahirkan usahawan baru tetapi untuk menyokong pertumbuhan syarikat bumiputera yang berprestasi tinggi dan telah pun beroperasi lebih tiga tahun untuk kita lonjakkan lagi kemampuan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Parit Sulong bertanya juga kriteria mendapat jaminan modal kerja TeraS. Perkara perlu dalam program TeraS, setelah mereka mematuhi beberapa syarat daripada panel bank TERAJU iaitu RHB, SME Bank dan MIBF, kriteria-kriteria itu ada dalam *website* kepada semua pemohon. Buat masa ini kita ada hampir lebih kurang 400 buah syarikat TeraS.

Program kesedaran TeraS dijalankan secara *outreach* di semua koridor dan negeri-negeri untuk memberi penjelasan serta juga mengambil kira kerjasama yang diberikan oleh NGO-NGO

Melayu seperti GABEM dalam memberi maklumat kepada ahli-ahli tentang operasi TeraS TERAJU.

Yang Berhormat Parit Sulong juga menanyakan tentang pelaksanaan *Flexible Working Arrangement* (FWA) dan sejauh mana program ini akan menarik kembali penglibatan kaum wanita dalam pasaran kerja. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah insentif cukai bagi menggalakkan penyertaan syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini adalah merupakan pilot projek yang telah pun dilancarkan mulai Julai 2013 dan buat masa ini proses mengenal pasti syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai *Flexible Working Arrangement* ini sedang giat dijalankan. Untuk makluman Dewan, sebanyak 43 buah syarikat telah bersetuju untuk menyertainya. *Flexible Working Arrangement* adalah satu program yang telah dibangunkan oleh TalentCorp dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang merupakan rakan kongsi dan telah pun kita letakkan di laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat informasi berhubung pelaksanaan FWA.

#### ■1950

Melalui portal ini, informasi berhubung perkara-perkara berikut boleh diperoleh mengenai garis panduan pelaksanaan, perkongsian modul amalan baik pelaksanaan FWA, peluang pekerjaan melalui amalan FWA dan kita juga telah melantik duta sembilan pengurus tekanan bahagian sumber manusia sektor swasta negara yang berpengalaman untuk menjadi duta *flexWorkLife.my*. Duta yang telah dilantik kini giat dan aktif mempromosikan FWA sebagai amalan kerja dan salah satu strategi pembangunan dan pengekalan modal insan yang berkesan kepada kaum wanita profesional. Antara aktiviti kolaborasi dan hebahan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan organisasi adalah persidangan yang diterajui majikan, laman sesi persidangan, sidang kemuncak dan forum. Ada lima forum yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2013 serta memberikan anugerah bagi menggalakkan penglibatan organisasi majikan dalam pelaksanaan FWA. Beberapa hebahan juga telah dibuat melalui media cetak, wawancara radio dan secara *online*.

Yang Berhormat Tenom turut mencadangkan agar peruntukan tambahan kepada TalentCorp bagi melaksanakan inisiatif pengekalan dan penggalakan bakat berkemahiran tinggi dalam negara. Juga menyatakan tentang keberhasilan program Returning Expert Programme (REP) dalam membawa pulang tenaga pakar Malaysia di luar negara. Bagi memastikan kemapanan takungan tenaga bakat kemahiran tinggi dalam negara, kerajaan melalui TalentCorp telah berusaha memastikan tenaga bakat kemahiran tinggi dapat dipadan dan disalurkan kepada peluang-peluang kerja yang strategik melalui pelaksanaan ETP serta bagi faedah pembangunan negara berterusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak menerajui Returning Expert Programme dan melalui penambahbaikan insentif pada tahun 2011, terdapat peningkatan kepada jumlah kepulungan tenaga pakar Malaysia di luar negara berbanding pelaksanaannya yang bermula daripada tahun 2001 hingga 2010. Pelaksanaan inisiatif dinilai melalui dua aspek iaitu daripada

segi kuantiti dan kualiti. Daripada segi kuantiti, sejak diterajui TalentCorp pada 2011 pada Oktober 2013, sejumlah 2,316 tenaga pakar dengan sejumlah 3,848 permohonan meliputi pelbagai bidang dan sektor telah diluluskan. Seterusnya daripada segi aspek kualiti, inisiatif dan pemberian insentif ini menekankan aspek kualiti dan kepakaran yang bakal dibawa masuk di bawah pelaksanaannya. Antara aspek kualiti yang telah dibawa pulang sehingga kini menumpukan kepada sektor minyak dan gas, pakar perubatan, *business research* dengan izin dan sektor-sektor yang berkaitan dengan ekonomi negara.

Yang Berhormat Tenom turut memohon untuk menyatakan apakah yang telah SEDIA lakukan. SEDIA adalah wilayah pembangunan di Sabah, sehingga kini untuk menarik pelaburan di Sabah. Bagi menarik pelaburan di Sabah, pelbagai misi pelaburan telah dijalankan sama ada domestik ataupun antarabangsa. Sebanyak lapan misi antarabangsa dan 13 domestik telah dijalankan dan ini tidak termasuk penerbitan bahan-bahan promosi di dalam surat khabar dan media cetak. Namun begitu, dalam masa untuk menarik minat para pelabur, SEDIA telah membelanjakan sebanyak RM1.3 bilion daripada peruntukan yang diterima untuk memperbaiki kedudukan infrastruktur di Sabah sebagai daya penarik kepada pelabur-pelabur.

Yang Berhormat Tenom juga bertanyakan jumlah pelaburan swasta di Sabah sejak 2010 sehingga kini. Jumlah pelaburan swasta sehingga September 2013 adalah seperti berikut, jumlah pelaburan yang dijanjikan (*committed investment*) adalah sebanyak RM116 bilion dan jumlah pelaburan *realize* yang telah pun diterima sehingga hari ini adalah sebanyak RM18 bilion.

Yang Berhormat Tenom bertanyakan senarai syarikat multinasional dan asing di Sabah. Sekarang ini kita ada empat, Brunei Investment Agency, eco biomass Korea, **Darden** dari USA dan Long Yuan Construction Limited dari China.

Yang Berhormat Tenom juga bertanyakan sumbangan SEDIA untuk membangunkan koridor Sabah. Sumbangan SDC ke atas pertumbuhan KDNK Sabah telah memberi kesan positif di mana jumlah tenaga buruh yang bekerja telah meningkat sebanyak 295,000 orang antara tahun 2007 hingga 2012. Ini menunjukkan peningkatan bilangan pekerjaan yang diwujudkan dapat menampung kenaikan kadar penyertaan buruh yang turut meningkat pada masa yang sama. Ia juga bermakna secara purata, kira-kira 60,000 peluang pekerjaan telah dijana setiap tahun daripada akhir 2007 sehingga akhir tahun 2012. Kadar pengangguran seterusnya telah dapat diturunkan daripada 5.5% pada tahun 2007 kepada 5.4% pada tahun 2012.

SDC turut mencapai matlamat yang telah disasarkan dalam memperbaiki agihan pendapatan dan taraf hidup penduduk dengan mengurangkan jurang perbezaan agihan pendapatan iaitu apabila purata agihan pendapatan bulanan individu pada tahun 2012 meningkat kepada RM4,013 berbanding hanya RM2,837 pada tahun 2007 sebelum SDC dilancarkan. Kadar pertumbuhan tahunan pendapatan bulanan di negeri Sabah iaitu sebanyak 8.7% pada tahun 2009 hingga 2012 telah melebihi kadar pertumbuhan tahunan pendapatan bulanan negara iaitu 7.2% sahaja. Kesan kemiskinan di Sabah turut mengalami penurunan yang ketara iaitu daripada 19.5% pada tahun 2007 kepada 8.1% pada tahun 2012.

Sejak penubuhan SDC pada tahun 2008, terdapat peningkatan dalam jumlah kedatangan pelancong asing ke negeri Sabah. Peningkatan yang dapat dilihat melalui pertambahan bilangan kemasukan pelancong dan pendapatan sektor pelancongan yang tinggi semenjak 2009 hingga 2011. Ini adalah pencapaian yang cemerlang kepada negeri Sabah terutamanya pada tahun 2012. Bilangan pelancong sebanyak lebih kurang 2.9 juta orang dengan pendapatan kira-kira RM5.26 bilion berbanding 2.3 juta pelancong pada tahun 2008 dengan pendapatan RM4.6 bilion sahaja.

Yang Berhormat Temerloh ada menyebut tentang kenaikan yang sedikit dalam peruntukan bajet untuk Institusi Integriti Malaysia. Sukacita saya nyatakan bahawa IIM mendapat peruntukan sebanyak RM11.7 juta pada tahun 2013 dan diperuntukkan RM11.738 juta pada 2014. Perbezaan hanya lebih kurang RM200,000 dan saya tidak nampak ada perbezaan yang ketara daripada jumlah tersebut. Namun begitu, saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Temerloh mengenai pengurangan tersebut.

Yang Berhormat Temerloh juga menyatakan mengapakah pelantikan ahli SUHAKAM, anggota suruhanjaya yang merupakan pilihan Perdana Menteri Malaysia. Untuk maklumat Dewan, Tuan Pengerusi, berdasarkan Akta SUHAKAM, anggota suruhanjaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Perdana Menteri yang hendaklah sebelum memberi nasihatnya berunding dengan satu jawatankuasa yang terdiri daripada:

- (i). Ketua Setiausaha Negara yang menjadi pengerusi,
- (ii). Pengerusi SUHAKAM; dan
- (iii). Tiga orang anggota lain daripada kalangan orang yang terkemuka yang akan dilantik oleh Perdana Menteri.

Perkara ini telah dibuatkan pindaan pada tahun 2009 dan selepas daripada itu, pencapaian SUHAKAM termasuk soal keahlian ini telah mendapat penarafan status A oleh International Coordinating Committees Sub Committee on Accreditation pada tahun 2010. Ini menjadi bukti bahawa SUHAKAM mematuhi prinsip Paris iaitu Paris Principal dengan izin, yang menjadi garis panduan penubuhan sebuah institusi hak asasi manusia kebangsaan yang bebas. Status A ini telah diberikan oleh ICCSCA setelah mengambil kira pindaan kepada akta yang saya nyatakan tadi.

Untuk makluman Dewan, Tuan Pengerusi, SUHAKAM juga telah dilantik untuk menjadi *chair for two years term Commonwealths Forum of NHRI di Geneva*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun].

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat Temerloh ada menyatakan juga tentang penambahan peruntukan untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia tidak diberi kenaikan peruntukan yang sewajarnya oleh kerajaan iaitu hanya sebanyak RM1 juta daripada RM9.6 juta kepada RM10.6 juta, sedangkan SUHAKAM merupakan sebuah agensi yang berfungsi untuk melaksanakan mandat SUHAKAM iaitu memupuk kesedaran dan pendidikan, menasihati, membantu kerajaan dalam melindungi dan memajukan hak asasi manusia. Sukacita saya nyatakan bahawa mungkin jumlah yang disebut ataupun dipetik oleh Yang Berhormat Temerloh merujuk kepada RM9.6 juta adalah peruntukan yang diberikan pada tahun 2012 dan RM10.6 juta

adalah pada tahun 2013. Namun begitu pada tahun 2014, SUHAKAM menerima RM10.633 juta. Ada sedikit penambahan yang diberikan oleh kerajaan. Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya tentang SUHAKAM tadi. Saya rasa kita boleh bagi kredit kepada SUHAKAM kerana agak berani untuk membuat kenyataan-kenyataan walaupun mungkin tidak popular dan mungkin tidak disenangi oleh kerajaan.

■2000

Cuma, dalam keadaan kita tahu SUHAKAM telah diberikan penarafan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengapakah kalau di dalam *inquiry* BERSIH 1.0 dan BERSIH 2.0, SUHAKAM diberikan peranan untuk menyiasat, mengadakan penyiasatan dan telah pun memberikan satu *finding*. Akan tetapi, kenapakah dalam BERSIH 3.0, dalam keadaan SUHAKAM memang kita tahu ditugaskan untuk menyiasat tentang antaranya pelanggaran hak asasi manusia di Malaysia, tiba-tiba kita tubuhkan satu jawatankuasa, badan penyiasat yang lain, yang menggunakan wang rakyat untuk menyiasat dan dipengerusikan oleh bekas Ketua Polis Negara Tun Hanif Omar.

Jadi, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengapakah SUHAKAM tidak diberikan peranan tersebut untuk kita boleh mengurangkan kos sebab tidak payah kita ada kos lain. Itu yang pertama.

Keduanya saya hendak tanya berapakah jumlah yang telah pun dibelanjakan oleh badan penyiasat itu untuk menyiasat kes BERSIH dan apa status siasatan tersebut? Kalau tidak dapat mungkin tidak ada notis kah, saya bersedia untuk menerima jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat Sepang ini pun kadang-kadang dia sudah tahu jawapan. Yang Berhormat hendak tanya benda itu, saya tidak ada maklumat itu sebab tidak diberi awal. Kalau saya bagi mungkin tidak tepat dengan apa maklumat yang saya ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri tidak apa, okey.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Jadi, sudah tahu itu pun bagus. Cuma yang seronok itu, Yang Berhormat sekurang-kurangnya memberikan pengiktirafan bahawa badan itu bebas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa masalah? Kita kalau benda baik, kita boleh ...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Bagus, bagus.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We are okay with that.*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Betul, betul, betul. Tidak, sebab itu saya sebut. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat sebutlah badan itu bebas. Salahkah saya cakap?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, tidak. Saya hendak ... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Bagus. Saya cakap Yang Berhormat bagus sebab sebut jabatan itu bebas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cantiklah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Bermakna, adalah juga benda baik daripada kerajaan yang bebas. Ada satu perkara yang saya asingkan sebab ada satu perkara mengenai SPRM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik mencadangkan SPRM tidak hanya melihat isu-isu rasuah di negeri-negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional sahaja dan turut menyiasat isu-isu rasuah di negeri-negeri di bawah pentadbiran pembangkang.

Saya percaya Yang Berhormat Gerik pun tahu ada siasatan atau pun laporan mengenai perkara-perkara di bawah negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang. Akan tetapi di SPRM kita tidak ada beza sama ada negeri itu pembangkang atau pun negeri itu daripada pihak yang mana sekali pun. Akan tetapi, saya rasa perlu saya sebut. Yang Berhormat Gerik menyatakan ini kerana perkara ini tidak kelihatan besar sebab tidak ada pun Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang hendak persoalkan apabila perkara itu sedang disiasat kerana kita ada kes siasatan ke atas Menteri Besar Kelantan mengenai tajaan mengerjakan haji. Antaranya siasatan ke atas Menteri Besar Selangor dalam kes lembu korban, siasatan kepada Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dalam kes tajaan ke luar negara, kes rasuah seks di Perak dan isu pasir di Selangor.

Sebenarnya ada tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional memang jarang tanya SPRM kerana ini adalah proses yang telah pun kita beri mandat kepada SPRM untuk siasat. Namun begitu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya menyebutkan perkara-perkara yang kita siasat di bawah negeri-negeri pakatan sana dan hendak beritahu kita tidak ada pilih. Walaupun baru satu penggal pegang, ada juga kes-kes yang kita siasat mengenai perkara tersebut.

Yang Berhormat Pokok Sena. Hendak pandang sedikit. Okey. Yang Berhormat Pokok Sena bertanyakan apakah yang TERAJU bantu untuk usahawan stesen minyak Petronas di kalangan bumiputera? Okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Sorry.* Minta maaf, *sorry.* Tuan Pengerusi, boleh saya sebut sedikit tentang SPRM sebelum alih ke tajuk lain? Saya tidak tanya ini dalam perbahasan tetapi kalau boleh saya minta jawapan bertulis. Ada satu laporan yang penting yang dibuat oleh *Malaysia Airlines System* sendiri. Ini *our national airlines* yang buat laporan kepada MECC atau pun SPRM berkenaan dengan penyelewengan dan rasuah yang dilakukan oleh Tan Sri Tajuddin Ramli. Laporan mereka bertajuk 20 Mei 2009 dan tuduhan itu amat berat sebab tuduhan itu yang dibuat oleh pengurusan MAS sendiri. Ini bukan individu atau pihak ketiga. MAS sendiri yang buat laporan. Tuduhan yang sangat berat yang membabitkan Peguam Negara dan juga pegawai kanan daripada polis dan ada beberapa nama, saya tidak akan sebut di sini dalam isu salah guna kuasa dan rasuah sendiri, tuduhan kepada mereka.

Tuduhan secara ringkas Tuan Pengerusi ialah bahawa Peguam Negara ataupun pegawai tertinggi dalam Peguam Negara dan pihak polis telah tutup siasatan rasuah dan penyelewengan terhadap Tan Sri Tajuddin Ramli yang berkaitan dengan MAS. Jadi, saya ingin tahu sebab ini saya sudah tanya dahulu tetapi saya belum dapat jawapan yang lengkap dan saya sanggup tunggu untuk jawapan bertulis. Saya ingin tahu apakah status siasatan ini sebab ini adalah sangat penting dan ini adalah kepentingan negara. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, saya rasa ada kewajaran untuk kita beritahu sebab tidak ada rahsia dalam kes-kes yang dibuka yang disiasat. Cumanya, kalau tengah siasat Yang Berhormat pun faham kita tidak boleh hendak beritahu. Akan tetapi kalau Yang Berhormat kata tadi ditutup dan sebagainya saya rasa tidak ada masalah untuk kita semak sebab ia akan bawa kepada jawatankuasa penilai kenapa perkara itu tidak dibawa kepada pendakwaan. Jadi, saya rasa SPRM nanti datang jumpa saya dahulu, nanti saya jumpa Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik sebab ini kes yang lama, 2009. Jadi, *so I think public*, orang awam patut tahu jawapan dia. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat Pokok Sena. Petronas - sebenarnya TERAJU tidak terlibat dari segi membantu syarikat. Ini spesifik, saya hendak jawab dahulu. Pertama, pelantikan stesen minyak Petronas dikendalikan oleh Petronas Dagangan. Kita ada 1,027 stesen. Jawapan saya mudah sahaja, kalau perkara ini ditanya kepada TERAJU, TERAJU sebenarnya melihat kepada potensi syarikat untuk dibesarkan. Tidak semestinya stesen Petronas atau apa juga perniagaan.

Ini pada saya jawapan awal saya tadi bahawa mana-mana syarikat Petronas atau pun *kiosk* atau pun stesen minyak ini boleh pergi ke TERAJU sama ada mereka menepati tidak kriteria untuk menjadi syarikat teras. Kalau tanya TERAJU pada hari ini, sebenarnya kita tidak melihat operasi syarikat pada skala itu. Namun begitu, saya tidak mahu menolak usaha untuk melihat perkara ini dapat dikembangkan. Mungkin ia ada 10 kiosk. Mana hendak tahu. Jadi, pada saya ini adalah prosedur biasa. Namun begitu ia tidak menjadi fokus TERAJU melihat tentang petrol *kiosk*.

Keduanya adakah usaha TERAJU untuk memperuntukkan pakar-pakar bumiputera dalam Lembaga Pengarah Syarikat. Pertama, TERAJU penubuhannya untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera bagi dipertingkatkan. Biasanya dia tidak ambil alih syarikat itu. Dia akan menyediakan rangkaian perniagaan, bantuan kewangan, dan syarikat itu akan kekal dengan siapa juga lembaga penasihat. Tidak seperti Ekuinas yang *acquired* syarikat tersebut dan akan meningkatkan ekuiti bumiputera. Jadi, kepada persoalan ini sebenarnya TERAJU tidak ada campur tangan dari segi penentuan siapakah *Board of Director* satu lembaga pengarah. Itu tertakluk kepada SSM.

Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena juga ada membangkitkan satu perkara yang sanga menarik. Mohon penjelasan ke atas tindakan Ekuinas melupuskan syarikat Konsortium Logistik Berhad ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya ringkas sahaja. Ini tentang penguasaan ekuiti bumiputera. Jumlah kita sekarang 67% tetapi pemilikan ekuiti kita hanya mencapai lebih kurang 23% sahaja. Jadi, sekiranya kita mahu mencapai taraf 30% penguasaan bumiputera pada tahun 2020, pencapaian ekonomi kita pada ketika ini kita ukur sebanyak 4.5% ke 5% sahaja. Jadi, peningkatan untuk 30% penguasaan bumi mestilah dapat 60% pada tiap-tiap tahun barulah kita boleh mencapai 30% pada tahun 2020.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah sebenarnya usaha-usaha lain yang lebih konkrit dibuat oleh pihak kementerian, pihak kerajaan dalam usaha kita memastikan supaya penguasaan ekuiti bumiputera dapat dicapai, supaya *disparity* ini yang jurangnya cukup ketara sekali berbanding dengan jumlah sebenar 67% jumlah penduduk bumiputera dengan penguasaan mereka yang cukup rendah pada ketika ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri boleh kasi peluang dari Bakri hendak tanya satu isu berkenaan Petronas.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, ya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Petronas kah Ekuinas?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tentang isu Petronas yang tadi Yang Berhormat Menteri sebut. Di sini saya ingin merujuk kepada tawaran oleh Petronas kepada penduduk Pengerang yang terlibat dalam Projek Rapid adalah sesi dialog berhubung Laporan DEIA di mana Petronas menawarkan untuk membina lebih banyak SJKC sekiranya waris-waris ini bersedia membenarkan tanah perkuburan Cina diambil untuk Projek Rapid?

#### ■2010

Adakah Petronas mempunyai bidang kuasa untuk membina dan menubuhkan sekolah-sekolah baru? Tambahan pula, pendidikan dan tanah perkuburan adalah dua perkara berbeza sama sekali. Tanah perkuburan sinonim dengan warisan legasi keluarga yang begitu penting bagi masyarakat Cina. Begitu juga pendidikan sangat penting demi masa depan semua rakyat. Ia tidak boleh dijadikan satu adat tawar menawar bagi memenuhi kehendak satu lagi. Malahan tidak keterlaluan juga ia adalah satu tawaran yang menghina tahap intelek masyarakat di Pengerang terutama semenjak dari merdeka sehingga kini. Tiada SJK(C) baru dibuka di sana sedangkan hakikat kekurangan ini sebenarnya diakui Petronas apabila membuat tawaran sedemikian. Saya memohon agar Yang Berhormat Menteri dapat mengambil serius berhubung tawaran tersebut dan seterusnya tidak membenarkan Petronas untuk meneruskan tawaran mereka. Petronas harus peka akan sensitiviti setiap kumpulan masyarakat. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.



**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya rasa ada satu benda *missing* di sini ya. Bila bunyi Ekuinas, Petronas, tidak bermakna Yang Berhormat boleh cerita semua. Tidak ada orang yang bangkit dalam Jawatankuasa JPM tentang Petronas. Cuma tadi dia cakap mengenai stesen Petronas yang kalau TERAJU hendak bantu. Jadi, saya akan ambil maklum kita akan semak perkara-perkara tentang SJK(C) dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat baru masuk. Tidak ada pun saya jawab tentang Rapid sebab tidak ada yang dibangkitkan tetapi kita akan ambil maklum pandangan Yang Berhormat Bakri sebagai tanda hormat saya kepada jiran saya ini.

Okey, Yang Berhormat Jasin, kerisauan Yang Berhormat Jasin – takut terlupa. Semua orang sudah lupa Yang Berhormat Jasin. Saya hendak terus jawab Yang Berhormat Pokok Sena. Sekejap, Yang Berhormat Jasin bertanya pasal pertama, mulai sekarang kita pakai 68% penduduk negara kita Melayu bumiputera. Maknanya lagi ramai daripada 67% iaitu 1% tambahan. Akan tetapi kerisauan itu adalah satu perkara yang paling mendesak. Statistik itu saya tidak hendak *argue*, cumanya betul, setiap tahun kita kena tambah dengan cepat supaya kita dapat capai 30%. Apa yang boleh saya beritahu Yang Berhormat Jasin, selepas pelancaran Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) dengan pelbagai bentuk inisiatif, kita mengharapkan perkara itu dapat menyumbang dan mesyuarat pertama Majlis Ekonomi Bumiputera ini akan diadakan pada hari Khamis, 21 November yang akan dipengerusikan sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. TERAJU telah pun diumumkan sebagai sekretariat dan saya sebenarnya seperti Yang Berhormat Jasin, saya pun tengah tunggu apakah perkara yang akan dibincangkan.

Saya pasti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin akan saya panjangkan kerana Ahli Yang Berhormat ingin tahu apakah perancangan yang paling cepat dapat dilakukan oleh kerajaan dan majlis ini pada saya atau mesyuarat pada 21 November ini sepatutnya boleh memberikan jawapan yang lebih tepat terhadap usaha kita dalam tempoh baki masa yang tinggal bagi memastikan pemilikan ekonomi bumiputera yang disasarkan 30% itu dapat dicapai. Jadi, saya rasa...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri, saya tambah sedikit. Sebenarnya kita tidak bercadang untuk mengambil hak orang lain tetapi apa yang pasti pada ketika ini kita juga dalam masa yang sama kita tidak mahu kalau boleh rasa tidak puas hati di kalangan kaum. Hendaknya *target* atau pun sasaran kita mendapatkan 30% ini seharusnya tidak boleh dipersoalkan oleh kaum-kaum lain kerana *disparity* atau jurangnya cukup jauh sekali di antara jumlah kita, tadi Yang Berhormat Menteri sebut 68%. Penguasaan kita hanya 23% sahaja. Kita tidak mengambil hak orang lain tetapi apa yang pasti kita hendak sekarang supaya kerajaan mestilah berbuat sesuatu secara bersungguh-sungguh, secara serius supaya penguasaan ini dapat dicapai walaupun jauh 30% dibandingkan dengan jumlah kita sebenar. Akan tetapi sekurang-kurangnya dapat mengubat hati kaum bumiputera. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hendak soal dalam hal yang sama iaitu soal penyertaan bumiputera. Jadi, dalam hal ini untuk memastikan supaya penyertaan bumiputera itu pada keseluruhannya dapat diambil kira, bumiputera Sabah dan

juga Sarawak. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau dalam perangkaan itu kita buat tiga ruang. Satu bumiputera Semenanjung, satu bumiputera Sarawak dan satu bumiputera Sabah dari segi perangkaan supaya kita dapat memantau penyertaan. Ini kerana kalau kita katakan 23% penyertaan bumiputera, dalam penyertaan ekuiti, kalau saya tanya berapa peratus bumiputera daripada Sabah? Jawapannya tidak ada. Kita tidak dapat. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita buat dari segi perangkaan sebab Yang Berhormat ini pun tengok dari segi perangkaan juga bukan? Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Kalau boleh Yang Berhormat saya tambah ringkas sahaja. Terima kasih.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Tuaran sebabnya ialah bahawa telah pun menjadi fakta ekonomi negara kita bahawa *Gini Coefficient* dengan izin, telah menunjukkan bahawa jurang antara yang paling kaya dengan yang paling miskin, yang paling hebat sekali ialah di kalangan Melayu atau bumiputera. Jadi oleh itu, pencapaian Yang Berhormat Jasin pohon itu saya pun bersetuju, munasabah tetapi dalam masa yang sama pencapaian tersebut kalau pun kita hendak tumpu dan tuju dengan sekuat mana pun janganlah akhirnya sekali lagi Syed Mokhtar yang mendapat manfaat atas nama bumiputera dan bukan bumiputera-bumiputera lain termasuk di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya rasa ada baik juga tadi saya sebut tentang mesyuarat yang hendak dilangsungkan dan saya rasa TERAJU sebagai urus setia yang ada di belakang ini boleh ambil ini walau pun kami tidak masuk dalam mesyuarat termasuk saya untuk dimaklumkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat tentang betapa kita mengambil berat. Pertamanya, mengenai Melayu dan juga bumiputera di Sabah dan Sarawak sebagai agenda untuk kita mengurangkan pekali gini di kalangan bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi antara suku kaum dan seumpamanya. Jadi, saya percaya perkara ini dapat dilihat mengambil sempena hasrat Yang Berhormat Jasin bahawa kita bukan mengambil hak ada kumpulan yang dikurangkan tetapi kita mengembangkan ekonomi untuk diagihkan kepada rakyat keseluruhan.

Baik saya hendak masuk balik kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Memohon penjelasan di atas tindakan Ekuinas melupuskan Syarikat Konsortium Logistik Berhad (KLB) kepada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dengan kadar harga jualan yang sama dengan harga pembelian. Pelupusan kepentingan di dalam Syarikat KLB dilaksanakan selaras dengan mandat Ekuinas sebagai sebuah firma ekuiti persendirian untuk menjual kepentingan dalam sebuah syarikat pelaburan setelah berjaya meningkatkan nilai dalam tempoh tiga tahun pengambilan. Pengambilan syarikat ini dibuat pada tahun 2010 dan pelupusan dibuat pada tahun 2013. Pelupusan kepentingan di dalam KLB adalah selepas melalui proses penjualan menyeluruh untuk mencari pembeli yang terbaik. Dengan bantuan sebuah bank pelaburan global terkemuka, lebih daripada lima syarikat serantau dan tempatan telah menyatakan minat serius dan akhirnya kumpulan DRB Hicom telah terpilih sebagai pembeli yang paling sesuai berdasarkan kriteria harga tawaran, kesesuaian strategik dengan perniagaan KLB yang juga kesinambungan objektif sosial Ekuinas.

Selain itu, DRB Hicom juga memiliki platform sumber dan keupayaan keusahawanan untuk membeli KLB ke peringkat yang lebih tinggi dan dalam memastikan pemilikan ekuiti bumiputera dalam syarikat tersebut dapat terus dikekalkan. Walaupun harga kadar jualan KLB dilihat sama dengan kadar harga belian iaitu RM1.55 sesaham, namun Ekuinas telah memperoleh sebanyak RM96.5 juta berdasarkan hasil jualan kasar dan dividen terkumpul yang diterima sepanjang pemilikan ekuiti dalam KLB tersebut. Selain itu, pelaburan dalam syarikat KLB juga telah menjana kadar pulangan dalaman iaitu *internal rate of return (IRR)* sebanyak 17.6% setahun yang bersamaan dengan 1.5 kali ganda jumlah yang telah dilaburkan oleh Ekuinas berbanding sasaran IRR sebanyak 12% sahaja.

Jadi maknanya Yang Berhormat, waktu beli itu harga sama tetapi dalam proses tiga tahun kita telah mendapat keuntungan Ekuinas sebanyak RM96.5 juta melalui dividen yang saya nyatakan tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau dapat saya kongsi, memang harga...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita mendapat dividen RM90 juta lebih yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, ya lah dividen itu memang berhaklah sebab itu keuntungan daripada perniagaan yang dikendalikan oleh Ekuinas sendiri melalui KLB yang sudah pun diambil alih.

#### ■2020

Akan tetapi bila kita hendak jual, hendak lepaskan, hendak lupuskan pegangan kita itu sudah tentulah bahawa perlu diambil kira kepada susunan harga semasa. Sebab itu saya hendak tahu bahawa, kalau mengikut perkiraannya, harga semasa syer KLB ini berapa sebenarnya? Sebab kalau dilihat begitu untungnya Syed Mokhtar. Ekuinas syarikat milik kerajaan yang ambil alih dengan pegangan tersebut dengan RM1.55 kemudian dapat meningkatkan Internal Rate of Return (IRR) ini sampai 17.6%. Tiba-tiba Syed Mokhtar mengambil dengan harga yang sama. Jadi untung dia akan bermula seperti mana kita bermula. Jadi saya minta berapa sebenarnya harga semasa?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima Kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya pun hendak sebut yang itu. Waktu beli harga dia RM1.55 dan dalam tempoh tersebut harga paling rendah 98 sen dan pernah satu peringkat harga tertinggi RM1.73. Maknanya dari segi harga KLB ini dia tidak jauh sangat. Tetapi waktu kita hendak menawarkan ada satu perkara yang kita kena tengok sini Yang Berhormat. Pengambilalihan syarikat ini daripada tuan punya namanya **Loi Kui Kiat** waktu Ekuinas ambil dia telah berjaya menambahkan ekuiti bumiputera sebanyak 1.6 kali ganda - 393.

Jadi waktu hendak jual, Ekuinas kena jual untuk mengekalkan ekuiti bumiputera. Kalau tidak, itu yang saya sebut tadi. Waktu hendak jual harga satu, dua kita kena kekalkan ekuiti bumiputera. Jadi maknanya harga itu tetap akan bergantung kepada siapa hendak beli paling mahal dan mesti bumiputera supaya pengekalan ekuiti yang menjadi tanggungjawab Ekuinas itu dapat diteruskan. Saya percaya kalau kita hendak bagi harga yang betul-betul *willing buyer, willing seller* kepada sesiapa juga tanpa memikirkan tentang pemilikan ekuiti bumiputera sebagai salah satu agenda Ekuinas, soalan Yang Berhormat itu mungkin boleh kita fikirkan.

Namun begitu, Ekuinas ini terpaksa berusaha. Kalau tidak Yang Berhormat Jasin punya usaha hendak menambahkan pegangan ekuiti bumiputera tidak akan capai. Ekuinas bukan syarikat yang berniaga, beli syarikat jual syarikat. Dia ada tanggungjawab penubuhan iaitu mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera. Kebetulan DRB-Hicom yang dapat menawarkan sekurang-kurangnya bukan pada harga yang lebih rendah daripada yang kita beli. Saya percaya kalau harga itu tidak dipersetujui, ataupun tidak menepati hasrat Ekuinas, tidak akan dijual kepada DRB-Hicom, itu maksudnya. Tetapi kalau ada betul syarikat lain yang hendak beli lagi mahal tetapi mesti bumiputera supaya pengekalan itu berlaku, saya rasa Ekuinas boleh timbangkan. Sebab apa satu lagi, sebelum saya terlupa, dia tidak boleh lebih daripada tempoh yang ditetapkan. Kalau Ekuinas boleh pegang sampai 10 tahun, mungkin isu ini tidak timbul. Tetapi dia memang kena ada *projection* untuk melupuskan dan ini adalah syarikat antara yang pertama yang dibuat oleh Petronas. Alhamdulillah, Ekuinas sebagai satu kejayaan. Ada banyak lagi syarikat yang diambil alih oleh Ekuinas yang sepatutnya dilupuskan dan saya pasti akan ada banyak lagi persoalan-persoalan sebegini dan kita doakan semua itu dapat diselesaikan dengan baik.

Yang Berhormat Sekijang menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh TalentCorp. TalentCorp saya rasa saya dah jawab tadi Yang Berhormat Sekijang. Cuma saya hendak tambah kategori, kategori dalam mengenal pasti bakat. Kita bahagi kepada tiga, pertama, tenaga bakat, kemahiran tinggi dalam negara, kita buat *placement*. Kedua tenaga profesional Malaysia di luar negara untuk dibawa balik, ketiga tenaga bakat asing berkemahiran tinggi yang dapat kita bawa ke dalam negara. Itu perkara yang ditanya oleh Yang Berhormat Sekijang dan kejayaan yang sama seperti yang saya sebut ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong.

Yang Berhormat Kota Kinabalu bertanya tentang berapakah usahawan yang telah dibantu oleh Teraju dalam SEDIA Koridor Sabah. Projek yang terdapat dana mudah cara di Sabah di SEDIA adalah sebanyak lapan projek dengan dana sebanyak RM23.9 juta dan syarikat teras yang telah diperakukan adalah sebanyak 24 buah syarikat. Yang Berhormat Seremban bertanya kenapa peruntukan bagi projek khas berkurangan dari RM1.6 bilion pada tahun 2013 dan hanya tinggal RM202 juta pada tahun 2014. Sukacita saya nyatakan bahawa ini adalah Projek Pembangunan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan kepada transformasi kerajaan, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa *the era governments knows best is over*, waktu itu dengan izin.

Selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan *engagement* dengan seluruh pimpinan masyarakat untuk bertanya apakah projek-projek yang bersifat *people centrist* dan semua projek itu telah pun diterima, diperakukan di bawah ICU bernilai RM1.6 bilion. Kenapa jumlah itu kurang kerana projek-projek yang belum diselesaikan sebagai sebuah kerajaan yang menepati janji, projek itu dibawa ke tahun 2014 dan nilai projek yang telah diperakukan itu yang akan dilaksanakan tahun 2014 adalah sejumlah RM202 juta. Sebab itu ada pengurangan daripada RM1.6 bilion kepada RM202 juta. Jadi kepada saya itu sahaja perkara yang dibangkitkan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, harga semasa KLB sekarang ini Yang Berhormat Pokok

Sena sekarang pergi balik kempen, tetapi klu hendak kempen sebut sekali harga semasa KLB, RM1. Maknanya bagus jugalah Petronas jual RM1.55 sebab harga semasa RM1. Jadi, Tuan Pengerusi itu adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan yang disentuh mengenai Jabatan Perdana Menteri.

Yang lain-lain yang disentuh itu adalah bersifat dasar yang kadang kala berkaitan dengan kementerian lain. Saya harap jawapan ini dapat memberikan sedikit sebanyak bantuan kepada maklumat dan saya mengucapkan sekali lagi terima Kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri, sekian Terima Kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM86,650,000 untuk Maksud B.1; RM2,248,000 untuk Maksud B.2; RM169,087,000 untuk Maksud B.3; RM83,032,000 untuk Maksud B.4; RM54,140,000 untuk Maksud B.5; RM5,869,615,000 untuk Maksud B.6; RM2,181,617,000 untuk Maksud B.7; RM197,384,000 untuk Maksud B.8; RM297,510,000 untuk Maksud B.9 dan RM16,837,000 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM86,650,000 untuk Maksud B.1; RM2,248,000 untuk Maksud B.2; RM169,087,000 untuk Maksud B.3; RM83,032,000 untuk Maksud B.4; RM54,140,000 untuk Maksud B.5; RM5,869,615,000 untuk Maksud B.6; RM2,181,617,000 untuk Maksud B.7; RM197,384,000 untuk Maksud B.8; RM297,510,000 untuk Maksud B.9 dan RM16,837,000 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,580,942,500 untuk Maksud P.6 dan RM43,923,600 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM10,580,942,500 untuk Maksud P.6 dan RM43,923,600 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] –  
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2014] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.10, B.11 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tenom.

**8.28 mlm.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Tidak berapa mengambil masa yang panjang Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.10 Butiran 010600 - Pengurusan Pinjaman Perumahan. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bawah sektor awam di kementerian-kementerian kira-kira lebih kurang 42,000 kakitangan awam yang bertaraf kontrak

dan separuh dan yang mana sudah bekerja selama lebih kurang lima tahun Tuan Pengerusi. Masalahnya sekarang ialah Tuan Pengerusi berkenaan dengan kakitangan awam bertaraf kontrak perlukan syarat-syarat yang kondusif bagi mendapatkan pinjaman perumahan. Ini samalah Tuan Pengerusi. Setakat ini memang ada pekeliling untuk membolehkan kakitangan awam bertaraf kontrak membuat pinjaman perumahan. Tetapi pada pandangan saya ianya tidak masuk akal. Lazimnya kontrak kakitangan awam antara setahun hingga tiga tahun sahaja.

Saya difahamkan juga bahawa tempoh pembayaran perumahan hanyalah mengikut kontrak tahunan tersebut dan sekiranya kontrak mereka tidak disambung ianya boleh mengundang ke masalah lain pula Tuan Pengerusi, di mana mereka terpaksa membayar hutang dengan jumlah yang cukup tinggi. Sebab itu saya mohon supaya syarat-syarat yang lapuk ataupun tidak sesuai dengan Pekeliling Pinjaman Perumahan ini dapat dimansuhkan oleh pihak kerajaan atau dipindah bagi membolehkan kakitangan awam bertaraf kontrak turut boleh menikmati kemudahan pinjaman perumahan yang kondusif.

#### ■2030

Saya ingin menyentuh butiran yang terakhir Tuan Pengerusi iaitu berkenaan dengan Butiran 95000 – 1MDB. Tuan Pengerusi, sedikit mengenai dengan 1MDB iaitu satu syarikat yang mana satu syarikat pelaburan yang strategik yang dimiliki oleh penuh oleh pihak kerajaan. Jikalau kita lihat dalam manifesto pembangkang, mereka ini hendak membubar sahaja 1MDB. Pembangkang sebenarnya tidak mempunyai visi yang jauh. Cuma saya ingin tanya kepada pihak kementerian dalam peringkat Jawatankuasa ini Tuan Pengerusi, sehingga setakat ini apakah lagi tanggungjawab sosial korporat 1MDB yang akan disusun untuk rakyat Malaysia.

Saya juga mengalu-alukan program CSR sebelum ini seperti menaja kakitangan masjid serta ketua kampung menunaikan haji dan persatuan ibu bapa dan guru-guru PIBG, Klinik Bergerak 1Malaysia, Dana Belia 1Malaysia dan Rumah Arau berjaya membantu meningkatkan kualiti rakyat selaras dengan aspirasi Gagasan 1Malaysia iaitu Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan. Saya juga ingin tahu berapa ramai kah rakyat di negara kita ini Tuan Pengerusi, yang telah mendapat manfaat daripada pelbagai program CSR di bawah seliaan 1MDB termasuklah Yayasan 1MDB.

*[Timbalan yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kalau boleh Tuan Pengerusi, saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian berapa ramai kah rakyat di negeri Sabah, terutama di kawasan saya juga untuk mendapat pembelaan di bawah program CSR 1MDB ini. Saya mohon penjelasan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bolehkah kita hadkan tiga Barisan Nasional, tiga pembangkang. Okey, boleh. Terima kasih ya. Sila Yang Berhormat Tumpat, tidak mahu bangun? Bagi kawan yang lain? Yang Berhormat Hulu Langat. Sila.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya di bawah B.11 ada beberapa perkara yang saya tidak jelas. Pertama, Butiran 020500 – Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol serta Bantuan Tunai. Jikalau saya rujuk pada Bajet 2014, RM22.3 bilion berbanding dengan bajet tahun 2013, RM20 bilion. Maknanya, ini ada peningkatan RM2 bilion. Akan tetapi saya ingin penjelasan bagaimana kerajaan dapat membuat penjimatan kerana daripada alasan, kata rasionalisasi subsidi 20 sen RON95 itu. Ini kerana kali ini saya ada ingat subsidi patut RM18 bilion bukan RM22 bilion iaitu saya minta penjelasan itu.

Kedua, bawah Butiran 021300 – Subsidi Faedah Imbuan Tabung Pinjaman, RM1.6 bilion. Saya minta penjelasan secara lengkap tabung pinjaman ini atau institusi kewangan yang terlibat. Kemudian, Butiran 023200 – Skim Amanah Rakyat 1Malaysia, RM100 juta. Jadi, saya juga tidak jelas, jadi saya minta penjelasan untuk pencerahan Dewan yang mulia ini. Terakhir, Butiran 040400 – Lain-lain Bayaran Balik, lebih kurang RM2.6 bilion. Jadi, jumlah ini agak besar tetapi saya tidak jelas. Jadi, saya ingin meminta penjelasan dari segi apakah perincian bayaran-bayaran balik itu. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

### 8.34 mlm.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu dasar baru iaitu pembangunan ekonomi. Penyelarasan pembangunan dan juga memajukan ekonomi. Saya melihat bahawa kementerian ini bertanggungjawab. Tadi sebetulnya saya kemukakan soalan yang sama tetapi EPU kata itu harus ditujukan kepada Kementerian Kewangan iaitu – dan saya tidak tahu sama ada mana yang betul. EPU kata Kewangan, Kewangan kata EPU.

Iaitu berhubung dengan pemotongan bajet di setiap kementerian. Di mana saya dapati, saya *repeat* ucapan saya iaitu kementerian yang perlu kepada rakyat. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, ini peruntukan dia dipotong daripada bajet asal. Jadi, apa rasionalisasi kementerian yang banyak membangun untuk rakyat luar bandar ini dipotong pula dia punya bajet. Jadi, itulah kita tidak boleh membangun rakyat secara seimbang. Pembangunan wilayah secara seimbang itu sudah tidak nampak ada perimbangannya di bandar, luar bandar dan sebagainya.

Sebab itu saya meminta penjelasan, apa kriteria-kriteria. Oleh sebab kementerian-kementerian ini saya rasa perlu, demikian juga soal keselamatan. Seharusnya keselamatan ini diberi keutamaan sepenuhnya. Di mana kalau bajet kita tidak mencukupi untuk mengawal keselamatan kita, akhirnya akan berlaku pencerobohan dan sebagainya. Memang ada alasan yang boleh kita berikan tetapi akhirnya, rakyat akan mempertikai kewibawaan kita. Ya, sila Yang Berhormat Tuan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Tuan.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan cerita tentang pemotongan bajet Kementerian Luar Bandar. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, dalam aspek mana? Adakah ini berkenaan dengan bajet untuk jalan raya luar bandar-jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar atau macam mana? Sebab sekiranya jika ini ada berkaitan dengan bajet untuk menaik taraf jalan luar bandar.

Di negeri Sabah ini kita memerlukan hampir RM10 bilion untuk itu sahaja, jalan luar bandar. Ini belum lagi bercerita tentang bekalan air luar bandar. Jadi, boleh Yang Berhormat nyatakan, mana satu ini dipotong dan berapa sebenarnya?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Memang itulah sebetulnya yang saya maksudkan. Sebab di Sabah ini dan Sarawak seterusnya ialah keperluan untuk membangun jalan raya luar bandar itu memang ada. Di mana untuk menaik taraf jalan-jalan di mana selama ini pembangkang telah memainkan isu. Itulah orang kampung menyokong Barisan Nasional sudah 50 tahun merdeka Sabah Sarawak tetapi jalan raya masih tidak ada.

Api elektrik masih tidak ada, lampu, air bersih masih tidak ada. Jadi, jikalau peruntukan yang sebegini, kementerian yang perlu ini pun dikategorikan sebagai tidak perlu. Saya tidak nampak ada kebaikannya untuk Barisan Nasional. Sebab kita ini berpegang kepada amanah, janji ditepati. Bagaimana janji ditepati, kita memohon peruntukan daripada kementerian-kementerian, mengatakan peruntukan tidak ada. Peruntukan tidak cukup. Jadi, amat dukacita dan malang sekalilah kalau ini kita berterusan sebegini. Seharusnya rakyat telah berbudi, telah memberikan sesuatu kepada kita, kita harus membalas mereka dengan segala mungkin yang boleh untuk memenuhi aspirasi pembangunan-pembangunan, khususnya di Sabah, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kedua, apakah kementerian mengkaji konsesi pemberian *maintenance* lebuhraya di Sabah? Sudah berapa tahun? 15 hingga 20 tahun konsesi ini tetapi jalan raya dia masih di tahap yang sama. Kontraktor ini mengaut keuntungan tanpa ada- jalan raya itu masih juga berlubang-lubang. Sedangkan duit untuk dituntut tiap-tiap bulan ada. Saya hairan kenapa betullah kementerian tidak boleh melihat perkara sebegini. Kalaulah konsesi ini membebankan, tarik balik, *re-tender*, bagi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang betul-betul ingin mengusahakan, ingin bekerja, barulah sesuai.

Ini kita tidak sebab alasan kita, projek ini di kontrak 25 tahun. Bermakna, kalau kontrak dia sampai mati, sampai matilah. Tidak boleh diubah. Jadi, saya harap kementerian mengkaji. Ketiga, apakah kementerian merasa...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan dulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

■2040

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Adakah Yang Berhormat merujuk tentang jalan raya 'saris maris' di bawah majlis daerah yang diswastakan itu? Kalau itu, dengan syarikat yang –



bolehkah Yang Berhormat beritahu nama syarikat itu yang telah diberi konsesi yang begitu lama dan Yang Berhormat bagaimanakah respons rakyat di kawasan Yang Berhormat? Kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan? Bagi kami di Parlimen Tuaran, rata-rata memang rakyat tidak puas hati. Malah marah dan kadang-kadang tempiasnya kita. Wakil-wakil rakyat yang kena mengatakan bahawa jalan-jalan ini – di bawah Majlis Daerah tidak di selenggara. Ia diselenggarakan sekali setahun. Ada banyak aduan mengatakan bahawa pemegang konsesi ini dia ambil gambar tempat yang orang lain buat dan dia *claim*. Jalan raya yang sepatutnya dia selenggara terbiar begitu sahaja dan rakyat yang menderita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran memang betul. Dia ada dua jenis konsesi yang telah dianugerahkan. Pertama, Lebuhraya Persekutuan daripada pantai barat lain dan kawasan pantai timur lain. Kedua, jalan raya Majlis Tempatan iaitu syarikat dia saya pun tidak tahu. Kekal Mewah atau...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Pembinaan Kekal Mewah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Pembinaan Kekal Mewah. Ia memang kekal di situ dan mewah di situ. Akan tetapi apabila kita minta peruntukan kepada mana-mana pihak, dia kata ini jalan Majlis Daerah. Ada peruntukan dia. Akan tetapi jalan itu sentiasa begitu sahaja tetapi peruntukan yang konsesi itu pergi ke mana?

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, jangan biar saya tahun depan bercakap lagi soal yang sama. Tolonglah ambil tindakan dengan segera. Konsesi ini perlu dilihat, panggil KSP dan tanya dia mana satu konsesi yang dilaksanakan di Sabah? Tolong batal serta-merta sebab membebankan. Inilah badan kita. Rakyat marah sama kita. Lama-lama kita hilang undi. Sebetulnya bukan kita punya salah tetapi inilah yang berlaku, realitinya. Jadi harap ambil tindakan dengan segera.

Seterusnya, apakah hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan ekonomi bumiputera? Selaku kementerian yang menjaga, berapa orang Melayu bumiputera selain daripada Tan Sri Syed Mokhtar yang diberi bermacam-macam anugerah? Berapa orang lagi bumiputera yang kita kenal pasti boleh berjaya dalam bidang perniagaan dan sebagainya? Kalau dalam politik, tidak perlulah kita bina seorang sebab seorang itu boleh berjaya. Akan tetapi dalam industri perniagaan usahawan. Kalau ada sesiapa. Kalau tidak ada, kenapa? Saya pun mahu tahu. Terakhir iaitu Petronas, di bawah Kementerian Kewangan ini. Apa... Petronas bukan?

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oh! Bukan. Jadi kalau bukan saya tidak mahu cakap sebab apa orang kait Petronas ini ialah... *[Ketawa]* Jadi saya mahu minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya melihat apa yang telah kita suarakan iaitu pemetongan bajet kepada kementerian yang melibatkan rakyat khususnya harus dielakkan kalau boleh pada masa-masa bajet yang akan datang sebab ini mendatangkan mudarat dan sukar untuk kita menjawab. Kita kata BN ini parti paling baik, membela untuk rakyat tetapi jambatan runtuh, kita minta, rakyat kita cakap, "*Belum sampai masanya*". Akan tetapi rakyat saya di bawah...

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Masyarakat luar bandar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masyarakat luar bandar, hendak lalu pergi sekolah pun susah. Sedangkan perkara ini tidak banyak. RM2 juta atau RM3 juta sahaja. Akan tetapi kalau di bandar, rosak sahaja, satu lori duit datang. Berjuta-juta. Ini yang masalahnya. Kenapa? Adakah rakyat luar bandar itu bukan rakyat Malaysia dan yang di bandar, putus satu jambatan, datang kontraktor berbaris-baris? Ini tidak baik.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Jadi, saya tidak mahu perkara ini berlaku. Ini imej kita. Jangan calarkan imej Barisan Nasional itu. Saya ada menghantar satu peruntukan lebih kurang RM3.2 juta sebab jambatan dan jalannya runtuh. Tolong lihat. Saya hantar dengan Menteri Kewangan II. Dia janji hari itu hantar sahaja dua minggu. Saya tidak tahulah. Saya bukan mahu cakap tidak baik tetapi tolong tengok-tengok sebab rakyat di bawah tertunggu-tunggu dan tertanya-tanya. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

#### 8.45 mlm

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, terima kasih. Pertama sekali di bawah tajuk Butiran 040200 – Pengurusan Amanah dan Sekuriti. Kita telah berhujah tentang isu BERNAS di mana ada rancangan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi sebut ini iaitu seorang ahli perniagaan bumiputera yang berjaya berniat untuk *dilistkan* syarikat BERNAS itu daripada bursa.

Saya ingin dapatkan penjelasan dari kementerian, apakah pendirian kementerian tentang ada langkah untuk *dilistkan* BERNAS ini sama ada kerajaan akan menggunakan *golden sharenya* untuk menghalang segala tindakan yang ada kemungkinan akan mudaratkan kepentingan masyarakat petani dan juga *food security* kita atau keselamatan makanan? Itu perkara pertama.

Kedua ialah dalam tajuk Butiran 0800 – Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya ingin bawa perhatian sebelum ini, pernah didedahkan ada beberapa tokoh perniagaan dan politik telah menghantar wang ke luar dari negara melalui *money exchange*. Itu baru-baru sahaja disahkan bahawa Bank Negara telah mengakui perkara ini berlaku. Mengikut laporan telah beratus ribu dan juta telah dikenakan denda kepada tokoh-tokoh tersebut. Saya ingin tahu sama ada langkah yang diambil itu hanyalah terhadap *money exchange* dengan penarikan pengurup wang itu, dengan penarikan *license* atau juga mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat?

Akhir sekali juga dalam Lembaga Hasil dalam Negeri, saya juga ingin tahu dengan pengumuman, kita akan melaksanakan GST. Mengikut konsepnya ialah GST hanya kenakan sekali sahaja. Maksudnya, peringkat-peringkat tertentu, mereka akan dapat balik rebat secepat mungkin.

So, saya ingin tahu penyediaan Lembaga Hasil Dalam Negeri, berapa lama mereka ambil masa untuk rebat kepada peniaga-peniaga supaya mereka ada persediaan? Oleh sebab yang menjadi masalah bukan isu peringkat terakhir tetapi ramai yang melibatkan pengimportan,

*processing* dan lain-lain. Mereka menghadapi tekanan bayaran kalau lembaga tidak cekap untuk mengembalikan cukai yang telah dikutip dari mereka. Ini dalam pengalaman negara lain, ada sesetengah perniagaan bankrap akibat daripada pengembalian cukai itu tidak cekap atau tidak mengikut tempoh. Dengan itu - itu sahaja. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

#### 8.48 mlm

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020600 iaitu Pembelian Penyelenggaraan Jalan Raya kepada Wilayah Persekutuan. Saya ingin tahu, daripada RM36 juta yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan raya kepada Wilayah Persekutuan ini, apakah kerja-kerja yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk RM36 juta ini?

Ini adalah kerana kalau saya lihat di Wilayah Persekutuan ini, banyak jalan raya yang kerap kali apabila kita mohon untuk memperbetulkan penyelenggaraannya, alasan yang diberi kadang-kadang banyak bajet tidak ada. Jadi saya hendak tahu bahawa RM36 juta ini, adakah ia diberi peruntukan kepada pihak DBKL atau pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah secara khusus?

#### ■2050

Kedua, saya juga ingin tahu pemberian khas kepada Wilayah Persekutuan iaitu Butiran 020800 sebanyak RM30.9 juta. Kalau tahun lepas kita nampak RM30.9 juta, tahun ini juga RM30.9 juta. Jadi saya hendak tahu pemberian secara terperinci apakah pemberian khas ini?

Ketiga, saya juga ingin bertanyakan mengenai Butiran 021000 – Bantuan Kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) sebanyak RM200 juta. Seperti mana yang kita tahu, bahawa IWK ini adalah satu syarikat pada mulanya telah diswastakan kepada pihak swasta dan akhirnya kembali semula kepada pihak kerajaan. Adakah perbelanjaan RM200 juta ini adalah untuk satu perbelanjaan untuk menampung kerugian IWK kerana tidak dapat mengutip wang daripada isi rumah yang ada dalam Malaysia ini?

Kemudian, saya juga ingin menyentuh daripada segi Butiran 021100 – Bayaran untuk Sektor Strategik iaitu sebanyak RM1.575 bilion. Boleh atau tidak saya tahu sama ada apakah ia sektor strategik yang dibajetkan sebanyak RM1.5 juta?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, untuk Butiran 022100. Kita lihat bahawa sebanyak RM939,230,000 telah diperuntukkan kepada *KL International Airport Berhad (KLIAB)*. Adakah ini bersangkutan dengan peruntukan yang dikeluarkan untuk menampung kekurangan daripada segi pembinaan KLIA2? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur. Belakang sekali itu siapa?

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Tanjong, ya.

**8.52 mlm.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan di mana saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 10, Perbendaharaan, Butiran 060000 – Perkhidmatan Kastam.

Tuan Pengerusi, kebanyakan restoran dalam Malaysia mengenakan caj perkhidmatan 10% terhadap pelanggan restorannya. Banyak pihak berasa keliru atas sebab terdapat restoran yang memaparkan caj 10% ini sebagai cukai perkhidmatan. Manakala cukai perkhidmatan 6% yang dikutip oleh pihak kastam pula dipaparkan sebagai cukai kerajaan. Ini memberikan satu gambaran seolah-olah Kerajaan Persekutuan mengenakan cukai 16% ke atas seseorang pelanggan restoran. Padahal, Kerajaan Persekutuan hanya mengenakan cukai perkhidmatan 6% ke atas restoran-restoran yang nilai jualan setahun melebihi RM3 juta atau RM250,000 sebulan. Jadi, seseorang pelanggan terpaksa membayar tambahan RM16 bagi setiap RM100 yang dibelanjakan olehnya dalam sesebuah restoran. Ada orang yang cuba mengambil kira caj perkhidmatan ini sebagai tips yang dibayar kepada sesebuah restoran. Akan tetapi, mengapa kita perlu membayar tips tersebut yang lebih bersifat mandatori jikalau tahap perkhidmatan sesebuah restoran itu kurang memuaskan?

Tuan Pengerusi, jikalau Kerajaan Persekutuan sememangnya berjiwa rakyat, saya berharap caj perkhidmatan seperti ini dapat diharamkan melalui pindaan ke atas Akta Cukai Perkhidmatan 1975, walaupun Akta Perihal Dagangan 1972 menyatakan sebarang cukai duti atau caj-caj lain merupakan sebahagian daripada harga di mana operator-operator restoran tidak boleh dihalang daripada mengenakan caj perkhidmatan jikalau pihak restoran telah menyatakan secara jelas dalam mana-mana bahagian restoran tersebut. Kegagalan untuk memaparkan caj perkhidmatan yang akan dikenakan dalam mana-mana bahagian restoran tersebut akan menyebabkan tindakan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di bawah seksyen 14A Akta Perihal Dagangan 1972. Ini adalah tidak mencukupi jikalau tindakan-tindakan hanya diambil berdasarkan aduan-aduan yang dikemukakan secara rasmi kepada pihak kementerian.

Saya mengesakan pengenalan caj perkhidmatan tersebut sebagai satu helah peniaga untuk mendapatkan keuntungan berlebihan. Dalam keadaan ekonomi yang semakin merosot, pengenalan caj perkhidmatan akan menyebabkan semakin berkurangnya pelanggan untuk mengunjungi ke sesebuah restoran dan lebih sudi untuk makan bersama dengan keluarganya dalam rumah. Akhirnya, perniagaan restoran secara keseluruhannya akan terjejas juga. Saya rasa pihak kastam perlulah sentiasa membuat pemantauan terhadap restoran-restoran ini kerana jikalau tiada tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap mereka, maka ada banyak restoran yang akan mengambil peluang ini untuk mengenakan caj-caj yang sebenarnya tidak perlu dikenakan atau cukai yang tidak perlu dikenakan terhadap pelanggan-pelanggannya.

Kedua adalah berkenaan dengan isu penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang di mana saya rasa ini adalah satu isu yang penting, satu isu di bawah Kementerian Kewangan kerana Penang Port Sdn Bhd adalah sebuah syarikat milik penuh oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Akan tetapi sehingga hari ini, penswastaaan tersebut tidak dapat disempurnakan. Baru-baru ini terdapat rungutan daripada Penang Port Sdn Bhd di mana mereka menyatakan Pelabuhan Pulau Pinang telah mengalami kerugian berpuluh-puluh juta ringgit setahun kerana semua perjanjian tidak dapat dicapai, tidak dapat dimeterai kerana penswastaaan yang tidak dapat disempurnakan.

Saya berharap pihak kementerian dapat memberi satu status terkini berkenaan dengan penswastaaan Pelabuhan Pulau Pinang di mana saya rasa – adakah cara yang lebih baik selain daripada menswastakan pelabuhan tersebut kepada Tan Sri Syed Mokhtar? Jikalau ada cara yang lebih baik, saya harap Pelabuhan Pulau Pinang ini dapat dikekalkan dalam tangan rakyat dan bukan seorang *tycoon* seperti Tan Sri Syed Mokhtar.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh satu, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Boleh mencelah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh mencelah, okey.

#### 8.57 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenom, Ahli Yang Berhormat Hulu Langat, Ahli Yang Berhormat Kinabatangan dengan celahan daripada Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Titiwangsa dan juga Yang Berhormat Tanjong.

Perkara pertama yang ditimbulkan ialah 1MDB yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tenom, dan saya ingin memaklumkan bahawa 1MDB adalah syarikat pembangunan strategik di mana pelaburannya kebanyakan bersifat strategik, aktiviti kerjasama di peringkat kerajaan ataupun *government to government* di samping mempromosikan pelaburan langsung asing FDI. Fokus 1MDB ini adalah kepada perkongsian strategik dengan syarikat strategik *wealth fund* asing yang utama untuk pelaburan dalam sektor tenaga, hartanah, pertanian, pelancongan dan hospitaliti.

Yang ditanyakan ialah mengenai CSR 1MDB. Jumlahnya setakat ini ialah RM543.5 juta. Antaranya ialah kita mengadakan Klinik Bergerak 1Malaysia, Dana Belia 1Malaysia, Projek Maju Diri, sumbangan kepada Institut Jantung Negara, Projek Kantin Rancangan Makanan Tambahan, dana-dana khas untuk PIBG, geran-geran akademik. Pada tahun 2011, Yayasan 1MDB telah menyiapkan 15 ribu pembaikan rumah rakyat miskin, dan kita akan meneruskan program ini di bawah Projek Nadi Kasih. Setiap rumah yang terlibat dalam program ini telah menerima kira-kira RM5,000 dan ia masih diteruskan. Data-data mengenai berapa ramai jumlah di Sabah dan Tenom, pada saat dan ketika ini tidak ada di tangan saya. Itu mengenai 1MDB.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang CSR oleh 1MDB yang katanya berjumlah lebih daripada RM500 juta. Saya juga ingin, dan amat berminat untuk mengetahui berapakah keuntungan yang telah diperolehi oleh 1MDB setakat ini mengikut maklumat yang ada pada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya akan bagi jawapan secara bertulis keuntungan, pelaburan, kesemua sekali mengenai 1MDB itu.

Satu lagi yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Hulu Langat mengenai SARA 1Malaysia, RM100 juta. Ini adalah bertujuan untuk membantu dalam Bajet 2012 yang dilaksanakan.

#### ■2100

SARA 1Malaysia ini ialah peruntukkan khas yang diberikan kepada mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah dan ia telah dilaksanakan mengenai pinjaman terutama tentang ASB. Jawapan akan datang daripada para pegawai saya yang telah menyediakan jawapan. Akan tetapi yang mana saya boleh jawab dulu, saya jawab dulu.

Yang Berhormat Kinabatangan misalnya telah menimbulkan dari segi kenapa kita potong segala peruntukkan-peruntukkan. Kita ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan, kita ingin mengurangkan defisit dan oleh sebab kita ingin mengurangkan defisit, maka defisit yang kita cadang pada tahun hadapan ialah 3.5%. Pada tahun 2013 sebanyak 4% defisit. Apakah angka-angkanya? Hasil yang diperolehi pada tahun 2013 ialah RM220.4 bilion dan pada tahun 2014, hasil bertambah kepada RM4 bilion kepada 224 bilion. Belanja mengurus ialah RM216.1 bilion pada tahun 2013, meningkat RM1 bilion belanja mengurus kepada RM217.6 bilion. Kita tambah RM4 bilion tetapi belanja mengurus bertambah kepada RM1 bilion lebih kurang. Pembangunan pula, kita terpaksa turunkan pembangunan.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebentar Yang Berhormat. Belanja pembangunan pada tahun 2013 ialah sebanyak RM45.065 bilion dan pada tahun 2014 kita turunkan kepada RM44.5 bilion. Jadi di situ ada pengurangan dari segi belanja pembangunan. Oleh sebab kita ingin mengurangkan defisit daripada 4% kepada 3.5%, itulah antara sebab kenapa kita terpaksa memotong. Saya mengakui bahawa peruntukkan memang tidak pernah cukup, tetapi hal-hal yang melibatkan luar bandar kita akan terus memberikan perhatian. Sila Yang Berhormat Tuaran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran. Sila.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita mengurangkan defisit, tetapi persoalan yang kita bangkitkan tadi

janganlah soal pembangunan luar bandar ini jadi mangsa. Kalau kita kurangkan defisit, pembangunan luar bandar kita ini memerlukan pembelaan untuk mendapatkan kemudahan dan sebagainya. Jadi kalau hendak kurang pun, tetapi janganlah, luar bandar ini tolonglah terutama sekali untuk memberi kemudahan asas.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Saya mohon sambung.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti sekali.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, silakan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Luar Bandar ini memerlukan banyak kemudahan asas. Jika di luar bandar dikurangkan bajetnya bererti kemudahan itu tidak sampai kepada golongan sasaran. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini mesti ditambah sebab rakyat di luar bandar memerlukan pembangunan dari semasa ke semasa untuk melihat bahawa kemajuan luar bandar itu benar-benar mencapai sasaran yang diperlukan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan dan Yang Berhormat Sibuti. Kita mengambil berat segala pandangan itu tetapi saya ingin maklumkan secara purata, secara sinopsis apakah yang kita lakukan untuk luar bandar. Pertama, menaik taraf 437 kilometer jalan nilainya adalah sebanyak RM980 juta. Kedua ialah Pan Borneo Highway, kita berikan peruntukan RM500 juta iaitu melibatkan Sabah dan Sarawak dan juga memberikan *ribbon development* dengan izin, di kiri dan kanan Pan Borneo Highway itu di seluruh antara Sabah dan Sarawak. Kemudian baik pulih kita teruskan rumah miskin ini, 20,000 rumah rakyat miskin di luar bandar RM179 juta, ini adalah untuk luar bandar.

Kemudian elektrik, 16,000 rumah yang belum ada elektrik. Untuk menyampaikan ke 16 ribu rumah itu, kita berbelanja RM865 juta juga untuk luar bandar. Bekalan air, 8000 rumah baru akan menerima bekalan air Sabah dan Sarawak khasnya, nilainya sebanyak RM457 juta. Manakala tangki air di Sarawak, kita berikan tangki air jika terlalu sukar untuk kita membina paip air yang tempat yang jauh iaitu sebanyak RM75 juta. Kemudian masyarakat Orang Asli juga di luar bandar RM109 juta. Kemudian tanah adat yang kita ukur di luar bandar itu memerlukan RM50 juta. Ini melibatkan di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya Rural Transformation Center (RTC) Sarawak. RTC di Sabah juga kita akan bina. Ini adalah perlambangan-perlambangan usaha kita untuk luar bandar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya tidak sempat berbahas tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam perbahasan saya di peringkat dasar, kita semua berterima kasih dengan Kerajaan Pusat kerana peruntukkan yang begitu baik, begitu *comfortable* dan ini satu hadiah kepada Kerajaan Barisan Nasional, kepada rakyat negeri Sabah dan Sarawak untuk mengundi Barisan Nasional. Itu satu janji kita tepati. Bukan macam sebelah sana, dia tidak tepati dia punya janji. Kerajaan memegang, dia ditepati.

Jadi terima kasihlah Yang Berhormat Menteri dengan mengumumkan peruntukkan yang begitu besar tetapi saya mahu tanya juga dengan ada butiran yang saya tidak sempat bahas. Soal butiran bagi Pembangunan 10, B.70112 - Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah. Apa yang kita hauskan ini Tuan Pengerusi adalah bagaimana kita penyelarasan untuk meningkatkan ekonomi penduduk di luar bandar ini. Kita lihat banyak tanah-tanah yang belum diterokai lagi. Jadi beberapa agensi kerajaan terutama sekali FELCRA yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, kementerian-kementerian juga bertumpu kepada pembangunan ekonomi luar bandar. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, setakat mana prestasi atau pun hasil atau pun impak program-program yang dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan ini.

Juga Yang Berhormat Menteri, yang satu hadiah yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga itu menghadihkan rakyat yang menyokong kerajaan terutama sekali pelabur-pelabur Amanah Saham Sabah yang di sini saya lihat, ada satu butiran yang menghapuskan pinjaman berjumlah RM400 juta. Jadi, memanglah kadang-kadang kita juga ada hutang yang kita hapuskan. Jadi kita juga mempunyai Amanah Saham Sabah ini, pelaburnya orang miskin Yang Berhormat Menteri. Jadi nilai Amanah Saham Sabah ini sudah merudum, yang paling bawah sekali yang menjadi isu, jadi perdebatan antara **Datuk Wong dan Dato' Harris** semasa dulu ini.

Jadi masih lagi diwujudkan masalah Amanah Saham Sabah ini. Ada pinjaman RM40 juta sahaja daripada Bank Negara. Saya sudah minta daripada Yang Berhormat Menteri supaya dilupuskan sebab ini adalah janji dan diumumkan semasa kita meraikan perayaan Hari Malaysia ke-50 di Pantai Tanjung Aru semasa kita merasmikan dan juga diumumkan satu hadiah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri minta tolong supaya pihak Kementerian Kewangan ini dapat melupuskan hutang-hutang ini bagi kepada orang miskin, bagi kepada pelabur-pelabur yang sudah sengsara selama ini, nilai duit dia sudah merudum ke tahap yang begitu jauh sekali daripada asal.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya ingin kongsi lagi apakah yang kita buat di Sabah. Kita telah mengumumkan bahawa kita akan mengadakan satu projek pengeluaran gas dan minyak di Keabangan. Kemudian juga kita telah mengumumkan tentang projek loji regasifikasi di Lahad Datu. Ini semua sekali dalam Bajet 2014 ini, kemudian projek SAMUR (Ammonia Urea Sabah) di Sipitang. Kemudian kita juga telah mengumumkan tentang menaik taraf lapangan terbang Kota Kinabalu, Sandakan. Itu antara dua lapangan terbang yang utama di Sabah dan semuanya ini akan menghasilkan satu rangkaian ekonomi yang hebat apabila kita melaksanakan projek-projek itu.



Mengenai Amanah Saham Sabah, ia perlu belajar daripada Amanah Saham Johor bagaimana kita mengembalikan RM1 kembali kepada pelabur-pelabur Amanah Saham Johor. Saya ingin mengesyorkan Amanah Saham Sabah belajar daripada Amanah Saham Johor dan belajar daripada Amanah Saham Selangor ketika bagaimana kita kembalikan RM1 juga untuk Amanah Saham Selangor di bawah kerajaan Selangor Barisan Nasional, bukan kerajaan Selangor yang sekarang ini.

■2110

Masalah itu telah diselesaikan di Johor dan juga di Selangor. Kita berharap Amanah Saham Sabah juga belajar bagaimana untuk mengembalikan ke angka paling tidak RM1 dikembalikan kepada pelabur-pelabur.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap tentang Amanah Saham Sabah ini. Amanah Saham Sabah sememangnya sudah belajar, sudah mendapat peningkatan yang begitu baik tetapi masalahnya kita terpaksa memberikan dividen. Masalah yang saya timbulkan tadi tentang masalah hutang ini, kerajaan mengarahkan Amanah Saham Sabah membuat projek PPRT yang merugikan dan kena pada tahun *economy crisis Asia* terkena pula nilai ringgit kita jatuh. Jadi ini bukan masalah Amanah Saham Sabah tetapi masalah keadaan semasa pada ketika itu. Jadi pada tahun 1994, kita diarahkan untuk membuat projek PPRT yang langsung – yang kita kena paksa meminjam duit daripada BNM. Jadi saya mohonlah, inilah yang disuarakan oleh rakyat yang telah melabur di dalam negeri Sabah pada ketika itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih. Sepatutnya ia tidak berlaku begitu. Amanah Saham Sabah bagaimana pula boleh melakukan PPRT. PPRT sepatutnya dilaksanakan oleh KKLW. Kalau ada hal-hal yang khusus sebegini tentunya kita akan menilai semula segala perkara-perkara yang kita boleh berhubung kembali dengan Amanah Saham Sabah.

Kemudian Yang Berhormat Kinabatangan juga bertanya – juga disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan sebentar tadi tentang keusahawanan, apakah yang ada dalam hal-hal keusahawanan dalam bajet ini. Untuk kali pertama dalam pembentangan bajet, seorang Menteri Kewangan menyebut tentang *Entrepreneurial Nation* atau negara yang berteraskan keusahawanan, untuk kali pertama ya. Apa yang kita akan lakukan di antaranya ialah *Malaysian Global Innovation and Creative Centre (MAGIC)*.

Seterusnya kita akan membina - 5000 orang usahawan baru dan juga usahawan muda setahun. Itu hanya di bawah Kementerian Kewangan. Kita juga telah mengadakan apa yang dipanggil sebagai *Global Social Business Summit* baru-baru ini dan kita juga mendakan 1Malaysia *Entrepreneur* dan satu lagi yang kita akan adakan ialah *National Entrepreneur Development Office*, Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional. Ini adalah di bawah Kementerian Kewangan apabila kita tiada lagi kementerian pembangunan usahawan, maka ia berselerak di beberapa buah kementerian dan keperluan untuk penyelarasan pembangunan untuk usahawan itu perlu diadakan. Oleh kerana itulah kita bersetuju untuk mengadakan NEDO ini, *National Entrepreneur Development Office*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Sungai Siput. Sila.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan program untuk usahawan, adakah kita mempunyai satu pendekatan di mana kita mengkaji pemasaran, market nya? Umpamanya jika di sebuah kampung ada 100 buah keluarga, satu *burger stall* mungkin dia boleh hidup. Akan tetapi jika ada lima *burger stall*, mereka semua akan rugi. Jadi untuk tiap-tiap perniagaan ada *market size* nya, *population size* di mana dia boleh untung atau rugi. Jikalau terlalu ramai, kita hanya membekalkan ramai usahawan tetapi market nya *saturated* dengan usahawan itu *then* dia akan gagal. Jadi adakah kita mempunyai satu konsep, industri seperti ini dan perniagaan seperti ini berapakah saiz yang diperlukan? Jika tidak, semuanya akan rugi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Apabila kita membantu usahawan-usahawan Yang Berhormat Sungai Siput, sama ada melalui tambahan peruntukan RM700 juta kepada TEKUN ataupun RM300 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia, mereka ada pejabat di daerah masing-masing. Mereka yang meluluskan peruntukan itu telah dilatih oleh TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia untuk membantu dan menasihatkan kepada usahawan-usahawan kecil yang ada di seluruh negara termasuklah yang mengendalikan usahawan-usahawan ini ialah misalnya Jabatan Pertanian, FAMA misalnya. FAMA adalah sebuah agensi yang ditugaskan khusus untuk *marketing* ataupun pemasaran dan mereka boleh membantu khasnya usahawan-usahawan PKS yang tertentu di bawah FAMA.

Satu lagi ialah MARA, MARA juga membantu Majlis Amanah Rakyat dan mereka ada kursus yang pelbagai untuk mengendalikan usaha yang bagaimanakah yang patut ada di daerah atau Parlimen itu dan tempat itu. Jika mereka telah mengeluarkan pinjaman yang tertentu kepada penjual goreng pisang ataupun burger sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, mereka akan menasihatkan jangan jual di situ tetapi jual di lain-lain mukim ataupun di pekan lain. Jadi perkara itu ada pegawai-pegawai kita yang mempunyai kepakaran tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tadi.

Saya ingin meneruskan jawapan untuk Yang Berhormat Batu. BERNAS ini eloklah Yang Berhormat Batu bertanya kepada butiran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Akan tetapi, Yang Berhormat Batu ada menyebut tentang satu kes di mana seorang usahawan dikenakan ratusan juta kerana terlibat menghantar wang melalui *money changer*. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa ia adalah tidak benar sama sekali, tidak ada usahawan yang berkaitan itu. Ia hanya khabar angin ataupun cerita fitnah yang diedarkan dalam media maya. Tidak ada seorang dikenakan RM200 juta kerana akta yg sedia ada sekarang ini, maksimum untuk denda hanya RM5 juta. Macam mana pula dia boleh kena RM200 juta? Tidak ada pun ya. Itu hanya khabar angin dalam media maya.

Kemudian Yang Berhormat Batu juga bertanya tentang kastam. Sebenarnya yang mengendalikan GST ini bukan LHDN tetapi kastam. LHDN hanya mengendalikan GST secara tidak langsung tetapi yang mengendalikan GST secara langsung ialah kastam dan kastam telah

menyediakan segala perisian-perisian dan segala kaedah-kaedah menggunakan kaedah yang terkini yang kita pelajari daripada 160 negara tentang apakah yang terbaik untuk kita melaksanakan GST termasuklah mengembalikan input kepada peniaga dan kita akan melaksanakan dengan cekap dan cepat supaya mereka tidak rugi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Parlimen Batu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang bangun. Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Sibü.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Jasin dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang kastam dan juga LHDN. Ia adalah dua daripada agensi kita yang telah banyak menyumbang kepada *revenue* negara. Sasaran kastam untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM34 bilion. Sementara LHDN menyasarkan sebanyak RM130 bilion untuk tahun 2013. Jadi, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang hendak mengurangkan defisit negara. Kedua-dua agensi ini yang telah banyak menyumbang, yang pertamanya kastam. Kita telah bercadang untuk *corporatist* kan kastam suatu ketika dahulu supaya ia dapat meningkatkan lagi prestasi dan *efficiency* nya. Dalam masa yang sama dapat menjaga kebajikan semua petugas-petugas dan juga pegawai-pegawai kastam supaya mereka lebih produktif. Jadi apakah sebenarnya setakat ini?

Kedua mengenai LHDN tadi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang pengaliran wang keluar, *out flow our fund*. Jadi, kedua-dua buah jabatan ini sebenarnya dapat mengawal apa juga pengaliran wang keluar secara haram seperti *money laundering*. Setakat manakah pengesanan kita bagi memastikan supaya tidak ada orang yang lari daripada cukai dan juga apakah usaha-usaha bagi peningkatan supaya kedua-dua buah jabatan ini benar-benar dapat mengutip hasil kita? Daripada hasil ini bukan sahaja dapat meningkatkan dari segi *revenue* kita tetapi juga kita dapat mengurangkan defisit kita.

Defisit tadi saya hendak sebut Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang terakhirnya daripada penjimatan kita setelah kita mengurangkan subsidi 0.20 sen daripada RON95 iaitu penjimatan kita sebanyak RM40 juta untuk tahun ini dan juga sebanyak RM1.3 bilion untuk tahun ini dan RM3.3 bilion untuk tahun depan. Jadi kalau penjimatan ini ditambah dengan penjimatan gula di mana subsidi nya telah ditarik, adakah ada perbezaan atau impak kepada pengurangan defisit kita? Terima kasih Tuan Pengerusi.

■2120

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sambung...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tambah...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Sibü.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kuala Krai dulu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi juga menarik perhatian kita kerana di dalam laporan ini berbanding dengan tahun 2013, terdapat pertambahan RM2 bilion untuk subsidi bahan bakar ini. Kita mengandaikan dengan penurunan subsidi ini kita dapat membuat penjimatan tetapi semakin bertambah. Di mana punca pertambahan itu dan apakah akan tercapai hasrat kerajaan untuk mengurangkan defisit ini kalau setelah dikurangkan subsidi pun, jumlah subsidi yang diberikan untuk tahun 2014 ini bertambah daripada tahun 2013? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sib.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri tentang kalau GST dilaksanakan, berapa kos yang akan terlibat untuk memulakan GST ini dan berapa kos untuk pengendalian GST pada tahun yang berikutnya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pentingkah Yang Berhormat hendak tahu itu? [Ketawa] Okey, apa yang saya ada, data yang ada pada saya ini saya akan maklumkan. Tadi saya ingin meneruskan Yang Berhormat Batu, saya ada satu maklumat baru. Bayaran balik secara *online* dengan maklumat lengkap untuk kita *refund* GST adalah dalam masa 14 hari. Jadi jangan risau, tadi disebut menunggu lama. Akan tetapi jika mereka mengembalikan secara manual, ia mengambil masa 28 hari. Ini untuk bayaran balik GST kepada peniaga.

Kemudian, Yang Berhormat Jasin telah menimbulkan beberapa perkara. Kutipan anggaran kita, LHDN RM136 bilion sebenarnya dan kastam RM33 bilion. Jadi jumlahnya ialah RM169 bilion. Saya ingin memaklumkan RM169 bilion ini ialah 76.8% daripada hasil negara yang dikutip. Hampir tiga per empat daripada hasil negara ini dikutip oleh kedua-dua jabatan ini dan LHDN mempunyai 11,000 pekerja lebih kurang dan kastam 13,000 pekerja. Mereka sedang melaksanakan tugas dengan baik sekali. Mengenai pengkorporatan kastam.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada kira-kira dua minggu setengah dalam satu jamuan bersama kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengumumkan sekali lagi kita akan mengusahakan pengkorporatan ini dalam kadar yang cepat dan dalam masa yang tertentu dan terutama pada tahun 2014, usaha-usaha pengkorporatan kastam ini akan kita laksanakan. Apabila dikorporatkan, gaji mereka akan naik sekitar 17% di semua sektor dan ini tentunya akan membantu untuk memberikan motivasi yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja kastam bagi memungut hasil yang lebih baik lebih-lebih lagi apabila kita memberikan GST ini kepada kastam untuk melaksanakannya.

Penjimatan subsidi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai dan juga Yang Berhormat Jasin sebentar tadi, memang subsidi yang kita jimatkan tahun ini ialah RM1.1 bilion. Itu adalah untuk subsidi Petroleum, apabila kita turunkan 20 sen subsidi, kita tarik 20 sen subsidi, maka dapat RM1.1 bilion. Untuk tahun hadapan, kita dapat RM3.3 bilion. Sebagaimana janji kita,

segala wang ini kita gunakan untuk memberikan rakyat BR1M yang lebih baik dan kita telah mengumumkan BR1M yang lebih baik. RM650 satu isi rumah untuk BR1M campur RM50 lagi adalah untuk insurans BR1M, insurans Takaful. Ini kurang diperjelaskan.

Maka saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan. Insurans Takaful yang diberikan ini apabila ketua isi rumah itu meninggal dunia, katalah suami meninggal dunia maka isteri yang ditinggalkan dan anak-anak yang ditinggalkan akan dapat RM30,000 apabila ketua isi rumah itu meninggal dunia atas pelbagai sebab. Jika ketua isi rumah itu adalah wanita ataupun ibu dan meninggal, anak-anak yang ditinggalkan itu juga dapat RM30,000.

Selain daripada itu, insurans itu juga akan diberikan kepada yang cacat kekal. Kecacatan kekal itu sehingga RM30,000. Mungkin kakinya cacat ataupun tangannya cacat ataupun kaki dan tangan cacat akibat kemalangan. Penilaian oleh syarikat Insurans akan sehingga RM30,000. Mungkin ada yang RM10,000, RM20,000 dan RM30,000. Ini adalah satu pembaikan hasil daripada penjimatan. Walaupun kita tidak berjanji dalam pilihan raya untuk memberikan insurans tetapi apabila kita fikir ini adalah suatu yang baik, maka kita berikan...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Insurans seumpama ini tidak ada dalam mana-mana dunia, hanya ada di Malaysia ini. Di bawah Kerajaan Barisan Nasional sahaja ada dan kita amat gembira kerana kerajaan mempunyai inisiatif yang begitu baik untuk membantu dari segi penjimatan-penjimatan yang kita telah peroleh itu...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kos GST yang disebut tadi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita bagi tempohlah ya, Yang Berhormat Sib. Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat ada sebut tadi tentang LHDN, ia akan meningkatkan pungutan dia dan kebergantungan kerajaan kepada kedua-dua agensi ini cukup tinggi sekali. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, semasa pembentangan bajet yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memberikan banyak insentif pengurangan cukai kepada beberapa sektor bukan sahaja untuk persendirian, bahkan untuk korporat. Jadi saya hendak tanya, kalau sasaran kita begitu tinggi, harapan kita supaya mereka dapat mengutip begitu banyak. Akan tetapi dalam masa kita yang

sama, kita berikan pula insentif dalam pengurangan cukai, sama ada kita berjaya dan berkeupayaan untuk mencapai seperti yang kita sasarkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Apabila kita memberikan insentif...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Bukit Gantang, sama?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tak, lain-lain.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Lain-lain kemudian. Sabar ya. Apabila kita memberikan insentif kepada syarikat dan juga kepada individu, syarikat itu akan lebih berdaya saing kemudiannya dan kita boleh mengutip cukai hasil daripada keuntungan selanjutnya. Akan tetapi ingin saya maklumkan di sini bahawa dengan GST, kita boleh menutup segala lubang pengurangan hasil yang berlaku sebelum ini. Apa yang dipanggil sebagai *the black economy* dalam sebuah negara membangun macam Malaysia ini sehingga 30% tetapi negara-negara maju yang sudah GST, *the black economy* ini yang lari cukai, yang tipu cukai dan perkara-perkara yang seumpamanya itu dalam negara-negara yang telah melaksanakan GST dan negara-negara maju, sebanyak 31 daripada 32 telah laksana GST.

Sebanyak 160 negara keseluruhan, 90% daripada rakyat dalam dunia ini berada dalam negara yang melaksanakan GST, cuma 10% sahaja lagi rakyat dalam dunia yang berbilion-bilion orang ini, yang tidak melaksanakan, merasakan GST. Di negara-negara itu, *the black economy* ini kurang 10% hingga 15%. Jadi, penjimatan ataupun ketiadaan *the black economy* 15% hasil daripada GST itu akan menambahkan kutipan kastam. Jadi, kita dapatkan dengan kaedah begitu pula. Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berkenaan dengan syarikat ataupun yang kerajaan ambil untuk takaful ataupun untuk insurans ini, itu satu. Apakah nama syarikat yang kerajaan telah beli? Keduanya ialah walaupun mungkin ini adalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ini satu-satunya Kerajaan BN buat tetapi walau bagaimanapun ini permulaan yang baik, yang dibuat oleh Kerajaan Kelantan dahulu iaitu dengan Skim *Kifaalah* walaupun taklah banyak mana, sebanyak RM2,500. Itu kerajaan negeri yang... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Okey, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Sebelum itu, Yang Berhormat Sibu, ada dah maklumat tambahan yang saya peroleh. Kos pembangunan sistem pengkomputeran mengenai GST ini melibatkan kos sebanyak RM98.8 juta. Itu satu jawapan untuk Yang Berhormat Sibu. Belum lagi ditetapkan ya Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita belum tetapkan siapakah yang akan diberikan syarikat insurans itu. Kita dalam proses, mungkin pastinya adalah konsortium, satu konsortium syarikat-syarikat insurans sebagaimana bank yang mengendalikan BR1M sebelum ini. Ada 10 buah bank. Satu konsortium 10 bank, kita tidak berikan hanya pada satu-satu bank.

■2130

Begitu juga kita tidak akan memberikan hanya kepada satu-satu syarikat insurans. Itu pastinya. Perkara ini masih sedang diteliti. Sebelum itu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiga bangun Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kifalah.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kelantan sebenarnya yang telah memulakan FELDA terlebih dahulu. FELDA telah memulakan terlebih dahulu khairat kematian dan insurans ini dan FELDA RM10,000 kalau meninggal dunia. Kita tidak kisah sangatlah siapa dulu, siapa yang penting kita adakan RM30,000 untuk kematian ini satu angka yang besar. Ya silakan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, soal ekonomi.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Nanti kejap. Saya masih lagi...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya minta maaf. Saya kira Yang Berhormat Putatan bangun dulu. Sila Yang Berhormat Putatan dulu. Putatan, selepas itu kita beralih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oleh sebab saya hendak...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, jawapan yang hebat dan juga menjawab soalan saya nombor 27 pada 12 November, soal *black economy* ini. Akan tetapi dalam jawapan ini Yang Berhormat Menteri, kes-kes yang ditangkap sahaja. Saya hendak tahu anggaran kehilangan duit kita akibat *black economy* ini tidak terjawab di sini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu ramalan ataupun anggaran yang hilang tidak terkesan dalam *black economy* ini. Jawapan ini yang dikesan sahaja, kes-kes yang ditangkap. Bagaimana pula kes-kes yang tidak dapat dikesan? Bagaimanakah pihak kementerian untuk mengatasi ataupun pendekatan yang lebih berkesan untuk menangani kes-kes walaupun ada mengkonfrontasikan pihak kastam ini? Akan tetapi banyak lagi agensi-agensi kerajaan yang mungkin kita dapat melihat kepada kebocoran dan ketirisan dalam beberapa masalah dari segi pentadbiran dan pengurusan kewangan negara kita.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya pernah bertanyakan soalan yang sama Yang Berhormat Putatan ketika saya melawat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mereka memberikan anggaran kepada saya RM8 bilion hingga RM10 bilion nilai angka *black economy* itu. Itu adalah satu angka yang amat besar. Itu anggaran. Jadi itu jawapan untuk Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Parit Buntar...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Saya ada dua isu yang hendak di respons. Pertama isu GST. Di sebalik perbincangan kita yang panjang lebar tentang sikap Pakatan Rakyat terhadap GST tetapi kita jangan lupa konsep GST itu pada waktu yang sama untuk mengelakkan segala bentuk lari daripada cukai. Akan tetapi GST itu juga kita jangan lupa konsepnya ialah memberikan lagi kebertanggungjawaban kepada rakyat yang membayar cukai kepada kerajaan. Dalam konteks ini saya harap pelaksanaan itu mesti selari dengan konsep demokrasi kerana rakyat akan minta dia bayar setiap sesuatu yang dibeli, maka dia mengharapkan kerajaan itu lebih telus, kerajaan itu lebih terbuka. Itu satu hubungan GST dengan demokrasi.

Kedua, isu subsidi. Kalau kita dapat menjimatkan RM1 bilion dengan menarik subsidi minyak petrol contohnya tetapi itu masih belum menyelesaikan lagi konsep subsidi yang sebenarnya iaitu subsidi adalah satu mekanisme untuk membela mereka yang memerlukan bantuan. Saya ulang beberapa kali subsidi petrol yang kita pakai hari ini, ia bukan untuk membela orang miskin tetapi orang yang sudah ada kemampuan pun mendapat subsidi dan itu bertentangan dengan konsep subsidi itu sendiri.

Jadi minta Yang Berhormat Menteri supaya *shift* atau alihkan konsep subsidi ini kepada subsidi yang betul-betul sampai kepada sasaran supaya tidak berlaku pembaziran dari sudut subsidi yang bersifat terlalu umum. Pada waktu yang sama subsidi ini juga perlu difikirkan untuk kita kurangkan atau hapuskan subsidi kepada IPP kerana ini akan membazirkan keperluan subsidi yang sepatutnya pergi kepada rakyat yang memerlukan. Itu saya punya cadangan untuk kita memikirkan subsidi dalam pakej yang lebih luas lagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Di antara perkara – sebentar ya. Antara perkara utama kebaikan GST ini ialah ia boleh mengurangkan kos perniagaan. Maksudnya di bawah cukai yang lama iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Peniaga tidak dapat menuntut sepenuhnya cukai yang dibayar ke atas input-input perniagaan. Itu yang berlaku pada kadar cukai sekarang ini. Cukai jualan, cukai perkhidmatan (CJCP) dibandingkan dengan cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) atau dalam bahas Inggeris GST. Akan tetapi dengan GST peniaga mendapat manfaat kerana dapat mendapatkan semula cukai input yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Batu tadi mengenai saya sudah jawab, dalam masa 14 hari kalau *online* boleh dapat cukai inputnya kembali.



Ini akan mengurangkan kos perniagaan. Apabila kos perniagaan kurang, kita ada belajar *supply and demand*. Penawaran dan juga permintaan. Akhirnya dari segi pengalaman melihat kepada 160 negara itu, pada satu masa barangan akan turun. Pada peringkat permulaannya sahaja akan ada peningkatan antara 1.5% hingga 2.5%, 3%. Akan tetapi itu hanya berlaku sekali tetapi apabila kos perniagaan itu telah dapat diturunkan dengan GST, maka satu masa yang tidak berapa lama selepas 1 April 2015, mengikut pengalaman negara-negara lain, harga barangan akan turun dan ini amat baik untuk negara kita dan juga untuk pengguna.

Mengenai IPP, itu sebenarnya ialah yang diberikan oleh Petronas. Ia melalui akaun Petronas dan daripada hasil itu kita mendapat harga tarif elektrik yang rendah. Ini juga ada melibatkan kos hidup dan juga melibatkan kod kepada perniagaan. Okey, subsidi memang telah kita maklumkan bahawa subsidi...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebentar. Subsidi kita telah dan akan melaksanakan subsidi yang bersasar, bukan subsidi yang tersasar. Subsidi ini banyak, bukan hanya dari segi barangan yang saya sebut pagi tadi seperti minyak masak, beras hancur 15, tepung, gas memasak dan kita masih ada lagi subsidi untuk petrol dan diesel dalam jumlah yang tertentu.

Akan tetapi subsidi juga diberikan untuk misalnya menanggung PTPTN. Tadi ada dibangkitkan oleh seorang Yang Berhormat. Kos kepada PTPTN sebenarnya pinjaman itu ialah 4% tetapi kita hanya mengenakan caj perkhidmatan 1%. Dengan perkataan lain 3% subsidi diberikan kepada peminjam-peminjam PTPTN dan jumlah ini lebih daripada RM1 bilion dan ia ada dinyatakan dalam laporan yang ada di hadapan Yang Berhormat mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang dikenakan oleh Kementerian Kewangan. Jadi subsidi ini ada banyak lagi.

Subsidi padi sahaja ada lima jenis. Subsidi benih padi, subsidi baja padi, subsidi racun padi untuk menghalang daripada haiwan-haiwan perosak yang merosakkan padi. Satu lagi ialah subsidi untuk insentif kepada pengeluaran tertentu. Kemudian satu lagi subsidi harga padi, untuk padi sahaja ada lima jenis subsidi yang berlainan. Jadi ada banyak. Buku teks juga adalah subsidi kerana kita tidak perlu membeli buku teks. Siapa dan tidak kira berapa pendapatan ibu dan bapa, buku teks adalah percuma semuanya.

Satu lagi subsidi yang biasa kita dengar ialah untuk nelayan. Itu RM200 seorang nelayan setiap bulan RM2,400 setahun diberi kepada nelayan. Orang lain cuma BR1M tetapi nelayan RM200 campur BR1M. Ini bantuan untuk nelayan. Nelayan itu daripada RM2,400, RM100 kita potong untuk insurans dan insurans nelayan ini besar. Kalau mati di laut ketika mencari ikan, dapat RM100,000 untuk keluarga yang ditinggalkan. Kalau mati di darat kerana kemalangan, bukan *natural death*, kerana kemalangan mendapat RM50,000 untuk nelayan. Pada ketika yang sama nelayan juga dapat insurans BR1M. Okey Yang Berhormat Kuala Krai.

■2140

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Menteri sudah masuk ke subsidi tapi saya hendak patah balik sedikit tentang GST

tadi. Salah satu perkara *fundamental* dalam GST ini seperti yang diamalkan oleh negara-negara lain seperti Australia, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, mengenakan logik. Contohnya, dekat mana makan, dekat situ basuh pinggan ya. Salah satu *fundamental* dalam *consumption tax* macam GST ini ialah *local contribution* ataupun pembahagian kepada kawasan setempat di mana cukai itu dikutip.

Jadi, oleh kerana kita nampaknya tidak boleh hendak menghalang kerajaan tentang subsidi ini, saya hendak bertanya adakah kerajaan mahu menimbangkan bahawa sebahagian daripada kutipan ini untuk *fundamental consumption tax* ini diserahkan kepada pihak negeri-negeri di mana berlakunya transaksi ataupun *consumption* tersebut? Itu soalan saya.

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh sekali, GST?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, silakan.

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebenarnya, saya pun hendak patah balik jauh sebab GST sudah jauh. Akan tetapi untuk GST ini saya ingin tahu, apakah rancangan kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil ini, yang jual tom yam, kedai runcit ini. Ada banyak lagi, *cashier* pun tidak ada. Hendak lapor GST, hendak buat pelbagai. Ia akan menyebabkan kos dan kita ingin tahu persediaan kerajaan terhadap mereka. Perdana Menteri sebut kata belacan tidak ada, sambal tidak ada. Tidak tahulah air nira kena atau tidak GST. Akan tetapi benda-benda seperti buku teks. Adakah kerajaan merancang untuk benda-benda, bahan yang sangat asas ini macam buku teks, dikecualikan GST. Itu dua perkara.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Sikit lagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, pertama perkhidmatan pendidikan dikecualikan. Pengangkutan awam, dikecualikan. Perkhidmatan kesihatan, dikecualikan. Jual beli tanah pertanian, dikecualikan. Pembelian sewaan rumah kediaman, dikecuali. Makanan asas - beras, tepung, gula, minyak masak dan lain-lain, dikecualikan dan kita ada *threshold* Yang Berhormat Batu, RM500 ribu *threshold*nya. Jadi, kalau kedai-kedai kecil itu tidak adalah. Ia tidak dikenakan. Kemudian negeri-negeri. Yang Berhormat Kuala Krai, kita tidak bercadang untuk memberikan kepada negeri-negeri. Kita bagi Kastam cukuplah dan setiap negeri ada Kastam. Apa juga pulangan nanti kita bagi kembali kepada negeri-negeri, apa yang wajib dibayar kepada negeri kita kembali pada negeri.

Sebagaimana Yang Berhormat Tanjong tadi tanya mengenai GST di sebuah restoran. Dia kata 10% cukai perkhidmatan. Itu tidak betul. Itu 10% cukai jualan. Jadi, restoran itu silap. Saya hendak tahu restoran mana dan disebut 6% cukai kerajaan. Mana ada istilah cukai kerajaan. 6% ialah cukai perkhidmatan. 10% cukai jualan. Dengan ada GST  $10\%+6\%=16\%$  ini tidak ada lagi sudah. Dia cuma 6% sahaja. Restoran lima bintang ke, restoran apa ya, dia hanya boleh mengenakan 6%. Tidak boleh mengenakan 16% sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong. Tindakan perlu diambil tentang perkara ini dan saya harap Yang Berhormat Tanjong memberikan maklumat lanjut kepada saya untuk kita serbu restoran yang berkaitan dengan kadar yang segera.

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, ada maklumat tentang GST ini. Saya pernah dedahkan Pasar Borong Kuala Lumpur, *parking* dia, dia *charge* dengan singkatan GST. *So*, itulah sebab saya bawa. Akan tetapi ada yang jawab, kata itu *government sales tax*. Saya ingin tahu sama ada ini dibenarkan atau tidak dalam *parking* untuk *imposekan government sales tax* dengan istilah menggunakan singkatan GST. Dia tidak pakai *sales tax*.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu tidak boleh sebenarnya ya, itu tidak boleh. Kita ada pegawai-pegawai yang mencatat ini, kita akan *check* betul-betul dan kita ambil tindakan. GST ini 1 April 2015. Tidak boleh hendak dilaksanakan GST sebelum itu dan kita cuma ada istilah *sales tax* atau *service tax*. Cukai jualan atau cukai perkhidmatan. Tidak ada istilah cukai kerajaan. Itu sajalah untuk yang dikutip Kastamlah itu ya dan kutipan itu kita pulangkan kembali kepada rakyat. Jadi, ini satu lagi penyelewangan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ringkas saja Yang Berhormat Menteri, hendak tanya sikit, ringkas.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak tanya, berapa kerajaan akan belanja untuk *implement* GST dan berapa satu tahun anggaran kerajaan akan dapat, tambahan daripada GST, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pada peringkat permulaan dilaksanakan, kita tidak akan mendapat tambahan yang banyak. Anggaran yang diberikan kepada saya lebih kurang RM6 bilion tambahan daripada *tax* yang sebelumnya itu iaitu CJCP ataupun cukai jualan, cukai perkhidmatan. Yang dimaklum kepada saya setakat ini, apabila kita laksana GST, setelah kita tolak segala perkara-perkara. Kita tolak BR1M pada tahun itu, ada tambahan RM300 - BR1M khas *one-off*. Kalau pada tahun 2015, dalam Bajet 2014 kita mengumumkan, katalah kita umum baru ini RM650+RM50. Katalah pada ketika itu kita umum RM750+RM50, mungkin RM800. Ada lagi satu tambahan iaitu RM300 *one-off* BR1M ini, nilainya banyak juga. Ditolak segalanya itu, ditolak segala kos, mungkin penambahan yang kita dapat sekadar RM6 bilion pada tahun yang pertama. Akan tetapi ia akan beransur bertambah pada tahun-tahun yang berikutnya. Itu dari segi kutipan.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** [Bangun]

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** [Bangun]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Menteri. Kalau kita-maksudnya, apakah yang kerajaan dapat, tidak kira BR1M ke *one-off* BR1M. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat pun bangun Yang Berhormat.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri. Seperkara Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kanowit.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Saya kembali kepada insurans ini Yang Berhormat Menteri. Saya sangat setuju dengan insurans yang di bawah BR1M ini dan nelayan. Akan tetapi insurans ini saya melihat cuma kepada *life insurance*, kalau mati baru dapat, satu.

Kedua, adakah kementerian dapat memastikan bahawa ke semua keluarga ataupun *household* yang layak di bawah BR1M ini akan mendapat insurans ini. *I think the process would be a bit* banyak lagilah. Kedua, soalan saya kalau dulu saya ingat dalam tahun 2009 kita telah berbincang dengan hal dasar untuk *health* insurans. Oleh sebab masa itu kita melihat kurang daripada 30% rakyat kita di Malaysia ini sudah membeli *health insurance*. Akan tetapi soalan saya, adakah BR1M ini juga, insurans yang di bawah BR1M ini termasuk *health insurance*. Kalau sudah sakit, pergi ke hospital, dapat rawatan di *private-private clinic, private hospital*. Di sana bayaran lebih mahal lagi. Jadi, ini soalan saya Yang Berhormat Menteri, sebab sekarang ini saya lihat *health insurance* ini belum ramai daripada *population* kita telah membeli atau mendapat insurans ini. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Menteri, tambahan sikit untuk pengesahan, boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya. Sila Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Tadi dibangkitkan- saya bertanya mengenai Subsidi Faedah Imbuhan Tabung Pinjaman dan Menteri sudah ada menjawab fasal PTPTN sikit. Adakah itu termasuk dalam subsidi dan apakah tabung-tabung lain mengenai faedah subsidi tadi. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, itu juga jawapan untuk Yang Berhormat Hulu Langat sebenarnya, yang RM1 bilion lebih yang disebut dari segi PTPTN. Yang Berhormat Kanowit, saya ingin memaklumkan bahawa insurans itu hanya dua iaitu insurans meninggal dunia dan kecacatan kekal. Hanya dua. Tidak termasuk insurans untuk kesihatan dan satu lagi satu keluarga, seorang sajalah. Ketua isi rumahnya sahaja yang layak. Apabila mati dalam tahun itulah. Mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014.

#### ■2150

Jadi mudah-mudahan dipanjangkan umur jika ditakdirkan mati pada tahun itu baru dapat. Jadi sabar dahulu walaupun kita mendoakan panjang umur semuanya dan ...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Menteri, boleh minta penjelasan sedikit? Pada pengalaman yang saya tahu BR1M yang lalu ada banyak keluarga *husband* dia memohon BR1M, isterinya pun memohon BR1M dan kedua-dua mendapat BR1M itu. Jadi kalau keadaan ini masih berlaku pada BR1M yang akan datang, adakah bermaksud kementerian juga akan membayar kedua-dua insurans itu *husband and wife*.

Kalau Yang Berhormat Menteri bayar untuk kedua-dua itu, bila ada kemalangan berlaku salah seorang daripada mereka meninggal dunia bila *company* insurans itu *dicheck* dan didapati hanya satu sahaja boleh dapat insurans itu. Jadi adakah ini merupakan satu pembaziran kerana kementerian bayar kedua-dua mereka itu. Sepatutnya bayar satu sahaja sudah cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, sebenarnya seorang sahaja yang boleh dapat. Cuma di dalam rumah itu jika ada dua tiga keluarga dan ada dua atau tiga ketua isi rumah di dalam sebuah rumah itu boleh mendapat tiga orang yang mendapat BR1M. Kadang-kadang rumah besar,

anak ada dua orang yang berkahwin tetapi belum ada rumah maka menumpang dahulu di rumah mak ayah. Jadi kalau ada dua keluarga di situ campur keluarga asal sudah tiga orang akan mendapat BR1M di rumah itu.

Mungkin ini agaknya yang disebut oleh Yang Berhormat Sibul tetapi saya ingin memaklumkan ada lebih kurang warga emas ini jumlahnya banyak 1.6 juta orang warga emas. Mereka ini mungkin sudah tidak ada anak isteri. Mereka kumpulan yang khas 1.6 juta orang ini akan mendapat juga insurans ini. Ini suatu berita yang baik untuk warga emas. Jika ada kes-kes tertentu suami dan isteri dapat tolong segera lapor kepada kita dan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang mengendalikan BR1M ini di setiap negeri.

Saya difahamkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri hasil daripada lawatan saya ke pejabat mereka, dia kata sebelum ini Lembaga Hasil Dalam Negeri ini pejabat kosong tidak ada orang, tidak ada siapa sudi datang ke Lembaga Hasil Dalam Negeri hendak bayar cukai atau apa-apa jarang sekali tetapi apabila mereka mengendalikan BR1M begitu sekali rakyat datang untuk memberikan maklumat, memohon dan mengisi borang. Mereka sentiasa *updated*, memperbaiki segala data-data itu. Itu sebab angka BR1M itu boleh berubah apabila kita dapati ada maklumat-maklumat yang bertindih, ada maklumat yang tidak betul kita sentiasa perbaiki dan jika ada kes-kes tertentu Yang Berhormat Sibul tahu tolong beritahu dan kita akan potong satu nama daripada keluarga itu. Okey, saya ingin meneruskan jawapan atau ada lagi hendak bertanya?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat ini soalan barulah. Saya harap boleh mendapat jawapan daripada Yang Berhormat. Dalam situasi sekarang negara kita mengadakan GST kerana kita hendak menjimatkan duit negara supaya kita boleh berikan kepada rakyat untuk membahagiakan kehidupan mereka.

Jadi apakah kriteria-kriteria Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa tiadanya penyelewengan ataupun penyalahgunaan wang di kalangan GLC-GLC yang dikendalikan oleh kerajaan seperti contoh GLC yang membabitkan CDRM di mana saya difahamkan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa jumlah USD50 million telah digunakan untuk membeli Amerika Syarikat iaitu Columbia Aircraft Manufacturing Corporations dan selepas itu dijual pada tahun 2007 dalam harga RM26.4 million walaupun alasan itu diberikan bahawa ini membolehkan *technology transfer* membeli syarikat Amerika itu, saya faham.

Jawapan yang saya dapati juga bahawa *because of that* kerana *technology transfer* itu CDM telah berjaya memperoleh kontrak membuat panel komposit yang berjumlah kira-kira RM6 bilion daripada syarikat multinasional aero angkasa bertaraf dunia seperti Airbus, Boeing, Utas dan Aerospace. Memang banyak kontrak itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Janganlah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah tahu soalan baru tidak boleh Yang Berhormat baca juga soalan baru.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jadi soalan saya kenapakah Syarikat CDM ini lepas itu dijual kepada syarikat yang berkaitan dengan Syed Mokhtar dengan harga kurang daripada RM300 million apabila kita pun memperoleh kontrak berjumlah sebanyak RM6 bilion. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Tidak perlu jawab itu Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat. Jauh benar Yang Berhormat pergi. Itu tidak ada dibangkitkan di dalam kepala mana pun, kepala pening tahun 2007 punya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jawapan bertulis pun boleh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, saya ingin meneruskanlah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya ada jawapan yang di hadapan saya ini saya akan cuba bacakan. Tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Titiwangsa bertanya mengenai pemberian khas kepada Wilayah Persekutuan itu.

Pemberian khas ini merupakan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Tujuannya untuk memanfaatkan penduduk di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Perkiraan adalah berdasarkan kepada jumlah penduduk di ketiga-tiga kawasan tersebut bagi tujuan projek-projek pembangunan. Ini kita berikan kepada semua negeri sebenarnya. Satu peruntukan khas kepada semua negeri termasuklah negeri-negeri pembangkang dan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah pemberian wajib yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri.

Kemudian Yang Berhormat Tenom membangkitkan tambahan tadi saya sudah jawab sebahagian Yang Berhormat Tenom mengenai pegawai kontrak dan saya ingin memaklumkan dukacita ingin dinyatakan di sini pegawai kontrak tidak layak untuk mendapat pinjaman perumahan disebabkan pinjaman perumahan adalah pinjaman yang perlu dibayar melalui potongan gaji bagi jangka masa yang panjang. Jadi bayaran balik pinjaman bagi pegawai kontrak adalah satu lagi sebabnya adalah tidak terjamin.

Oleh sebab itu pegawai kontrak kita tidak beri pinjaman perumahan tetapi pegawai kontrak mereka dapat KWSP dan ini ada cadangan-cadangan supaya pegawai kontrak ditetapkan. Kita akan melihat cadangan-cadangan itu dan mengikut keupayaan kewangan dari semasa ke semasa.

IWK Yang Berhormat Titiwangsa bertanya, adakah RM200 juta itu untuk tampung kerugian Jawabannya ialah bantuan ini untuk menampung kos defisit operasi, kos operasi loji bagi tahun 2013 dianggarkan RM824.4 juta dan tahun 2014 dianggarkan meningkat kepada RM909.5 juta kos operasi loji. IWK juga telah mula memberikan iklan-iklan di pawagam, iklan di TV supaya pengguna membayar caj IWK. Kalau tidak dibayar maka sukar untuk kita menanggung defisit operasi yang ada pada IWK.

Kemudian ini mengenai keseluruhan subsidi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat juga. Saya ingin memaklumkan subsidi untuk RON-95 diesel dan LPG bagi tahun 2014 dianggarkan berjumlah RM16.94 bilion. RON-95, RM8.47 bilion. 50% daripada subsidi petroleum

itu untuk RON-95. 40% daripada subsidi petroleum itu untuk diesel dan jumlahnya RM6.77 bilion. 10% daripada subsidi petroleum itu adalah untuk LPG berjumlah RM1.7 bilion. Apabila kita melihat butiran yang dinyatakan dalam buku bajet ini kita mendapati subsidi petroleum dan pemberian tunai berjumlah RM5.4 bilion dan di sekalian RM5.4 bilion itu campur RM16.94 bilion. Jumlahnya ialah RM22.34 bilion.

■2200

Ini ada dinyatakan dalam butiran. Pemberian tunai RM5.4 bilion itu pecah kepada tiga iaitu: BR1M RM4.5 bilion; bantuan untuk anak-anak sekolah RM100 kepada 5.4 juta pelajar sekolah, bererti kali 100 sama dengan RM540 juta; dan baucar buku untuk anak-anak Tingkatan Enam dan juga IPTA/IPTS RM250 atau jumlahnya RM325 juta menjadikan pemberian tunai RM5.4 bilion campur RM16.94 bilion menjadi RM22.34 bilion.

Apa lagi yang saya hendak nyatakan di sini? Ada juga mengenai BERNAS.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, BERNAS.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tidak apalah, BERNAS. Saya ada jawapan walaupun tadi saya telah nyatakan bangkitkan semula di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tapi saya hendak membaca di sini apa yang telah disediakan oleh beberapa orang pegawai. *Delisting* BERNAS daripada bursa saham.

*Delisting exercise* oleh BERNAS dilaksanakan mengikut *listing requirements* yang digariskan oleh Bursa Malaysia dan *Malaysian Code on Takeovers and Mergers 2010* dengan izin yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Walau bagaimanapun, *delisting* BERNAS tidak akan memberi kesan ke atas mandat kerajaan kepada BERNAS berkaitan obligasi sosial dan kepentingan kepada rakyat khususnya golongan petani. Ini kerana BERNAS masih terikat dengan perjanjian dengan kerajaan. Ini jawapan yang diberikan kepada saya dan ini juga jawapan yang kita hendak berikan kepada Ketua Pembangkang yang tengah hari tadi menimbulkan mengenai BERNAS.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Soalan saya sedikit berbeza ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang saya bangkitkan ialah sama ada Kementerian Kewangan melalui pegangan *golden share* itu kalau sekiranya didapati *delisting* ini akan menggugat kepentingan petani, akan menggugat kedudukan *food security* atau kepentingan awam dari segi penguasaan kerajaan terhadap syarikat yang mempunyai kepentingan strategi ini, sama ada kementerian akan menggunakan *golden share* ini untuk menghalang *delisting* ini?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita ada perjanjian Yang Berhormat Batu dan segala perjanjian itu dengan *golden share* yang kita ada itu kita akan – tidak payah dapat nasihat Yang Berhormat Batu pun kita akan laksanakan untuk kepentingan rakyat dan petani khasnya. Apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi kita ambil perhatian.

Satu lagi ialah Yang Berhormat Tanjong. Ini saya sudah jawab. Kemudian, PTPTN tadi sudah jawab. CSR 1MDB ada lagi maklumat-maklumat tapi kebanyakannya saya telah jawab tadi secara ringkas. Kastam, sudah jawab.

AMLATFA. Tadi ada disebut tentang yang RM200 juta tadi, tidak betul sebenarnya. Paling tinggi denda yang dikenakan ialah RM5 juta tapi kita ada AMLATFA untuk *Anti Money Laundering* ini. Apakah AMLATFA? AMLATFA ialah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan kita telah melaksanakan AMLATFA ini. Semenjak penubuhan, pasukan petugas khas telah berjaya membantu pihak Lembaga Hasil dan Jabatan Kastam melalui operasi-operasi yang dijalankan dengan mengutip sejumlah RM422.46 juta setakat 30 Ogos 2013. Ini hasil daripada pasukan petugas khas bagi mencegah akta *Money Laundering Act*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang berkaitan dengan ini. Yang berkaitan dengan AMLATFA.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya dengar dengan tekun tadi tentang penyeludupan wang dan kita telah pun dimaklumkan tadi RM8 bilion hingga RM10 bilion telah hilang sebab ekonomi gelap ini. Tadi saya tidak dapat jawapan yang tegas dari kementerian iaitu kenapa yang didenda adalah pengurup wang tapi orang yang menghantar ini tidak diambil tindakan? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menghalang individu-individu ini yang mengancam keselamatan kewangan negara ini? Kalau kita anggap AMLATFA boleh ambil tindakan kepada anasir-anasir keganasan tapi kenapa tokoh-tokoh yang menggunakan perkhidmatan pengurup wang untuk hantar wang tidak melalui Bank Negara ini dilepaskan begitu sahaja?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Batu, AMLATFA ada kaedahnya dan kita telah menahan syarikat pengurup wang itu atas akta yang berkaitan. Untuk menyiasat orang yang menggunakan itu, itu SPRM. SPRM telah menyiasat dan tidak ada sebarang perkara-perkara yang diragui mengenai perkara yang berkaitan. Jadi itu setakat ini yang saya boleh maklum kepada Yang Berhormat tentang perkara itu

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, bagaimana ini boleh berlaku?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Dua akta yang berbeza ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedikit.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini butiran mana ini? Boleh bagi tahu saya kepala mana?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Butiran yang itu tadi saya sebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, perkara yang dibangkit Yang Berhormat sudah habis, boleh duduk. Sudah habis yang dibangkit Yang Berhormat?



**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sebab, saya keliru ya. Kalau pengurup wang ini bersalah kita tarik balik lesennya tapi individu-individu yang menggunakan perkhidmatan itu tidak bersalah. Bagaimana ini boleh berlaku? So, itulah sebabnya dan pada saya mungkin ada kelemahan undang-undang. Itu sudah lepaslah. Tetapi saya ingin tahu apakah pendirian dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengelakkan individu-individu ini untuk terus melakukan kesalahan?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, walaupun tidak ada dalam butiran dan sudah menjawab tadi, jadi saya tidak perlu mengulang jawapan. Kesnya kes dua yang berbeza. Satu di bawah AMLATFA, satu lagi di bawah akta SPRM. Kita serah kepada SPRM untuk melaksanakan tugas mereka.

Yang akhir Tuan Pengerusi, banyak disebut tentang harga gula. Tadi saya diminta oleh rakan saya untuk memberikan maklumat tentang harga gula ini. Ada menyatakan kenapa harga gula Malaysia mahal dibandingkan dengan negara lain. Data yang ada pada tangan saya sekarang ini, Malaysia harga gula sekilogram RM2.84; Singapura, RM3.77; Indonesia, RM3.83; dan Filipina, RM4.52. Yang murah daripada kita hanya Thailand iaitu RM2.30 dan saya dimaklum bahawa Thailand adalah negara kedua pengeksport gula terbesar dalam dunia. Itu sebab dia boleh RM2.30. Jadi kemungkinan lepas ini gula-gula Thailand akan diseludup ke Malaysia. Agaknyalah.

Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi yang ingin saya nyatakan dalam penggulungan ini. Terima kasih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,266,545,000 untuk Maksud B.10; RM34,574,370,000 untuk Maksud B.11 dan RM2,916,949,000 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,266,545,000 untuk Maksud B.10; RM34,574,370,000 untuk Maksud B.11 dan RM2,916,949,000 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,360,993,300 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,360,993,300 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

**Maksud B.13 [Jadual] –  
Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [Bangun]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada lagi? Yang Berhormat Kapar.

**10.09 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya ringkas sahaja. Ini berkenaan dengan Butiran 120000 mengenai Pejabat Perwakilan Luar Negeri. Soalan saya ada kena-mengena dengan pelantikan bekas Ahli Parlimen Bayan Baru iaitu Dato' Seri Zahrain mewakili Duta Besar ke Indonesia.

**■2210**

Apakah rasional di sebalik pelantikan beliau? Berapakah gaji dan *allowance* beliau sebagai duta khas dan adakah tempoh perkhidmatan diberikan? Maksud saya dari bila sampai ke bila, adakah pengehadan masa diletakkan? Pada pendapat saya, pelantikan beliau adalah lebih kepada isu politik, pengorbanan beliau lompat dari satu barisan Pakatan Rakyat ke sebelah pihak pentadbiran. Maka, adakah ini berlandaskan ganjaran politik dan bukannya dari sudut kemahiran dan kepakaran beliau. Saya memerlukan jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tumpat.

**10.11 mlm.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mulakan dengan memberi ulasan kepada Yang Berhormat Kapar, walaupun kita mendengar berita bahawa bekas Yang Berhormat Bayan Baru itu akan atau pun telah dilantik menjadi duta, tetapi entah bagaimana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah lantik pun. Sudah lantik Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Sudah? Sudah lantik?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Satu perkembangan yang baru yang saya anggap – Tuan Pengerusi, oleh itu saya akan teruskan dengan pandangan-pandangan saya berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri iaitu merujuk kepada Butiran 020000 dan 030400 iaitu Hubungan Dua Hala dan juga hubungan pelbagai hala khususnya Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala.

Saya ingin mulakan Tuan Pengerusi dengan merujuk kepada hubungan dua hala. Khususnya saya ingin merujuk kepada pendirian kementerian berkaitan dengan negara

Bangladesh. Isu ini telah kami bangkitkan dalam sidang yang lalu berkaitan dengan Bangladesh. Kerajaan ketika itu nampaknya bersungguh-sungguh mempertahankan dasar Kerajaan Bangladesh untuk mewujudkan suatu mahkamah khas untuk membicarakan orang-orang yang kononnya telah melakukan jenayah-jenayah dalam tahun 1971 lagi. Ketika itu pihak Wisma Putera, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ada hujah-hujah, bukti-bukti yang jelas yang meyakinkan Wisma Putra bahawa tidak ada penyelewengan dan mahkamah itu menurut lunas-lunas, undang-undang yang betul.

Saya telah membaca dan akhir-akhir ini kita mendapati bahawa lebih banyak, lebih ramai tokoh-tokoh antarabangsa menyoal tentang kewibawaan dan keadilan yang datang daripada mahkamah khas ini. Khususnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada tulisan surat terbuka oleh pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh politik dan tokoh-tokoh hak asasi antarabangsa, seluruh dunia khususnya kalau mengikut laporan ini dengan izin, Members of the House of Lords of United Kingdom yang diketuai oleh seorang yang bernama Lord Carlile telah menulis surat terbuka yang juga ditandatangani oleh tokoh-tokoh seperti mengikut maklumat ini, Former UN Prosecutor for UN sponsored Sierra Leone Tribunal, Former Prosecutor at International Criminal Tribunal for Former Yugoslavia, Chair of Bar of Human Right Community of England and Wales, Former Vice President of the Court of Appeal in England and Wales, mereka telah menulis surat kepada Menteri Luar, Foreign Secretary United Kingdom mengatakan bahawa apa yang telah dan sedang berlaku di Bangladesh hari ini adalah menyalahi prinsip-prinsip perundangan yang biasa. Bahasa-bahasa yang digunakan adalah sangat berat sekali yang mengatakan bahawa misalnya, keputusan yang dibuat oleh Hakim di mahkamah ini yang terkini adalah disyaki ditulis oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Kerajaan Bangladesh yang ada hari ini.

Jadi saya ingin mengetahui, tambah-tambah lagi saya dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan rombongan beliau yang juga disertai oleh Yang Berhormat Menteri Luar sekarang ini berada di Bangladesh untuk urusan-urusan yang sudah tentu saya yakin membawa kepentingan kepada negara kita. Akan tetapi dalam pada itu, dalam negara-negara lain juga apabila kepentingan-kepentingan ini bercanggah dengan prinsip-prinsip *human rights*, keadilan dan sebagainya, kerajaan mesti membuat suatu keputusan yang berprinsip. Saya harap Wisma Putra tidak mengecewakan rakyat Malaysia yang inginkan keputusan dan pendirian yang berprinsip khususnya berkaitan dengan Bangladesh ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon pencilahan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini berpakat ke ini? Selalu bangun sama-sama.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan, saya hendak mencelah. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Tumpat, apa sebenarnya isyarat yang hendak disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita? Ada dua kes di sini. Satu ialah kunjungan beliau ke mesyuarat pimpinan CHOGM di Sri Lanka dan seterusnya melanjutkan perjalanan ke Daka untuk mengunjungi Bangladesh. Bangladesh

dalam isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Tumpat tadi jelas, melakukan tindakan yang di luar batas-batas yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi ada penulisan memorandum yang ditulis oleh pelbagai kumpulan atas perkara yang telah berlaku dalam tahun 70-an. Ada di antara mereka yang telah didakwa di mahkamah khas tersebut atau pun tribunal khas tersebut adalah bekas Menteri. Mereka ini daripada Partai Jamaat-e-Islami Bangladesh telah menjadi Menteri beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi kini sedang menunggu hukuman gantung.

Keduanya, Bangladesh juga merupakan negara yang amat tidak bersimpati dengan apa yang berlaku di negara jiran mereka iaitu Orang Rohingya di Myanmar, Burma. Jadi apa sebenarnya isyarat yang hendak dihantar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kunjungan ke kedua negara ini walaupun mendapat bantahan yang cukup kuat daripada negara kita sendiri. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tentang Rohingya, Myanmar dalam perbahasan kita lalu juga Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba memberi penjelasan, tetapi akhir-akhir ini saya terbaca ada kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar kita yang adalah menegur sedikit Myanmar terhadap apa yang kerajaan tersebut lakukan terhadap rakyat mereka yang mereka anggap sebagai tidak rakyat mereka, sekurang-kurangnya adalah sedikit ulasan yang mengkritik. Akan tetapi, saya nampak kedudukan negara kita amat longgar dan amat tidak memuaskan kita. Jadi saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai di atas soalan- soalan beliau itu.

Keduanya dalam hubungan dua hala juga Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sekali lagi sebagaimana yang dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lain, isu pengintipan terhadap negara kita. saya fikir jelas sekali bahawa Malaysia terhadap isu ini mengeluarkan dan mewujudkan kenyataan yang amat lemah. Negara-negara sahabat-sahabat rapat Amerika Syarikat sendiri seperti Jerman, Brazil, dan Perancis telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang amat tegas, telah mengadakan dan melakukan tindakan-tindakan yang tegas yang menunjukkan bahawa kita tidak boleh diperlakukan sedemikian rupa oleh mana-mana negara sekali pun termasuklah Amerika Syarikat itu. Jadi harapan saya ialah untuk mengetahui adakah kerajaan ingin dan akan mengeluarkan dan mewujudkan pendirian yang lebih tegas terhadap isu ini.

Tambah-tambah lagi hari ini saya baca dalam media antarabangsa bahawa sekurang-kurangnya di Indonesia didedahkan hari ini bahawa pengintip-pengintip *intelligence* daripada Australia pula telah mengintip, telefon-telefon Presiden Indonesia, isteri Presiden Indonesia, bekas Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla dan lebih kurang 10 orang lagi tokoh-tokoh kanan pemerintah di Indonesia. Adakah kerajaan kita ingin menyelidik sama ada kalau ke Indonesia, Australia lakukan demikian pengintipan, adakah Malaysia juga menjadi mangsa pengintipan oleh negara seperti Australia yang disahkan sebagai wakil Amerika Syarikat dalam urusan pertahanan, hubungan antarabangsa termasuk pengintipan untuk negara-negara lain bagi pihak Amerika Syarikat.

Ketiganya Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang isu yang kita bahaskan minggu lepas iaitu berkaitan dengan duta-duta khas. Kita membangkitkan ini dalam penuh semangat untuk menyokong dan membantu peranan Kementerian Luar Negara supaya

peranannya tidak diambil alih oleh bekas-bekas Menteri untuk elaun-elaun lebih daripada pencen-pencen yang agak lumayan yang mereka sudah peroleh.

■2220

Kita ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri, adakah Kementerian Luar Negeri tidak mempunyai pegawai yang cukup di negara China, di negara Amerika Syarikat, di negara India hingganak memerlukan duta-duta khas yang lain pula? Adakah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk memperbesarkan lagi kedutaan-kedutaan kita di negara-negara tersebut supaya mereka-mereka ini ataupun kedutaan-kedutaan ini boleh menjalankan tugas-tugas dengan lebih baik lagi supaya dengan penjimatan yang kita lakukan tanpa menggunakan khidmat bekas-bekas menteri kita ini yang saya yakin Kementerian Luar Negeri dengan pegawai-pegawai kita yang penuh dedikasi ini boleh bekerja dengan – kalau tidak sama baik, lebih baik mungkin daripada pegawai-pegawai yang diberikan elaun khas daripada kalangan bekas-bekas menteri kita ini. Adakah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk melantik dan memperbesarkan kedutaan-kedutaan kita di negara-negara tersebut?

Akhir sekali khususnya Tuan Pengerusi ialah adakah kerajaan, Wisma Putra kita bercadang dalam konteks duta khas ini untuk mewujudkan jawatan duta khas untuk isu Palestin? Ini adalah negara yang kita kononnya menganggap sebagai antara negara yang paling kuat menyokong pewujudan negara Palestin. Akan tetapi setakat ini, negara Palestin teraniaya. Hari ini, Gaza ketiadaan elektrik, Gaza ketiadaan air bersih, Gaza ketiadaan sumber perubatan dan berbagai-bagai lagi masalah yang dihadapi oleh Wilayah Gaza yang dikepung oleh Palestin itu. Adakah Malaysia melalui Wisma Putra ingin membuktikan komitmen kita yang jelas terhadap mempertahankan isu Palestin ini dengan mewujudkan Duta Khas Malaysia untuk kes Palestin? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tuaran. Selepas itu Yang Berhormat Batu. Kemudian Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Tambah pula? Yang Berhormat Tuaran, selepas itu Yang Berhormat Batu dan selepas itu kita timbang semula yang dua lagi ini.

**10.22 mlm.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan bagi maksud Bekalan 13 Kementerian Luar Negeri. Butiran 06000 – Perancangan Dasar. Dalam butiran ini, saya ingin bertanya kepada kerajaan apa sebenarnya status hubungan kita dengan negara Filipina dalam keadaan dua perkara. Pertama, Filipina ini masih lagi meneruskan tuntutan ke atas negeri Sabah. Kedua, selepas kes Tanduo hari itu di mana warga Filipina terlibat secara langsung dalam pencerobohan di negeri Sabah. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian daripada kerajaan tentang kewujudan pelarian Filipina yang masih lagi berada di negeri Sabah yang sudah hampir tiga generasi berada di negeri Sabah.

Dalam Parlimen yang lepas, saya telah bertanya berkali-kali tentang perkara ini dan antaranya bertanya tentang status bilangan yang ada di negeri Sabah. Bilangan pada ketika itu

dinyatakan dokumen yang telah diberikan terhadap warga Filipina yang berstatus pelarian yang ada di negeri Sabah. Dikatakan 57,199 orang lebih kurang begitu. Setelah saya kembali dalam Dewan ini saya telah bertanya satu soalan. Pada 1 Oktober 2013 dan saya telah bertanya tentang apakah – ini saya tanya kepada Perdana Menteri dan saya telah bertanya berapa bilangan pemegang dokumen IMM13 iaitu satu dokumen yang diberikan kepada pelarian ini yang menyatakan bahawa tidak perlu menggunakan pasport antarabangsa tetapi boleh tinggal di Malaysia dalam dokumen ini.

Saya telah diberikan empat senarai pelan tindakan tetapi dalam pelan tindakan ini hanya menceritakan tentang bagaimana orang asing itu dihalang untuk masuk ke negara ini. Itu yang dinyatakan dalam empat pelan tindakan. Bagi pendapat saya, tidak perlu dihalang lagi sebab dia sudah berada di negeri Sabah. Sebenarnya pertanyaan saya ialah apakah pelan tindakan untuk menyelesaikan kedudukan warga Filipina yang berada di negeri Sabah ini yang dulunya dikatakan 57,000 dokumen diberikan. Tidak berapa puas hati dengan jawapan yang diberi oleh Jabatan Perdana Menteri. Pada 31 Oktober pula saya bertanya kepada Menteri Dalam Negeri. Jawapan daripada Menteri Dalam Negeri pada kali ini, bilangannya hampir sama. Sekarang 98,427 orang. Akan tetapi, ditambah pula daripada Kementerian Dalam Negeri ini dikatakan di sini bahawa bilangannya 98,427 orang tetapi bilangan yang masih aktif 60,248 orang.

Pertanyaan saya pertamanya ialah ada yang aktif dan ada yang tidak aktif. Apa ertinya? Apa maksudnya aktif dan apa yang tidak aktif? Kalau bezanya 38,143 pemegang IMM13 yang dikatakan tidak aktif, apa sebenarnya yang dikatakan tidak aktif ini dan di mana mereka yang tidak aktif ini tinggal? Persoalan utama di sini Tuan Pengerusi ialah dari segi dasar luar kita sebab mereka ini adalah warganegara Filipina yang dibenarkan tinggal di negeri Sabah dengan adanya dokumen IMM13 iaitu mereka yang tidak perlu pasport antarabangsa. Dari segi hubungan luar kita dengan Filipina bagaimana? Sampai bilakah IMM13 ini akan diperbaharui? Ini kerana ia diperbaharui setiap tahun. Setiap tahun diperbaharui. Sampai bila? Adakah sampai empat generasi? Sampai lima generasi? Apa yang saya lihat di sini, bilangan dokumen yang dikeluarkan semakin bertambah sedangkan tidak ada pelarian baru yang datang.

Pada masa yang sama, kita juga merasa khawatir dengan pelbagai perkembangan terkini negeri Sabah. Kita sudah ada ESSCOM. Selepas itu ada lagi insiden di Semporna baru-baru ini. Jadi bagaimanakah kita menangani perkara ini dalam ketika di mana kita ada tuntutan daripada negara Filipina terhadap Sabah. Warganya sudah berada di Sabah. Ada yang memegang IMM13 dan ada yang tidak. Itu pertanyaan saya.

Akhir sekali dari segi hubungan kita dengan negara China. Saya difahamkan bahawa oleh kerana lautan di antara Semenanjung Malaysia dengan negeri Sabah ini namanya Laut China Selatan. Oleh kerana ia Laut China Selatan, dia pun sudah mengatakan yang dia punya. Oleh kerana dia punya, jadi dia ada tuntutan dan sebagainya dan negara-negara di sekitar Laut China Selatan ini pun sudah merasa cuak, sudah merasa khawatir. Pertanyaan saya di sini ialah bagaimanakah Malaysia melihat perkara ini? Adakah kita bercadang mahu tukar nama lautan itu? Saya difahamkan di Vietnam sudah mahu tukar nama lautan sebab nama itu dia sudah

mengancam. Dia sudah mengancam. Jadi itu sahaja pertanyaan saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**10.28 mlm.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam Maksud Bekalan 13, saya ada banyak isu yang ingin dibawa terutamanya negara kita seolah-olah hilang taring selepas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Pertama sekali, dalam Maksud 020110 – Bahagian Eropah, Amerika, Afrika dan New Zealand. Saya ingin sekali lagi mendapatkan pendirian kerajaan sebab saya rasa jawapan dari Menteri Luar Negeri terhadap pendedahan ada aktiviti-aktiviti pengintipan di negara ini cukup lembut dan tidak menunjukkan ketegasan kita menentang pencerobohan terhadap kedaulatan negara.

Negara *Germany* telah mengemukakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung esok, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, terima kasih. Kena ulang tadi satu minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambung esok. Cuma esok sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, selepas Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Parit Buntar. Yang Berhormat Parit Buntar hendak bangun, esok? Yang Berhormat Sepang, bukan Yang Berhormat Parit Buntar tetapi Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kota Tinggi. Selepas Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Sepang. Kemudian Yang Berhormat Menteri akan jawab esok .

**Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus satu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 19 November 2013.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam]**